

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**SOALAN B1**

Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menambah bilangan kelas Iqra' Fardhu Ain (IQFA) yang diperkenalkan di tadika-tadika KEMAS di Negeri Johor?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Program Iqra` Dan Fardhu Ain (IQFA) dilaksanakan di TABIKA KEMAS terpilih secara percuma melalui peruntukan Kerajaan Negeri Johor. Dengan pelaksanaan program ini, ia dapat membantu meringankan beban ibu bapa yang menghantar anak-anak ke kelas Fardhu Ain dan kelas mengaji Al-Quran.

Program Iqra` Dan Fardhu Ain (IQFA) merupakan cetusan program yang diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Johor bermula pada tahun 2014 sebagai projek perintis. Pada masa kini, peredaran masa telah mewujudkan cabaran pembelajaran yang semakin kompetitif serta harapan tinggi masyarakat dan ibu bapa yang inginkan anak-anak mereka mendapat asas ilmu dalam Pendidikan Islam.

Hasil daripada perbincangan dan cadangan yang dikemukakan, maka terbitlah idea untuk memperluaskan Program IQFA ini. IQFA adalah merupakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan asas Al-Quran dan asas ilmu Fardhu Ain. Untuk makluman, Program IQFA ini telah dimulakan sejak tahun 2014 dan masih diteruskan lagi sehingga tahun 2025 ini dengan kelulusan peruntukan oleh Kerajaan Negeri Johor (2025) berjumlah **RM1,800,000.00**.

Semenjak tahun 2014 sehingga 2025, bilangan kelas dan jumlah kanak-kanak yang menyertai kelas IQFA ini sentiasa meningkat setiap tahun kerana permintaan yang tinggi daripada ibu bapa. Berikut merupakan perincian bilangan kelas dan kanak-kanak yang terlibat sejak 2014 hingga 2018 dan tahun 2021 hingga 2022 dan sehingga tahun 2025 :-

TAHUN	BIL. KELAS	BIL. KANAK-KANAK
2014	Sasaran : 26 Pencapaian : 26	Sasaran : 600 Pencapaian : 589
2015	Sasaran : 52 Pencapaian : 78	Sasaran : 1,040 Pencapaian : 1,476

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

TAHUN	BIL. KELAS	BIL. KANAK-KANAK
2016	Sasaran : 104 Pencapaian : 156	Sasaran : 2,080 Pencapaian : 3,195
2017	Sasaran : 130 Pencapaian : 194	Sasaran : 3,500 Pencapaian : 3,892
2018	Sasaran : 240 Pencapaian : 240	Sasaran : 4,500 Pencapaian : 4,532
2021	Sasaran : 300 Pencapaian : 300	Sasaran : 4500 Pencapaian 5500
2022	Sasaran : 300 Pencapaian : 300	Sasaran : 4500 Pencapaian : 6000
2023	Sasaran : 300 Pencapaian : 500	Sasaran : 10,000 Pencapaian : 10,000
2024	Sasaran : 550	Sasaran : 10,000 Pencapaian : 10,500
2025	Sasaran : 621	Sasaran : 12,420

Program IQFA ini telah terhenti pelaksanaannya pada tahun 2019 dan tahun 2020. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskan semula Program IQFA ini pada tahun 2021 dan 2022. KEMAS Negeri Johor sekali lagi mengambil inisiatif yang sama untuk meneruskannya pada tahun 2025 ini.

Selain itu, di atas usaha dan inisiatif yang berterusan, KEMAS Negeri Johor juga telah membuat perluasan pelaksanaan program IQFA kepada 250 kelas TABIKA yang diajar oleh Pendidik Masyarakat TABIKA yang telah diberi Latihan dan kursus Lengkap berkaitan Modul IQFA. Perluasan Program ini melibatkan 250 Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS pada tahun 2023 hingga tahun 2025.

Sehubungan itu, secara keseluruhannya pihak Kerajaan Negeri Johor dan KEMAS Negeri Johor sentiasa berusaha agar Program IQFA ini diperluaskan bagi mencapai objektif dengan memberikan pengetahuan agama seawal usia kepada anak-anak yang belajar di TABIKA KEMAS, khususnya melibatkan kanak-kanak luar bandar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN B2

Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membangunkan Pantai Rambah dan Pantai Teluk Kerang sebagai kawasan pelancongan dan rekreasi memandangkan DUN Kukup kekurangan tempat riadah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk membangunkan sesebuah kawasan itu sebagai kawasan pelancongan atau rekreasi. Membangunkan sesebuah kawasan itu perlu dilaksanakan secara berperingkat dimana satu kajian perlu dibuat dan satu kertas kerja perancangan yang terperinci perlu disediakan.

Tourism Johor menyambut baik sekiranya terdapat cadangan untuk membangunkan Pantai Rambah dan Teluk Kerang sebagai kawasan pelancongan atau rekreasi.

Tourism Johor mencadangkan supaya cadangan ini dibincangkan di dalam sesi libat urus bersama agensi kerajaan, swasta dan komuniti diperingkat daerah terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumbalas atau cadangan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**SOALAN B3**

Berapakah jumlah tangkapan dan pendakwaan yang telah dibuat terhadap individu yang membuang sampah secara haram, dan apakah jalan penyelesaian bagi memastikan perbuatan ini tidak berulang?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Proses penangkapan dan pendakwaan bagi kesalahan pembuangan sampah haram adalah di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), yang merupakan bidang kuasa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor komited dan konsisten melaksanakan larangan dan penguatkuasaan bagi pembuangan sampah kecil (*Anti-Litter*) di tempat awam di dalam kawasan PBT negeri Johor dengan mengenakan amaran, notis dan kompaun ke atas individu dan syarikat yang membuang sampah dan menyebabkan kekotoran dengan sesuka hati. Berikut adalah laporan bulan April tahun 2025 untuk setiap PBT :-

BIL	PBT	JUMLAH KESELURUHAN
1.	MBJB	17 Kompaun (RM 4,250)
2.	MBIP	5 Kompaun (RM 10,000)
3.	MBPG	14 Kompaun (RM 3,500)
4.	MPM	24 Kompaun (RM 720)
5.	MPBP	6 Kompaun (RM 6,000)
6.	MPK	1 Kompaun (RM 500)
7.	MPKu	13 Kompaun (RM 9,000)
8.	MPS	23 Kompaun (RM 4,630)
9.	MPP	Rondaan Pemantauan
10.	MPPn	Rondaan Pemantauan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

11.	MDT	Operasi Mencegah Kekotoran
12.	MDYP	3 Kompaun (RM 1,500)
13.	MDSR	4 Kompaun (RM 2,000)
14.	MDL	Tiada Pemantauan
15.	MDKT	Tiada Pemantauan
16.	MDM	3 Kompaun (RM 3,000)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN B4

Dengan penutupan rangkaian 3G, terdapat pengguna di kawasan luar bandar Daerah Pontian yang menghadapi masalah capaian internet akibat rangkaian 4G yang lemah atau tiada langsung. Apakah penyelesaian yang dirancang bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa berusaha untuk menambah baik liputan internet di seluruh negara termasuk di Negeri Johor. Bagi meningkatkan capaian telekomunikasi dan akses internet di Kawasan luar bandar agar masyarakat luar bandar tidak ketinggalan di dalam arus pendigitalan, Kerajaan telah melancarkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) pelaksanaan inisiatif sehingga 31 Mac 2025 di Daerah Pontian dan kawasan DUN Kukup adalah seperti berikut:

- a. Sebanyak 20 buah menara baharu telah siap dan beroperasi manakala 12 masih dalam pelaksanaan di dalam kawasan Daerah Pontian;
- b. Sebanyak 179 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf kepada rangkaian 4G dan 1 masih dalam pelaksanaan;
- c. Sebanyak 18,114 premis telah dilengkapi dengan sambungan gentian optik berkeupayaan gigabit;
- d. Bagi kawasan DUN Kukup sebanyak 8 buah menara baru telah siap dibina dan beroperasi, manakala 5 menara baru masih dalam pelaksanaan;
- e. Sebanyak 49 stesen pemancar sedia ada telah dinaik taraf kepada rangkaian 4G; dan
- f. Sebanyak 3,323 premis telah dilengkapi dengan sambungan gentian optik berkeupayaan gigabit.

Kesemua perancangan yang sedang dilaksanakan dijangka akan siap dan beroperasi secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2025.

Selain membangunkan infrastruktur komunikasi, MCMC juga telah menyediakan sebanyak sepuluh (10) Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) [sebelum ini dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital] di Daerah Pontian. Untuk kawasan DUN Kukup, sebanyak empat (4) buah NADI telah siap dan beroperasi sepenuhnya. Orang ramai

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

khususnya rakyat Johor adalah dialu-alukan untuk memanfaatkan perkhidmatan pintar yang disediakan di NADI. Perkhidmatan pintar NADI meliputi pelbagai aspek seperti e-pembelajaran, kesejahteraan sendiri, kesedaran keselamatan siber serta bimbingan keusahawanan.

Sekiranya orang ramai mengalami isu liputan dan kualiti, mereka boleh mengemukakan aduan secara terus kepada pihak pemberi perkhidmatan agar tindakan yang wajar dapat dilakukan. Aduan kepada pihak MCMC juga boleh dilakukan melalui laman sesawang di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Selain itu, MCMC juga telah membangunkan portal JENDELA Map dan aplikasi JENDELA Mobile App di <https://jendela.my> bagi menyampaikan maklumat inisiatif yang dijalankan oleh MCMC dan membolehkan orang ramai untuk memberikan maklumbalas dan melaporkan status liputan di kawasan yang terlibat. Maklumbalas orang ramai yang diterima ataupun *crowdsourcing* tersebut membolehkan MCMC membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN B5

Apakah punca sebenar masalah banjir yang berterusan di beberapa kawasan dalam DUN Kukup, dan sejauh manakah pelaksanaan projek-projek tebatan banjir yang telah diluluskan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan memandang serius permasalahan banjir yang masih berulang di beberapa kawasan dalam DUN Kukup yang terdiri daripada kawasan penempatan dan kawasan pertanian.

Punca utama dikenal pasti melibatkan sistem perparitan sedia ada yang tidak mampu menampung kuantiti hujan yang tinggi serta aliran air permukaan semasa kejadian hujan lebat, ditambah pula dengan kesan air pasang besar yang menjejaskan keupayaan sistem saliran untuk mengalirkan air ke laut sekaligus menyebabkan aliran air tersekat dan melimpah ke kawasan daratan. Keadaan muka bumi yang rendah turut menyumbang kepada risiko banjir, terutamanya ketika hujan lebat berterusan dalam tempoh singkat.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan 2 projek tebatan banjir yang telah diluluskan di kawasan DUN Kukup dan sedang dalam peringkat pelaksanaan. Dengan terlaksananya projek ini dijangka mengurangkan risiko limpahan air pasang dan hakisan pantai di kawasan Tanjung Piai dan Ayer Masin.

Selain itu, kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran secara berkala sedang dilaksanakan dan diprogramkan berdasarkan kemampuan semasa pihak Kerajaan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN B6

Sejak akhir ini Pihak Berkuasa Tempatan sering dipersalahkan atas tindakannya melaksanakan penguatkuasaan undang-undangnya. Bagi memantapkan organisasi PBT ini, adakah ada perancangan kerajaan untuk mengwujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT di Malaysia.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pengambilan atau pelantikan, kenaikan pangkat dan penamatan perkhidmatan pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor di buat oleh PBT sendiri selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) sebagaimana yang diperuntukkan di Bahagian III Pegawai & Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pada masa kini, pelantikan Pegawai-Pegawai PBT tidak dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) atau Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN). Sebaliknya PBT, selaku PBM boleh membuat dasar atau peraturan bagi tujuan pelantikan, kenaikan pangkat dan penamatan pegawai. Walau bagaimanapun, dasar-dasar atau peraturan tersebut tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau dasar-dasar yang diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan seperti syarat-syarat pelantikan, gred dan skim perkhidmatan.

Perkara ini disebabkan penentuan gred dan skim perkhidmatan bagi perjawatan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan PBT atau Kerajaan Negeri terikat dengan sekatan keatas perubahan perjawatan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 112(1) Perlembagaan Persekutuan.

Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah dibawah Senarai Negeri sebagaimana dalam Perlembagaan Persekutuan. Pewujudan punca kuasa perlulah diwujudkan iaitu melalui penggubalan Enakmen bagi mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT.

Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh PBT adalah berpanduan kepada Akta-Akta yang berkaitan seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172) , Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) serta Undang-Undang Kecil PBT sendiri yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Mengenai cadangan pewujudan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT Malaysia perlulah dibincangkan di peringkat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT). Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti:

1. Kutipan hasil dan perbelanjaan adalah tertakluk kepada PBT masing-masing.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

2. Had kuasa pegawai yang dilantik pada masa ini adalah tertakluk pada agensi yang melantik pegawai dan tidak boleh melakukan penguatkuasaan diluar kawasan pentadbiran PBT tersebut.
3. Surat kelulusan perjawatan atau waran perjawatan dari JPA adalah mengikut PBT masing-masing dan tidak boleh dipindahkan ke PBT lain.

Kerajaan Negeri sentiasa terbuka menerima pandangan dan bersedia sekiranya Suruhanjaya Perkhidmatan PBT ini diwujudkan demi meningkatkan lagi prestasi PBT.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN B7

Apakah status terkini inisiatif ketiga puluh sembilan Teras Pertama, belanjawan 2025 dalam usaha kerajaan negeri menampung keperluan bakat dan tenaga kerja mahir dalam kalangan orang muda terutamanya dalam usaha memenuhi keperluan industri selari dengan pelaksanaan JS-SEZ.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN IN TAMIN

Johor Talent Development Council (JTDC) adalah sebagai penyedia tenaga mahir bagi keperluan Johor Singapore- Special Economic Zone (JS-SEZ). JTDC akan bekerjasama dengan Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMF-CJ) dalam menilai keperluan pelabur yang akan masuk ke Johor dan peluang pekerjaan yang akan dihasilkan.

Apabila peluang pekerjaan telah dikenalpasti, JTDC akan menjadi jambatan dalam menghubungkan dan menilai Institut-institut Pendidikan Tinggi yang telah dilaksanakan dan akan menawarkan kursus-kursus yang bertepatan dengan keperluan pelabur. Oleh hal yang demikian, JTDC bekerjasama dengan IPT bagi memperkenalkan kursus-kursus dan program baharu untuk memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan.

MENGHUBUNGKAN PELABUR & SYARIKAT SECARA TERUS

- a. Dalam memenuhi keperluan 10,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang 2025-2026, JTDC dengan kerjasama 6 Universiti dan 15 Kolej/ Pusat TVET di Negeri Johor telah dipilih dengan mensasarkan graduan akademik dan TVET sebagai produk dalam memenuhi peluang pekerjaan melalui program-program Karnival Kerjaya Premium atau "MyFuture Jobs Premium".
- b. JTDC juga dengan kerjasama 7 Institusi Pendidikan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Johor sedang bekerjasama dalam menaiktaraf infrastruktur pusat pendidikan, mengukuhkan tenaga pengajar yang mahir dan memantapkan silibus-silibus serta kursus-kursus mengikut keperluan industri terkini. Antara rakan strategik yang menyokong ekosistem JTDC diperingkat institusi pendidikan adalah seperti berikut:
 - i. Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ)
 - ii. Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ)
 - iii. Johor Skill Development Centre
 - iv. Kolej Kemahiran Johor (KKJ)
 - v. Skill Johor Kampus Kota Tinggi
 - vi. Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- vii. Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB)
- c. JTDC juga menawarkan "Direct Intervention" di pasaran kerja melalui dana latihan dan inisiatif penempatan kerja. Geran latihan dan subsidi akan diberi bagi meningkatkan kompetensi dalam melahirkan tenaga kerja yang lebih mahir serta berkualiti.
- d. Antara program-program yang dijalankan oleh JTDC pada tahun 2025 adalah seperti yang berikut:
- i. Skill4Johor – RM 20 Juta
 - ii. Pro-Mahir – RM 3 Juta
 - iii. K-Youth – RM 5 Juta
 - iv. MyMahir – RM 800 Ribu

JTDC SEBAGAI PUSAT KERJASAMA INDUSTRI DAN IPT

- a. JTDC merupakan pusat rujukan keperluan tenaga kerja mahir bagi pelabur dan pemain industri. Bagi merealisasikan hasrat ini, beberapa mekanisme akan diperkenalkan antaranya ialah:
- i. Talent Matchmaker**
JTDC akan menarik minat pelabur dan syarikat untuk bekerjasama dengan IPT dan menyelaraskan rundingan susulan.
 - ii. Bank Data**
JTDC akan menjadi pusat pengumpulan data tenaga kerja dan menyediakan pelan tindakan bagi memenuhi keperluan industri.
 - iii. Koordinasi dan Penyelarasan IPT**
JTDC akan memastikan tiada pertindihan dan akan mengukuhkan pelaksanaan inisiatif pembangunan bakat termasuk menyalurkan geran peralatan dan teknologi, karnival kerjaya dan sesi libat urus.

Pada suku tahun 2025 ini sahaja JTDC telah mengadakan 3 Siri Karnival Kerjaya Premium dengan 1,900 pekerjaan ditawarkan melibatkan 100 syarikat dan 5,000 jumlah permohonan kerja. JTDC juga telah mengadakan 12 sesi program bersama industri melibatkan 232 syarikat dan 9 IPT.

Pada ketika ini, JTDC di dalam fasa pelaksanaan merealisasikan kerjasama antara IPT dan pelabur. JTDC juga akan memastikan pelabur-pelabur mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui antaranya ialah berkenaan gaji premium, insentif dan kebajikan pekerja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

PROMOSI JTDC

Dalam usaha memperkukuh pembangunan bakat dan menyokong agenda pemerkasaan modal insan di Negeri Johor, pihak JTDC telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang menyeluruh merentasi seluruh zon di negeri ini. JTDC turut bergiat aktif dalam menyertai program Jelajah Orang Johor (JOJ) sebagai medium utama untuk mendekati masyarakat setempat dan menyampaikan maklumat berkaitan program serta inisiatif yang ditawarkan.

Selain itu, JTDC sedang giat meneroka dan menggunakan pelbagai medium serta platform pengiklanan alternatif bagi memastikan maklumat inisiatif sampai kepada segenap lapisan masyarakat di seluruh Johor. Antaranya termasuklah penggunaan LED *billboard* di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Papan digital, pengiklanan di bas pengangkutan awam, serta slot promosi di stesen radio tempatan. Pendekatan pelbagai saluran ini diyakini mampu meningkatkan keterlihatan program JTDC dan menggalakkan penglibatan lebih ramai rakyat Johor.

Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Johor-Singapore Special Economic Zone (JSSEZ) untuk mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi atau bergaji premium yang mampu menarik minat bakat-bakat berkemahiran tinggi, termasuk dari luar negeri Johor, untuk menyumbang tenaga dan kepakaran mereka ke arah kemajuan negeri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN B8

Apakah ada perancangan kerajaan negeri untuk memperluaskan Inisiatif kedua puluh satu Teras Kedua dalam pembentangan belanjawan 2025 ke daerah-daerah lain dalam negeri Johor khususnya di daerah Muar dengan memperkasa industri kompang/jidurnya.

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Merujuk kepada soalan berhubung perancangan kerajaan negeri untuk memperluaskan Inisiatif Kedua Puluh Satu di bawah Teras Kedua pembentangan Belanjawan 2025 ke daerah-daerah lain, khususnya di daerah Muar, kerajaan negeri sentiasa komited dalam memastikan inisiatif pembangunan yang dirangka dapat dinikmati secara menyeluruh oleh semua daerah di Johor.

Kerajaan negeri amat menghargai nilai warisan budaya yang terkandung dalam industri kompang dan jidur di Muar, yang bukan sahaja menjadi lambang identiti masyarakat tempatan, malah berpotensi besar untuk dimajukan sebagai satu industri kreatif yang mampu menjana pendapatan serta membuka peluang pekerjaan, khususnya kepada golongan belia.

Perancangan pada tahun ini adalah bagi memberi pendedahan kepada penggiat seni budaya serta Badan Bukan Kerajaan untuk melaksanakan program kebudayaan dengan mengetengahkan alat muzik tradisional seperti kompang dan jidur. Selain itu, pertandingan kompang atau jidur akan diadakan diperingkat daerah dan DUN untuk mendapatkan bakat seni anak jati tempatan. Bagi melestarikan seni muzik kompang dan jidur ini, maka Pejabat Daerah akan berkerjasama dengan Penghulu dan Ketua Kampung untuk memperkasa serta memastikan keahlian kumpulan kompang dan jidur sentiasa segar malar.

Sehubungan itu, kerajaan negeri sentiasa meneliti mekanisme yang sesuai bagi memperluaskan inisiatif ini di daerah Muar, termasuk melalui program pembangunan kapasiti, penyediaan fasiliti, sokongan promosi dan pemasaran, serta kerjasama strategik dengan agensi-agensi berkaitan seperti Yayasan Warisan Johor, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, dan pihak berkuasa tempatan.

Inisiatif ini tidak hanya terhad kepada pemeliharaan budaya semata-mata, tetapi turut menjurus kepada pembangunan ekonomi setempat melalui pendekatan berasaskan komuniti. Justeru, kerajaan negeri akan terus meneliti serta menambah baik pelaksanaan dasar-dasar yang inklusif agar manfaatnya dapat dirasakan secara saksama oleh seluruh rakyat Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN B9

Maharani Energy Gateway dijangkakan dapat memacukan inisiatif tenaga hijau Malaysia serta meningkatkan peluang perdagangan, pelaburan dan membuka 45,000 peluang pekerjaan di Negeri Johor. Apakah jaminan kerajaan negeri bagi memastikan peluang ini dapat dinikmati oleh anak Muar dan rakyat Johor amnya.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Johor Talent Development Council (JTDC) adalah sebagai penyedia tenaga mahir bagi keperluan Johor Singapore- Special Economic Zone (JS-SEZ). JTDC akan bekerjasama dengan Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMF-CJ) dalam menilai keperluan pelabur yang akan masuk ke Johor dan peluang pekerjaan yang akan dihasilkan.

Apabila peluang pekerjaan telah dikenalpasti, JTDC akan menjadi jambatan dalam menghubungkan dan menilai Institut-institut Pendidikan Tinggi yang telah dilaksanakan dan akan menawarkan kursus-kursus yang bertepatan dengan keperluan pelabur. Oleh hal yang demikian, JTDC bekerjasama dengan IPT bagi memperkenalkan kursus-kursus dan program baharu untuk memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan.

MENGHUBUNGKAN PELABUR & SYARIKAT SECARA TERUS

- e. Dalam memenuhi keperluan 10,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang 2025-2026, JTDC dengan kerjasama 6 Universiti dan 15 Kolej/ Pusat TVET di Negeri Johor telah dipilih dengan mensasarkan graduan akademik dan TVET sebagai produk dalam memenuhi peluang pekerjaan melalui program-program Karnival Kerjaya Premium atau "MyFuture Jobs Premium".
- f. JTDC juga dengan kerjasama 7 Institusi Pendidikan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Johor sedang bekerjasama dalam menaiktaraf infrastruktur pusat pendidikan, mengukuhkan tenaga pengajar yang mahir dan memantapkan silibus-silibus serta kursus-kursus mengikut keperluan industri terkini. Antara rakan strategik yang menyokong ekosistem JTDC diperingkat institusi pendidikan adalah seperti berikut:
 - i. Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ)
 - ii. Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ)
 - iii. Johor Skill Development Centre
 - iv. Kolej Kemahiran Johor (KKJ)
 - v. Skill Johor Kampus Kota Tinggi
 - vi. Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- vii. Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB)
- g. JTDC juga menawarkan "Direct Intervention" di pasaran kerja melalui dana latihan dan inisiatif penempatan kerja. Geran latihan dan subsidi akan diberi bagi meningkatkan kompetensi dalam melahirkan tenaga kerja yang lebih mahir serta berkualiti.
- h. Antara program-program yang dijalankan oleh JTDC pada tahun 2025 adalah seperti yang berikut:
- i. Skill4Johor – RM 20 Juta
 - ii. Pro-Mahir – RM 3 Juta
 - iii. K-Youth – RM 5 Juta
 - iv. MyMahir – RM 800 Ribu

JTDC SEBAGAI PUSAT KERJASAMA INDUSTRI DAN IPT

- a. JTDC merupakan pusat rujukan keperluan tenaga kerja mahir bagi pelabur dan pemain industri. Bagi merealisasikan hasrat ini, beberapa mekanisme akan diperkenalkan antaranya ialah:
- i. Talent Matchmaker**
JTDC akan menarik minat pelabur dan syarikat untuk bekerjasama dengan IPT dan menyelaraskan rundingan susulan.
 - ii. Bank Data**
JTDC akan menjadi pusat pengumpulan data tenaga kerja dan menyediakan pelan tindakan bagi memenuhi keperluan industri.
 - iii. Koordinasi dan Penyelarasan IPT**
JTDC akan memastikan tiada pertindihan dan akan mengukuhkan pelaksanaan inisiatif pembangunan bakat termasuk menyalurkan geran peralatan dan teknologi, karnival kerjaya dan sesi libat urus.

Pada suku tahun 2025 ini sahaja JTDC telah mengadakan 3 Siri Karnival Kerjaya Premium dengan 1,900 pekerjaan ditawarkan melibatkan 100 syarikat dan 5,000 jumlah permohonan kerja. JTDC juga telah mengadakan 12 sesi program bersama industri melibatkan 232 syarikat dan 9 IPT.

Pada ketika ini, JTDC di dalam fasa pelaksanaan merealisasikan kerjasama antara IPT dan pelabur. JTDC juga akan memastikan pelabur-pelabur mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui antaranya ialah berkenaan gaji premium, insentif dan kebajikan pekerja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

PROMOSI JTDC

Dalam usaha memperkukuh pembangunan bakat dan menyokong agenda pemerkasaan modal insan di Negeri Johor, pihak JTDC telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang menyeluruh merentasi seluruh zon di negeri ini. JTDC turut bergiat aktif dalam menyertai program Jelajah Orang Johor (JOJ) sebagai medium utama untuk mendekati masyarakat setempat dan menyampaikan maklumat berkaitan program serta inisiatif yang ditawarkan.

Selain itu, JTDC sedang giat meneroka dan menggunakan pelbagai medium serta platform pengiklanan alternatif bagi memastikan maklumat inisiatif sampai kepada segenap lapisan masyarakat di seluruh Johor. Antaranya termasuklah penggunaan LED *billboard* di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Papan digital, pengiklanan di bas pengangkutan awam, serta slot promosi di stesen radio tempatan. Pendekatan pelbagai saluran ini diyakini mampu meningkatkan keterlihatan program JTDC dan menggalakkan penglibatan lebih ramai rakyat Johor.

Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Johor-Singapore Special Economic Zone (JSSEZ) untuk mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi atau bergaji premium yang mampu menarik minat bakat-bakat berkemahiran tinggi, termasuk dari luar negeri Johor, untuk menyumbang tenaga dan kepakaran mereka ke arah kemajuan negeri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN B10

Apakah langkah kawalan keselamatan bagi membendung penyalahgunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) terhadap seseorang manusia, negara dan keselamatan negeri Johor khususnya.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Kerajaan telah mula mengambil langkah serius dalam membendung penyalahgunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) demi menjaga keselamatan individu, negara, dan juga negeri-negeri seperti Johor. Walaupun pembangunan AI memberi banyak manfaat, ia juga membawa risiko yang memerlukan kawalan yang ketat. Berikut ialah antara langkah kawalan keselamatan yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan Malaysia:

- i. Dasar dan Garis Panduan Nasional
 - Dasar Kecerdasan Buatan Negara (AI National Strategy)
 - Garis Panduan Etika AI (AI Ethics Guidelines)
- ii. Kawalan Keselamatan Siber dan Infrastruktur AI
 - Penubuhan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA)
 - CyberSecurity Malaysia (CSM)
- iii. Akta dan Perundangan
 - Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA)
 - Cadangan Akta AI atau pindaan kepada undang-undang sedia ada
- iv. Pendidikan, Kesedaran dan Kepakaran
 - Program seperti MyReskill AI dan AI for Rakyat dilaksanakan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) untuk mempertingkatkan literasi digital rakyat serta membina tenaga pakar AI tempatan.
 - Membantu rakyat mengenali penyalahgunaan AI seperti scam suara, video deepfake dan kandungan palsu.
- v. Kerjasama Strategik dengan Negeri dan Luar Negara
 - Johor boleh mendapat manfaat dari projek seperti Malaysia Cyber Security Strategy 2020–2024 dan pelan Digital Johor yang selari dengan dasar digital nasional.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- Malaysia bekerjasama dengan badan seperti ASEAN, UNESCO, dan negara-negara maju untuk membangunkan rangka kerja keselamatan dan etika AI peringkat global.

vi. Kawalan terhadap Kandungan Digital & Media Sosial

- Kerajaan melalui MCMC (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) mengawal penularan kandungan yang dijana oleh AI (seperti berita palsu, imej palsu).
- Pemantauan kandungan media sosial dan platform digital bagi mengesan serta membanteras penyalahgunaan AI untuk propaganda atau fitnah.

Kerajaan kini dalam proses memperkukuhkan dasar, perundangan, dan sistem kawalan keselamatan untuk mengawal perkembangan dan penggunaan AI agar selamat dan terkawal.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B11

JPNIN menyatakan sebanyak 2,427 murid TABIKA Perpaduan mengalami masalah bantut dan bantut teruk. Apakah usaha kerajaan negeri bagi membantu pelajar yang kurang bernasib baik yang kekurangan nutrisi bagi memastikan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak secara optimum?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Terima kasih atas soalan yang amat penting ini. Kerajaan negeri Johor amat prihatin dengan laporan JPNIN mengenai isu murid TABIKA Perpaduan yang mengalami masalah bantut dan bantut teruk. Ini adalah satu perkara yang kami pandang serius kerana pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang optimum adalah asas kepada modal insan yang berkualiti di masa hadapan.

Sebagai respons kepada isu ini, kerajaan negeri telah dan akan terus mengambil beberapa langkah proaktif untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik ini. Antaranya termasuk:

1. **Kerjasama dengan JPNIN dan agensi berkaitan:** Kita akan memperkukuhkan kerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta agensi-agensi lain seperti Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk mendapatkan data yang lebih terperinci mengenai murid-murid yang terkesan. Ini bagi membolehkan intervensi yang lebih bersasar dan berkesan.
2. **Program Pemakanan Tambahan:** Kerajaan negeri akan meneroka dan memperluaskan program pemakanan tambahan yang bersesuaian untuk murid-murid TABIKA Perpaduan yang dikenal pasti mengalami kekurangan nutrisi. Ini mungkin melibatkan penyediaan makanan berkhasiat di TABIKA, pemberian bekalan makanan tambahan kepada keluarga yang memerlukan, atau kerjasama dengan badan-badan kebajikan dan NGO yang aktif dalam isu pemakanan kanak-kanak.
3. **Peningkatan Kesedaran dan Pendidikan Nutrisi:** Kita juga akan meningkatkan program kesedaran dan pendidikan nutrisi kepada ibu bapa dan penjaga murid-murid TABIKA Perpaduan. Ini penting bagi memastikan pemahaman yang lebih baik mengenai kepentingan pemakanan seimbang untuk pertumbuhan dan perkembangan anak-anak mereka di rumah.
4. **Pemeriksaan Kesihatan Berkala:** Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan untuk memastikan pemeriksaan kesihatan berkala

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

dijalankan di TABIKA Perpaduan bagi memantau status nutrisi kanak-kanak dan mengesan masalah bantut di peringkat awal.

5. **Penyaluran Bantuan yang Bersesuaian:** Kita juga akan melihat mekanisme penyaluran bantuan yang lebih efektif kepada keluarga-keluarga yang mempunyai anak-anak yang mengalami masalah kekurangan nutrisi, mungkin melalui bantuan kewangan atau barangan keperluan asas.

Kerajaan Negeri Johor komited untuk memastikan setiap kanak-kanak di negeri ini mendapat peluang yang sama untuk tumbuh dan berkembang secara sihat. Kita akan terus memantau situasi ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membantu murid-murid TABIKA Perpaduan yang memerlukan sokongan nutrisi.

Terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B12

Terdapat laporan berkenaan peningkatanjangkitan HIV di kalangan pelajar sekolah akibat aktiviti seksual. Apakah yang dilakukan pihak Jabatan Pendidikan dalam mengekang perkara ini dan menimbulkan kesedaran?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) memandang serius isu peningkatanjangkitan HIV dalam kalangan murid sekolah akibat aktiviti seksual. Sehingga hari ini tiada kes dilaporkan ke JPN Johor berkaitanjangkitan HIV dalam kalangan murid. Sehubungan itu, pelbagai langkah proaktif pendidikan pencegahan telah dan sedang dilaksanakan oleh JPN Johor bagi mengekang penularan HIV serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor sentiasa memastikan semua sekolah di negeri Johor melaksanakan **Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa)**. Ini merujuk kepada **surat no ruj JPNJ.600-11/1/4 Jld. 2 (1) bertarikh 06 Februari 2025** PPDa yang merangkumi pencegahan terhadap penyalahgunaan dadah, alkohol, rokok, vape, inhalan, dan HIV. Program ini dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun dengan pendekatan pencegahan dan intervensi yang disesuaikan mengikut keperluan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor menjalin kerjasama erat dengan rakan strategik yang berkaitan seperti Jabatan Kesihatan Negeri Johor dalam melaksanakan program kesedaran dan pencegahan HIV. Antara program yang telah dijalankan termasuklah pelaksanaan modul Program Sihat Tanpa AIDS untuk remaja (PROSTAR 2.0) di sekolah yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkaitan HIV/STI dalam kalangan murid. Makluman hebahan modul boleh rujuk surat no ruj. JPN.600-11/1/4 (86) bertarikh 24 Julai 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor menyokong pelaksanaan program kesedaran dan saringan awal HIV dalam kalangan murid seperti yang dilaksanakan di PKD Segamat. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi kesihatan dan bertujuan mengesan awal jangkitan HIV serta memberikan intervensi yang sewajarnya kepada murid yang terlibat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B13

Peningkatan kes Ah Long (Peminjam Wang Berlesen) semakin membimbangkan terutama apabila tersalah menyerang rumah orang awam. Berapa kes berkaitan Ah Long di Johor dicatatkan dan berjaya diselesaikan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, sepanjang tempoh Januari hingga April 2025, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Johor telah membuka sebanyak 141 kertas siasatan yang melibatkan jenayah harta benda dan kekerasan yang berkait rapat dengan kegiatan kumpulan Along. Pecahan jenis kes adalah seperti berikut:

- Kes Khianat Cat = 113 Kes
- Kes Khianat Dengan Api = 20 Kes
- Kes Ugutan Jenayah = 8 Kes

Daripada jumlah keseluruhan 141 kes, sebanyak 51 kes telah berjaya diselesaikan dengan tangkapan melibatkan 28 individu. Daripada 51 kes yang diselesaikan tersebut, sebanyak 47 kes telah berjaya dituduh di mahkamah. Manakala 90 kes masih dalam tindakan untuk kenalpasti dan kesan suspek.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B14

Status terkini dan tindakan yang diusahakan untuk Flat Taman Jaya?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman, beberapa siri mesyuarat telah diadakan di peringkat Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dan juga Kerajaan Negeri. Keputusan mesyuarat terkini telah mengambil keputusan untuk mengambil tindakan yang lebih harmoni dan praktikal bagi isu Flat Taman Jaya melalui cadangan penamatan strata dengan persetujuan bersama semua pemilik berbanding tindakan penguatkuasaan. Beberapa cadangan penyelesaian dengan mengambilkira kebajikan penduduk juga akan dikemukakan bersama kertas kerja bagi mendapatkan mandat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam tindakan penelitian akhir.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B15

Isu Taman Skudai Kechil di Skudai di bawa dalam mesyuarat JTPD tapi masih tidak jelas akan perancangan dan tindakan. Apa penyelesaian terhadap Taman SK berikutan tanah tersebut merupakan tanah estet yang sering kali terlibat masalah banjir teruk?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Sebagaimana Sesi Pembentangan Laporan Hotspot Banjir Di Kawasan MBIP bersama YB Exco Perumahan & Kerajaan Tempatan pada 2 Mei 2025, pihak MBIP melalui Kajian Pelan Induk Saliran MBIP akan melaksanakan projek mitigasi hotspot banjir secara berfasa bagi menyelesaikan isu banjir kilat di kawasan MBIP bermula dengan Hotspot Skudai yang juga termasuk kawasan Taman Skudai Kechil. Bagi tahun 2025 cadangan-cadangan kerja berikut akan dilaksanakan bagi mengawal aliran air dari kawasan Skudai Baru ke lembangan Sungai Skudai bagi mengurangkan risiko banjir kilat:

- 1) Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Batu 8 1/2, Skudai
- 2) Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Jalan Zapin, Jalan Ronggeng, Jalan Inang Dan Jalan Baung
- 3) Menaiktaraf Sistem Perparitan & Membina OSD Jalan Hang Tuah, Taman Ungku Tun Aminah

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B16

Senaraikan statistik penyumbang utama Cukai Harta MPM mengikut perdagangan, perumahan, perindustrian, perumahan raykat dan lain-lain serta statistik kutipan dan tunggakan Cukai Harta bagi MPM mengikut tahun 2020, 2021, 2023 dan 2024?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Penyumbang utama bagi cukai harta Majlis Perbandaran Muar (MPM) mengikut kategori adalah sebagaimana berikut:

1. Perdagangan & Perindustrian
2. Perniagaan
3. Perumahan
4. Pertanian

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B17

Apakah halangan menyebabkan geran tanah bagi setiap lot di Muar Furniture Park masih belum diperolehi sehingga hari ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, tanah di Muar Furniture Park adalah tanah yang terhasil daripada proses pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 di mana State Secretary Incorporated (SSI) merupakan agensi pengambil.

Tanah-tanah ini seterusnya akan dimajukan oleh pihak Johor Corporation (JCorp) yang berperanan untuk mempromosikan serta mencari pelabur bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk membangunkan hub industri perabot di daerah Muar yang dikenali sebagai Muar Furniture Park (MFP).

Walaupun secara perundangannya tanah tersebut pada masa ini adalah berstatus tanah Kerajaan, namun JCorp sebagai Pemaju tanah ini merupakan *beneficial owner*. Pihak JCorp ada mengemukakan cadangan supaya hakmilik hanya dikeluarkan sebaik mereka mendapat pengesahan pembeli atau pelabur atas plot-plot yang dibuat pecahan sebagaimana peruntukan Pekeliling PTG Johor Bilangan 4 tahun 1986 dengan menggunakan model pembangunan kawasan industri di Pasir Gudang.

Namun demikian, selaras dengan ketetapan Kerajaan Negeri supaya pekeling-pekeling yang telah berkuatkuasa sejak sekian lama disemak dan disesuaikan dengan peredaran zaman, Pentadbiran Tanah Johor juga sedang menyemak beberapa pekeliling yang sedang berkuatkuasa termasuk Pekeliling PTG Bilangan 4 Tahun 1986 berkaitan konsep pengeluaran hakmilik bagi pembangunan kawasan industri di Pasir Gudang.

Ini bagi memastikan pembangunan MFP bukan sahaja mencapai objektif pembangunannya untuk memperkasakan industri perabot di Negeri Johor, tetapi juga dapat menjana limpahan ekonomi ke seluruh Negeri Johor.

Sehubungan isu Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa isu pengeluaran hakmilik individu bagi tanah-tanah yang dibeli MFP ini akan dapat diselesaikan dalam masa terdekat. Insya-Allah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**SOALAN B18**

Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan bekalan air mentah yang mencukupi untuk memenuhi permintaan sumber air mentah semakin meningkat dalam jangka panjang, termasuk meningkatkan kapasiti empangan sedia ada, atau membangunkan teknologi rawatan air alternatif?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman YB Bentayan, kebanyakan daerah di negeri Johor mempunyai peratus rizab margin sihat iaitu melebihi 15%. Namun begitu, terdapat kebimbangan bagi daerah Pontian dimana rizab marginnya berada di paras yang membimbangkan iaitu 4.61%. (Rujuk Jadual)

Daerah	Peratus Rizab Margin	Baki (MLD)
Johor Bahru	13.33%	183.66
Batu Pahat	11.32%	23.65
Muar	15.79%	36.53
Kluang	14.51%	17.41
Kota Tinggi	33.36%	51.30
Segamat	19.84%	23.20
Pontian	4.61%	1.32
Mersing	17.03%	8.04
Keseluruhan Johor	14.91%	345.09

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) telah merangka dan memohon projek pembangunan sumber air bagi daerah Pontian kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Projek tersebut merupakan Projek Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Pontian Besar dan telah diluluskan di dalam Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia Ke 12 (RMKe 12). Jangkaan peningkatan signifikan sumber air mentah sehingga 260 JLH menjelang tahun 2030.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Selain itu, bagi menjamin kelangsungan bekalan air mentah ke selatan negeri Johor, terdapat beberapa perancangan fasiliti sumber air yang telah diluluskan iaitu:

- i. Projek Pembinaan TAPS Sungai Johor dengan cadangan kapasiti sebanyak 200 JLH. (Lulus RP2 RMK12)
- ii. Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Sedili Besar ke Sungai Gembut dengan kapasiti 18 JLH. (Lulus RP3 RMK12)
- iii. Projek Pembinaan Baraj dan TAPS Sungai Sedili besar dengan cadangan kapasiti tambahan bagi sumber air adalah sebanyak 600 JLH. (Lulus RP5 RMK12)

Untuk tujuan jangka masa panjang, BAKAJ berpandangan terdapat dua (2) potensi sumber air yang boleh dibangunkan iaitu:

- i. Sumber Air Bawah Tanah
- ii. Loji Penyahgaraman Air Laut

Justeru itu, satu kajian terperinci boleh dibangunkan oleh kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan bagi mengenalpasti potensi air bawah tanah di Johor melalui agensi – agensi teknikal berkaitan seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

Loji penyahgaraman air di Johor mempunyai potensi untuk menjadi komponen penting dalam strategi pengurusan sumber dan juga sumber air alternatif dengan mengurangkan kebergantungan kepada sumber air sedia ada iaitu dari sungai mahupun empangan. Untuk tujuan ini, anak syarikat Kerajaan Negeri Johor iaitu Johor Special Water (JSW) boleh di angkat sebagai penggerak bagi tujuan penerokaan loji penyahgaraman air masin ini secara joint venture (JV) bersama - sama syarikat yang berkebolehan dan berkepakaran di dalam bidang ini.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B19

Berapakah jumlah Pusat Terapi Cara Kerja (Occupational Therapy Centre) dan Pusat Terapi Pertuturan (Speech Therapy Centre) kerajaan dan swasta di setiap daerah negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Semua hospital Kerajaan di negeri Johor menawarkan perkhidmatan Terapi Cara Kerja. Selain itu, perkhidmatan ini turut disediakan di 28 buah Klinik Kesihatan di seluruh negeri Johor.

Manakala bagi sektor swasta, terdapat sebanyak 14 buah Pusat Terapi Cara Kerja swasta, yang mana pecahan lokasinya adalah seperti berikut: 7 di daerah Johor Bahru, 2 di Kota Tinggi, 2 di Muar, 2 di Batu Pahat, dan 1 di Kulai.

Bagi Pusat Terapi Pertuturan, perkhidmatan ini hanya disediakan di hospital Kerajaan yang berpakar sahaja, dan tidak ditawarkan di mana-mana Klinik Kesihatan di negeri ini

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**SOALAN B20**

Berapakah jumlah TADIKA Perpaduan yang sedang beroperasi di negeri Johor pada tahun 2025 mengikut daerah serta jumlah guru dan jumlah murid mengikut kaum?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Jumlah **Tabika Perpaduan** di negeri Johor adalah 206 buah manakala jumlah keseluruhan murid-murid adalah seramai 4,067 orang berusia 4,5 dan 6 tahun. Perincian mengikut negeri adalah seperti berikut:-

GURU DAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN

BIL.	Daerah	Jumlah Tabika Perpaduan	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah Guru
1.	Johor Bahru	47	87	0	2	2	91
2.	Kluang	29	56	0	1	0	57
3.	Batu Pahat	31	56	0	1	0	57
4.	Muar	23	44	0	0	0	44
5.	Tangkak	12	18	2	2	0	22
6.	Pontian	11	21	0	0	0	21
7.	Kulai	14	28	0	0	0	28
8.	Kota Tinggi	6	12	0	0	0	12
9.	Segamat	26	48	0	2	0	50
10.	Mersing	7	14	0	0	0	14
	JUMLAH	206	344	0	8	2	356

MURID-MURID TABIKA PERPADUAN (TERKINI SEHINGGA 31 APRIL 2025)

BIL.	Daerah	Jumlah Tabika Perpaduan	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah
1.	Johor Bahru	47	895	6	31	55	987
2.	Kluang	29	491	23	20	12	546
3.	Batu Pahat	31	581	2	24	4	611
4.	Muar	23	476	2	25	3	506
5.	Tangkak	12	161	9	49	4	223
6.	Pontian	11	223	0	0	6	229
7.	Kulai	14	283	0	10	28	321
8.	Kota Tinggi	6	132	0	2	2	136
9.	Segamat	26	306	38	50	9	403
10.	Mersing	7	103	1	0	1	105
	JUMLAH	206	3651	81	211	124	4067

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**SOALAN B21**

Mohon dapatkan pecahan keputusan SPM mengikut:

1. Kaum
2. Gred

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) dengan ini memaklumkan Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2024 bagi Negeri Johor

- i) Calon Daftar seramai 43,176 orang. Calon Hadir seramai 42,611 orang.
- ii) Calon Layak Mendapat Sijil seramai 40,266 orang bersamaan 94.50% bagi tahun 2024 berbanding 93.80% pada tahun 2023 dengan peningkatan 0.70%
- iii) Gred Purata Negeri 4.36 bagi Tahun 2024 berbanding 4.48 tahun 2023 dengan peningkatan 0.12
- iv) Murid Cemerlang Mendapat A+ semua Mata pelajaran 41 Orang bersamaan 0.09% bagi tahun 2024 berbanding 20 Calon atau 0.05% bagi tahun 2023 dengan peningkatan 21 orang atau 0.04%
- v) Murid Cemerlang Mendapat (A+,A,A-) semua Mata Pelajaran 1,513 Orang bersamaan 3.55% bagi tahun 2024 berbanding 1,247 orang bersamaan 3.02% peningkatan 266 orang atau 0.53%

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) memaklumkan bahawa pelaporan analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2024 di bawah DUN Pulau Sebatang.

- i) Calon Daftar seramai 971 orang. Calon Hadir seramai 958 orang.
- ii) Calon Layak Mendapat Sijil seramai 874 orang bersamaan 91.23%
- iii) Gred Purata Sekolah bagi DUN Pulau Sebatang 4.16
- iv) Calon Cemerlang Tertinggi (A+) seramai 2 orang bersamaan 0.21%.
- v) Calon Cemerlang Minimum (A-) seramai 58 orang bersamaan 5.01%.
- vi) Calon Kepujian Tinggi Minimum (B) seramai 116 orang bersamaan 12.11%.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- vii) Calon Kepujian Minimum (C) seramai 162 orang bersamaan 16.91%.
- viii) Calon sekurang-kurangnya (1E) seramai 287 orang bersamaan 29.96%.
- ix) Calon sekurang-kurangnya (1G) seramai 277 orang bersamaan 28.91%.
- x) Calon Sekurang-kurangnya (1T) seramai 49 orang bersamaan 5.11%.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN B22

Bilakah penyeragaman pemakaian kupon parking akan dilaksanakan di seluruh daerah di negeri Johor?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Johor sedang bergerak ke arah pelaksanaan sistem pengurusan tempat letak kereta pintar, iaitu penggunaan sistem aplikasi tanpa tunai, selaras dengan konsep Bandar Pintar (*Smart City*). Tambahan pula, kerajaan negeri masih dalam usaha untuk menyeragamkan pelaksanaannya di peringkat PBT. Buat masa ini, pelaksanaan sistem pengurusan tempat letak kereta dalam kawasan pentadbiran PBT di seluruh negeri Johor adalah sebagaimana berikut:

1. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB):

Menggunakan kupon parkir digital melalui aplikasi *MBJBSpot* sejak April 2016, dengan pendigitalan sepenuhnya bermula 1 Januari 2024 tanpa lagi menggunakan kupon fizikal, selaras dengan konsep Bandar Pintar (*Smart City*).

2. Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG):

Masih dalam perancangan untuk pelaksanaan sistem aplikasi parking berbayar tanpa tunai.

3. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Daerah Tangkak (MDT), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Majlis Perbandaran Segamat (MPS), Majlis Perbandaran Pontian (MPPn), Majlis Perbandaran Muar (MPM), dan Majlis Daerah Mersing (MDM):

Menggunapakai sistem parkir pintar melalui aplikasi *ParkMax* selaras dengan konsep Bandar Pintar (*Smart City*).

4. Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP):

Masih menggunakan kupon parkir fizikal tetapi turut melaksanakan kupon digital sejak November 2024.

5. Majlis Perbandaran Kluang (MPK):

Menguruskan sistem parkir berkupon secara fizikal serta menggunakan aplikasi *SETEL* untuk pembelian kupon secara dalam talian.

6. Majlis Daerah Yong Peng (MDYP):

Penyeragaman kupon ini akan diserap dalam agenda Bandar Pintar yang menggunakan inisiatif *Smart Parking* dalam kawasan MDYP yang sesuai menjelang tahun 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

7. Majlis Daerah Labis (MDL):

Masih belum mempunyai sistem sistem parkir berbayar tetapi berusaha memenuhi salah satu indikator *Smart City* Bandar Labis 2035, maka MDL dalam usaha penyeragaman sistem Aplikasi Parkir Tanpa Tunai atau penggunaan kupon.

8. Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT):

Dalam proses pelaksanaan *Smart Parking* iaitu melalui aplikasi ParkMax selaras dengan konsep Bandar Pintar (*Smart City*).

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN B23

Mohon dapatkan peta perancangan pembangunan JS-SEZ mengikut daerah/zon.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR


Untuk makluman, Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) merupakan inisiatif strategik yang memacu pembangunan ekonomi berimpak tinggi di selatan Johor melalui kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Republik Singapura. Kawasan JS-SEZ merangkumi keluasan lebih 3,588 kilometer persegi.

Kawasan JS-SEZ ini melibatkan 9 *flagship* di bawah wilayah Iskandar Malaysia dan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) dan 11 sektor ekonomi telah dikenalpasti merentasi *flagship* ini bagi mengukuhkan daya saing Johor sebagai pintu masuk ekonomi serantau, sebagaimana berikut:

<i>Flagship A</i> :	Johor Bahru Waterfront	• Perkhidmatan Perniagaan • Ekonomi Digital • Kesihatan
<i>Flagship B</i> :	Iskandar Puteri	• Pembuatan • Perkhidmatan Perniagaan • Ekonomi Digital • Pendidikan • Kesihatan • Pelancongan
<i>Flagship C</i> :	Tanjung Pelepas	• Pembuatan • Tenaga • Logistik
<i>Flagship D</i> :	Tanjung Langsat – Kong Kong	• Pembuatan • Tenaga • Logistik
<i>Flagship E</i> :	Senai - Skudai	• Pembuatan – Aeroangkasa • Perkhidmatan - Aviation Maintenance, Repair and Overhaul (MRO)
<i>Flagship F</i> :	Kulai - Sedenak	• Pembuatan • Perkhidmatan Perniagaan • Ekonomi Digital • Pendidikan • Tenaga • Keselamatan Makanan • Kesihatan • Logistik • Pelancongan

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

<i>Flagship G</i> :	Desaru - Penawar	• Pendidikan • Keselamatan Makanan • Kesihatan • Pelancongan
<i>Flagship</i> :	Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC)	• Pembuatan • Tenaga • Logistik
<i>Flagship</i> :	Forest City Special Financial Zone	• Perkhidmatan Kewangan



**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN B24

Apakah fungsi KUJ dan bagaimanakah cara jabatan kerajaan negeri berurusan dengan KUJ dari segi permohonan ulasan teknikal sesuatu projek. (Carta Alir)?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

1. Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, Koridor Utiliti (Johor) Sdn Bhd (KUJ) adalah merupakan sebuah syarikat milik penuh Kumpulan PIJ Holdings Sdn Bhd (PIJ Holdings), ditubuhkan khusus bagi melaksanakan tanggungjawab dengan mandat, dilantik dan diamanahkan oleh kerajaan negeri Johor sebagai Agensi Sehenti (OSA), Pengurusan Koridor Utiliti dan Penyelaras Perancangan Pembangunan Pepasangan Utiliti Negeri Johor secara eksklusif.
2. Diantara fungsi dan tanggungjawab KUJ selaku Agensi Sehenti negeri Johor adalah sepertimana berikut:
 - 2.1 Menjadi **AGENSİ SEHENTI (OSA)** dan rujukan perancangan pembangunan dan pemasangan kemudahan infrastruktur utiliti seperti kemudahan bekalan air, elektrik, telekomunikasi, pembentungan dan kemudahan infrastruktur utiliti yang berkaitan. Setiap perancangan pemajuan pembangunan kemudahan utiliti dari syarikat penyedia utiliti perlu merujuk kepada OSA (KUJ) serta memenuhi syarat sokongan bagi kelulusan permit kerja.
 - Perancangan pembangunan ini adalah termasuk dan tidak terhad kepada perancangan dikawasan sediada (*Brownfields*), Penyambungan dari kawasan baru dengan lama (*tapping*) atau pembangunan semula yang melibatkan kerja-kerja pengalihan Utiliti.
 - Bagi perancangan pembangunan baru, KUJ akan berperanan sebagai agensi mengulas atau pra-runding sebelum perancangan tersebut dibentangkan / dibawa masuk ke dalam mesyuarat Pusat Sehenti (OSC) di pihak berkuasa tempatan yang terlibat.
 - 2.2 Membantu kerajaan dan bekerjasama dengan semua agensi perancang pembangunan dan penyedia utiliti di dalam mengintegrasikan maklumat, merancang, mencadangkan, menyusunatur perancangan pembangunan kemudahan infrastruktur utiliti di dalam negeri Johor ke dalam **PELAN INDUK PEMBANGUNAN KORIDOR UTILITI JOHOR**.
 - KUJ bertanggungjawab bagi membantu kerajaan di dalam menyediakan Pelan Pembangunan Infrastruktur Utiliti Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- Mengintegrasikan semua maklumat perancangan pembangunan dari industri, perancang bandar pemaju hartanah, industri dan kerajaan negeri.

2.3 Merancang, membiayai, membangunkan dan menguruskan PANGKALAN DATA UTILITI (PADU) Negeri Johor.

- Pangkalan data ini merupakan kemudahan khas yang menempatkan sistem simpanan data, pelayan (Server) penyimpanan (Storage) dan komponen pemprosesan, juga memuatkan maklumat Pelan Topografi, Pelan Persempadanan (R.O.W) Pelan Utiliti, Maklumat Pemilik Utiliti, Jenis Utiliti, Jangka Luput, jarak, Pemaju, Jururunding, Kontraktor, tarikh siap dibina, Permit Kebenaran dan yang berkaitan.
- Maklumat dimuatkan dalam bentuk GIS, Raw Data (CAD) dan Digital

2.4 Merancang, membiayai, membangunkan serta menguruskan kemudahan INFRASTRUKTUR GUNASAMA. Melaksanakan program kearah polisi Tiada Pengorekkan Berulang “No Digging Policy”


- Membantu kerajaan didalam mengenalpasti serta mencadangkan laluan khas Koridor Utiliti Johor dengan kemudahan Infrastruktur Utiliti Gunasama.
- Merancang dan berkolaborasi dengan mana-man syarikat yang berkemampuan bagi merancang, membangunkan dan menguruskan kemudahan gunasama.
- Mencadangkan kadar yuran laluan kepada kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal ke atas kadar yuran yang berpatutan dan bakal dikenakan kepada Penyedia Utiliti

2.5 Mewujudkan peluang kerjaya serta berkongsi potensi perniagaan dengan melibatkan lebih ramai rakyat Johor di dalam aktiviti perancangan, pelaksanaan pembangunan dan pemasangan kemudahan infrastruktur utiliti di dalam Negeri Johor Melalui PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN

- Melantik syarikat – syarikat yang berpengalaman dan berkepakaran dalam menyediakan perkhidmatan pemetaan utiliti, pelan pengurusan trafik sebagai vendor di bawah program pembangunan usahawan KUJ di bawah pengurusan rakan eksklusif KUJ, BA Utilities Sdn Bhd.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Carta Alir Proses Permohonan Perancangan Pembangunan Baru




ULASAN TEKNIKAL
dikeluarkan dalam tempoh 1 - 3 Hari
bekerja selepas PENERIMAAN DOKUMEN
IZIN-LALU DIMAJUKAN KEPADA PBM

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Carta Alir Proses Permohonan Perancangan Kawasan Sediada (Brownfields)

CARTA ALIR KELULUSAN IZIN-LALU




KELULUSAN IZIN-LALU PBM akan dikeluarkan dalam tempoh 7 - 14 Hari bekerja selepas SOKONGAN KELULUSAN IZIN-LALU DIMAJUKAN KEPADA PBM

UNIT DEWAN,
 PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI JOHOR
 MEI 2025 (ina)

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Carta Alir Proses Permohonan Perancangan Kawasan Sediada (Brownfields)

CARTA ALIR KELULUSAN PERMIT
 (BAGI PERMOHONAN YANG TELAH MENERIMA **KELULUSAN IZIN-LALU** SAHAJA)




KELULUSAN PERMIT PBM akan dikeluarkan dalam tempoh 7 - 14 Hari bekerja selepas SOKONGAN KELULUSAN PERMIT & LAPORAN LENGKAP DIMAJUKAN KEPADA PBM

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Carta Alir Proses Permohonan Perancangan Kawasan Sediada (Brownfields)

CARTA ALIR PERAKUAN SIAP KERJA
 (Bagi Permohonan Yang Telah Menerima **Kelulusan Permit** Sahaja)




SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA PBM akan dikeluarkan dalam tempoh 7 - 14 Hari bekerja selepas SOKONGAN PERAKUAN SIAP KERJA & LAPORAN LENGKAP DIMAJUKAN KEPADA PBM

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Carta Alir Proses Permohonan Perancangan Kawasan Sediada (Brownfields)

CARTA ALIR PEMULANGAN WANG AMANAH

(Bagi Permohonan Yang Telah Menerima **SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA** Sahaja)



**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN B25

Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan bagi membaik pulih kembali jalan rizab Hutan Simpan Labis hingga ke Jambatan Lintasan Keretapi untuk ke Kampung Baru Sungai Karas Labis yang lebih dekat untuk berurusan di Bandar Labis?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, hasil semakan bersama YB Tuan Tan Chong, jalan tersebut merupakan jalan perhubungan desa yang menghubungkan Perkampungan Orang Asli Lenek sepanjang 6.7km. Status tanah tersebut adalah dibawah rezab Jabatan Perhutanan. Dicadangkan kerja membina dan menaiktaraf jalan tersebut di senaraikan di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan juga MARRIS di bawah Pejabat Daerah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**SOALAN B26**

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk mewartakan permohonan tanah masyarakat Orang Asli Kampung Lenek, Kemidak dan Selai sebagaimana yang diharapkan oleh mereka?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Kerajaan Negeri Johor sentiasa menitikberatkan kesejahteraan dan hak masyarakat Orang Asli selaras dengan prinsip yang termaktub dalam **Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)**.

Komitmen ini diperkukuhkan melalui usaha pewartaan tanah rizab bagi komuniti Orang Asli, termasuk di Kampung Lenek, Kemidak, dan Selai. Berikut adalah penjelasan terperinci mengenai status pewartaan tanah bagi ketiga-tiga kampung tersebut:

1. Pewartaan Rizab Orang Asli Lenek

Tanah rizab bagi komuniti Orang Asli di Kampung Lenek telah diwartakan secara rasmi pada **12 Mac 1964** di bawah **Seksyen 7 Akta Orang Asli 1954**. Pewartaan ini meliputi keluasan tanah seluas **11,312 hektar** dan telah disiarkan dalam **Warta Kerajaan No. 253 (Pelan Warta 3340)**. Proses ini menandakan komitmen awal Kerajaan Negeri dalam memastikan hak dan kepentingan masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut dilindungi.

2. Pewartaan Rizab Orang Asli Kemidak

Bagi komuniti Orang Asli di Kampung Kemidak, proses pewartaan tanah rizab sedang giat dilaksanakan. **Pejabat Tanah Daerah Segamat** kini dalam fasa penyediaan **Rang Pewartaan** yang akan menjadi asas kepada pewartaan rasmi tanah tersebut. Langkah ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memastikan hak tanah masyarakat Orang Asli di Kemidak diiktiraf secara sah.

3. Pewartaan Rizab Orang Asli Selai

Sama seperti di Kemidak, proses pewartaan tanah rizab bagi komuniti Orang Asli di Kampung Selai juga sedang dijalankan. **Pejabat Tanah Daerah Segamat** telah memulakan kerja-kerja penyediaan **Rang Pewartaan** sebagai langkah awal menuju pewartaan rasmi. Ini merupakan usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk memastikan keadilan dan perlindungan hak tanah masyarakat Orang Asli di Selai.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri Johor telah dan sedang mengambil langkah proaktif untuk memastikan hak tanah masyarakat Orang Asli di Kampung Lenek, Kemidak, dan Selai diiktiraf secara sah melalui proses pewartaan.

Usaha ini bukan sahaja selaras dengan peruntukan undang-undang tetapi juga komitmen Kerajaan Negeri dalam memelihara kepentingan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli sebagai sebahagian daripada warisan budaya dan sejarah negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**SOALAN B27**

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor bagi membaik pulih kerosakan Taman Negara Endau-Rompin Selai akibat banjir tahun lalu dan bilakah ianya akan dibuka semula bagi melengkapkan kalendar Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Untuk makluman YB, banjir besar telah melanda Taman Negara Endau- Rompin Selai pada Februari 2023. Kejadian ini merupakan banjir terburuk yang direkodkan semenjak tahun 2006 yang mana Taman Negara Johor Endau-Rompin (Selai) menerima kesan yang sangat teruk yang telah mengakibatkan berlakunya beberapa runtutan besar di lereng-lereng bukit di sepanjang jalan masuk ke Taman Negara Johor Endau-Rompin (Selai). Hal ini telah menyebabkan laluan masuk telah mengalami kerosakan yang sangat teruk dan tidak dapat dilalui oleh kenderaan.

Perbadanan Taman Negara Johor telah memohon daripada pihak JKR Johor untuk melaksanakan penilaian dan pelaksanaan kerja pembersihan terhadap jalan tersebut.

Walau bagaimanapun, laluan tersebut telah dibersihkan dan dibaiki secara sementara oleh pihak JKR bagi membolehkan kenderaan sampai ke dalam kawasan Taman Negara Endau-Rompin Selai. Namun bagi membaikpulihan sepenuhnya lereng-lereng bukit akan melibatkan kos belanja yang sangat besar berdasarkan anggaran kos yang dikeluarkan oleh pihak JKR Malaysia iaitu sebanyak RM6.3 juta. Kos tersebut hanya melibatkan kawasan disepanjang jalan masuk dan tidak mengambil kira kos membaikpulihan di dalam kawasan Taman Negara Endau-Rompin Selai. Oleh itu, Taman Negara Endau-Rompin Selai masih lagi ditutup bagi tujuan keselamatan.

Satu kajian impak risiko sedang dilaksanakan oleh pihak UTHM bagi mengenalpasti risiko-risiko dan kesesuaian Kawasan tersebut untuk dibuka semula kepada pelawat pada masa hadapan. Laporan kajian tersebut akan disiapkan dan dihantar kepada Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) pada bulan Jun 2025.

Untuk makluman YB juga, PTNJ sedang dalam usaha untuk melaksanakan satu kajian saintifik di Kawasan Gunung Besar dan Gunung Chabang 3 yang pintu masuknya melalui Tenang, Labis bagi menilai potensi yang ada di kawasan tersebut untuk dibuka kepada pelawat dan pendaki menjelang Tahun Melawat Johor 2026. PTNJ yakin sekiranya ekspedisi saintifik tersebut berjaya, Kawasan tersebut akan dapat menarik pelawat untuk melakukan aktiviti mendaki.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**SOALAN B28**

Adakah Kerajaan Negeri Johor melalui PBT boleh mengubal undang-undang yang lebih ketat kepada pemaju pembangunan yang berhajat untuk membangunkan kawasan yang berhampiran dengan paip gas di seluruh negeri Johor?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang kecil sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 73 dan Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kuasa ini membolehkan PBT untuk menggubal, meminda, atau membatalkan undang-undang kecil yang berkaitan dengan pentadbiran kawasan tempatan, termasuk kawalan pembangunan dan keselamatan awam. Namun, undang-undang kecil yang digubal perlu diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan diwartakan.

Sekiranya terdapat keperluan untuk menggubal undang-undang yang lebih ketat ke atas pembangunan, perkara tersebut perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Akta ini memberikan kuasa kepada PBT sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk mengawalselia serta merancang penggunaan tanah dan pembangunan melalui Rancangan Tempatan. Berdasarkan undang-undang ini, tiada pihak yang dibenarkan untuk menggunakan tanah atau bangunan kecuali menurut rancangan yang telah diluluskan.

PBT bertanggungjawab menetapkan syarat-syarat teknikal yang lebih ketat semasa peringkat permohonan Pemajuan (Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah dan Jalan, lain-lain) bagi pemaju pembangunan yang berhajat untuk membangunkan kawasan yang berhampiran dengan paip gas di dalam kawasan pentadbiran PBT. Pembangunan yang berhampiran dengan laluan paip gas atau air hendaklah dipastikan tidak berada dalam rizab laluan (ROW) Petronas atau SAJH. Selain pematuhan kepada anjakan bangunan ke sempadan rizab, laluan paip gas itu sendiri juga telah menyediakan anjakan yang mencukupi antara saluran paip ke sempadan rizab. Walau bagaimanapun, penerapan syarat-syarat teknikal ini terhad kepada garis panduan yang telah ditetapkan di dalam dokumen Garis Panduan Perancangan Negeri Johor Edisi 2019 dan Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti dan Penggalan Jalan yang disediakan oleh PLANMalaysia dan telah digunapakai oleh PBT.

Di samping itu, pihak pemaju atau kontraktor yang dilantik perlu memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan kerja-kerja pengorekan atau pembinaan di kawasan sensitif seperti saluran paip gas agar tragedi yang berlaku di Putra Heights baru-baru ini tidak lagi berulang. Pemaju juga perlu memastikan pekerja diberi latihan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

khas mengenai risiko berkaitan dan langkah kecemasan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebocoran atau sesuatu kecemasan. Tindakan pengawasan dan penguatkuasaan juga perlu dijalankan secara berkala bagi setiap pembangunan yang memperoleh kebenaran merancang (KM) di kawasan berisiko tinggi seperti berhampiran paip gas. Kaedah pemantauan moden seperti penggunaan sistem pengesanan kebocoran automatik perlu dipertingkatkan bagi mengesan sebarang ancaman sebelum kerja-kerja pengorekan di jalan di tapak.

Kerjasama antara syarikat utiliti, pemaju, dan juga agensi kerajaan perlu diperkukuhkan bagi memastikan semua projek pembangunan mengambilkira faktor keselamatan infrastruktur sedia ada.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN B29

Tebing runtuh di Jalan Sendayan Labis (Bersebelahan Pejabat Veterinar Labis). Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk membaik pulih runtuh tebing tersebut daripada menjadi serius sehingga menjejaskan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya utama Segamat ke Yong Peng?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, lokasi aduan adalah tebing runtuh di laluan persekutuan FT01, seksyen 157.3 yang telah mengalami kerosakan pada cerun dan sistem saliran. Yang terkini, Pejabat ini telah mengemukakan permohonan peruntukan dibawah persekutuan melalui Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) dan permohonan peruntukan di bawah kerajaan Negeri Johor melalui surat yang bertarikh 25 April 2025 dengan anggaran kos sebanyak RM850 ribu sahaja. Kerja pembaikan cerun runtuh dan longkang akan dilaksanakan sejurus peruntukan di terima.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**SOALAN B30**

Adakah terdapat pelan untuk memperkenalkan inovasi dalam sektor pendidikan tempatan, seperti pembelajaran atas talian atau program keusahawanan pelajar?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha memperkenalkan inovasi dalam pendidikan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan memperluaskan akses pendidikan. Usaha ini turut menekankan penyediaan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritikal, kreativiti, dan keusahawanan, selain membina ekosistem pendidikan yang lebih inklusif, fleksibel, dan responsif terhadap perubahan global.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan platform pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) yang mengintegrasikan aplikasi *Google Classroom* sebagai medium sokongan kepada pengajaran dan pembelajaran digital. JPN Johor juga telah menyediakan Gerbang Pembelajaran Digital Negeri Johor sebagai satu platform sehenti digital yang menyeluruh dan mudah dicapai oleh warga pendidikan negeri Johor. Inisiatif ini memudahkan akses pelajar kepada bahan pembelajaran secara dalam talian serta memupuk budaya pembelajaran sendiri. Selain itu, penggunaan aplikasi berasaskan kecerdasan buatan (AI) turut diperkenalkan dalam DELIMa bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran dan memperibadikan sokongan akademik mengikut keperluan individu pelajar. Bagi tahun 2024, kadar penggunaan aktif DELIMa dalam kalangan guru dan murid di Negeri Johor mencatatkan peratusan yang lebih tinggi berbanding paras kebangsaan, iaitu 97% bagi guru dan 50% bagi murid, berbanding peratusan kebangsaan masing-masing sebanyak 94% dan 44%.

Pada tahun ini, JPN Johor sedang membangunkan Modul Strategi Penggunaan Pelantar DELIMa dengan pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merentas kurikulum bersama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) negeri Johor dan Pasukan Digital Guru Peneraju Generasi Digital (GPGD) Google Johor. Inisiatif ini bertujuan memperkasakan kemahiran digital dalam kalangan guru dan pelajar, meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran digital, serta memastikan penggunaan *Google Classroom* secara optimum dan berkesan oleh murid-murid sekolah negeri Johor.

Program keusahawanan pelajar di sekolah dijalankan melalui kegiatan kokurikulum kelab dan persatuan, iaitu melalui kelab koperasi sekolah. Terdapat 283 koperasi sekolah yang aktif di negeri Johor. Latihan dan bimbingan sentiasa diberikan dari badan koperasi kepada pihak sekolah, antaranya seperti berikut :

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- I. Bengkel Klinik Akaun Koperasi sekolah telah dibuat pada 24-26 Februari 2025 di Dewan Jubli Perak Bandar Baru Uda anjuran SKM Wilayah Johor Bahru. Objektif program adalah untuk membantu koperasi mengemaskini akaun bagi memudahkan akaun diaudit. 38 buah koperasi sekolah terlibat dari sekitar daerah Johor Bahru, Pasir Gudang dan Kulai.
- II. Webinar : Mengasah Bakat Murid Melalui Koperasi Sekolah “Kemenjadian Koperator Murid Matlamat Utama Koperasi” anjuran ANGKASA pada 21 Mei 2024 secara dalam talian (zoom). Program ini bertujuan mendedahkan ilmu koperasi kepada generasi muda berkaitan dengan keusahawanan dan kepimpinan untuk menggerakkan koperasi ke peringkat tertinggi.
- III. Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) dan Ikon Muda Koperator Sekolah 2024 Peringkat Kebangsaan anjuran ANGKASA pada 10-12 Januari 2025 bertempat di Pearl View hotel, Pulau Pinang. Majlis ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada koperasi sekolah yang terbaik di peringkat negeri dan kebangsaan serta bertujuan meningkatkan kesedaran komuniti mengenai peranan koperasi sekolah dalam melahirkan generasi muda yang berpengetahuan dan kompeten di samping memberikan pendidikan keusahawanan berdasarkan amalan koperasi. Dua buah sekolah dari Johor tersenarai sebagai pemenang atau penerima anugerah iaitu MRSM Batu Pahat dan Kolej Vokasional Kluang.

Selain itu, hari kantin atau hari keusahawanan sekolah merupakan acara tahunan atau sebahagian dari takwim kokurikulum sekolah di mana murid diberi pendedahan kepada asas keusahawanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2025, kesemua sebelas buah PPD dikehendaki menjalankan Kem Lestari Madani bermula dari 2 Mei hingga 31 Julai 2025. Kem ini perlu dijalankan selama dua hari dan akan melibatkan sekurang-kurangnya 2,200 orang murid sekolah menengah dan sekolah rendah dari seluruh Johor. Salah satu modul yang wajib diterapkan ialah elemen keusahawanan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN B31

Berapa peratuskah penambahan cukai pintu dan bagaimana hasil pertambahan cukai pintu ini digunakan untuk menaiktaraf infra atau perkhidmatan perumahan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Johor sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Terdapat PBT yang telah menjalankan Penilaian Am Semula dan kenaikan cukai pintu ini dibuat berdasarkan penilaian semula nilai hartanah oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), yang mengambil kira perkembangan pesat kawasan perumahan dan peningkatan kos penyelenggaraan perkhidmatan awam.

Peningkatan hasil cukai pintu tersebut digunakan untuk menampung perbelanjaan bagi penyelenggaraan infrastruktur, memperkasakan perkhidmatan perbandaran dan menaiktaraf kemudahan awam. Terdapat banyak inisiatif pembangunan yang dijalankan oleh PBT bagi menyediakan pembangunan kepada penduduk khususnya di kawasan bercukai, berdasarkan kutipan hasil cukai pintu. Antaranya adalah :

1. Kerja-kerja pembinaan, penaiktarafan dan penyelenggaraan perparitan serta pembentungan, jalan raya serta perabot jalan bagi mengurangkan risiko banjir kilat dan memastikan keselamatan pengguna jalan.
2. Kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan, pengindahan bandar dan landskap serta taman awam bagi mewujudkan persekitaran yang selesa dan selamat untuk komuniti.
3. kemudahan sukan dan riadah, pengindahan bandar dan landskap, dewan raya serta balai serbaguna, pengangkutan awam dan lain-lain.

Selain itu, hasil cukai pintu tersebut juga dibelanjakan bagi tujuan peningkatan kecukupan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. PBT juga sentiasa berusaha untuk bergerak ke arah pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan PBT, seperti aduan dalam talian dan pembayaran tanpa tunai, untuk meningkatkan respons dan kemudahan kepada rakyat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN B32

Akta Perkhidmatan Parlimen telah diluluskan di Parlimen pada Mac 2025, adakah kerajaan negeri merancang untuk melaksanakan Akta Perkhidmatan Dewan Negeri?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang (RUU) Perkhidmatan Parlimen 2025 yang telah diluluskan oleh Parlimen di Dewan Rakyat pada 05 Mac 2025 dan di Dewan Negara pada 20 Mac 2025 menandakan pemulihan semula struktur pentadbiran Parlimen yang bebas dan berautonomi daripada kawalan eksekutif.

Akta ini bertujuan mengukuhkan prinsip pemisahan kuasa dan memastikan kebebasan institusi legislatif, terutamanya dari aspek pentadbiran, sumber manusia, serta kewangan.

RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 digubal bagi mewujudkan Perkhidmatan Parlimen serta Majlis Perkhidmatan Parlimen yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan Parlimen serta perkara-perkara berkaitan.

Sehubungan itu, sekiranya Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan Perkhidmatan Dewan Negeri, satu kajian terperinci perlu dilaksanakan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Kajian ini penting memandangkan pelaksanaan tersebut akan melibatkan pewujudan skim perkhidmatan baharu serta memerlukan penilaian terhadap implikasi kewangan yang mungkin ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B33

Apakah strategi untuk mempromosikan dan meningkatkan pemakaian 'Kain Benang Johor' sebagai satu identiti Bangsa Johor?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor merupakan sebuah agensi badan berkanun yang sedang giat melaksanakan program untuk memelihara warisan, seni dan budaya negeri Johor. Pelbagai strategi promosi serta program dilaksanakan dan dirancang supaya masyarakat terutamanya di negeri Johor sedar akan usaha Yayasan Warisan Johor dalam meningkatkan pemakaian 'Kain Benang Johor' sebagai satu identiti Bangsa Johor. Pelbagai pendekatan holistik yang menekankan elemen warisan budaya namun tidak mengabaikan dari sudut pemasaran dan peningkatan penglibatan komuniti atau masyarakat.

Peranan Muzium dan Galeri

Pewujudan galeri dan muzium di bawah kelolaan Yayasan Warisan Johor adalah merupakan usaha untuk mempromosi bahan-bahan berkaitan seni, warisan, budaya serta hasil kraftangan negeri Johor. Galeri Tenun Johor merupakan salah satu galeri di bawah kelolaan Yayasan Warisan Johor yang mempamer serta menghasilkan produk Kain Benang Johor iaitu salah satu produk kraftangan yang beridentitikan negeri Johor. Galeri ini telah dirasmikan pada 18 November 2018 oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Ibrahim, menjadi lambang tempat kajian dan rujukan berkaitan sejarah dan warisan negeri Johor dari sudut produk kraftangan dan kearifan tempatan.

Selain mempamer serta mempromosikan kraftangan tekstil masyarakat juga berpeluang menambah ilmu pengetahuan dalam melihat sendiri proses penghasilan produk dan membeli produk ini sama ada melalui tempahan atau produk siap. Galeri Tenun Johor adalah antara lokasi pelancongan yang utama selain keunikan bangunan galeri tersebut yang telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan melalui Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645).

Pemakaian Kerabat DiRaja Johor

Kerabat DiRaja Johor merupakan ikon pemakaian yang sering menjadi ikutan masyarakat terutamanya rakyat Johor. KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta anakanda sering mengayakan produk Kain Benang Johor ketika majlis-majlis rasmi kerajaan. Pemakaian oleh kerabat diraja menjadikan produk kraftangan ini semakin dikenali dan diminati. Selain itu, pembelian serta pemakaian oleh pegawai kerajaan juga

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

merupakan salah satu strategi promosi untuk memperkenalkan produk Kain Benang Johor kepada pelancong dalam dan luar negeri dan negara. Oleh itu, dengan menjadikan Kain Benang Johor sebagai pelengkap pemakaian kerja baju melayu dan baju kurung Teluk Belanga pada hari Jumaat, ia sekaligus dapat mempromosi hasil kraf Johor kepada pelancong tempatan dan luar negara.

Pemakaian rasmi kepada Penjawat Awam dan Exco Negeri Johor

Menggalakkan pemakaian Kain Benang Johor pada setiap hari Jumaat atau dalam acara-acara rasmi tertentu sebagai sokongan dan kebanggaan terhadap produk negeri Johor.

Pemakaian rasmi bagi Sekolah Agama Negeri Johor

Johor merupakan sebuah negeri yang mempunyai sistem pendidikan yang teratur dengan penambahan Sekolah Agama Johor yang diwujudkan atas perintah Sultan Abu Bakar dengan tujuan memberikan pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di negeri ini bagi melahirkan generasi muda yang berakhlak tinggi. Justeru pemakaian samping Kain Benang Johor dengan menggunakan kaedah cetakan juga dapat membantu menyemarakkan lagi pemakaian selain memberi pendedahan awal kepada golongan kanak-kanak untuk meminati dan memahami produk kraftangan negeri Johor.

Pemakaian Rekaan Baju Kokurikulum Sekolah

Pemakaian dalam bentuk cetakan bagi rekaan Kain Benang Johor bagi pakaian aktiviti kokurikulum sekolah (kemeja T KRMJ) terutama kepada pelajar sekolah rendah dan menengah juga dapat memberi pendedahan serta maklumat awal dalam mempromosikan dan memperkenalkan produk kraf tenunan ini kepada pelajar dan guru.

Selain itu, sekolah juga di beri peluang untuk berkolaborasi bersama Yayasan Warisan Johor untuk melihat potensi pelajar yang meminati bidang ini untuk mengikuti latihan dan kursus yang disediakan selain boleh dilaksanakan dalam silibus pembelajaran di sekolah bagi mata pelajaran Seni Visual.

Promosi Jualan Kain Benang Johor

Bagi meningkatkan minat dan pemahaman kepada masyarakat tentang keunikan dan keistimewaan penghasilan Kain Benang Johor, Yayasan Warisan Johor telah melaksanakan jualan Koleksi Qalbu bersempena sambutan Hari Raya 2025 dengan potongan harga sebanyak 25%. Promosi ini juga telah dilaksanakan dengan jayanya bagi jualan mencecah 2,500 helai dalam tempoh sebulan setengah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Meningkatkan Modal Insan dalam Kemahiran Terpencil

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengumumkan untuk menjadikan negeri Johor sebagai sebuah negeri pertama yang menawarkan gaji permulaan sebanyak RM3,000.00 kepada golongan berkemahiran tinggi terutamanya dalam bidang seni kreatif ini supaya negeri Johor dapat melahirkan lebih ramai golongan belia yang berpotensi tinggi.

Oleh itu, dengan penawaran gaji sebagaimana di atas dapat melahirkan lebih ramai tenaga pakar agar dapat berkhidmat kepada negeri Johor dalam menghasilkan lebih banyak produk kraf tempatan.

Penghasilan Produk Cenderamata Beridentitikan Johor melalui Kolaborasi bersama The Johor Collection

Penghasilan produk yang beridentitikan negeri Johor sangat penting bagi negeri ini agar dapat di kenali dan di pasaran dengan lebih meluas. Penghasilan produk kraftangan yang dihasilkan secara eksklusif di Galeri Tenun Johor sering dijadikan cenderamata rasmi kepada tetamu dalam dan luar negara. Ia secara tidak langsung telah mempromosi produk kearifan tempatan negeri Johor yang unik dan istimewa ini. Cenderamata yang dihasilkan tidak hanya dalam pemakaian kain seperti sampung, sarung atau selendang sahaja ia juga melalui inovasi dalam bentuk bingkai, tali leher, beg tangan dan pelbagai produk perhiasan rumah dan sebagainya.

Yayasan Warisan Johor sedang melaksanakan program kolaborasi bersama The Johor Collection bagi menghasilkan lebih banyak produk cenderamata yang berasaskan Kain Benang Johor.

Program Pengembangan Bakat Tenun (Kursus Asas Seni Tenunan) bersama Yayasan Jcorp

Yayasan Warisan Johor juga sedang giat menjalankan program untuk pencarian bakat serta tenaga mahir dalam bidang tenunan. Program kolaborasi bersama Yayasan JCorp iaitu Kursus Asas Seni Tenunan adalah satu program baru yang akan diperkenalkan pada tahun 2025 bagi mencari bakat-bakat anak muda yang berminat untuk mempelajari tenunan. Program ini dilaksanakan selama 6 bulan / 24 minggu berdasarkan modul yang disediakan oleh jabatan dalam bentuk latihan asas kepada pengenalan dan penghasilan produk tenunan berkaitan Kain Benang Johor. Program ini mensasarkan 10 orang belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang tidak berminat untuk menyambung pelajaran namun berminat untuk memberikan tumpuan dalam bidang kemahiran terpencil ini. Melalui inisiatif ini Kerajaan Negeri Johor dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Johor serta dapat meningkatkan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

penghasilan modal insan dalam bidang kraftangan bagi tujuan penghasilan produk secara produktif sehingga menjadi sumber pendapatan utama kepada penduduk.

Program Kolaborasi bersama Kraftangan Malaysia

Yayasan Warisan Johor turut merangka strategi bagi menjamin kualiti penghasilan produk serta pengiktirafan dengan kolaborasi bersama Kraftangan Malaysia dalam mempromosi produk Kain Benang Johor. Melalui penyertaan Festival Kraftangan Negara selain perancangan untuk penjualan Kain Benang Johor di Karyaneka bagi memperlihatkan keunikan serta peningkatan hasil jualan. Dengan itu, melalui kolaborasi ini dapat memberikan kawalan dari sudut penghasilan produk dengan pemantauan dan pengesahan daripada Kraftangan Malaysia.

Promosi dan Pameran Daerah dan Luar Negeri Johor.

Yayasan Warisan Johor juga giat melaksanakan pameran-pameran luar daerah dan luar negeri Johor bagi mempromosi pembuatan serta hasil produk tenunan Johor. Yayasan Warisan Johor juga sedang dalam usaha menggalakkan pemakaian Kain Benang Johor melalui penjualan produk mampu milik yang akan dilaksanakan pada tahun 2025. Selain itu, usaha promosi melalui media massa, media sosial serta kolaborasi bersama *influncer* atau pempengaruh melalui pelbagai program yang dirancang.

Program Peragaan Produk Kain Benang Johor

Sempena Tahun Melawat Johor Pada Tahun 2026, Yayasan Warisan Johor sedang merancang untuk mengadakan peragaan fesyen bagi produk Kain Benang Johor iaitu kolaborasi bersama pereka fesyen terkenal tanah air. Secara tidak langsung menjadi galakkan kepada pereka fesyen tempatan untuk menghasilkan rekaan moden dan kontemporari yang mengekalkan elemen tradisional agar lebih relevan dan menarik bagi generasi muda. Peragaan ini tidak hanya terhad pada pemakaian, ia akan dihasilkan dalam pelbagai produk seperti pemakaian sampin, baju tradisional Johor, aksesori wanita dan lelaki, kusyen serta perabot. Dengan adanya program ini sekaligus ia akan menjadi satu daya tarikan pelancong ke negeri Johor.

Oleh itu, pada tahun 2025 Yayasan Warisan Johor telah melaksanakan satu program kolaborasi bersama Politeknik Ibrahim Sultan bagi penganjuran pertandingan **IDEA : Fashion International Design Awards** yang melibatkan penyertaan daripada universiti dalam dan luar negara seperti **Singapura, Indonesia dan Thailand** dengan menjadikan Kain Benang Johor sebagai material utama dalam penghasilan rekaan pakaian tersebut.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Jalanan Kerjasama Institut Kraf Negara di Rawang

Yayasan Warisan Johor juga tidak hanya akan tertumpu kepada program latihan jangka masa pendek melalui Perintis Seni Johor bagi melahirkan lebih ramai penggiat atau penenun yang berpotensi menghasilkan produk kraftangan negeri ini. Namun, ia dikembangkan lagi dengan program pengembangan kerjaya melalui kolaborasi bersama Institut Kraf Negara bagi melahirkan tenaga kerja yang pakar dalam bidang tenunan di negeri ini selain dapat melahirkan adiguru kraf di masa akan datang.

Melalui program yang dirancang oleh Yayasan Warisan Johor dari masa ke semasa, ia dijangka akan menarik minat anak-anak muda untuk mempelajari tenunan dengan lebih mendalam serta mampu memperbanyakkan produk hasil kraf bagi memenuhi permintaan pelancong dan pengunjung di Negeri Johor khususnya.

Penghasilan Produk Kain Benang Johor

Justeru itu, sempena kempen Tahun Melawat Johor 2026, Yayasan Warisan Johor juga sedang dalam usaha menghasilkan produk Kain Benang Johor untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan bagi memudahkan pelancong untuk mendapatkan produk tersebut. Oleh itu, penghasilan Kain Benang Johor dijangka akan disediakan pada masa akan datang bagi tujuan jualan sempena sambutan Tahun Melawat Johor 2026 dengan kepelbagaian warna serta rekaan yang unik.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**SOALAN B34**

Berapakah jumlah rumah sembelih yang ada di Johor dan nyatakan keperluan syarat yang perlu dipatuhi untuk membuka rumah sembelih tersebut?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman, rumah penyembelihan boleh dibahagikan kepada 3 iaitu rumah penyembelihan Kerajaan Persekutuan, rumah penyembelihan swasta dan rumah penyembelihan kebenaran Kerajaan Negeri. Bagi rumah penyembelihan Kerajaan Persekutuan, hanya terdapat sebuah rumah penyembelihan ruminan kerajaan yang terletak di Kempas, Johor Bahru.

Untuk rekod semasa, bagi rumah penyembelihan ruminan swasta, terdapat 12 buah rumah penyembelihan swasta ruminan yang telah diluluskan bagi tahun 2025. Rumah penyembelihan ini meliputi rumah penyembelihan ruminan besar sebanyak 5 buah, rumah penyembelihan ruminan kecil sebanyak 2 buah dan rumah penyembelihan ruminan besar dan kecil sebanyak 5 buah.

Walaubagaimanapun, masih terdapat 6 buah rumah penyembelihan swasta ruminan sedang dalam proses pertimbangan kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Bagi rumah penyembelihan Kerajaan Negeri, buat masa ini terdapat 3 buah rumah penyembelihan yang telah diberikan kebenaran beroperasi oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor. Untuk makluman, rumah penyembelihan Kerajaan Negeri diberikan kebenaran bagi rumah penyembelihan yang sedang dalam proses permohonan rumah penyembelihan swasta dan kebenaran ini perlu diperbaharui setiap 6 bulan.

Antara syarat yang perlu dipatuhi untuk membuka sebuah rumah penyembelihan bagi permohonan lesen operasi adalah seperti berikut:

- i. Kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (kebenaran merancang/ kebenaran merancang terhad/ PKM)
- ii. Mendapat sokongan daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Pihak Jabatan akan memberikan khidmat nasihat bagi layout rumah penyembelihan dan infrastruktur yang diperlukan bagi pembangunan sesebuah rumah penyembelihan.
- iii. Mempunyai geran tanah dan pelan tanah (sekiranya tanah milik pemohon)
- iv. Mempunyai surat perjanjian guna/ sewa tanah (sekiranya tanah bukan milik pemohon)
- v. Mempunyai pelan layout yang dilukis oleh arkitek bertauliah.
- vi. Syarikat telah mendaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Maklumat terperinci mengenai permohonan lesen swasta rumah sembelih boleh dirujuk di lawan sesawang Jabatan Perkhidmatan Veterinar:
<https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/1982>

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**SOALAN B35**

Skim Jaminan Kredit Perumahan yang diperkenalkan sangat membantu pemohon yang sukar untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Berapa ramai yang telah menerima manfaat dan apakah garis panduan permohonan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Gambir, melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), bilangan permohonan dan jumlah pembiayaan mengikut lokasi hartanah di negeri Johor (dari tahun 2008 sehingga Mac 2025) mencatatkan jumlah tertinggi berbanding negeri lain iaitu sebanyak 15,327 jumlah permohonan yang diluluskan. Manakala bagi jumlah pembiayaan yang telah ditawarkan kepada pemohon adalah sebanyak RM3.66 billion.

Rekod pada tahun 2024 mencatatkan, sebanyak 7,459 jumlah permohonan telah diluluskan di bawah skim SJKP bagi hartanah yang terletak di negeri Johor dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1.98 billion. SJKP juga telah memperhebat pelbagai kaedah promosi yang dilaksanakan bersama pihak Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang kewujudan skim ini. Kerjasama erat turut dijalinan dengan pihak berkepentingan seperti institusi kewangan, pemaju, dan Kerajaan Negeri bagi tujuan promosi bersama bagi mempermudah kelulusan permohonan pembiayaan di bawah SJKP.

Proses bagi permohonan skim SJKP adalah seperti berikut:

1) Syarat Asas Permohonan

- a. Pemohon mestilah warganegara Malaysia
- b. Berumur 18 tahun dan keatas
- c. Tujuan pembelian adalah pembelian rumah pertama
- d. Tiada rekod tertunggak CCRIS melebihi 2 bulan bagi tempoh 12 bulan terkini

2) Senarai Dokumen Permohonan Pembiayaan

- a. Surat perjanjian asal Jual Beli/ borang tempahan/ resit bayaran muka
- b. Penyata akaun Bank / Slip gaji
- c. Penyata cukai pendapatan
- d. Penyata KWSP (jika ada)
- e. Surat pengesahan pendapatan bagi yang berkerja sendiri / berniaga
- f. Dokumen sokongan lain seperti surat pengesahan majikan / peniagaan dan lesen perniagaan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B36

Pemilihan kontraktor kecil melalui sistem cut off menimbulkan polemik pro dan kontra. Apakah permasalahan yang telah dikenalpasti dan apakah perancangan untuk penambah baik?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjualan dan pembelian tiket perkhidmatan tren ETS sektor Selatan akan disediakan secara atas talian menerusi aplikasi KTMB Mobile (KITS) dan laman web rasmi KTMB. Selain itu, tiket turut boleh diperolehi melalui kiosk dan kaunter tiket di stesen - stesen KTMB.

Buat masa ini, perkhidmatan tren ETS telah dipanjangkan sehingga ke stesen Segamat bermula pada 15 Mac 2025 dengan menyediakan 2 perkhidmatan bagi laluan Segamat – Padang Besar – Segamat dan 2 perkhidmatan bagi laluan Segamat – Butterworth – Segamat setiap hari. Contoh tambang perkhidmatan tren ETS yang dikenakan bagi laluan KL Sentral ke Segamat adalah bermula dari RM38.00 bagi perjalanan sehalu.

Manakala, bagi lain – lain destinasi sehingga stesen Johor Bahru, tambang fleksi perkhidmatan tren ETS sedang dimuktamadkan dan akan diumumkan 30 hari sebelum perkhidmatan tren ETS beroperasi.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**SOALAN B37**

Dilaporkan pada tahun 2022 sebanyak 42 ajaran sesat telah menular ke Johor untuk tempoh 2020-2021. Bagaimana ststus penularan ajaran sesat pada masa sekarang dan apakah langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi mengekang penularan ajaran sesat di Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Sebanyak 23 ajaran sesat yang telah difatwakan sesat dan sebahagian telah diwartakan. Senarai ajaran adalah seperti berikut :

BIL.	NAMA AJARAN	TARIKH MUNCUL	TARIKH FATWA	TARIKH WARTA	AKTIF/TIDAK AKTIF
1	AJARAN QADYANI	TAHUN 1986	1986	TIDAK DIWARTAKAN	
2	AJARAN PERTUBUHAN BAHAT	TAHUN 2000	13 JULAI 2000	TIDAK DIWARTAKAN	
3	AJARAN ILMU TAJALLI@HAKIKAT INSAN	TAHUN 2001	29 JANUARI 2001	TIDAK DIWARTAKAN	
4	AJARAN GUNUNG LEDANG, TANGKAK		4 JULAI 2001	TIDAK DIWARTAKAN	
5	AJARAN ARIFFIN BIN MOHAMAD @ AYAH PIN	TAHUN 2005	27 OKTOBER 2005	26 JULAI 2007	

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

6	FAHAMAN AL-ARQAM ATAS NAMA SYARIKAT RUFAQA	TAHUN 2007	26 JULAI 2007	31 MEI 2007	
7	KUMPULAN BLACK METAL		8 MAC 2011	TAHUN 2007	
8	AJARAN AZHAR BIN WAHAB AL-MANSUR	TAHUN 2008	TAHUN 2008	TAHUN 2008	
9	AJARAN KUMPULAN LAYAR BAHTERA	TAHUN 2010	30 MAC 2010	8 MAC 2011	
10	AJARAN HAJI BIN BANUAR ROSLAN	TAHUN 2012	13-Sep-12	TIDAK DIWARTAKAN	
11	AJARAN SYIAH		14 JULAI 2014	15 JULAI 2019	AKTIF
12	AJARAN ILMU MA'RIFAT	TAHUN 2014	6 JANUARI 2015	25 OKTOBER 2016	
13	AJARAN MILLAH IBRAHIM	TAHUN 2015	30-Jun-15	28-Apr-16	AKTIF
14	RAWATAN BEDAH BATIN	TAHUN 2016	26 OKTOBER 2016	TIDAK DIWARTAKAN	

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

15	PERTUBUHAN RAHMATAN LIL ALAMIN OLEH ISLAIL BIN KASSIM	TAHUN 2017	24 JANUARI 2017	TIDAK DIWARTAKAN	
16	AJARAN WAHABI		25 OKTOBER 2016	2 FEBRUARI 2017	AKTIF
17	AJARAN YAYI	TAHUN 2018	24 JANUARI 2018	TIDAK DIWARTAKAN	
18	AJARAN AZMAN BIN SAMAT	TAHUN 2019	27-Nov-19	21 DISEMBER 2021	
19	HIZBUT TAHRIR		26-Jun-19	10 OKTOBER 2019	AKTIF
20	AJARAN SUHAINI BIN MOHAMAD (SI HULK)	TAHUN 2020	28-Sep-20	22 JULAI 2021	AKTIF
21	AJARAN ISA AL- MASIH	TAHUN 2021	28 FEBRUARI 2021	21 DISEMBER 2021	
22	AJARAN ISMAIL BIN ARIFFIN @ LEPAT	TAHUN 2022	20-Sep-22	BELUM DIWARTAKAN	
23	AJARAN HADI MINALLAH		30-Nov-22		

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

STATUS AJARAN SESAT YANG AKTIF DAN SENTIASA DIPANTAU DI
NEGERI JOHOR 2019 HINGGA 2025

BIL	SENARAI AJARAN SESAT AKTIF	NAMA PEMIMPIN/ PENGASAS	BENTUK ANCAMAN (AKIDAH@ MILITAN@ SOSIAL)	TELAH DIFATWA SESAT ATAU BELUM	TAHUN OPERASI	JUMLAH TANGKAPAN	STATUS	TINDAKAN PEMULIHAN (ADA/TIADA) – PERINCIAN TINDAKAN
1.	Hizbur Tahrir	Sheikh Taqiyuddin al-Nabhani	Akidah	Telah difatwakan pada 26.6.2019	2019 – Ops Ajar	3 orang lelaki	Proses perbicaraan.	Tiada
					2020 – Ops Warta	4 orang lelaki diperintah hadir untuk bantu siasatan	Masih dalam tindakan pengesahan.	Tiada
2.	Syiah		Akidah	Telah difatwakan pada 14.7.2014	2013 – Ops Hauzah	1 orang lelaki	DNFA kerana OYDS telah meninggal dunia.	Tiada
					2014 – Ops Pintas Buku	1 orang lelaki	Masih dalam tindakan Penguatkuasaan untuk mendapatkan pengesahan buku dari Bahagian Penyelidikan, JAINJ.	Tiada
					2014 – Ops Pintas	4 orang lelaki	Kes tidak dapat disabitkan kerana isu teknikal yang telah menjejaskan kekuatan	

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

							pembuktian kes.	
					2014 – Ops Hauzah	1 orang lelaki	Proses perbicaraan.	
					2017 – Ops Hauzah	1 orang lelaki	DNFA kerana OYDS telah meninggal dunia.	
					2019 – Ops Hauzah	8 orang lelaki	Dalam tindakan pendakwaan.	
3.	Wahabi	Muhammad Bin Abdul Wahab	Akidah	Telah difatwakan pada 25.10.2016	-	-	-	Tiada
4.	Millah Abraham	Ahmad Musadeq	Akidah	Telah difatwakan pada 30.6.2015	2023 – Ops Millab	13 orang lelaki 3 orang perempuan	14 orang masih dalam perbicaraan. 4 orang telah dijatuhkan hukuman kerana mengaku bersalah.	Ada 4 Orang sedang menjalani kelas pemulihan di Batu Pahat dibawah Modul Pusat Pemurnian syariah Islam Negeri Johor
5.	Si Hulk	Suhaini Bin Mohammad	Akidah	Telah difatwakan pada 28.9.2020	2023 – Risikan video yang tular	-	OYDS telah melarikan diri ke New Zealand.	Tiada
6.	GISBH	Tuan Nasiruddin Mohd Ali	Akidah	Masih dalam proses	2024 – Operasi Bersepadu bersama	Tangkapan semula oleh Penguatkuasaan	2 orang dalam tindakan siasatan. 3 orang	Ada – Mengadakan kelas pemulihan secara harian

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

					PDRM	n : 2 orang lelaki 3 orang peremp uan	dibebaskan .	kepada bekas ahli sebanyak 36 sesi bersamaa n 144 Jam dengan berpandu kan kepada modul yang ditetapka n Fasa 1 seramai 1 01 orang Fasa 2 seramai 174 orang jumlah keseluruh an 275)rang.
7.	QADIANI	Abu Talha	Akidah	Telah difatwak an pada 1986 dan 2001 (murtad) 2025 dalam proses fatwakan semula sebagai ajaran yang bertentan gan dengan Islam	2024- Dalam tindaka n Pemant auan dan Risikan	-	Tiada	Tiada

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Langkah Kerajaan dalam membendung dan mengekang penularan ajaran sesat ini.

Sentiasa mengiatkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran sesat ini melalui program-program kesedaran seperti seminar.forum, kelas-kelas takmir, Khtbah Jumaat , sebaran islam , info-info di media sosial dan lain-lain lagi.

Pihak penguatkuasa sentiasa memantau segala ajaran-ajaran yang telah difatwakan sesat dan mengambil Tindakan segera bagi mengelakkan dari penularan. Kerjasama dengan semua pihak agar ajaran sesat ini dapat dibentaras dengan berkesan.

Mewujudkan Pusat Pemulihan akidah bagi memulihkan mereka yang tersasar dari landasan Islam yang sebenar dan memberikan hukuman yang tegas dan berat agar pesalah akidah ini tidak akan mengulangi kesalahan yang telah berlaku.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN B38

Minta statistik terkini jumlah pertubuhan kebudayaan dan kesenian dalam negeri Johor serta berapakah nilai bantuan dan peruntukan yang telah disalurkan melalui peruntukan dibawah JKKN dan MOTAC pada tahun 2023 dan 2024

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Kerajaan secara berterusan telah mewujudkan beberapa geran termasuk Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) dan bantuan lain sebagai inisiatif bagi memastikan ekosistem kesenian dan kebudayaan di negara ini terus kekal berdaya saing.

GSSK MOTAC merupakan salah satu inisiatif Kerajaan yang diumumkan melalui bajet di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan MOTAC. Peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM25juta.

Bermula tahun 2022 sehingga 2024, MOTAC melihat sambutan yang amat menggalakkan daripada persatuan/syarikat yang berorientasikan seni, budaya dan warisan dalam memohon GSSK untuk melaksanakan program/aktiviti seni, budaya dan warisan.

Kelulusan GSSK bagi NEGERI JOHOR pada tahun 2023 adalah sebanyak RM 780,000.00 (13 permohonan) dan tahun 2024 adalah sebanyak RM 880,000.00 (13 permohonan).

GSSK MOTAC diteruskan selari dengan matlamat dan nilai teras Malaysia Madani.

Statistik GSSK NEGERI JOHOR bagi tahun 2023 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Sehingga April 2025, sebanyak 64 Persatuan Seni Budaya yang telah berdaftar dan aktif dibawah JKKN Johor dengan pecahan mengikut bidang adalah seperti berikut:

BIL	BIDANG	JUMLAH PERSATUAN
1	Tarian	18
2	Muzik dan nyanyian	8
3	Teater	8
4	Permainan Tradisional	6
5	Seni Mempertahankan Diri	17
6	Bahasa dan Kesusasteraan	7
JUMLAH KESELURUHAN		64

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Persatuan Seni dan Budaya Negeri Johor oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara melalui Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) dan Insentif Seni JKKN bagi tahun 2023 dan 2024 adalah sebanyak RM1,722,000 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Tujuh Ratus Dua Puluh Dua Ribu Sahaja) dengan pecahan peruntukan adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	GSSK (RM)	INSENTIF SENI	JUMLAH PERUNTUKAN
1	2023	780,000	46,000	826,000
2	2024	880,000	16,000	896,000
JUMLAH KESELURUHAN		1,660,000	62,000	1,722,000

Bagi permohonan Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, Jumlah permohonan yang boleh dimohon oleh persatuan seni budaya bagi menganjurkan program adalah sehingga maksima RM300,000.00 manakala bagi permohonan Insentif Seni Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), persatuan boleh memohon peruntukan bagi menganjurkan program dengan jumlah maksima kelulusan adalah sebanyak RM15,000.00.

Persatuan Seni Budaya di Negeri Johor digalakkan untuk membuat permohonan bagi kedua – dua geran yang telah disediakan ini bagi menganjurkan program – program berbentuk seni dan budaya di negeri Johor. JKKN dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Negeri Johor (MKNJ) sentiasa bekerjasama dalam mempromosikan geran ini kepada persatuan – persatuan seni budaya di Negeri Johor yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pendaftaran Pertubuhan.

JKKN Johor juga telah membuat beberapa siri bengkel yang melibatkan Persatuan Seni Budaya di Negeri Johor bagi memantapkan pengurusan persatuan serta penerangan berkaitan permohonan bantuan kerajaan supaya dana – dana yang disediakan oleh pihak kerajaan ini dapat dirasakan oleh semua persatuan dan pertubuhan seni budaya di negeri Johor.

Pada masa akan datang juga, JKKN bersama Majlis Kebudayaan Negeri Johor akan merancang untuk membuat sesi pertemuan dengan persatuan – persatuan seni budaya di Negeri Johor ini bagi menjelaskan dengan lebih terperinci berkenaan dana – dana yang disediakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Pertemuan ini juga adalah bagi sesi perkongsian dalam memantapkan pengurusan persatuan serta mewujudkan persatuan seni budaya yang lebih berdaya saing dalam memperkasakan seni dan budaya di negeri Johor.

Terima kasih

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN B39

Berapakah jumlah usahawan yang menerima manfaat daripada pinjaman TEKUN dalam DUN Pemanis dan bolehkan diberikan maklumat senarai penerima bantuan serta pinjaman tersebut?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman Yang Berhormat, TEKUN Nasional beroperasi melalui 19 pejabat cawangan di negeri Johor. Sejak mula beroperasi di negeri Johor pada tahun 1999, sehingga Mac 2025 TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM1.22 bilion yang memberi manfaat kepada seramai 67,687 orang usahawan.

Untuk tahun 2025 sehingga Mac, TEKUN Nasional telah membantu seramai 1,238 orang usahawan di negeri Johor dengan nilai pembiayaan disalurkan berjumlah RM27.1 juta.

Bagi DUN Pemanis ianya berada di bawah seliaan Pejabat TEKUN Cawangan Segamat dan secara keseluruhannya TEKUN Nasional telah menyalurkan bantuan kepada seramai 4,673 orang usahawan di parlimen ini dengan nilai pembiayaan berjumlah RM90.2 juta. Bagi tahun 2025 sehingga bulan Mac, TEKUN telah membiayai seramai 45 orang usahawan dan pembiayaan disalurkan berjumlah RM983,000.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, data-data usahawan TEKUN adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Akta Peribadi (PDPA) dan tidak dapat dikongsikan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN B40

Minta disenaraikan jumlah tempat pengecasan EV dalam negeri Johor serta perancangan terkini untuk tahun 2025/2026 untuk tambahan lokasi terbaru akan datang.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Majlis Pembangunan Hijau Negeri Johor yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 7 Februari 2025 telah memantau pelaksanaan penyediaan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) di Negeri Johor. Sehingga September 2024, jumlah EVCB adalah sebanyak 377 unit. Sasaran penyediaan EVCB di Negeri Johor sehingga tahun 2030 adalah berjumlah 1,245 unit.

Setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor telah mempunyai perincian sasaran penyediaan EVCB. Daerah Johor Bahru menunjukkan peningkatan penyediaan tertinggi bagi menampung keperluan penduduk tempatan serta impak pergerakan kenderaan elektrik daripada Singapura. Lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan EVCB dan hab pengecasan kenderaan elektrik utama adalah di kawasan Iskandar Puteri, Gelang Patah, Universiti Teknologi Malaysia, Senai Airport City, Pasir Gudang, Lebuh raya Second-Link, Desaru dan beberapa kawasan tumpuan pelancongan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**SOALAN B41**

Berapakah jumlah keluasan tanah rizab Melayu di negeri Johor yang masih berbaki dan apakah ada sebarang usaha menambah jumlah rizab Melayu ini daripada dilepaskan statusnya?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Johor yang masih wujud dan diiktiraf setakat ini ialah melebihi 561,000 hektar, meliputi tanah-tanah milikan individu dan juga tanah kerajaan yang telah diisytiharkan sebagai Rizab Melayu.

Kerajaan Negeri secara konsisten melaksanakan dasar yang menetapkan bahawa setiap pemberian tanah milik kepada pemohon Melayu diwajibkan diberi syarat Tanah Rizab Melayu.

Langkah ini melibatkan:

- Pemilikan individu oleh orang Melayu;
- Pemberimilikan kepada agensi seperti FELDA, FELCRA, JCorp, KPRJ dan SSI;
- Tapak kuarters dan bangunan kerajaan.

Semua pemberimilikan ini disyaratkan sebagai tanah Rizab Melayu melalui pewartaan rasmi di bawah Enakmen Rizab Melayu Johor 1936 (ERMJ). Sebelum proses pewartaan dimuktamadkan, kaveat pendaftar akan diletakkan bagi menghalang sebarang urusan niaga tidak sah.

Untuk memastikan tiada sebarang tanah tertinggal daripada pewartaan atau terdedah kepada pelanggaran, Pentadbiran Tanah Johor kini menggunakan sistem pemetaan GIS (Geographic Information System) sebagai alat pemantauan yang lebih tepat dan efisien. Kerajaan Negeri juga menegaskan bahawa:

- Sebarang bentuk pemindahan atau pajakan kepada bukan Melayu adalah dilarang, dan sebarang perjanjian seumpamanya adalah tidak sah dan terbatal mengikut Seksyen 9 dan Seksyen 17 ERMJ.
- Aktiviti pencerobohan atau penerokaan haram di atas tanah kerajaan dalam kawasan Rizab Melayu akan dikenakan tindakan tegas di bawah peruntukan Seksyen 425 dan 426A Kanun Tanah Negara.

Melalui tindakan penguatkuasaan ini, sebarang struktur yang dibina tanpa kelulusan boleh diroboh, harta boleh disita, dan individu terlibat boleh didakwa di mahkamah. Jika disabit kesalahan, hukuman termasuk denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya sekali.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN B42

Berapakah jumlah syarikat yang telah berjaya membuat pelaburan bagi daerah Segamat dan sila nyatakan bentuk palaburan dan jumlah yang mereka telah laburkan demi manfaat ekonomi dan peluang kerjaya kepada penduduk setempat.

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Daerah Segamat telah **diwartakan secara rasmi sebagai sebahagian daripada Wilayah ECER** berkuat kuasa pada 1 Januari 2024, berdasarkan Akta Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022 Akta A1664.

Sejak pewartaan tersebut, **Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)** telah mula melaksanakan pelbagai perancangan strategik bagi memacu pertumbuhan ekonomi Segamat dengan memberi fokus kepada sektor pertanian moden, industri makanan, dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana.

Hasil daripada usaha ini, **jumlah pelaburan komited** yang berjaya diperoleh oleh ECERDC dan MIDA untuk daerah Segamat daripada jumlah syarikat sebanyak **14 buah**, telah mencecah **RM2.8 bilion** sehingga kini. Daripada jumlah ini, **sebanyak RM208.0 juta pelaburan telah pun direalisasikan**, menandakan permulaan kepada arus pembangunan baharu di daerah berkenaan.

Secara langsung, pelaburan ini telah berjaya mewujudkan **lebih daripada 778 peluang pekerjaan**, khususnya dalam sektor pengeluaran makanan, logistik serta sokongan rantai bekalan industri pertanian.

Kerajaan Negeri Johor menyambut baik perkembangan ini kerana ia selaras dengan agenda pembangunan seimbang wilayah serta pemerkasaan ekonomi luar bandar. Melalui kerjasama rapat antara ECERDC, agensi negeri dan kerajaan Persekutuan, Segamat kini berada dalam kedudukan strategik untuk muncul sebagai hab pertanian moden dan industri makanan berasaskan teknologi di bahagian utara Johor.

Justeru, Kerajaan Negeri akan terus menyokong segala usaha pembangunan di bawah ECER, termasuk dari segi pepadanan bakat tempatan dengan keperluan industri, pembangunan infrastruktur asas, serta promosi pelaburan berfokus bagi mempercepatkan realisasi pelaburan komited yang telah diperoleh.

Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri agar limpahan pelaburan ini bukan sahaja merancakkan ekonomi daerah Segamat, tetapi turut membuka lebih banyak peluang kepada rakyat tempatan untuk menikmati manfaatnya, sejajar dengan aspirasi Johor Maju 2030.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**SOALAN B43**

Apakah perancangan jangka panjang kerajaan negeri untuk memperluas dan memperkukuh inisiatif pendidikan digital di DUN Pekan Nanas, termasuk dari segi infrastruktur, latihan, dan kandungan pembelajaran?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Secara umum, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) mempunyai komitmen untuk memperluas dan memperkukuh inisiatif pendidikan digital di DUN Pekan Nanas. Perancangan jangka panjang ini merangkumi aspek-aspek berikut:

1 Infrastruktur:

- a. Memperluas liputan internet berkelajuan tinggi di kawasan bandar dan luar bandar. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) merancang dalam meningkatkan infrastruktur teknologi di sekolah-sekolah, termasuk rangkaian Wi-Fi dan peralatan yang diperlukan. Ini termasuk projek perluasan dan naik taraf rangkaian Wi-Fi bagi menyokong dan memperkukuh inisiatif pendidikan digital di DUN Pekan Nanas.
- b. Menyediakan peranti digital untuk keperluan pelajar dan guru melalui inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh pihak KPM dan kerajaan negeri khususnya. Inisiatif-inisiatif ini merangkumi Projek Sewaan peralatan ICT untuk keperluan Pengurusan & Pentadbiran (PdT), Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Peranti Guru dan inisiatif dari kerajaan negeri Johor melalui agensi-agensi yang berkaitan termasuk sumbangan Komputer Riba dan peranti digital yang lain.
- c. Membangunkan platform pembelajaran digital yang bersepadu dan mudah diakses.
- d. Meningkatkan infrastruktur teknologi di sekolah-sekolah, termasuk rangkaian Wi-Fi dan peralatan yang diperlukan. Sekolah-sekolah ini dibekalkan talian internet bagi menyokong PdT dan PdP. Namun begitu, JPN Johor bersama pihak KPM sedang berusaha untuk memastikan infrastruktur teknologi di sekolah-sekolah, termasuk rangkaian Wi-Fi ditingkatkan kepada teknologi terkini bagi memastikan inisiatif pendidikan digital dapat diakses dan dimanfaatkan oleh semua sekolah di DUN Pekan Nanas.
- e. Untuk memastikan pelajar-pelajar mendapat akses kepada teknologi dan pendidikan dalam talian yang baik, JPN Johor telah membekalkan talian internet untuk semua sekolah-sekolah di negeri Johor khususnya di sekolah-sekolah DUN Pekan Nanas seperti berikut:

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

BIL	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	TEKNOLOGI	
			FIBER/ BROADBAND	POP
1	JBA6005	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BUNIAN	500	POP APEX
2	JBA6016	SEKOLAH KEBANGSAAN JERAM BATU	500	POP APEX
3	JBA6017	SEKOLAH KEBANGSAAN PENGKALAN RAJA	500	POP APEX
4	JBA6018	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG SAWAH	500	POP APEX
5	JBA6019	SEKOLAH KEBANGSAAN PEKAN NANAS	500	
6	JBA6022	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT KUDUS	4G	POP APEX
7	JBA6023	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT PATAH	4G	POP APEX
8	JBA6024	SEKOLAH KEBANGSAAN TG AYER HITAM	500	POP APEX
9	JBA6025	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT SELANGOR	500	POP APEX
10	JBA6026	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT HJ ADNAN	4G	POP APEX
11	JBA6027	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BUKIT PANJANG	4G	POP APEX
12	JBA6029	SEKOLAH KEBANGSAAN MELAYU RAYA	4G	POP APEX
13	JBA6052	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU 24	500	POP APEX
14	JBC6024	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU MING 1	500	POP APEX
15	JBC6025	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU MING 2	4G	POP APEX
16	JEA6010	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' MOHD. YUNOS SULAIMAN	800	POP MAXIS (READY)

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

17	JEA6012	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAN SRI OSMAN MOHD SA'AT	4G	POP MAXIS (READY)
18	JEE6011	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKAN NENAS	500	POP MAXIS (READY)

- f. Berikut adalah maklumat inisiatif yang disediakan oleh pihak KPM dan 10 buah sekolah yang telah dilaksanakan perluasan rangkaian Wi-Fi:-

BIL	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PERALATAN PROJEK SEWAAN PDT FASA 1 (PC:Personal Computer, PR:Printer)	JUMLAH PERALATAN PROJEK SEWAAN PDT FASA 2 (PC:Personal Computer, PR:Printer)	JUMLAH PERALATAN PROJEK SEWAAN PERANTI GURU (Komputer Riba)	TELAH LAKSANA PERLUASAN RANGKAIAN Wi-Fi
1	JBA6005	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BUNIAN	PC:1	PC:4 PR:2	3	✓
2	JBA6016	SEKOLAH KEBANGSAAN JERAM BATU	-	PC:4 PR:2	3	✓
3	JBA6017	SEKOLAH KEBANGSAAN PENGKALAN RAJA	PC:2	PC:4 PR:2	3	✓
4	JBA6018	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG SAWAH	PC:2, PRINTER:2	PC:4 PR:1	3	✓
5	JBA6019	SEKOLAH KEBANGSAAN PEKAN NANAS	-	PC:4 PR:2	5	✓
6	JBA6022	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT KUDUS	-	PC:4 PR:2	3	
7	JBA6023	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT PATAH	PC:1, PRINTER:1	PC:4 PR:1	3	
8	JBA6024	SEKOLAH KEBANGSAAN TG AYER HITAM	PRINTER:1	PC:4 PR:1	3	✓
9	JBA6025	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT	PC:2	PC:4 PR:2	3	✓

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

BIL	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PERALATAN PROJEK SEWAAN PDT FASA 1 (PC:Personal Computer, PR:Printer)	JUMLAH PERALATAN PROJEK SEWAAN PDT FASA 2 (PC:Personal Computer, PR:Printer)	JUMLAH PERALATAN PROJEK SEWAAN PERANTI GURU (Komputer Riba)	TELAH LAKSANA PERLUASAN RANGKAIAN Wi-Fi
		SELANGOR				
10	JBA6026	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT HJ ADNAN	-	PC:4 PR:2	3	✓
11	JBA6027	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BUKIT PANJANG	PC:1	PC:3 PR:2	3	
12	JBA6029	SEKOLAH KEBANGSAAN MELAYU RAYA	PC:1	PC:4 PR:2	3	
13	JBA6052	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU 24	-	PC:4 PR:2	4	✓
14	JBC6024	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU MING 1	PRINTER:1	PC:4 PR:1	4	
15	JBC6025	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU MING 2	PC:2	PC:4 PR:1	3	
16	JEA6010	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' MOHD. YUNOS SULAIMAN	PC:4	PC:5 PR:2	12	✓
17	JEA6012	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAN SRI OSMAN MOHD SA'AT	-	PC:5 PR:2	6	
18	JEE6011	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKAN NENAS	-	PC:5 PR:2	7	

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

- g. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa menggalakkan pembudayaan digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Berikut adalah maklumat inisiatif yang disediakan oleh pihak KPM bagi kemudahan infrastruktur peralatan ICT yang disediakan untuk keperluan PdP:

BIL	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	PROJEK SEWAAN PDP	BIL. LAPTOP	TEMPOH SEWAAN	PROJEK SEWAAN PDP FASA 4 (Agihan 2025)	BIL. LAPTOP
1	JBA6005	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BUNIAN	Fasa 2	21	2023 - 2028		
2	JBA6016	SEKOLAH KEBANGSAAN JERAM BATU	Fasa 1	13	2022 - 2027		
3	JBA6017	SEKOLAH KEBANGSAAN PENGKALAN RAJA	Fasa 3	21	2024 - 2029		
4	JBA6018	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG SAWAH	Fasa 3	8	2024 - 2029		
5	JBA6019	SEKOLAH KEBANGSAAN PEKAN NANAS				Fasa 4	21
6	JBA6022	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT KUDUS	Fasa 2	21	2023 - 2028		
7	JBA6023	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT PATAH	Fasa 2	21	2023 - 2028		
8	JBA6024	SEKOLAH KEBANGSAAN TG AYER HITAM	Fasa 2	15	2023 - 2028		
9	JBA6025	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT SELANGOR	Fasa 1	13	2022 - 2027		
10	JBA6026	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT HJ ADNAN	Fasa 1	21	2022 - 2027		
11	JBA6027	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BUKIT PANJANG	Fasa 1	21	2022 - 2027		
12	JBA6029	SEKOLAH KEBANGSAAN MELAYU RAYA	Fasa 1	21	2022 - 2027		
13	JBA6052	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU 24	Fasa 3	8	2024 - 2029	Fasa 4	21
14	JBC6024	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU MING 1	Fasa 2	21	2023 - 2028	Fasa 4	21
15	JBC6025	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU MING 2	Fasa 3	21	2024 - 2029		
16	JEA6010	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' MOHD. YUNOS SULAIMAN	Fasa 3	21	2024 - 2029	Fasa 4	21
17	JEA6012	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAN SRI OSMAN MOHD SA'AT	Fasa 3	21	2024 - 2029		
18	JEE6011	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKAN NENAS	Fasa 1	21	2022 - 2027	Fasa 4	21

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memperluas dan memperkukuh inisiatif pendidikan digital di negeri Johor termasuk di DUN Pekan Nanas. Perancangan ini merangkumi aspek infostruktur dan infrastruktur, latihan guru dan murid, serta kandungan pembelajaran yang berkualiti, selaras dengan Dasar Pendidikan Digital KPM.

JPN Johor melalui PPD Pontian sentiasa memberi tumpuan kepada latihan digital berterusan bagi para guru di DUN Pekan Nanas. Program Pembangunan Kompetensi GICT dan GPM Pontian, termasuk Zon Pekan Nanas, dilaksanakan melalui bengkel Integrasi Teknologi Pendidikan (ITP) yang memfokuskan kepada bidang kecerdasan buatan (AI), percetakan 3D, serta penggunaan peralatan penyiaran dan penerbitan. Inisiatif ini selaras dengan Teras 2 Pendidik Kompeten Digital (DPD), yang bertujuan memperkukuh kompetensi guru dalam penggunaan aplikasi digital secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selari dengan Teras 1 Murid Fasih Digital DPD, latihan murid dalam bidang pengaturcaraan dan robotik turut diberi penekanan bagi membina kemahiran digital yang kukuh serta memupuk kreativiti dan pemikiran kritikal dalam kalangan pelajar. Selain itu, Program Jejak Maklumat Digital dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran serta keyakinan diri murid dalam menghadapi cabaran era pendigitalan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Dari segi kandungan pembelajaran, perancangan merangkumi penggunaan aplikasi berasaskan kecerdasan buatan (AI) bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran dan memperibadikan sokongan akademik mengikut keperluan individu pelajar. Selain itu, pembangunan kandungan pembelajaran digital yang berkualiti oleh guru-guru DUN Pekan Nanas turut dilaksanakan agar selaras dengan keperluan kurikulum dan perkembangan teknologi semasa. Setakat 7 Mei 2025, sebanyak 40 ribu bahan kandungan digital boleh diakses oleh guru-guru melalui Ruang Ilmu Guru di platform DELIMa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**SOALAN B44**

Apakah status semasa projek RMMJ di DUN Pekan Nanas, termasuk jumlah unit, lokasi, dan jangkaan tarikh siap? Mohon penjelasan mengenai projek 55 unit rumah teres kos rendah di Taman Nenas oleh Tanahbena Sdn Bhd yang masih belum dilaksanakan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Pekan Nenas, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk menambah kawasan baharu dalam melaksanakan pembangunan perumahan mampu milik dari semasa ke semasa sebagai langkah proaktif dan cakna terhadap keperluan rakyat yang semakin meningkat. Sebagai makluman tambahan, mesyuarat PDRC yang berlangsung pada tahun ini telah menetapkan bahawa daerah Pontian akan menerima pembangunan RMMJ berskala besar berjumlah 1,206 unit meliputi pelbagai kategori RMMJ yang akan dilaksanakan secara berfasa. Pembangunan untuk Fasa 1 adalah sebanyak 100 unit dengan harga RM 150,000.00 yang dijangka akan dimulakan pembinaannya pada tahun ini, manakala Fasa 2 akan melibatkan sebanyak 100 unit dengan harga RM190,000.00.

Selain itu, untuk makluman YB jua, pembangunan 55 unit rumah teres kos rendah di Taman Nenas telah pun siap dibina oleh Tanahbena Sdn Bhd. Namun, pemaju masih mempunyai komitmen untuk membina baki 30 unit RMMJ jenis B berharga RM100,000.00. Status terkini, pihak pemaju dalam tindakan permohonan kelulusan Pelan Pembangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang dijangka akan dikemukakan pada hujung Mei 2025.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**SOALAN B45**

Berapakah jumlah guru yang ditempatkan bagi setiap TABIKA KEMAS termasuk di DUN Pekan Nanas? Adakah kerajaan negeri merancang menambah guru selari peningkatan murid, dan apakah perancangan untuk naik taraf bangunan TABIKA KEMAS yang perlu penambahbaikan segera demi keselamatan pelajar?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW) menerusi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Johor sentiasa mengambil berat akan pembangunan pendidikan awal kanak-kanak di Johor. Umumnya di Johor, terdapat 847 bangunan / institusi TABIKA yang meliputi sejumlah 1,155 kelas TABIKA dan 59 kelas TASKA. Sebagai agensi kerajaan, KEMAS tidak mempunyai kepentingan untuk menjana ekonomi daripada usaha tersebut melainkan memberi kemudahan pendidikan kepada masyarakat khususnya bagi yang kurang berkemampuan.

Untuk makluman, jumlah guru yang ditempatkan di bawah DUN Pekan Nenas ialah seramai 18 orang Pendidik Masyarakat (PM) yang melibatkan 20 kelas. Disenaraikan jumlah guru TABIKA KEMAS yang ditempatkan bagi setiap TABIKA KEMAS bagi tahun 2025 termasuk di dalam kawasan DUN Pekan Nenas berdasarkan senarai / jumlah TABIKA sebagaimana di **Lampiran A**.

Pihak kerajaan melalui KEMAS sentiasa komited untuk memastikan semua TABIKA KEMAS mempunyai guru-guru yang mencukupi bagi memastikan kelancaran operasi di semua TABIKA yang terlibat. Pihak KEMAS sentiasa bersedia dalam perancangan bagi perluasan / pembukaan TABIKA yang baru berdasarkan unjuran kanak-kanak yang dibuat setiap tahun. Perluasan TABIKA akan dipertimbangkan setiap tahun, setelah mengenalpasti lokasi, premis cadangan, bilangan kanak-kanak TABIKA baru yang bersesuaian.

Manakala, permohonan perluasan TABIKA baru akan diangkat kepada Ibu Pejabat KEMAS Malaysia bagi tujuan permohonan dan kelulusan peruntukan. Selaras dengan itu, sekiranya ada permintaan dan perluasan / pembukaan kelas TABIKA, pihak KEMAS akan berusaha untuk melaksanakan pertambahan guru di TABIKA-TABIKA berkenaan.

Mengenai cadangan Naik Taraf Dan Baik Pulih Bangunan TABIKA KEMAS, pihak KEMAS Negeri dan Pejabat KEMAS Daerah sentiasa komited dalam memenuhi kehendak dan permintaan yang tinggi ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke TABIKA KEMAS. Justeru, KEMAS dari semasa ke semasa sentiasa bekerjasama dengan Pegawai KEMAS Daerah dalam mengenalpasti bangunan-bangunan TABIKA yang perlu di naik taraf dan baik pulih untuk diangkat permohonan peruntukan ke

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

peringkat Ibu Pejabat KEMAS Malaysia. Berikut adalah senarai projek di DUN Pekan Nenas bagi projek naik taraf dan baik pulih TABIKA seperti berikut :

Bil	Senarai TABIKA	Peruntukan
1	TABIKA KEMAS Parit Baru, Pekan Nenas (Tahun 2023)	RM19,955.00
2	TABIKA KEMAS Parit Haji Adnan, Pekan Nenas (Tahun 2023)	RM19,955.00
3	TABIKA KEMAS Kampung Melayu Raya, 81500 Pekan Nenas, Pontian, Johor (2025)	RM100,000.00
JUMLAH		RM139,910.00

Pihak KEMAS akan komited untuk menyediakan dan meningkatkan tahap keselamatan premis Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAK) iaitu TABIKA, meningkatkan perkhidmatan dan ruang pengajaran dan pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif kepada pendidik, pembantu dan kanak-kanak semasa kelas beroperasi, memastikan keadaan bangunan berada pada tahap optimum, selamat dan kondusif, dan seterusnya menjadikan TABIKA KEMAS pilihan utama ibu bapa dan penjaga kepada kumpulan sasar B40.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

LAMPIRAN A

**JUMLAH PENDIDIK MASYARAKAT TABIKA, JABATAN KEMAJUAN
MASYARAKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2025**

DAERAH	PARLIMEN	DUN	JUMLAH
SEGAMAT	P140 SEGAMAT	N01 BULOH KASAP	20
		N02 JEMENTAH	17
	P141 SEKIJANG	N03 PEMANIS	14
		N04 KEMELAH	25
	P142 LABIS	N05 TENANG	13
		N06 BEKOK	9
TANGKAK	P144 LEDANG	N09 GAMBIR	18
		N10 TANGKAK	16
		N11 SEROM	23
MUAR	P143 PAGOH	N07 BUKIT KEPONG	19
		N08 BUKIT PASIR	20
	P145 BAKRI	N12 BENTAYAN	3
		N13 SIMPANG JERAM	15
		N14 BUKIT NANING	14
	P146 MUAR	N15 MAHARANI	8
		N16 SUNGAI BALANG	18
BATU PAHAT	P147 PARIT SULONG	N17 SEMERAH	14
		N18 SRI MEDAN	29
	P148 AYER HITAM	N19 YONG PENG	10
		N20 SEMARANG	20
	P149 SRI GADING	N21 PARIT YAANI	11
		N22 PARIT RAJA	27
	P150 BATU PAHAT	N23 PENGGRAM	11
		N24 SENGARANG	16
		N25 RENGIT	15

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

DAERAH	PARLIMEN	DUN	JUMLAH
KLUANG	P151 SPG RENGAM	N26 MACHAP	12
		N27 LAYANG-LAYANG	13
	P152 KLUANG	N28 MENGKIBOL	18
		N29 MAHKOTA	24
	P153 SEMBRONG	N30 PALOH	13
		N31 KAHANG	17
MERSING	P154 MERSING	N32 ENDAU	16
		N33 TENGGAROH	27
KOTA TINGGI	P155 TENGGARA	N34 PANTI	31
		N35 PASIR RAJA	16
	P156 KOTA TINGGI	N36 SEDILI	24
		N37 JOHOR LAMA	20
	P157 Pengerang	N38 PENAWAR	20
		N39 TANJUNG SURAT	17
JOHOR BAHRU	P158 TEBRAU	N40 TIRAM	32
		N41 PUTERI WANGSA	21
	P159 PASIR GUDANG	N42 JOHOR JAYA	29
		N43 PERMAS	36
	P160 JOHOR BAHRU	N44 LARKIN	21
		N45 STULANG	10
	P161 PULAI	N46 PERLING	27
		N47 KEMPAS	25
	P162 ISKANDAR PUTERI	N48 SKUDAI	12
		N49 KOTA ISKANDAR	45
KULAI	P163 KULAI	N50 BUKIT PERMAI	19
		N51 BUKIT BATU	12
		N52 SENAI	14
PONTIAN	P164 PONTIAN	N53 BENUT	21
		N54 PULAI SEBATANG	13

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

DAERAH	PARLIMEN	DUN	JUMLAH
	P165 TANJONG PIAI	N55 PEKAN NENAS	18
		N56 KUKUP	18
JUMLAH KESELURUHAN			1,046

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**SOALAN B46**

Apakah perkembangan terkini projek naik taraf Jalan Ulu Choh–Gelang Patah yang menghubungkan Pekan Nanas dan Ulu Choh, setelah ditangguhkan sebelum ini? Adakah terdapat peruntukan atau pelan tindakan untuk melaksanakannya dalam masa terdekat?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman YB, projek ini telah diangkat ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah untuk permohonan dibawah Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia ke 13 (RMK13) dibawah tajuk Cadangan Membina Jalan Perhubungan Pekan Nanas Dari Persimpangan Jalan Pekan Nanas-Tg.Piai (J238) Ke Jalan Sawah (J133), Daerah Pontian, Johor dan ianya masih belum ada kelulusan di peringkat Kerajaan Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**SOALAN B47**

Berapa bilangan KRT yg aktif di Johor dan apakah perancangan aktiviti atau program Jabatan Perpaduan agar KRT terus bergerak aktif?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Setakat tahun 2025, terdapat sebanyak 870 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang telah ditubuhkan di Johor, dan daripada jumlah itu, 600 KRT diklasifikasikan sebagai sangat aktif. Bagi memastikan KRT terus bergerak aktif, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mempunyai beberapa perancangan aktiviti dan program, antaranya:

Pemberian Geran: JPNIN memberikan geran sebanyak RM6,000 kepada pihak KRT bagi membolehkan mereka melaksanakan pelbagai program untuk manfaat masyarakat setempat secara bersama.

Pemeriksaan KRT Progresif: JPNIN menyasarkan lebih banyak KRT untuk mencapai status KRT Progresif melalui pelbagai faktor seperti keaktifan, potensi ekonomi (menjana pendapatan sendiri), keselamatan, kesejahteraan komuniti, serta perpaduan dan kerjasama pelbagai lapisan masyarakat (Tunas Jiran, Jiran Muda, Jiran Wanita). KRT Progresif akan dipantau secara berkala.

Pelaksanaan Aktiviti/Program Tahunan: Setiap KRT disarankan untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 12 aktiviti setahun dengan kepelbagaian program termasuk program anjuran bersama.

Mesyuarat Berkala: KRT perlu melaksanakan mesyuarat Rukun Tetangga sekurang-kurangnya 6 kali setahun.

Pengurusan Kewangan: KRT perlu merekod setiap transaksi kewangan.

Penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRS): Menggalakkan penubuhan dan pengoperasian SRS.

Program Gerak Rahmah: Melaksanakan program seperti 'Jom Bersih dan Indah' yang melibatkan KRT dan masyarakat setempat.

KRT sebagai Penggerak Komuniti Progresif: Menerapkan pelbagai program yang bertujuan membangunkan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik, termasuk aspek ekonomi dan sara diri, keselamatan dan ketahanan komuniti, kepimpinan, dan kesejahteraan komuniti. JPNIN juga menekankan agar KRT yang pasif dihidupkan semula dengan mengenal pasti masalah dan kekangan yang dihadapi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**SOALAN B48**

Sedili mendesak agar keselesaan dan keperluan di klinik khususnya dalam DUN Sedili terus mendapat keutamaan dari aspek kekurangan peralatan serta keperluan asas bagi menjamin keselesaan kemudahan orang ramai serta melihat keperluan rumah kepada semua staf klinik kesihatan yang tidak mencukupi.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Terdapat 3 buah klinik kesihatan di bawah DUN Sedili iaitu Klinik Kesihatan Waha, Klinik Kesihatan Tanjung Sedili dan Klinik Kesihatan Sedili Besar. Klinik-klinik ini menyediakan perkhidmatan merangkumi Perkhidmatan Pesakit Luar (OPD), Perkhidmatan Ibu & Anak (MCH), Perkhidmatan Kecemasan, Perkhidmatan Farmasi, Perkhidmatan Makmal dan terbaru adalah Perkhidmatan Radiogi di Klinik Kesihatan Tanjung Sedili.

Dari segi kemudahan asas di klinik-klinik ini, terdapat ruang menunggu yang dilengkapi dengan kerusi menunggu dan pengudaraan yang baik seperti kipas atau penghawa dingin. Peralatan-peralatan kecemasan seperti katil kecemasan, mesin ECG, set T&S, splint upper & lower limbs dan lain-lain juga terdapat di klinik ini mengikut standard Klinik Kesihatan oleh KKM.

Klinik-klinik ini juga dilengkapi dengan Kemudahan Kuarters Kediaman untuk staf kesihatan. Di Klinik Kesihatan Tanjung Sedili terdapat 18 unit kediaman dengan 7 unit telah diisi manakala 11 unit lagi masih kosong, Di Klinik Kesihatan Waha, terdapat 8 unit kediaman dengan 7 unit telah diisi dan 1 unit lagi masih kosong. Di Klinik Kesihatan Sedili Besar, 2 unit kuarters kediaman dan kedua-duanya telah diduduki oleh penolong pegawai perubatan dan jururawat yang bertugas atas panggilan (oncall).

Dalam tempoh 2 tahun kebelakangan ini, klinik-klinik ini juga mengalami banyak perubahan dengan adanya projek-projek baikpulih dan naiktaraf. Antaranya Klinik Kesihatan Sedili Besar, projek baikpulih bumbung di ruang kecemasan dan naiktaraf kuarters kediaman anggota pada tahun 2023. Di Klinik Kesihatan Waha, projek naiktaraf secara menyeluruh telah dilakukan melibatkan ruangan OPD, pengantian bumbung usang dan pendawaian semula elektrik pada tahun 2024. Di Klinik Kesihatan Tanjung Sedili, terdapat projek baikpulih ruang kecemasan dan OPD, penggantian bumbung yang telah bocor serta projek baikpulih kuarters-kuarters kediaman melibatkan proses mengecat semula dan pendawaian elektrik.

Terkini, Perkhidmatan Radiologi di Klinik Kesihatan Tanjung Sedili telah mula beroperasi sejak 8 April 2025. Dengan adanya perkhidmatan ini, ia akan memudahkan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

komuniti di DUN Sedili untuk mendapatkan perkhidmatan diagnostik radiologi tanpa perlu ke Hospital Kota Tinggi.

Pemilihan kerja-kerja naik taraf ini menjadi keutamaan bagi memastikan keselamatan pengguna (anggota dan pelanggan) serta asset kerajaan. Pihak pengurusan PKDKT mempunyai beberapa pelan untuk menaik taraf di semua KK daripada segi keceriaan, keselesaan namun akan dilaksanakan secara berperingkat sekiranya mendapat peruntukan.

Bagi memastikan Klinik berada dalam keadaan bersih dan teratur tanpa menambah beban anggota sedia ada, Pihak Pejabat Kesihatan Daerah telah menghantar permohonan Perkhidmatan Pembersihan untuk semua KK yang tersebut dan sedang menunggu maklumbalas kelulusan dari pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor.

Memandangkan Daerah Kota Tinggi mempunyai 15 Klinik Kesihatan dan 29 KD, unit pembangunan PKDKT menyusun pelan pembaikan dan naik-taraf fasiliti mengikut keutamaan (dari segi keselamatan) dan memastikan setiap KK dan KD mendapat peruntukan secara giliran.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**SOALAN B49**

Bagi meningkatkan aras keagungan masjid dan surau, Sedili memohon agar mengkaji semula elaun imam dan bilal, yang mana dapat dilihat orang muda mula mengisi kekosongan ini. Namun mereka masih dengan pendapatan elaun bulanan di bawah di aras kemiskinan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Bermula Januari 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukan RM 3.5 juta dengan menaikkan 100% penerima Imbuhan Bulanan kepada Imam seramai 1,409 orang berjumlah RM200.00 dan Bilal Surau seramai 1,254 orang berjumlah RM 100.00, merupakan penghargaan Kerajaan Negeri dalam meninggikan darjat Imam dan Bilal Surau berdasarkan Etika Kerja Pegawai Masjid dan Surau yang telah ditetapkan, termasuk diberikan juga kepada Bilal Masjid seramai 664 orang berjumlah RM 200.00, Noja Masjid 639 orang berjumlah RM 160.00.

Bagi penerima imbuhan bulanan Imam Masjid Kariah seramai 1,451 orang berjumlah RM 850.00 menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan yang dibayar oleh JAKIM melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri sebagaimana Garis Panduan Pengurusan Penyaluran Peruntukan Dan Pembayaran Imbuhan Bulanan Imam Masjid Kariah Di Seluruh Malaysia (Oktober 2024 / ICUJPM.400-4/2/3)

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**SOALAN B50**

Rancangan pembangunan kawasan perumahan bagi pemilikan rumah pertama adalah sangat dinantikan oleh generasi baru, adakah ada cadangan kerajaan negeri untuk pembukaan kawasan perumahan khususnya dalam kawasan Sedili yang sedang giat membangun?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Sebagai makluman YB Sedili, PKPJ mensasarkan 5 unit Rumah Kasih Johor (RKJ) yang akan dibina di DUN Sedili menjelang 2026. Kerajaan Negeri sedang merancang untuk membina sekurang-kurangnya 20 unit Rumah Prihatin Johor (RPJ) atau RKJ di DUN Sedili. Sekiranya terdapat permintaan bagi perumahan mampu milik di DUN Sedili, YB boleh bekerjasama bersama Tuan Pegawai Daerah untuk mencadangkan lokasi dan tapak yang bersesuaian bagi pembangunan rumah mampu milik di atas tanah kerajaan di DUN Sedili. Pihak PKPJ akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi tapak tapak tanah kerajaan yang dicadangkan oleh Pejabat Daerah. Pihak YB juga boleh melaksanakan kajian pasaran bagi permintaan rumah mampu milik di kawasan DUN Sedili supaya PKPJ dapat merancang harga dan jenis rumah yang mampu dimiliki penduduk di DUN Sedili.

Untuk makluman YB Sedili jua, Kerajaan Negeri mensasarkan pembinaan 2,151 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di daerah Kota Tinggi, iaitu sebanyak 1,342 unit RMMJ telah mendapat CCC manakala 809 unit RMMJ sedang dalam pembinaan. Jadual Pembangunan Rumah Mampu Milik Daerah Kota Tinggi adalah seperti berikut :

BIL	PEMAJU	NAMA TAMAN	KATEGORI RMMJ				JUMLAH UNIT	STATUS
			A	B	C	D		
1	GADING JITUMAL	TAMAN KOTA JAYA 2	0	0	87	0	87	CCC
2	KPKT	PPR TENGGARA	400	0	0	0	400	CCC
3	PRIMA	RESIDENSI KOTA TINGGI	0	0	0	625	625	CCC
4	GOLDEN ENVOY SDN BHD	DESA IMPIAN	0	0	50	0	50	CCC
5	SUTERA SELESA SDN BHD	TAMAN KOTA SELESA	58	0	0	0	58	CCC
6	PREM LAND SDN BHD	TAMAN SRI HARMONI	60	0	0	0	60	CCC
7	YPJ BUILDERS	PPAM BANDAR AKADEMIK	0	0	0	62	62	CCC
JUMLAH SIAP BINA CCC							1,342	

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

8	AMBER LAND BERHAD	TAMAN SCIENTEX	0	99	0	0	99	SASARAN CCC
9	KPKT	RUMAH TRANSIT PENJAWAT AWAM Pengerang	700	0	0	0	700	SASARAN CCC
10	PKPJ	RKJ					10	SASARAN SIAP BINA 2026
JUMLAH DALAM PEMBINAAN (2025-2026)							809	
JUMLAH KESELURUHAN 2022-2026)							2,151	

Sebagai makluman YB juga, terdapat 1,131 unit RMMJ lagi dalam perancangan pembinaan di Daerah Kota Tinggi dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa PDRC sebagaimana pada jadual berikut :

BIL	PEMAJU	NAMA TAMAN	KATEGORI RMMJ				JUMLAH UNIT
			A	B	C	D	
1	GADING JITUMAL	TAMAN SRI PENAWAR	516	774	521	0	1,811
2	SUTERA SELESA	LOT 414 TAMAN KOTA SELESA	0	0	58	0	58
3	SUTERA SELESA	LOT 114 (TAPAK A) & LOT 957 (TAPAK B)	35	52	52	0	139
			JUMLAH KESELURUHAN				2,008

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**SOALAN B51**

Keperluan penggunaan Unifi adalah menjadi keperluan di rumah khasnya pembelajaran pendidikan anak-anak dan keperolehan maklumat semasa, mohon agar wujudkan insentif ataupun potongan harga bayaran bulanan khas kepada Orang Muda Johor dan pelajar.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Merujuk kepada pertanyaan daripada Dewan Negeri Johor berhubung cadangan pemberian insentif dan potongan harga bayaran bulanan khas kepada golongan muda dan pelajar di Johor, pihak TM amat menghargai cadangan ini sebagai usaha memperluas kesalinghubungan digital kepada masyarakat.

Untuk makluman, TM kini sedang menawarkan pelbagai pakej istimewa yang turut memberi manfaat kepada golongan muda dan pelajar. Antara pakej yang sedang ditawarkan adalah Unifi Mobile Postpaid 5G dengan harga mampu milik RM39 sebulan yang merangkumi:

- a. Panggilan tanpa had
- b. 30GB data berkelajuan tinggi
- c. Hotspot sehingga 30GB
- d. Tanpa kontrak

Selain itu, pelanggan juga boleh menambah hanya RM1 untuk menikmati tambahan 200GB data.

Walau bagaimanapun, untuk menilai keperluan insentif khas di peringkat negeri, pihak kami memohon kerjasama untuk mendapatkan anggaran bilangan pelajar dan golongan muda yang bakal menerima manfaat di Johor. Maklumat ini akan membantu pihak TM menjalankan kajian keberkesanan dan kebolehlaksanaan sebelum sebarang inisiatif baharu diperkenalkan.

Kami komited dalam menyokong agenda digitalisasi negeri Johor dan bersedia berbincang lebih lanjut berhubung perkara ini.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN B52

Apakah perancangan rangsangan ekonomi yang telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri khas untuk para nelayan, dalam satu-satu masa ketika musim tengkujuh dan masa kritikal, yang mana dapat dilihat masa kini hujan ribut tidak menentu masa kejadiannya?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Keadaan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini telah memberikan impak di sudut pendapatan para nelayan pesisir laut dan juga nelayan darat. Terdapat inisiatif kerajaan melalui LKIM dan Jabatan Perikanan bagi membela nasib nelayan.

LKIM melalui Program Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) telah membantu golongan nelayan untuk meringankan bebanan menghadapi tekanan ekonomi disebabkan kenaikan kos sara hidup. Program ESHN merupakan bantuan bulanan kepada pemilik vesel perikanan zon A dan pekerja (awak-awak) zon A, B, C dan C2 yang layak serta didaftarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dengan kadar bayaran sebanyak RM 300.00 sebulan. Semakan rekod kelayakan penerima ESHN di DUN Sedili sehingga April 2025 adalah seramai 162 orang melibatkan pembayaran berjumlah RM 48,600.00 sebulan.

Meskipun musim tengkujuh melanda, nelayan terus menerima elaun sara hidup tanpa sebarang sekatan. Selain itu, bantuan bekalan makanan mengikut keperluan disalurkan melalui PNK kepada nelayan yang terjejas banjir. Tempoh ini juga dimanfaatkan oleh nelayan untuk membaiki peralatan tangkapan mereka (menjahit pukot) yang koyak bagi meningkatkan hasil tangkapan yang lebih baik selepas musim tengkujuh dengan peralatan yang telah diselenggara sekaligus meningkat hasil pendapatan mereka. Selain itu, bagi nelayan yang mempunyai kebolehan membaiki enjin bot, waktu ini biasanya digunakan untuk merangsang ekonomi mereka dengan mengambil upah membaiki enjin bot nelayan sementara tidak turun ke laut dalam musim tengkujuh.

LKIM sentiasa komited dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada golongan sasar. Dengan wujudnya bantuan seumpama ini sedikit sebanyak meringankan beban golongan sasar terutamanya ketika musim tengkujuh dan bencana alam.

Jabatan Perikanan Malaysia juga telah mengeluarkan lesen Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) sedia ada kepada vesel perikanan tangkapan tradisional di Johor Timur yang menggunakan pukat tunda dengan kapasiti 25 GRT ke bawah bermula dari bulan November sehingga Februari tahun berikutnya. Had kawasan operasi adalah lebih 2 batu nautika ke atas. Lesen ini membolehkan penangkapan ikan dibuat

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

pada musim tengkujuh seterusnya membantu mengekalkan pendapatan nelayan yang mempunyai lesen PTMT pada musim tersebut.

Selain itu, pada tahun 2024, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perikanan Negeri Johor turut menyalurkan sumbangan berbentuk peralatan bagi menyokong aktiviti menangkap ikan kepada lebih 7 ribu nelayan seluruh Johor. Pihak Jabatan Perikanan juga telah membantu nelayan-nelayan darat yang terkesan oleh bencana seperti banjir dan kebakaran melalui Tabung Bencana Pertanian (TBP) daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Sejumlah RM8,366.00 berbentuk peralatan sokongan nelayan seperti jaring, pukot dan enjin bot telah diperuntukan kepada 7 orang nelayan darat yang terkesan banjir di negeri Johor pada tahun 2024.

Jabatan Perikanan Negeri Johor juga sentiasa menasihatkan komuniti maritim, terutamanya nelayan, untuk sentiasa berwaspada terhadap perubahan cuaca dan keadaan laut. Hebahan amaran ribut serta kemarau melalui media sosial Jabatan, serta melalui notis dan lisan kepada para nelayan sentiasa dilaksanakan supaya persediaan awal yang rapi dapat dibuat bagi memastikan tiada insiden yang tidak diingini berlaku.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Perikanan Negeri Johor dan LKIM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu komuniti nelayan ketika menghadapi cabaran musim tengkujuh. Langkah-langkah ini termasuk Bantuan ESHN, pengeluaran lesen PTMT, bantuan peralatan kepada nelayan yang terkesan banjir dan peningkatan kesedaran keselamatan. Inisiatif-inisiatif ini diharapkan dapat meringankan beban nelayan dan memastikan kelangsungan pendapatan mereka semasa musim tengkujuh.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN B53

Mohon dinyatakan sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK Negeri Johor tahun 2024, mengikut pecahan sektor utama (pembuatan, perkhidmatan, teknologi dan lain-lain).

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan agensi rasmi yang menyusun dan menerbitkan statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Statistik KDNK mengikut negeri yang terkini adalah bagi tahun 2023. Bagi tahun 2024, ia akan diterbitkan pada 1 Julai 2025 dan boleh dicapai melalui laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia di www.dosm.gov.my.

Bagi tahun 2023, prestasi ekonomi Johor meningkat 4.1 peratus (2022: 8.5%) dengan nilai KDNK berjumlah RM148.2 bilion berbanding RM142.4 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ekonomi negeri ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan sektor Pembuatan yang masing-masing berkembang 5.4 peratus (2022: 11.0%) dan 2.8 peratus (2022: 5.5%). Sektor Pembinaan pula merekodkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu 13.2 peratus (2022: 15.9%). Manakala sektor Perlombongan & pengkuarian bertumbuh 6.5 peratus (2022: 10.5%). Sebaliknya, sektor Pertanian menyusut 1.1 peratus berbanding 3.1 peratus yang dicatatkan tahun sebelumnya.

Dari perspektif sumbangan, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi Johor dengan sumbangan kumulatif 83.8 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pertanian sebanyak 11.6 peratus, manakala sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 3.0 peratus dan 0.5 peratus.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Jadual 1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Johor, 2022^e-2023^p

Bil.	Jenis aktiviti ekonomi	Nilai (RM juta)		Peratus sumbangan kepada KDNK (%)		Perubahan peratusan tahunan (%)	
		2022 ^e	2023 ^p	2022 ^e	2023 ^p	2022 ^e	2023 ^p
1.	Pertanian	17,403	17,205	12.2	11.6	3.1	-1.1
2.	Perlombongan dan pengkuarian	649	691	0.5	0.5	10.5	6.5
3.	Pembuatan	42,948	44,165	30.2	29.8	5.5	2.8
4.	Pembinaan	3,962	4,485	2.8	3.0	15.9	13.2
5.	Perkhidmatan	75,875	79,961	53.3	54.0	11.0	5.4
6.	Tambah: Duti import	1,533	1,698	1.1	1.1	20.8	10.8
	KDNK pada harga pembeli	142,370	148,205	100	100	8.5	4.1

Nota.

1. *e: estimate; p: preliminary*

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN B54

Mohon dinyatakan apakah strategi kerajaan negeri dalam memperluaskan akses kepada program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kawasan luar bandar seperti di DUN Parit Yaani bagi mengurangkan jurang pendidikan dan meningkatkan peluang pekerjaan belia tempatan.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha secara berterusan merancang strategi dalam memperluaskan akses program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Johor termasuklah di kawasan luar bandar seperti di DUN Parit Yaani bagi mengurangkan jurang pendidikan dan meningkatkan peluang pekerjaan belia tempatan. Berikut adalah beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama berterusan JPN Johor, antaranya;

Program Jom Masuk TVET Zon Johor diadakan di semua daerah Negeri Johor, termasuklah di Batu Pahat pada 25 hingga 27 Oktober 2024 yang hampir dengan kawasan Parit Yaani. Program ini menyasarkan belia berumur 16 hingga 28 tahun, termasuk mereka yang gagal atau lulus SPM serta yang sedang menduduki SPM. Program menawarkan latihan dengan silibus 70% praktikal dan 30% teori, bertujuan membantu pelajar dan belia yang kurang cemerlang dalam akademik untuk memperoleh kemahiran teknikal yang diperlukan oleh industri yang akan dapat mengurangkan jurang pendidikan dan meningkatkan peluang pekerjaan belia tempatan.

Program Karnival TVET dan Kerjaya telah diadakan di Kolej Kluang Kluang pada 21 Januari 2025 anjuran bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Pegawai Kaunselor (MAPEKA) Zon Johor, KV Kluang dan JPN Johor. Program ini berjaya menghimpunkan lebih 1,500 peserta terdiri daripada pelajar, belia, lepasan SPM serta masyarakat umum daripada seluruh kawasan bandar dan luar bandar. Program ini bertujuan memberikan maklumat mengenai peluang pendidikan dan kerjaya dalam bidang TVET, serta memperkenalkan institusi latihan yang berkaitan. Sebanyak 20 majikan telah membuka kaunter temuduga dan merekodkan seramai 456 individu telah ditemuduga, dengan 67 calon berjaya pada peringkat awal.

Kerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program latihan bakat digital, seperti ACTiVE, yang melibatkan pelajar dan guru dari sekolah menengah di kawasan luar bandar. Program ini memberi pendedahan awal kepada generasi muda mengenai kepentingan TVET, khususnya dalam bidang digital dan Revolusi Industri 4.0.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030. Pelan ini menekankan pembangunan komprehensif di luar bandar dengan strategi utama seperti penyediaan prasarana yang lengkap dan mewujudkan peluang pekerjaan melalui program latihan kemahiran. Ia bertujuan memastikan pembangunan seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar.

Program Belia Desa Madani @KKDW dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menerusi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan Best FM sebagai rakan di B5 Street Market, Johor Bahru. Program ini memfokuskan kepada pembangunan belia luar bandar melalui pendidikan berasaskan TVET. Ia bertujuan memperkukuh dan memantapkan golongan belia di kawasan luar bandar dengan kemahiran yang relevan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Majlis perasmian program Belia Desa Madani @KKDW telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW).

Selain itu, JPN Johor bergerak secara aktif bagi menjalankan hubungan jaringan dan jalinan dengan rakan strategik dan pemain industri TVET. JPN Johor juga mendapat sokongan padu daripada pelbagai Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) dan institusi latihan tajaan negeri antaranya CIDB, Akademik Binaan Malaysia (ABM), Johor SKills, Yayasan Johor Corporation (YPJ), Institut Kemahiran Mara Johor, Kolej Komuniti, Unit Strategik Modal Insan (USMI) dan Johor Petroleum Development Council (JPDC) bagi menyediakan peluang menjalani latihan kemahiran dan peluang kerjaya pada masa hadapan bagi semua pelajar dan belia di kawasan bandar dan luar bandar Negeri Johor.

Melalui pelaksanaan strategi-strategi ini, Kerajaan Negeri Johor dengan Kerjasama JPN Johor berusaha memastikan belia luar bandar, termasuk di DUN Parit Yaani, mendapat akses yang lebih luas kepada pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional, seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan dan taraf sosioekonomi mereka.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN B55

Bagaimana cara Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Sumber Manusia Negeri Johor dalam memastikan golongan penjaja mendapatkan manfaat Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS) di bawah PERKESO?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dalam kalangan penjaga dan peniaga berlesen telah diwajibkan mulai 1 Januari 2025 yang bertujuan menyediakan sokongan kewangan sekiranya berlaku bencana kerja. Berdasarkan rekod PERKESO bagi tahun 2024, seramai 9,085 individu mencarum SKSPS untuk sektor penjaja di negeri Johor, dengan 49 kes tuntutan diterima dan diproses dengan pembayaran faedah keseluruhan untuk sektor terbabit mencecah RM195,479.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan PERKESO melalui Kerajaan Negeri sentiasa berganding bahu dalam memastikan golongan penjaja mendapat manfaat caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS) di bawah PERKESO, antaranya:

- i. Memandatorikan sektor penjaja mencarum di bawah menerusi Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Kadar Caruman Bagi Penjaja Atau Peniaga) 2024 yang diwartakan pada 30 Ogos 2024 melalui P.U. (A) 229 dan berkuat kuasa pada 1 September 2024.
- ii. Pemetaraan memorandum persefahaman (MoU) dengan Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia Pekerjaan Sendiri (GPPPKMM) di dalam program-program promosi, perkongsian data di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bagi persatuan penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang berkaitan dengan perkara yang berhubung dengan aktiviti perniagaan dan kebajikan penjaja serta semua individu yang terlibat dalam aktiviti perniagaan dan kebajikan penjaja.
- iii. Bekerjasama dengan semua unit kerajaan tempatan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara termasuk di negeri Johor sepanjang tempoh peralihan bagi meningkatkan kesedaran kepada peniaga serta penjaja, memandangkan mereka adalah sebahagian daripada pemacu ekonomi.
- iv. Melaksanakan inisiatif terbaharu Kerajaan melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Belanjawan 2025 yang telah mula berkuat kuasa pada 9 April 2025 iaitu SPS Padanan Caruman di mana Kerajaan akan memberikan subsidi sebanyak 70 peratus atau RM162.80 bagi caruman di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). Orang Bekerja

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Sendiri termasuk penaja hanya perlu membayar sebanyak 30 peratus atau RM70.00 daripada caruman RM232.80 di bawah Pelan Caruman 2. Berdasarkan statistik PERKESO, sehingga 9 Mei 2025, seramai 281 penaja di negeri Johor telah mendapat manfaat di bawah inisiatif ini.

Penaja atau peniaga yang ingin mendaftar dan membuat caruman SKSPS boleh melakukan pendaftaran dan membuat bayaran caruman menerusi beberapa saluran seperti melalui aplikasi 'Prihatin' di telefon pintar, 54 pejabat PERKESO seluruh Malaysia, portal MATRIX PERKESO www.matrix.perkeso.gov.my, atau ejen PERKESO yang sah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN B56

Mohon EXCO berkaitan untuk menjelaskan apakah status terkini bagi projek air di negeri Johor khususnya air terawat dan air mentah?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Setakat Mac 2025, PAAB telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.5 bilion untuk pelaksanaan projek-projek CAPEX air terawat yang dimohon oleh RSAJ seperti pembinaan loji rawatan air, membaikpulih dan menaiktaraf loji rawatan air, pemasangan paip utama, penggantian paip lama, pembinaan tangki air dan sebagainya.

Secara umumnya, projek-projek CAPEX yang dicadangkan untuk dilaksanakan adalah bertujuan untuk:

- a. mencapai rezab margin bekalan air,
- b. penurunan kehilangan air tidak terhasil,
- c. mengurangkan gangguan bekalan air,
- d. memastikan bekalan air yang berkualiti
- e. mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh SPAN.

Terdapat 25 projek yang sedang dalam pelaksanaan di seluruh negeri Johor bernilai lebih kurang RM790 Juta. Antara projek yang sedang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

- a) Kerja-kerja Menaiktaraf LRA Sembrong Barat bernilai **RM9.78 juta** telah dianugerahkan kepada kontraktor pada Oktober 2022 dan dijangka siap pada Mei 2025. Sebahagian kerja-kerja Menaiktaraf LRA Sg. Gembut bernilai **RM3.28 juta** telah dianugerahkan kepada kontraktor pada November 2023 dan dijangka siap pada Julai 2025. Pembinaan Loji Pakej **50 JLH** di Semangar bernilai **RM74.95 juta** telah dianugerahkan kepada kontraktor pada Disember 2024 dan dijangka siap pada Januari 2026. LRA Layang 2 Fasa 2 **160 JLH** bernilai **RM113.95 juta** telah dianugerahkan kepada kontraktor pada Januari 2025 dan dijangka siap pada Ogos 2027.
- b) Kerja-kerja pembinaan empat (4) tangki air baharu di daerah Johor Bahru dan Muar dengan jumlah kapasiti keseluruhan sebanyak **24.10 JL** yang bernilai **RM140.61 juta**. Projek-projek tersebut dijangka siap pada Julai 2025 hingga Oktober 2025.
- c) Program Penggantian/Pengalihan Paip Lama sepanjang **457.54 km** di seluruh daerah di negeri Johor yang bernilai **RM364.58 juta**. Projek-projek tersebut dijangka siap di antara Mei 2025 hingga Disember 2025.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- d) Kerja-kerja Menaiktaraf LRA & Sistem Agihan yang melibatkan pembaikan loji, pembaikan tangki & pemasangan paip baharu pelbagai saiz yang bernilai **RM41.58 juta** di daerah Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru. Projek-projek tersebut dijangka siap di antara Jun 2025 hingga Ogos 2025.
- e) Kerja-kerja Membina Sistem Rawatan/Pengurusan Enapcemar di LRA Sembrong Timur, Kluang dan LRA Kg. Tengah 1&2, Segamat yang bernilai **RM42.79 juta**. Projek-projek tersebut dijangka siap pada Julai 2025.

Terdapat beberapa projek yang kini di dalam peringkat perancangan dan rekabentuk dengan jumlah anggaran RM3.5 bilion adalah seperti berikut:

- a) Skim LRA Kayu Ara Pasong dan sistem agihan.
- b) Skim LRA Semangar 3 dan sistem agihan
- c) Pembinaan Loji Rawatan Air baharu serta Kerja-Kerja Mempertingkatkan Sistem Bekalan Air Di Daerah Batu Pahat, Johor. Dijangka tender pada April 2026.
- d) Menaiktaraf LRA Sg. Gembut dengan kapasiti tambahan **10 JLH** dan kerja-kerja berkaitan.
- e) Menaiktaraf Sistem Agihan Bekalan Air Di Daerah Kluang Dan Mersing, Johor yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf LRA Tenglu dengan kapasiti tambahan **10 JLH**, pembinaan lapan (8) tangki baharu dengan cadangan kapasiti keseluruhan sebanyak **22 JL** serta pemasangan paip agihan. Projek Dijangka tender pada September 2026.
- f) Kerja-kerja pembinaan 20 tangki air baharu di seluruh daerah di negeri Johor dengan jumlah kapasiti keseluruhan sebanyak **96.53 JL**.
- g) Program Penggantian/Pengalihan Paip Lama sepanjang **285.63 km** di Johor Bahru, Muar, Kluang dan beberapa kawasan lain.
- h) Kerja-kerja Menaiktaraf LRA & Sistem Agihan yang melibatkan pembaikan loji, pembaikan tangki & pemasangan paip baharu pelbagai saiz.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN B57

Mohon dinyatakan jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri Johor daripada sektor hasil bumi bagi tahun 2022 hingga 2024 mengikut kategori (contoh: pasir, batu kuari, tanah merah, minyak dan gas).

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, pendapatan hasil bumi dikutip oleh PTG Johor berdasarkan 2 punca kuasa iaitu:-

- i. Permit Bahan Batuan di bawah Seksyen 70 Kanun Tanah Negara (Akta 828). Ia merangkumi hasil bayaran permit tanah merah, pasir, batu kerikil, dan lain-lain lagi.
- ii. Enakmen Mineral Negeri Johor Tahun 2003. Ia merangkumi hasil perlombongan logam dan galian seperti bijih besi, emas, silika, bauksit dan lain-lain.

Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh kedua-dua punca kuasa ini adalah seperti berikut:-

JENIS HASIL BUMI	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)
BAHAN BATUAN (SEK 70 KTN)	59,470,009.50	66,796,838.71	82,990,130.84
LOGAM DAN MINERAL (ANAKMEN MINERAL JOHOR 2003)	2,415,095.23	2,750,858.72	6,155,045.86

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN B58

Apakah bentuk bantuan kewangan atau teknikal yang disediakan untuk petani dan penternak di kawasan luar bandar?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor sentiasa memberi perhatian serius terhadap pembangunan sektor pertanian luar bandar yang menjadi tulang belakang kepada sektor Agromakanan. Melalui Jabatan Pertanian Negeri Johor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar misalnya, pelbagai inisiatif dan bentuk bantuan telah disusun rapi bagi memastikan petani dan penternak, khususnya di kawasan luar bandar terus berjaya. Antara bentuk sokongan yang disediakan adalah seperti berikut:

1. Bantuan Input Dan Peralatan Pertanian

Kerajaan menyediakan subsidi dan bantuan dalam bentuk input pertanian seperti benih berkualiti, baja dan peralatan pertanian. Bantuan ini bertujuan mengurangkan kos pengeluaran petani serta meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran mereka.

2. Latihan Pertanian

Pelbagai program latihan dan pemindahan teknologi dilaksanakan secara berkala bagi memastikan petani dan penternak sentiasa didedahkan dengan kaedah pertanian moden, selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Ini termasuk latihan pengurusan ladang, penternakan bersepadu serta penggunaan teknologi pintar dalam operasi harian.

3. Pembangunan Infrastruktur Pertanian

Infrastruktur asas seperti sistem pengairan, jalan ladang dan kemudahan pascatuai turut diberi perhatian. Langkah ini bukan sahaja mempertingkatkan kecekapan pengeluaran, malah membuka akses kepada pasaran yang lebih luas.

4. Program Geran Pemadanan dan Geran Agropreneur Muda

Program Geran Pemadanan ini bertujuan untuk membantu usahawan PKS melalui penyediaan dana (secara geran padanan) bagi meningkatkan pengeluaran, kebolehpasaran serta hasil jualan produk. Bagi Geran Agropreneur Muda pula untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantai nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

5. Sokongan terhadap Pertanian Moden dan Pintar

Usaha sedang giat dilaksanakan bagi menggalakkan pelaksanaan projek-projek pertanian moden seperti sistem fertigasi, rumah hijau dan teknologi automasi. Ini bertujuan menarik minat golongan muda serta memastikan pertanian kekal sebagai bidang yang relevan dan menguntungkan.

6. Khidmat Teknikal Berterusan daripada Jabatan

Jabatan Pertanian menyediakan sokongan teknikal yang komprehensif melalui:

- i. Lawatan tapak dan pemantauan berkala oleh pegawai teknikal;
- ii. Nasihat dalam pengurusan penyakit dan perosak tanaman;
- iii. Pengesyoran pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP);
- iv. Penyediaan pelan pembangunan projek pertanian; dan
- v. Bimbingan ke arah pensijilan seperti myGAP dan myOrganik, bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran hasil dan potensi eksport.

Untuk makluman, kebanyakan penternak merupakan penduduk di kawasan luar bandar berikutan pembangunan di kawasan bandar telah menghadkan penternakan dijalankan di kawasan tersebut. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM 1,087,065.00 yang melibatkan bantuan lembu pedaging kacukan, bantuan alat bantu perikanan beradas, mesin perincih serta bahan binaan kepada penternak yang berpotensi. Kerajaan juga telah menyalurkan bantuan bekalan input pembangunan homplot yang melibatkan kerja pembinaan perigi dan bekalan pagar elektrik serta pam air kepada 2 orang pengusaha TKPM Sungai Mengkuang, Mersing. Pembinaan dan menaiktaraf prasarana di TKPM telah dijalankan di TKPM Ulu Sungai Johor dan TKPM Durian Chondong. Bagi pengukuran kawasan TKPM, kerja ini telah dijalankan di TKPM Ulu Sungai Johor.

Selain daripada bantuan dalam bentuk ternakan dan peralatan, kerajaan juga komited memberikan bantuan dari segi program kawalan penyakit serta pembasmian penyakit berkepentingan ekonomi dan zoonotik. Latihan kepada penternak juga merupakan satu keperluan yang dititik beratkan oleh Jabatan dalam usaha memastikan penternak mendapat ilmu dan pengetahuan yang tepat berkaitan bidang ternakan yang sedang diusahakan. Sebanyak 23 buah kursus berkaitan penternakan dan pengurusan kewangan / ladang dan perniagaan ternakan telah dijalankan pada tahun 2024 yang melibatkan penyertaan 1176 orang peserta kursus.

Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2,312,000.00 kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor. Antara insentif yang disediakan untuk penternak adalah bantuan pakej lembu pedaging dan pasung mudah alih, bantuan set pagar siklon dan tiang batu, bantuan mesin perincih serta bantuan bahan binaan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

kandang. Selain itu, insentif seperti program kawalan dan pencegahan serta pembasmian penyakit berkepentingan ekonomi dan zoonotik serta kursus-kursus pengurusan dan kesihatan ternakan masih diteruskan untuk tahun 2025.

Semua inisiatif ini mencerminkan iltizam Kerajaan Negeri untuk memperkasa sektor pertanian luar bandar secara holistik, bukan sekadar dengan bantuan kewangan semata-mata, tetapi turut menyentuh aspek pembangunan kapasiti, modal insan, teknologi, dan pematuhan piawaian bagi memastikan kelestarian dan daya saing jangka panjang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)

SOALAN B59

Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor seperti penubuhan satu Task Force untuk mempercepatkan segala permohonan Rumah Ibadat Bukan Islam yang masih tertangguh?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Kerajaan negeri amat prihatin dengan isu permohonan rumah ibadat bukan Islam yang masih tertangguh. Untuk mempercepatkan proses ini, kerajaan negeri akan mempertimbangkan segala langkah yang wajar jika didapati ia akan memberikan impak yang positif dan mempercepatkan penyelesaian permohonan-permohonan yang sedia ada.

Kerajaan negeri komited untuk memastikan semua permohonan diproses dengan telus dan adil, selaras dengan peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)**SOALAN B60**

Berapa ramai kontraktor kecil India serta jumlah kerja yang telah diberikan oleh agensi kerajaan negeri seperti JCCD, Teto Dan Amona Dari Januari 2024 sehingga April 2025?


JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Sehingga bulan April 2025 yang lalu bilangan kontraktor India yang berdaftar dengan JCCD telah merekodkan sebanyak 168 kontraktor yang masih aktif di seluruh negeri Johor dengan pecahan seperti jadual berikut:

Daerah	Gred Kontraktor							Jumlah Kontraktor Daerah
	G1	G2	G3	G4	G5	G6	G7	
BATU PAHAT	7	8	5	-	-	-	1	21
JOHOR BAHRU	9	20	22	-	7	1	4	63
KLUANG	1	2	3	-	-	-	2	8
KOTA TINGGI	-	-	1	-	1	-	-	2
KULAI	3	8	3	2	-	-	2	18
MERSING	-	1	1	-	-	-	-	2
MUAR	5	1	1	-	-	-	1	8
PONTIAN	1	-	-	-	1	-	-	2
SEGAMAT	19	8	5	1	1	1	1	36
TANGKAK	4	1	2	-	1	-	-	8
Jumlah Mengikut Kelas CIDB	49	49	43	3	11	2	11	-
Jumlah Kontraktor India Berdaftar dengan JCCD & Aktif								168

Seterusnya, menerusi projek pengurusan dan penyelenggaraan jalan negeri Johor, syarikat konsesi telah memperuntukkan sebahagian pakej kerja kepada kontraktor kecil India sepertimana gambah rajah berikut:

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025



	Tahun 2022	Tahun 2023	Tahun 2024
Safwa Global Venture (M) Sdn. Bhd.	-	7	6
Teto Engineering Sdn. Bhd.	11	8	-
Jumlah Pakej Kerja	11	15	6
Jumlah Peruntukan	RM1,998,000.00	RM4,527,968.56	RM1,426,014.10

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)

SOALAN B61

Senaraikan bilangan kuil serta jumlah peruntukan yang telah diberi oleh kerajaan negeri dari Januari 2024 hingga April 2025.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 27 permohonan tanah Kerajaan bagi tujuan tapak kuil yang sedang diproses di Pentadbiran Tanah Johor sehingga April 2025 sebagaimana jadual berikut :

Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan yang masih berada di PTD	Permohonan yang telah berada di peringkat PTG	Permohonan Selesai	Jumlah
1.	Johor Bahru	3	3	0	6
2.	Batu Pahat	0	0	0	0
3.	Muar	1	0	0	1
4.	Kluang	0	4	0	4
5.	Segamat	1	1	1	3
6.	Kota Tinggi	2	1	1	3
7.	Mersing	4	0	0	4
8.	Pontian	1	0	0	1
9.	Tangkak	1	0	0	1
10.	Kulai	2	1	0	3
	Jumlah	15	10	2	27

Daripada Januari 2024 sehingga April 2025 sebanyak 18 buah Kuil telah menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri dengan jumlah keseluruhan RM1,653,000.

Daripada jumlah itu, 10 buah kuil dibantu dengan peruntukan sebanyak RM703,000, pada tahun 2024.

Manakala pada tahun 2025 sehingga bulan April ini, 8 buah kuil telah dibantu oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan berjumlah RM950,000.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)

SOALAN B62

Apakah status permohonan Tanah Khairat Kematian Masyarakat India di Minyak Beku Batu Pahat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, permohonan berkaitan Tanah Khairat Kematian Masyarakat India yang terletak di kawasan Minyak Beku, Batu Pahat, telah diterima oleh Pentadbir Tanah Daerah Batu Pahat (PTDBP) pada 1 Disember 2021, sebagaimana yang dinyatakan dalam Rujukan No. PTDBP(RES) 01/06/02/1601/0016/2022.

Proses permohonan ini kemudian dibawa ke peringkat seterusnya untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD), yang berfungsi sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri menurut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No.1, bagi mendapatkan ulasan dan penilaian dari segi keselamatan dan perancangan pembangunan.

Dalam menjalankan tugasnya, JKKD mengkaji permohonan tersebut dalam Mesyuarat JKKD Batu Pahat Bil. 2/2023 yang diadakan pada 20 Disember 2023.

Pada mesyuarat tersebut, keputusan akhirnya telah dibuat untuk tidak menyokong permohonan berkenaan selepas menimbang pandangan dan ulasan daripada lima jabatan teknikal yang terlibat, di mana kesemua jabatan tersebut tidak memberi sokongan terhadap permohonan itu atas alasan aspek keselamatan, perancangan penggunaan tanah, serta keberkesanan pelaksanaan di lapangan.

Berdasarkan kepada keputusan JKKD, PTDBP telah melaksanakan proses penolakan ringkas mengikut Kaedah Tanah Johor sebagaimana rujukan (3)dlm.(KURNIAAN) 8/2005 bertarikh 16 April 2008 dan surat penolakan telah dikeluarkan pada 19 Februari 2025 kepada pemohon iaitu Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Berikut adalah jabatan-jabatan yang tidak menyokong permohonan ini:

1. Pejabat Penghulu Mukim Minyak Beku

- Menerima bantahan daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta masyarakat Orang Asli setempat.
- Penduduk setempat tidak mempunyai kepentingan terhadap aktiviti keagamaan seperti pelupusan abu mayat.

2. Jabatan Penerangan Daerah Batu Pahat

- Tapak permohonan berhampiran dengan jeti yang digunakan oleh masyarakat setempat untuk aktiviti nelayan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- Aktiviti keagamaan masyarakat India dikhuatiri tidak sesuai kerana majoriti penduduk adalah beragama Islam.

3. Pejabat Daerah Batu Pahat

- Tapak yang dicadangkan berhampiran Jeti Kuala Orang Asli Desa, serta merupakan kawasan berpayau dan terletak berhampiran Sungai Batu Pahat, yang tidak sesuai dari segi persekitaran fizikal.

4. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor (PLANMalaysia Johor)

- Tapak ini tidak selaras dengan zon perancangan seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat yang telah diwartakan.

5. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD Batu Pahat)

- Permohonan ini berpotensi menimbulkan bantahan masyarakat setempat dan menyentuh isu sensitiviti keagamaan.
- Ia juga dibimbangi akan menimbulkan isu berkaitan status pemilikan tanah.

Secara keseluruhannya, berdasarkan maklum balas jabatan-jabatan berkaitan, didapati permohonan ini tidak mendapat sokongan kerana beberapa faktor utama termasuk bantahan komuniti setempat, sensitiviti agama, ketidaksesuaian tapak dari aspek fizikal dan guna tanah, serta implikasi sosial yang berpotensi berlaku.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)

SOALAN B63

Adakah kerajaan negeri bersedia untuk menubuhkan sebuah Unit Hal Ehwal Khas Masyarakat India Johor untuk memudah cara segala isu berkaitan komuniti tersebut?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Mengenai penubuhan Unit Hal Ehwal Khas Masyarakat India Johor, kerajaan negeri ingin memaklumkan bahawa setiap isu yang berkaitan dengan komuniti ditangani berdasarkan keperluan dan keadaan semasa.

Kerajaan negeri memberi jaminan bahawa setiap kes akan diteliti secara individu bagi memastikan penyelesaian yang paling sesuai dan adil dapat dipertimbangkan. Pendekatan ini membolehkan kerajaan negeri untuk memahami nuansa setiap permasalahan dan merangka respons yang paling berkesan.

Kerajaan negeri sentiasa terbuka untuk mendengar dan mempertimbangkan keperluan semua lapisan masyarakat di Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**SOALAN B64**

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengatasi isu pelajar sekolah menengah, khususnya di Johor, yang tidak hadir menduduki peperiksaan SPM kerana memilih bekerja di Singapura tanpa kelayakan akademik?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor memandang serius isu pelajar sekolah menengah yang tidak hadir menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan masa depan pelajar terlibat, malah memberi kesan jangka panjang kepada pembangunan modal insan negeri Johor. Oleh itu, pelbagai usaha telah diambil bagi menangani masalah ini, khususnya melalui pendekatan pendidikan dan pendedahan awal terhadap peluang kerjaya yang berdaya saing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Webinar Kerjaya TVET Bersama Johor Skills oleh Johor Skills. Program ini telah diadakan secara atas talian pada 25 Mac 2025 (Selasa) yang lalu dan melibatkan penyertaan semua Guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah menengah di seluruh Johor. Objektif utama webinar ini adalah untuk memberikan pendedahan dan maklumat tepat berkaitan peluang pendidikan dan kerjaya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diiktiraf serta mampu menjamin masa depan.

Melalui program ini, guru bimbingan dan kaunseling dibekalkan dengan ilmu dan strategi untuk memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan menamatkan persekolahan dan mendapatkan kelayakan minimum, khususnya SPM. Selain itu, mereka turut diberi maklumat tentang laluan alternatif yang sah dan diiktiraf untuk memasuki alam pekerjaan, termasuk peluang latihan kemahiran di institusi seperti Johor Skills. Dengan ini, pelajar akan lebih terdorong untuk merancang masa depan secara bijak tanpa terpengaruh dengan jalan pintas yang mungkin berisiko.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah menjalin hubungan kerjasama dengan KPJ Healthcare College Johor Bahru melalui program anak angkat semenjak tahun 2024. Pada tahun 2024, PPD Johor Bahru telah menjadi PPD rintis pelaksanaan program ini. Dimana seramai 122 orang murid dari golongan keluarga berpendapatan B40 dan lemah akademik telah terlibat. Dapatan keputusan SPM murid-murid ini menunjukkan impak pencapaian yang memberangsangkan dimana sebanyak 81% memperoleh lulus bagi semua mata pelajaran, 22% kredit bagi semua mata pelajaran. Pada tahun 2025 ini seramai 700 murid daripada semua PPD seluruh negeri Johor telah dipilih menyertai program Heal. Help. Hope ini.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 6 Mei 2025, Jabatan Pendidikan Negeri Johor turut telah menjalinkan kerjasama bersama ADTEC JTM Tangkak melalui sesi bersemuka bersama Puan Nor Azlina binti Ismail, Timbalan Pengarah Latihan. Melalui kerjasama ini, program khas berbentuk program anak angkat akan dilaksanakan bagi murid-murid sekolah menengah di daerah Tangkak, Muar dan Segamat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**SOALAN B65**

Malaysia komited mengurangkan pelepasan karbon 45% menjelang tahun 2030. Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi menyokong matlamat ini melalui pembangunan tenaga boleh diperbaharui dan pengurangan jejak karbon di peringkat tempatan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor sentiasa menyokong dan mendokong aspirasi Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45% menjelang tahun 2030, selaras dengan komitmen di bawah Perjanjian Paris dan Agenda Pembangunan Mampan 2030.

Sehubungan itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri Johor telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bersepadu bagi menyokong pembangunan rendah karbon serta memelihara kelestarian alam sekitar di peringkat tempatan. Antara inisiatif utama yang telah diambil oleh PBT adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan aktiviti **3R** secara menyeluruh termasuk pengkomposan sisa makanan, kitar semula minyak masak dan pakaian terpakai serta penghasilan semula bahan buangan kepada produk guna semula;
2. Penyediaan **Pelan Tindakan Rendah Karbon** bagi merangka strategi jangka panjang pembangunan mampan di peringkat PBT;
3. Penyertaan dalam program **Low Carbon City Challenge** anjuran pihak berwajib sebagai pengukuran prestasi keberkesanan inisiatif karbon rendah;
4. Mewajibkan penggunaan **teknologi jimat tenaga** dalam pelan pembangunan seperti penggunaan lampu jalan LED, sistem solar dan peralatan cekap tenaga;
5. Pelaksanaan program **Car Free Day** secara berkala dan penggalakan penggunaan kenderaan elektrik (EV), termasuk penyediaan stesen pengecas EV di lokasi strategik;
6. Penyediaan **Pelan Tindakan Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)** di bawah Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JSSEZ);
7. Pemasangan sistem **solar photovoltaic (PV)** di bangunan PBT serta penggunaan lampu LED dan lampu solar di kawasan awam;
8. Penglibatan **komuniti setempat** melalui program kejiranan hijau, pendidikan alam sekitar serta kerjasama dengan institusi pendidikan dan NGO;

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

9. Pelaksanaan **program penanaman pokok teduhan** secara berfasa serta pengindahan kawasan lapang untuk tujuan mitigasi iklim bandar;
10. Galakan penggunaan sistem **solar tenaga boleh diperbaharui** di premis kediaman dan komersial melalui promosi serta insentif berkaitan.

Kerajaan Negeri akan terus memperkukuhkan dasar dan kerjasama strategik bersama semua PBT serta agensi berkaitan bagi memastikan matlamat pengurangan pelepasan karbon dapat dicapai secara **holistik, berimpak tinggi dan mampan menjelang tahun 2030**.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B66

Berapakah jumlah pelaburan sektor pembuatan yang berjaya dipersetujui sepanjang tahun 2024 dan berapakah sasaran pelaburan untuk tahun 2025?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Jumlah pelaburan sektor pembuatan yang diluluskan oleh MIDA yang telah berjaya dipersetujui di Negeri Johor sepanjang tahun 2024 adalah sebanyak RM 48.5 bilion. Nilai pelaburan ini menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dan mencerminkan keyakinan pelabur terhadap Johor sebagai sebuah destinasi pelaburan yang strategik, khususnya dalam sektor pembuatan yang berteknologi tinggi dan berimpak tinggi.

Kerajaan Negeri Johor melalui agensi pelaburannya, Invest Johor, terus giat menarik pelaburan baharu dengan memberi tumpuan kepada sektor utama seperti elektrik dan elektronik, peranti perubatan, serta industri berkaitan kimia. Usaha-usaha ini disokong oleh pelbagai inisiatif pemudahcara pelaburan, penyediaan infrastruktur yang kondusif dan dasar mesra pelabur.

Bagi tahun 2025, sasaran pelaburan di Negeri Johor ditetapkan pada tahap yang lebih tinggi sejajar dengan pelancaran Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ) yang dijangka menarik lebih banyak pelaburan berimpak tinggi. Melalui insentif khas dan kerjasama rentas sempadan ini, Kerajaan Negeri mensasarkan pelaburan sebanyak RM100 bilion bagi tahun 2025, bergantung kepada tren semasa ekonomi global dan sentimen pelabur.

Kerajaan Negeri akan terus komited dalam memperkukuhkan ekosistem pelaburan demi memastikan pertumbuhan ekonomi Johor kekal mampan dan berdaya saing.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**SOALAN B67**

Apakah langkah kerajaan negeri dalam memastikan kesejahteraan warga emas, termasuk program sokongan kesihatan, sosial dan ekonomi?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa prihatin terhadap golongan warga emas di negeri ini. Bagi memastikan golongan ini sentiasa berada di dalam keadaan yang sejahtera, penubuhan pusat aktiviti di dalam komuniti adalah bersesuaian dan mengikut keperluan semasa. Pihak JKM telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) untuk menjalankan aktiviti harian di dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan (developmental) kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara KPWK dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sehingga kini, terdapat 22 PAWE di seluruh negeri Johor dengan ahli yang berdaftar seramai 4282 orang. Berikut merupakan statistik bilangan PAWE dan jumlah ahli berdaftar:

BILANGAN PAWE DAN AHLI YANG BERDAFTAR NI NEGERI JOHOR

BIL	NAMA PAWE	DAERAH	PARLIMEN	DUN	BILANGAN AHLI BERDAFTAR (ORANG)
1	PAWE KLUANG	KLUANG	KLUANG	MAHKOTA	304
2	PAWE PARIT KEROMA	MUAR	MUAR	MAHARANI	401
3	PAWE JOHOR BAHRU	JOHOR BAHRU	JOHOR BAHRU	LARKIN	142
4	PAWE PASIR GUDANG	JOHOR BAHRU	PASIR GUDANG	PERMAS	350
5	PAWE BUKIT PASIR MUAR	MUAR	PAGOH	BUKIT PASIR	448
6	PAWE KOTA TINGGI	KOTA TINGGI	KOTA TINGGI	JOHOR LAMA	93
7	PAWE BANDAR SEGAMAT	SEGAMAT	SEGAMAT	JEMENTAH	290
8	PAWE TANGKAK	TANGKAK	LEDANG	SEROM	241
9.	PAWE TENGGAROH 01	MERSING	MERSING	TENGGAR OH	84

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

10	PAWE KAWANKU	MERSING	MERSING	TENGGAR OH	125
11	PAWE PERMAI	KULAI	KULAI	BUKIT PERMAI	213
12	PAWE GEMILANG	PONTIAN	PONTIAN	PULAI SEBATANG	431
13	PAWE BANDAR PENAWAR	KOTA TINGGI	PENGERANG	PENAWAR	348
14	PAWE LABIS	SEGAMAT	LABIS	TENANG	103
15.	PAWE SERI SULONG	BATU PAHAT	PARIT SULONG	SERI MEDAN	92
16.	PAWE BANDAR TENGGARA	KOTA TINGGI	TENGGARA	PANTI	297
17.	PAWE PENGGARAM	BATU PAHAT	BATU PAHAT	PENGGARAM	133
18.	PAWE TEBRAU	JOHOR BAHRU	TEBRAU	TIRAM	52
19.	PAWE SEJAHTERA ENDAU	MERSING	MERSING	ENDAU	45
20.	PAWE AL HUDA BANDAR BARU IBRAHIM MAJID	KLUANG	SIMPANG RENGAM	MACHAP	30
21.	PAWE SIMPANG RENGAM	KLUANG	SIMPANG RENGAM	MACHAP	30
22.	PAWE SEMBRONG	KLUANG	SIMPANG RENGAM	KAHANG	30
JUMLAH KESELURUHAN AHLI BERDAFTAR					4,282

Program yang dilaksanakan diperingkat PAWE perlu memenuhi 5 dimensi utama iaitu dimensi kesihatan, sosial, ekonomi, kerohanian dan persekitaran. Bagi dimensi kesihatan ianya merujuk kepada penuaan sihat yang mana merupakan usaha ke arah gaya hidup sihat dan membentuk sistem kesihatan yang lebih baik serta mewujudkan persekitaran dan komuniti yang menutamakan kesihatan. Program yang telah dijalankan adalah seperti senamas iaitu senaman khusus untuk warga emas, program saringan kesihatan bersama Klinik Kesihatan di mana PAWE itu berada dan sebagainya.

Bagi dimensi sosial, ianya merujuk kepada penuaan aktif iaitu proses mengoptimumkan peluang dan penglibatan warga emas dalam keluarga dan masyarakat ke arah mendayaupayakan warga emas untuk meningkatkan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

kesejahteraan hidup. Aspek ini merangkumi kuantiti, kualiti dan skop jaringan sosial, peranan timbal balik dan hubungan antara generasi yang wujud sepanjang hayat. Antara program yang menyemai unsur-unsur kekeluargaan yang telah dijalankan di PAWE adalah seperti Program Citra Minda Intergenerasi. Program ini melibatkan golongan kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas.

Bagi dimensi ekonomi pula, ianya merujuk kepada penuaan produktif iaitu kapasiti penglibatan warga emas untuk menyumbang dalam bentuk aktiviti kerja bergaji atau sukarela yang dapat memberi makna dan kepuasan. Antara program yang dijalankan di PAWE bagi meningkatkan ekonomi ahli PAWE adalah program pemerkasaan ekonomi seperti mengusahakan makanan sejuk beku, kerepek dan juga perkhidmatan spa.

Bagi dimensi kerohanian, ia merujuk kepada penuaan positif iaitu pegangan kepercayaan dan nilai positif yang menjadi tunjang kehidupan dan jati diri warga emas sebagai panduan dalam kehidupan serta sikap dan pandangan positif terhadap penuaan. Antara program yang dilaksanakan di PAWE adalah seperti membudayakan al-quran, mengadakan kelas-kelas agama / moral, sambutan hari-hari kebesaran islam dan sebagainya.

Bagi dimensi persekitaran, ia merujuk kepada penuaan menyokong iaitu persekitaran dalaman dan luaran yang mesra warga emas bagi membolehkan warga emas berfungsi dengan baik. Persekitaran yang membolehkan dan membantu dapat mengurangkan ketidakupayaan yang dialami individu dan akan menggalakkan penglibatan warga emas dalam Masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan di bawah dimensi ini ialah seperti program gotong royong, aktiviti kesukarelaan sesama warga emas dan mewujudkan komuniti Warga Emas Prihatin serta lain-lain aktiviti yang berkaitan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B68

Apakah program baharu yang dirancang oleh kerajaan negeri untuk memperkasakan institusi keluarga, khususnya dalam membina keluarga sejahtera dan berdaya tahan?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor di bawah Portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat **amat menitik beratkan Institusi keluarga yang merupakan emelen asas dalam pembentukan manusia dan masyarakat**, di mana nilai dan asas kehidupan disemai sejak awal lagi. Ia merupakan sistem sosial yang memainkan peranan penting dalam pembentukan nilai, norma dan pembinaan jati diri individu, kesejahteraan masyarakat dan kestabilan negara.

Melihat peranan besar yang dimainkan oleh institusi keluarga ini, maka **Kerajaan Negeri Johor telah menubuhkan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim pada tahun 1997** di mana salah satu objektif penubuhan YPKDT ini adalah untuk mengukuhkan institusi keluarga selain turut berperanan dalam membawa wanita ke arus pembangunan dan menangani masalah sosial.

Justeru itu, bagi tujuan mencapai objektif tersebut (mengukuhkan institusi keluarga), maka pihak YPKDT telah membangunkan modul keibubapaan iaitu Modul Keluarga Sakinah (MKS) dan Modul Keluarga Sejahtera Negeri Johor (MKS NJ).

MKS ini dibangunkan pada tahun 1999 mempunyai 9 modul meliputi semua golongan sasaran iaitu bermula dari Persediaan Keibubapaan sehinggalah kematian (Husnul Khatimah). Melalui MKS ini, pelbagai pendekatan program dan kaedah pelaksanaan berdasarkan golongan sasaran telah dilaksanakan seperti Program Pengamalan Sakinah, ceramah, bengkel telah dilaksanakan berdasarkan intipati dari MKS ini untuk mempertingkatkan kefahaman dalam rumahtangga seterusnya membantu membina keluarga sakinah.

Selain itu, bagi masyarakat keluarga Non-Muslim pula, YPKDT telah membangunkan Modul Keluarga Sejahtera Negeri Johor (MKS NJ) pada tahun 2020 dengan kerjasama kumpulan Penyelidik daripada UTM bagi membina keluarga sejahtera khususnya di Negeri Johor. Daripada modul ini juga, pelbagai kaedah penyampaian dan pelaksanaan diperkenalkan bagi memastikan objektif modul ini tercapai. Selain penyampaian melalui aktiviti ceramah oleh penggerak-penggerak wanita di peringkat DUN, MKS NJ juga disampaikan melalui pelaksanaan **Program Kembara Keluarga Sejahtera Negeri Johor (KKS NJ)** dan *Massive Open Online Course (MOOC Keluarga Sejahtera)*.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Pada tahun 2025, YPKDT telah memperkenalkan program baru iaitu **Program Kembara Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KAWAN)** bagi memperkasakan wanita, memperkukuh institusi keluarga, membina komuniti sejahtera dan menyokong dasar kerajaan negeri dalam memastikan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat selaras dengan aspirasi Negeri Johor.

Di bawah program KAWAN ini terdapat 4 kaedah pelaksanaan iaitu :

- (1) Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Johor
- (2) Sambutan Hari Wanita Peringkat DUN
- (3) Kembara Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor (KAWAN)
- (4) Karnival Pesona Keluarga Johor

Pengisian bagi program KAWAN ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti: ceramah / bicara santai / forum berkaitan kesihatan / keselamatan keluarga / kemahiran keibubapaan. Selain itu, senamrobik / pameran dan jualan, pemeriksaan kesihatan, aktiviti kebajikan seperti ziarah kasih / penyampaian bakul makanan serta pelbagai pertandingan juga turut dilaksanakan dalam usaha memperkukuh institusi keluarga.

Tambahan pula, pada tahun 2025 ini juga akan ditubuhkan sukarelawan Skuad MIND-X@Komuniti yang berperanan dalam menubuhkan sebuah pasukan sukarelawan yang bukan sahaja berperanan dalam membantu pelbagai pihak yang memerlukan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan hubungan sosial antara individu dalam komuniti. Skuad MIND-X ini akan membantu dalam memberikan sokongan psikososial dalam institusi keluarga dan inisiatif yang akan diberikan adalah melalui perkhidmatan kaunseling, program sokongan keluarga secara berkumpulan dan juga program-program yang membawa tema kekeluargaan agar ia dapat membantu dalam membina keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan.

Manakala melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Johor sebagai agensi peneraju kesejahteraan keluarga, LPPKN giat menjalankan program-program kekeluargaan, perkahwinan dan keibubapaan melalui modul terbitan mereka seperti Modul Keluarga@Kerja (keseimbangan keluarga dan kerjaya), Modul PEKA (Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak) dan Modul SMARTSTART (pra perkahwinan).

Bagi tahun 2025, LPPKN akan mengadakan Program KASIH Keibubapaan Digital yang merupakan modul baharu berkaitan keibubapaan siber. Modul ini dibangunkan bagi memperkasakan golongan ibu bapa dengan ilmu serta kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan cabaran anak-anak generasi digital masa kini. Antara topik di dalam modul ini ialah adab dan etika di dunia siber, mengenali gaya keibubapaan digital dan mempelajari kemahiran keibubapaan digital.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Seterusnya dibawah Unit Kaunseling, LPPKN Johor menyediakan perkhidmatan kaunseling individu, kelompok, perkahwinan dan keluarga serta program Terapi Minda berbentuk bengkel yang memfokuskan isu-isu berkaitan pengurusan emosi, tekanan tempat kerja dan sebagainya.

Manakala program baru adalah Program KASIH Keluarga Ceria yang merupakan modul baharu berasaskan model berorientasikan bantuan awal psikologi berteraskan keluarga atau dikenali sebagai Family Psychological First Aid (PFA). Modul ini memfokuskan kepada kepentingan peranan ahli keluarga khususnya ibu bapa bagi membantu meningkatkan kesedaran terhadap kesihatan mental dan kemahiran penyesuaian dalam keluarga.

LPPKN juga menyediakan perkhidmatan untuk remaja yang dinamakan KafeTEEN. Program ini melibatkan remaja berumur 13 hingga 24 tahun. Antara aktiviti dan program di bawah KafeTEEN adalah Program Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran Remaja di sekolah, Perkhidmatan Kesihatan Reproduksi melalui konsultasi bersama doktor, program-program dan aktiviti berkaitan.

Selain itu, turut dilaksanakan Perkhidmatan Kaunseling Sosial, Program Kelab KafeTEEN bersama Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di Sekolah Menengah, Program KafeTEEN@NADI iaitu Jaringan Kolaboratif Strategik LPPKN dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dipusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), Program Advokasi KASIH Remaja iaitu pemberian tuala wanita di sekolah yang dipilih oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Terdapat 20 buah sekolah yang telah dipilih melibatkan seramai 1200 remaja.

Seterusnya, program baru dibawah Pusat Remaja KafeTEEN, adalah Program PEKERTI@IPTA. Program ini merupakan program kerjasama Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dengan mengguna pakai Modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi & Sosial A.C.E (Accurate, Comprehensive, Effective). Modul ini memfokuskan kepada pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial remaja dalam membantu remaja menempuhi alam remaja dengan selesa dan yakin. Antara tajuk di dalam modul ini ialah seksualiti, abstinensi, penyakit jangkitan seksual, kehamilan dan undang-undang berkaitan seksual dan kesihatan reproduktif.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan semua program adalah di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan program LPPKN merupakan program berbayar tertakluk di bawah Akta Fi & Caj LPPKN (2008) kecuali program yang melibatkan KafeTEEN.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN B69

Apakah perkembangan terkini mengenai situasi pencemaran sungai di Johor Bahru?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Terdapat dua (2) kejadian pencemaran Sungai yang berlaku di Johor Bahru daripada tahun 2024 sehingga ke 2025

Insiden pencemaran pertama berlaku pada 9 September 2025 di Sungai Tebrau melibatkan sebanyak 484 orang mangsa dari daerah JB dan daerah Kulai. Kesemua mangsa telah sihat dan tiada kesan jangka panjang dilaporkan. Tiada aduan baru diterima. Tindakan pembersihan Sungai Tebrau telah diselesaikan oleh Jabatan Alam Sekitar

Insiden pencemaran kedua berlaku pada 25 Mac 2025 di Sg Tiga, Kg Tg Langsung Pasir Gudang. Tiada mangsa yang dilaporkan terkesan pada masa itu. Tiada lagi aduan setakat hari ini. Pembersihan Sg Tiga masih menunggu tindakan daripada MBPG kerana ini berkaitan sisa leachate dari tapak pelupusan sampah Tg Langsung yang mencemarkan Sg Tiga. Tapak ini di bawah pengurusan MBPG.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN B70

Apakah perancangan kerajaan negeri atau pusat untuk mengatasi masalah kesesakan jalan yang berlaku sepanjang FT003 dari arah Bandar Tiram menuju ke Pandan? Kesesakan ini memberi kesan kepada aliran trafik di Jalan J8.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, permohonan Menaiktaraf Persimpangan Di Jalan Johor Bahru – Kota Tinggi FT003 telah dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 untuk tindakan lanjut. Lanjutan daripada itu, satu projek Menaiktaraf Persimpangan Bertingkat Di Jalan Johor Bahru – Kota Tinggi FT003 Seksyen 0.00 Sehingga Seksyen 7.0 dibawah Iskandar Regional Development Authority (IRDA) akan dilaksanakan dan kini dalam status rekabentuk dan dijangka bermula pada Januari 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B71

Minta dinyatakan bagaimanakah inisiatif rezoning dan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di Sungai Johor dapat membantu menjamin kelestarian sumber air bagi kegunaan rakyat dan sektor industri di Johor.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Sungai Johor merupakan satu takungan yang berfungsi bagi membekalkan air kepada Loji Rawatan Air (LRA) Semangar 3 ketika musim kemarau. Ianya juga merupakan satu fasiliti sumber air mentah (storan sokongan) bagi memastikan kelangsungan bekalan air kepada pengguna tidak terputus.

Kelestarian sumber air dapat di capai apabila TAPS ini mengambil dan menyimpan sumber air lebihan dari sungai ketika musim hujan (*high flow*) dan digunakan semula apabila musim kemarau (*low flow*) tiba. Pada keadaan biasa, LRA Semangar 3 akan menggunakan air mentah secara terus dari Sungai Johor berdasarkan lebihan *yield* sedia ada di sungai tersebut. Dengan ini, bekalan air mentah kepada LRA akan sentiasa dapat dibekalkan.

TAPS Sungai Johor ini direkabentuk untuk membekalkan air mentah kepada LRA Semangar 3 bagi tempoh tiga (3) ke enam (6) bulan bergantung kepada permintaan bekalan air semasa dengan storan 26 MCM atau 200 JLH.

Kawasan yang mendapat manfaat daripada TAPS ini adalah Kawasan bagi daerah Kota Tinggi, Kulai dan Johor Bahru.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B72

Minta dinyatakan perancangan kerajaan negeri dalam mengatasi isu kesesakan lalu lintas di kawasan Greater Johor Bahru, termasuk pelaksanaan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kawasan Greater Johor Bahru kini berdepan tekanan kesesakan lalu lintas yang semakin ketara disebabkan oleh beberapa faktor utama, termasuk pertambahan pesat jumlah kenderaan persendirian, pembangunan bandar yang rancak, pertumbuhan penduduk yang tinggi serta kebergantungan yang masih besar terhadap mod pengangkutan jalan raya dan juga pertambahan pergerakan harian rentas sempadan.

Sebagai langkah proaktif, Kerajaan Negeri telah merangka pelbagai pendekatan bersifat jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah ini secara menyeluruh dan mampan. Antara langkah dan perancangan utama yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pelan Jangka Pendek

- i. **Penubuhan Jawatankuasa Khas Penyuraian Trafik Greater JB**
Satu jawatankuasa khas peringkat negeri telah ditubuhkan bagi mengenal pasti kawasan tumpuan kesesakan (hotspot) dan merangka pelan penyuraian trafik. Setakat ini, sebanyak 77 kawasan kesesakan telah dikenal pasti di sekitar Greater Johor Bahru, dan cadangan penyelesaian awal sedang diperhalusi.
- ii. **Peningkatan Perkhidmatan Bas Awam**
Sebagai persiapan sebelum RTS beroperasi sepenuhnya, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) sedang menambah baik perkhidmatan bas awam bagi menyokong jaringan pengangkutan bandar yang lebih efisien. Penambahbaikan ini melibatkan projek Bas Muafakat Johor (BMJ) yang sedang dikaji semula dari aspek laluan, liputan kawasan dan kekerapan perjalanan agar lebih mesra pengguna serta lebih menyeluruh. Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dalam program myBAS Johor Bahru (SBST), yang telah ditambah baik bermula 1 April 2025. Melalui program ini, jumlah bas telah ditingkatkan daripada 128 buah kepada 168 buah, manakala kekerapan perjalanan waktu puncak dinaik taraf kepada setiap 15–20 minit. Kedua-dua inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan persendirian serta menyediakan pilihan mobiliti yang lebih cekap dan mampu milik kepada penduduk Greater Johor Bahru.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

iii. Kemudahan Park & Ride

Bagi menyokong sistem pengangkutan awam yang lebih efisien dan bersepadu, Kerajaan Negeri turut merancang penyediaan kemudahan Park & Ride di beberapa lokasi strategik berhampiran stesen pengangkutan awam seperti RTS dan ART, bagi menggalakkan pengguna meninggalkan kenderaan mereka dan beralih kepada mod pengangkutan awam.

Pelan Jangka Panjang

i. Pelaksanaan Projek RTS Link Johor Bahru–Singapura

Projek Rapid Transit System (RTS) Link yang kini sedang giat dibina dijangka beroperasi pada akhir tahun 2026. RTS akan menghubungkan Bukit Chagar (Johor Bahru) dengan Woodlands North (Singapura) dengan kapasiti sehingga 10,000 penumpang sejam setiap arah. RTS merupakan teras utama dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan kenderaan persendirian dan kesesakan di Tambak Johor.

ii. Perkhidmatan Electric Train Service (ETS)

Perkhidmatan ETS dijangka mula beroperasi ke Johor Bahru pada suku ketiga 2025 dengan 3 trip sehari dan akan meningkat secara berperingkat kepada 16 trip sehari menjelang 2027. Dengan kapasiti 315 penumpang bagi setiap tren, ETS bakal menjadi mod perjalanan antara negeri yang lebih cepat dan selesa, seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan persendirian dan menyokong aliran pelancong serta pekerja dari luar Johor.

iii. Perkhidmatan Komuter Selatan

Komuter Selatan (JBS–Paloh) akan mula beroperasi pada suku pertama 2029 dan menyediakan perjalanan dengan kekerapan 15 hingga 30 minit, bergantung kepada laluan dan waktu puncak. Perkhidmatan ini berkapasiti 450 penumpang bagi setiap tren dan berperanan sebagai penghubung kawasan suburban ke pusat bandar, selaras dengan usaha membangunkan rangkaian pengangkutan awam yang bersepadu dan mampan di Greater Johor Bahru.

iv. Pelaksanaan Sistem Aliran Transit Automasi Bertingkat (E-ART)

Kerajaan Negeri telah menerima *Statement of Need* (SON) daripada Kementerian Pengangkutan pada 28 Januari 2025, manakala pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) telah memulakan proses *Request for Proposal* (RFP) bagi pelaksanaan Sistem Aliran Transit Automasi Bertingkat (E-ART) bagi melengkapkan sistem pengangkutan bersepadu di Greater Johor Bahru. E-ART dijangka merangkumi tiga koridor utama iaitu Koridor Skudai, Koridor Tebrau, dan Koridor Iskandar Puteri yang akan berintegrasi di stesen pertukaran utama Bukit Chagar, seterusnya menyokong sistem RTS. Cadangan jajaran akhir dijangka

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

diketahui seawal Ogos 2025, tertakluk kepada hasil penilaian RFP tersebut. Pelaksanaan ART ini dijangka memberi manfaat besar dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas, mempercepat mobiliti harian, dan menyokong agenda rendah karbon negeri.

- v. **Penaiktarafan Infrastruktur Jalan Raya**
Kerajaan turut meneliti keperluan untuk menambah kapasiti jalan raya, termasuk pelebaran jalan, pembinaan jalan pintas baharu dan penyelenggaraan berkala. Ini bagi memastikan sistem trafik dapat menampung pertambahan kenderaan dan pembangunan pesat di kawasan Greater Johor Bahru.

Kerajaan Negeri percaya bahawa pelaksanaan inisiatif ini secara berperingkat, dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan agensi berkaitan, akan dapat meningkatkan kecekapan sistem mobiliti di kawasan Greater Johor Bahru, mengurangkan kesesakan lalu lintas serta menyokong agenda pembangunan negeri yang mampan dan berdaya saing.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B73

Minta dinyatakan strategi kerajaan negeri untuk mempromosi produk pelancongan baharu seperti ekopelancongan, pelancongan kesihatan dan pelancongan warisan budaya.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, antara strategi Kerajaan Negeri untuk mempromosikan produk pelancongan baharu seperti ekopelancongan, pelancongan kesihatan dan pelancongan warisan budaya adalah sebagaimana berikut :-

1. Memperhebatkan kempen promosi di media sosial Tourism Johor.
2. Menerbitkan video pelancongan.
3. Mencetak bahan-bahan promosi seperti risalah pelancongan.
4. Menyertai pameran-pameran pelancongan.
5. Memperbanyakkan program lawatan pengenalan atau *fam trip*.
6. Meningkatkan hubungan kerjasama dengan penggerak-penggerak industri pelancongan seperti agensi pelancongan, pemandu pelancong, pengusaha hotel untuk bersama-sama mempromosikan produk pelancongan tersebut.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B74

Minta dinyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang sedang diambil bagi memperkukuh Johor sebagai hab eksport pertanian dan mencapai status 'Food Basket' Malaysia?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN B75

Minta dinyatakan adakah kerajaan negeri mempunyai pelan tindakan atau sasaran kuantitatif untuk meningkatkan jumlah eksport pertanian Johor dalam tempoh lima tahun akan datang?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

(Jawapan bersekali untuk soalan B74 & B75)

Untuk makluman, Johor merupakan salah sebuah negeri utama pengeluar hasil pertanian di Malaysia, dengan kelebihan dari segi sumber semula jadi yang subur dan sesuai untuk penanaman pelbagai jenis tanaman makanan. Antara komoditi utama yang menyumbang kepada kekuatan sektor ini termasuklah buah-buahan tropika seperti durian, nanas, pisang, serta pelbagai jenis sayur-sayuran dan produk makanan (industri asas tani). Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) tahun 2023, Johor menyumbang sebanyak RM17.21 bilion atau 17.1% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor pertanian negara, menjadikan negeri ini sebagai antara tunjang utama kepada jaminan makanan negara.

Potensi besar yang dimiliki ini menjadikan Johor berkeupayaan untuk terus memperkukuhkan kedudukan sebagai hab pengeksport hasil pertanian ke pasaran serantau dan global. Berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Negeri Johor mencatatkan nilai eksport produk pertanian terbesar dalam negara, apabila merekodkan lebih 70 peratus dengan nilai RM23.96 billion atau 6.8 juta tan dalam tempoh 2023 hingga 2024. Ia adalah berdasarkan rekod di 8 pintu keluar-masuk Johor dan berdasarkan pencapaian tersebut, pintu Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Iskandar Puteri mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak RM10.3 billion atau 3.49 juta tan produk hasil pertanian. Antara faktor utama di atas pencapaian ini adalah kedudukan pintu keluar Johor yang strategik untuk aktiviti eksport agromakanan negara, terutamanya ke pasaran serantau seperti Singapura, Indonesia, dan seterusnya ke China dan Timur Tengah. Selain itu, ia turut disokong oleh adanya kemudahan pelabuhan bertaraf dunia, dan status Johor sebagai pengeluar utama hasil pertanian terutamanya buah-buahan, sayur-sayuran, dan produk ternakan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Kelebihan dan potensi ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh kerajaan negeri bagi memperkasakan lagi sektor ini menerusi pelbagai inisiatif berkaitan peningkatan produktiviti dan perluasan eksport hasil pertanian Johor. Kerajaan negeri terus komited menjayakan Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor bagi memastikan Johor kekal menjadi hab bekalan makanan, bukan sahaja bagi pasaran domestik, tetapi meliputi pasaran serantau dan antarabangsa. Pelaksanaan agenda tersebut memberi fokus dan sasaran 5 tahun sehingga 2027 seperti berikut:

- i. Meningkatkan Pengeluaran Industri Makanan Utama dengan mensasarkan peningkatan pengeluaran sebanyak 32.46% bagi buah-buahan dan 32.87% bagi sayur-sayuran.
- ii. Memperkasa Usahawan Industri Asas Tani (IAT) dengan sasaran 250 usahawan IAT.
- iii. Memperkasa Usahawan Belia Tani dengan sasaran seramai 1,000 orang usahawan.
- iv. Memperkukuh ekosistem rantai bekalan makanan dan penghasilan produk berkualiti tinggi dengan memperkasa pusat pengumpulan hasil pertanian (PPHP) dan fasiliti eksport untuk produk agromakanan.

Sasaran peningkatan pengeluaran sebanyak 32.46 peratus bagi buah-buahan dan 32.87 peratus bagi sayur-sayuran adalah satu langkah progresif yang perlu disokong oleh semua pihak. Ia bukan sahaja berupaya meningkatkan tahap sara diri makanan negara, malah memberi peluang kepada petani dan pengusaha tempatan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka.

Pemeriksaan usahawan Industri Asas Tani (IAT) yang melibatkan 250 orang usahawan pula merupakan langkah penting dalam meningkatkan nilai tambah hasil pertanian. Usaha ini membuka ruang kepada pembangunan produk berasaskan pertanian seperti makanan proses, produk kesihatan dan minuman berasaskan herba yang mempunyai potensi besar di pasaran global. Di samping itu, pendekatan ini mampu mempelbagaikan sumber pendapatan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan pertanian yang lebih mapan.

Dalam konteks pembangunan generasi pelapis, sasaran untuk melahirkan dan memperkasa seramai 1,000 orang usahawan belia tani adalah amat signifikan. Ini kerana sektor pertanian kini berdepan cabaran penuaan tenaga kerja, dan tanpa penglibatan belia, sektor ini akan kekal berada di tahap lama dan berisiko merosot. Oleh itu, inisiatif yang menyasarkan penglibatan belia dalam pertanian moden harus disokong dengan kemudahan pembiayaan, latihan kemahiran, bimbingan teknikal dan akses kepada pasaran supaya mereka dapat menjadikan pertanian sebagai satu kerjaya profesional dan menguntungkan.

Usaha membangunkan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) dan fasiliti eksport untuk hasil pertanian segar merupakan antara komponen terpenting dalam

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

memperkukuh rantai bekalan makanan. Ia mampu mengurangkan kadar pembaziran hasil pertanian akibat kekurangan infrastruktur, memastikan hasil pertanian sampai ke pasaran dalam keadaan segar dan berkualiti tinggi, serta memudahkan petani mendapatkan harga yang adil. Fasiliti eksport juga akan membuka peluang besar untuk Johor menjadi pemain utama dalam pasaran pertanian serantau dan global.

Seiring dengan perkembangan dinamik dalam sektor pertanian, negeri Johor terus memanfaatkan teknologi moden, amalan pertanian mampan, dan inovasi pengurusan hasil untuk meningkatkan daya saing serta kualiti eksport. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran utama seperti infrastruktur logistik yang belum menyeluruh, isu kualiti produk, dan akses pasaran yang terhad terus menjadi fokus untuk ditangani secara holistik.

Menyedari keperluan perancangan strategik yang lebih tersusun, Kerajaan Negeri telah menubuhkan **Jawatankuasa Pengukuhan Pasaran Eksport Hasil Pertanian Negeri Johor (JPEHPNJ)**. Jawatankuasa ini berperanan sebagai platform koordinasi antara agensi kerajaan, pihak swasta dan pemain industri dalam usaha menyelaraskan pelaksanaan inisiatif meningkatkan eksport pertanian. Ia turut melibatkan strategi pembangunan infrastruktur logistik seperti pusat pengumpulan dan pemprosesan, penetapan piawaian produk eksport, serta peluasan jaringan pasaran global.

Penubuhan JPEHPNJ dijangka memberi impak langsung terhadap kapasiti pengeluaran hasil pertanian, membantu petani tempatan menembusi pasaran eksport dan secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan pendapatan pengusaha tani di negeri ini. Langkah ini juga memperkukuhkan sektor pertanian sebagai salah satu penyumbang utama pertumbuhan ekonomi Johor dan Malaysia amnya.

Justeru itu, misi Kerajaan Negeri adalah untuk menjadikan Johor sebagai negeri mampan dan berproduktiviti tinggi dalam sektor pengeluaran makanan negara, sekaligus memperkukuh kedudukan Johor sebagai *Food Basket* Malaysia dan destinasi utama eksport hasil pertanian negara.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN B76

Sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri untuk pembangunan infrastruktur di DUN Bukit Nanning bagi tahun 2023 dan 2024.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited dalam usaha memperkasa pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar termasuklah di kawasan DUN Bukit Nanning.

Secara keseluruhannya sejumlah RM 2.744 juta telah disalurkan bagi pelaksanaan 11 projek fizikal di DUN Bukit Nanning menerusi peruntukan pembangunan negeri Johor bagi tahun 2023 dan 2024. Namun demikian, peruntukan ini tidak termasuk pelaksanaan program dan projek di bawah peruntukan Pejabat Menteri Besar Johor.

Maklumat 11 projek fizikal berkenaan adalah sebagaimana berikut:

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	PROJEK INFRA
2023	144,000.00	8 buah projek baik pulih rumah (RM18,000 / Rumah)
2024	2,600,000.00	1. Kerja menaik taraf serta kerja berkaitan di Tanah Perkuburan Bakri 6, Muar – RM50,000.00 2. Cadangan membina jalan pintas dari Sungai Terap ke Paya Panjang laluan J32 Muar (Bukit Pasir Bypass) – RM2,500,000.00 3. Memasang lampu jalan dari selekoh persimpangan masuk PGA hingga selepas KK3 Bakri – RM50,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	2,744,000.00	

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN B77

Berapakah bilangan penganggur yang direkodkan di DUN Bukit Naning dan apakah inisiatif kerajaan negeri untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari hingga 02 Mei 2025, jumlah kehilangan pekerjaan yang direkodkan di negeri Johor adalah sebanyak 7.24 peratus atau 1,661 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 9 orang kehilangan pekerjaan di kawasan DUN Bukit Naning. Manakala seramai 5,435 telah berjaya mendapat pekerjaan di negeri Johor dalam tempoh yang sama.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan PERKESO melalui Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah yang strategik dalam membantu meningkatkan peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan, antaranya langkah yang diambil adalah seperti;

- i. Mempertingkatkan Karnival Kerjaya kepada pencari kerja tempatan. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari sehingga 2 Mei 2025, sebanyak 1,019 Program Karnival Kerjaya dan aktiviti temuduga mingguan telah dilaksanakan di seluruh negara. Sebanyak 113 daripadanya merupakan Program Karnival Kerjaya telah berjaya dilaksanakan di negeri Johor. Dalam tempoh yang sama, seramai 3,644 pencari kerja direkodkan telah hadir ke Program Karnival Kerjaya di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, seramai 808 daripadanya telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan dan 1,336 pencari kerja berjaya ke temuduga peringkat kedua.
- ii. Menyediakan platform pencarian pekerjaan dalam **portal dan aplikasi mudah alih MYFutureJobs** yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan algoritma pemadanan yang disahkan untuk menyediakan padanan kerja yang paling tepat berdasarkan kemahiran dan kecekapan pencari kerja.
- iii. Menyediakan Pusat Satelit sebagai lokasi sehati untuk pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan seperti UTC Johor, PKD Tanjung Sedili dan NADI Semangar Dalam.

Selain itu, dalam memperkasakan pasaran kerja negara dan mempersiapkan tenaga kerja mahir negara, KESUMA dan PERKESO turut melaksanakan inisiatif kepada pelajar universiti dan sekolah, antaranya;

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- i. Melaksanakan Program MYFutureJobs *Career Launchpad* bagi meningkatkan persediaan transisi pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ke alam kerjaya dengan menawarkan elemen profiling pencari kerja, program kebolehpasaran, aktiviti eksplorasi Kerjaya & temu duga Kerjaya.
- ii. Melaksanakan Program Eksplorasi Kerjaya yang merupakan platform untuk membantu meningkatkan *soft skills* pelajar seperti persediaan dan perancangan pelajar sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Program ini turut memberi pendedahkan kepada mereka untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti, minat, kemahiran dan kebolehan mereka.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN B78

Sila senaraikan semua projek pembangunan yang sedang berjalan dan yang telah diluluskan untuk kawasan Bukit Nanning dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, berdasarkan laporan daripada Pejabat Pembangunan Negeri Johor, sebanyak tujuh (7) projek pembangunan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM77,723,500.00 telah diluluskan dan sedang berjalan di kawasan DUN Bukit Nanning di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Salah satu projek yang sedang dilaksanakan ialah kerja menaik taraf makmal komputer di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Muar, Johor. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kemudahan pembelajaran bagi para pelajar dengan menyediakan peralatan komputer yang lebih moden dan berfungsi dengan baik. Dengan peruntukan sebanyak RM400,000.00, projek ini masih berada di peringkat brif projek dan dikendalikan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Peningkatan kemudahan makmal komputer ini diharapkan dapat membantu pelajar dalam menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), yang semakin penting dalam dunia pendidikan dan pekerjaan masa kini.

Selain itu, kerja menaik taraf serta ubah suai infrastruktur dan kemudahan di MRSM Muar juga sedang dijalankan dengan kos sebanyak RM4,500,000.00. Projek ini melibatkan pelbagai aspek pembaikan dan penambahbaikan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan selesa untuk pelajar serta tenaga pengajar. Dengan adanya kemudahan yang lebih baik, diharapkan MRSM Muar dapat terus melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum. Projek ini masih berada di peringkat brif projek dan dilaksanakan oleh KKDW.

Di samping itu, bengkel Kemahiran Hidup di MRSM Muar turut dinaik taraf dengan beberapa komponen utama, termasuk ubah suai dan naik taraf bengkel serta studio Reka Bentuk dan Teknologi (RBT), serta perolehan komputer desktop. Bengkel ini memainkan peranan penting dalam memberikan latihan kemahiran kepada pelajar, khususnya dalam bidang teknikal dan vokasional. Dengan peruntukan sebanyak RM350,000.00, projek ini masih berada di peringkat brif projek dan dikendalikan oleh KKDW. Selain itu, satu lagi projek menaik taraf bengkel Kemahiran Hidup di MRSM Muar sedang berjalan mengikut jadual, dengan peruntukan sebanyak RM350,000.00. Projek ini merangkumi pembekalan, penghantaran, penyusunan, pemasangan, latihan, serta ujian peralatan dan kelengkapan bengkel RBT. Dengan adanya kemudahan yang lebih baik, pelajar dapat menjalani latihan dengan lebih efektif dan memperoleh pengalaman yang berguna untuk masa depan mereka.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Selain daripada projek pendidikan, sebuah projek pembinaan tangki air untuk kawasan DUN Bukit Naning, Parlimen Bakri, Johor telah dilaksanakan dengan kos sebanyak RM6,500,000.00. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan bekalan air bersih kepada penduduk setempat, sekali gus memastikan keperluan asas mereka dapat dipenuhi dengan lebih baik. Bekalan air yang mencukupi dan berkualiti tinggi amat penting bagi kesejahteraan masyarakat, terutama dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dan peningkatan jumlah penduduk. Projek ini telah mencapai tahap siap kemajuan dan dikendalikan oleh KKDW.

Dalam usaha meningkatkan pengurusan sisa pepejal, sebuah stesen pemindahan sisa pepejal sedang dibangunkan di Muar, Johor dengan peruntukan sebanyak RM35,000,000.00. Projek ini bertujuan untuk memperbaiki sistem pengurusan sisa pepejal di kawasan tersebut, sekali gus mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Dengan adanya stesen pemindahan ini, proses pengumpulan dan pemindahan sisa pepejal dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan efisien. Projek ini sedang berjalan mengikut jadual dan dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Selain itu, kerja menaik taraf Jalan Muar FT024 dari dua lorong kepada empat lorong sepanjang 1.4 km serta pelebaran jalan utama dalam kawasan Muar Furniture Park sepanjang 2.6 km telah dilaksanakan dengan kos sebanyak RM30,623,500.00. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan sistem jalan raya di kawasan tersebut, sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memperbaiki aksesibiliti bagi penduduk serta pengguna jalan raya. Dengan adanya jalan yang lebih luas dan selesa, pergerakan kenderaan dapat berjalan dengan lebih lancar, dan ini akan memberi manfaat kepada sektor ekonomi serta industri tempatan. Projek ini telah mencapai tahap siap kemajuan dan dikendalikan oleh Kementerian Ekonomi.

Secara keseluruhannya, projek-projek pembangunan yang sedang berjalan dan telah diluluskan bagi kawasan Bukit Naning di bawah RMK-12 ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta pembangunan infrastruktur yang lebih baik. Dengan pelaksanaan projek-projek ini, diharapkan penduduk setempat dapat menikmati kemudahan yang lebih baik, meningkatkan taraf hidup mereka, serta menyokong pertumbuhan ekonomi dan sosial di kawasan tersebut.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN B79

Berapakah bilangan pelajar di DUN Bukit Nanning yang menerima bantuan pendidikan seperti RMT, biasiswa kecil, atau bantuan persekolahan?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa komited dalam memastikan kebajikan murid-murid terutamanya dari keluarga berpendapatan rendah terus terbela melalui pelbagai bentuk bantuan pendidikan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kerajaan Negeri Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut merupakan bilangan pelajar dari sekolah-sekolah dalam kawasan DUN Bukit Nanning yang menerima bantuan pendidikan pada tahun semasa:

1. Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

Seramai 347 murid daripada 6 buah sekolah rendah di DUN Bukit Nanning menerima bantuan seperti berikut :

Bil.	Nama Sekolah	Bil. Murid
1	Sekolah Kebangsaan Bukit Nanning	51
2	Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam Batu 18	106
3	Sekolah Kebangsaan Parit Zain	45
4	Sekolah Kebangsaan Parit No. 5	111
5	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chin Terh	12
6	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Nan	22

2. Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)

Seramai 73 murid dari 2 buah sekolah menengah di DUN Bukit Nanning menerima BKP merangkumi :

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

Bil.	Nama Sekolah	Kategori	Bil. Murid
1	SMK Tun Dr. Ismail (STUDI)	BKP Tingkatan 1 – 5	23
2	SMK Tun Dr. Ismail (STUDI)	BKPU Tingkatan 6 Atas	10
3	SMK Bukit Naning	BKP Tingkatan 1 – 5	40

3. Bantuan Awal Persekolahan (BAP)

Murid-murid dari kawasan DUN Bukit Naning turut menerima Bantuan Awal Persekolahan (BAP) di bawah peruntukan tahunan KPM. Seramai 2,689 orang murid telah menerima bantuan awal persekolahan ini bermula 13 Januari 2025. Berikut adalah pecahan murid mengikut sekolah :

Bil.	Nama Sekolah	Bil. Murid
1	Sekolah Kebangsaan Bukit Naning	173
2	Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam Batu 18	235
3	Sekolah Kebangsaan Parit Zain	78
4	Sekolah Kebangsaan Parit No. 5	334
5	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chin Terh	60
6	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Nan	603
7	SMK Tun Dr. Ismail (STUDI)	923
8	SMK Bukit Naning	283

JPN Johor akan terus menyalurkan bantuan pendidikan kepada murid-murid yang layak secara berterusan, selaras dengan matlamat untuk memperkasakan akses pendidikan berkualiti tanpa mengira latar belakang sosioekonomi pelajar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN B80

Sila nyatakan statistik kes jenayah yang dilaporkan di kawasan DUN Bukit Naning sepanjang tahun 2024 dan langkah pencegahan yang telah diambil.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Balai Polis Bakri terletak di bawah DUN Bukit Naning. Bagi tahun 2024, jumlah kes jenayah indeks adalah 28 kes berbanding 32 kes pada tahun 2023.

Ini menunjukkan penurunan sebanyak 4 kes (-12.5%). Kes jenayah indeks kekerasan menunjukkan peningkatan sebanyak 50% dengan penambahan sebanyak 5 kes dan kes yang menunjukkan peningkatan adalah kes bunuh, samun tanpa senjata api dan menyebabkan cedera.

Jenayah indeks harta benda pula menunjukkan penurunan sebanyak 9 kes (-40.91%) daripada 22 kes pada tahun 2023 kepada 13 kes pada tahun 2024.

Pada tahun 2024, jumlah kes jenayah indeks di IPD Muar adalah 320 kes dan kes jenayah indeks di DUN Bukit Naning hanya menyumbang sebanyak 8.75% daripada jumlah tersebut.

Kerajaan Negeri bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak memandang ringan sebarang ancaman keselamatan kerana satu nyawa atau satu kes jenayah adalah satu terlalu banyak bagi kita.

Antara langkah pencegahan yang telah dan sedang diambil termasuk:

1. **Penambahan rondaan berkala** oleh pihak polis di kawasan berisiko tinggi, khususnya pada waktu malam dan cuti hujung minggu.
2. **Kerjasama erat dengan komuniti setempat** melalui Program Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) supaya penduduk menjadi mata dan telinga kepada pihak keselamatan.
3. **Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)** di beberapa kawasan strategik, termasuk kawasan tumpuan awam dan perumahan, yang kini sedang ditambah baik melalui peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan.
4. **Peningkatan kesedaran masyarakat melalui program pendidikan jenayah**, khususnya kepada golongan belia dan pelajar, agar nilai sivik dan tanggungjawab sosial terus ditanam sejak awal.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN B81

Adakah wujud satu tabung khusus untuk permohonan bagi tujuan rumah ibadat atau berkaitan penganut bukan Islam?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) adalah bangunan untuk tujuan Ibadat Bukan Islam merangkumi bangunan-bangunan seperti Kuil, Rumah Ibadat, Tokong, Gereja, rumah bakar mayat (Crematorium) dan segala jenis bangunan/ rumah/ dewan yang akan dibina oleh Pertubuhan Keagamaan dan Fahaman selain Agama Islam.

Menjawab kepada persoalan dari Yang Berhormat, pada ketika ini tiada peruntukan khas bagi mewujudkan tabung khusus yang bertujuan untuk kegunaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Segala urusan permohonan pembinaan baharu, pemulihan, pengubahsuaian dan pembesaran Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) perlu melalui Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Johor.

Walaubagaimanapun, Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang berdaftar boleh memohon sejumlah peruntukan ke Pejabat Menteri Besar Johor bagi tujuan permohonan aktiviti dan pembangunan fizikal Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN B82

Senaraikan secara lengkap gajah di Johor yang dipasang kolar satelit dan kawasan rayauannya.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Buat masa ini PERHILITAN Johor mempunyai 5 stok kolar satelite dan sebanyak 2 unit kolar setelit telah dipasang pada dua ekor Gajah agi ID Jamaluang (Mek Lenggong) dan ID Bandar Tenggara (Mek Sri Timur). Operasi pemasangan akan diteruskan sehingga kesemua stok sedia ada habis dipasang. Tambahan Jabatan PERHILITAN Johor juga sedang dalam perolehan bekalan baharu sebanyak 5 unit.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN B83

Apakah status semasa permohonan bantuan bina baharu rumah Encik Idris bin Madias dari Kampung Temenin Baru yang diluluskan Baitulmal sejak 2022, namun masih belum dibina sehingga kini dan apakah punca kelewatan serta langkah penyelesaian pihak berwajib?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kejadian kebakaran berlaku kepada rumah En Idris bin Madias di Kampung Temenin Baru pada Disember 2022 dan mengakibatkan rumah pemohon mengalami kerosakan yang teruk. Di peringkat awal MAINJ telah menyampaikan sumbangan kecemasan sebanyak RM2,000.00.

Lanjutan itu penama telah diminta untuk melengkapkan borang permohonan bantuan bina baru rumah namun atas beberapa masalah maklumat permohonan kurang lengkap dan kekurangan banyak dokumen menyebabkan permohonan hanya dapat diterima selengkapnya pada Oktober 2024.

Permohonan bina baru rumah tersebut telah diluluskan oleh Jawatankuasa Zakat Dan Fitrah Negeri Johor pada bulan Mac 2025 dan proses pembinaan akan dilaksanakan melalui Pejabat Daerah Kota Tinggi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN B84

Berapa lamakah proses kelulusan bagi bantuan Baitulmal termasuk bantuan perubatan, sara hidup dan lain-lain?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Bagi skim bantuan zakat samada melibatkan skim bantuan perubatan pelbagai, skim bantuan sara hidup, skim bantuan rawatan hemodialisis dan lain-lain, tempoh proses yang diambil sehingga mendapat kelulusan adalah mengambil tempoh selama (1) satu bulan bermula dari penerimaan dokumen lengkap dari pihak pemohon, siasatan pegawai penyiasat sehingga kepada kelulusan di peringkat Jawatankuasa Penilai Bantuan Zakat MAINJ.

Untuk makluman juga, MAINJ mengambil langkah penambahbaikan dengan melaksanakan 4 kali persidangan Jawatankuasa Penilai Bantuan Zakat dalam tempoh sebulan bagi mempercepat segala proses kelulusan bantuan yang diterima khususnya di setiap Daerah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**SOALAN B85**

Agenda Maju Johor 2030 hendaklah seiring dengan kemudahan teknologi IT kepada semua rakyat Johor. Adakah kerajaan mempunyai perancangan bagi meningkatkan capaian internet di kawasan pinggir dan luar bandar terutama di kawasan DUN Sri Medan yang sering mendapat aduan daripada penduduk?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa berusaha untuk menambahbaik liputan internet di seluruh negara termasuk di Negeri Johor.

Melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sehingga 31 Mac 2025, pelaksanaan di DUN Sri Medan adalah seperti berikut:

- a. Tiada perancangan pembinaan menara baharu;
- b. Sebanyak 55 daripada 58 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf kepada rangkaian 4G manakala 3 lagi stesen pemancar sedia ada dalam proses pelaksanaan untuk dinaik taraf; dan
- c. Sebanyak 1,672 daripada 3,194 premis telah dilengkapi dengan sambungan gentian optik berkeupayaan gigabit.

Kesemua perancangan yang sedang dilaksanakan dijangka akan siap dan beroperasi secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2025. MCMC juga sedang mengenal pasti kawasan-kawasan yang belum mendapat liputan di negeri Johor bagi penyediaan JENDELA Fasa 2.

Selain membangunkan infrastruktur komunikasi, MCMC juga telah menyediakan satu (1) Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) [sebelum ini dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital] di DUN Sri Medan. Orang ramai termasuklah komuniti yang berhampiran dialu-alukan untuk memanfaatkan perkhidmatan pintar yang disediakan di NADI. Perkhidmatan pintar NADI meliputi pelbagai aspek seperti e-pembelajaran, kesejahteraan sendiri, kesedaran keselamatan siber serta bimbingan keusahawanan.

Sekiranya orang ramai mengalami isu liputan dan kualiti, mereka boleh mengemukakan aduan secara terus kepada pihak pemberi perkhidmatan agar tindakan yang wajar dapat dilakukan. Aduan kepada pihak MCMC juga boleh dilakukan melalui laman sesawang di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Selain itu, MCMC juga telah membangunkan portal JENDELA Map dan aplikasi JENDELA Mobile App di <https://jendela.my> bagi menyampaikan maklumat inisiatif yang dijalankan oleh MCMC dan membolehkan orang ramai untuk memberikan maklumbalas dan melaporkan status liputan di kawasan yang terlibat. Maklumbalas orang ramai yang diterima ataupun *crowdsourcing* tersebut membolehkan MCMC membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN B86

Bagi menjayakan agenda Tahun Melawat Johor 2026, adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan dan peruntukan tambahan bagi menaiktaraf kawasan pelancongan di negeri Johor seperti di Taman Botani Johor, Sri Medan khususnya dan daerah Batu Pahat keseluruhannya?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, secara keseluruhan, sebanyak RM48.75 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan Tahun Melawat Johor 2026 yang melibatkan beberapa tempat ikonik yang akan dinaik taraf bagi menerima ketibaan pelancong bagi tahun 2026.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, Daerah Batu Pahat juga tidak terkecuali daripada mendapat limpahan tersebut. Sebanyak RM700,000 telah diperuntukkan bagi tujuan pelancongan di dalam Daerah Batu Pahat.

Peruntukan ini meliputi 2 projek yang sedang berjalan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun ini sebagaimana berikut:

1. Projek penaiktarafan Taman Botani Sri Medan dengan nilai peruntukan sebanyak RM200,000.00.
2. Projek menaik taraf Tapak Perkhemahan Minyak Beku yang bernilai RM500,000.00 secara keseluruhan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN B87

Ketika ini komputer riba adalah satu keperluan wajib kepada setiap pelajar universiti, apakah kerajaan negeri mempunyai inisiatif bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan (keluarga B40) memiliki komputer riba? Sekiranya ada, berapakah yang diperuntukkan bagi setiap kawasan DUN?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor memahami bahawa dalam Era Pendigitalan ini, computer riba telah menjadi satu keperluan asas untuk setiap pelajar universiti, terutamanya bagi memastikan pelajar dapat mengikuti pembelajaran secara atas talian dan memenuhi keperluan akademik mereka. Oleh itu, melalui peruntukan dalam **Belanjawan 2025**, Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan satu inisiatif penting bagi membantu pelajar dari kalangan keluarga B40 yang kurang berkemampuan dalam mendapatkan akses kepada komputer riba.

2. Inisiatif Bantuan Komputer Riba

- a. Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak **RM 2.5 juta** bagi membantu **1000** mahasiswa yang berasal daripada keluarga B40 dan mereka yang baru menyambung pengajian di peringkat universiti.
- b. Bantuan ini bertujuan dalam memastikan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai alat yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas akademik mereka dan memanfaatkan peluang pembelajaran yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi.

3. Pengedaran Bantuan Mengikut Kawasan DUN

- a. Sebagai tambahan, peruntukan ini akan diedarkan mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), dengan jumlah bantuan yang diberikan kepada setiap kawasan DUN disesuaikan mengikut **faktor demografi** dan **jumlah penduduk** di kawasan tersebut.
- b. Hal ini bermaksud, jumlah bantuan bagi setiap DUN berbeza-beza mengikut keperluan dan populasi mahasiswa di kawasan tersebut bagi memastikan pembahagian yang lebih adil dan saksama kepada mereka yang benar memerlukan.
- c. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir daripada arus pendidikan moden hanya kerana kekurangan peralatan yang penting.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- d. Pelajar yang kurang berkemampuan dan yang baru memulakan pengajian mereka diberikan keutamaan dalam pemberian bantuan ini oleh kerana perbelanjaan untuk membeli computer riba yang baharu mungkin menjadi satu beban yang besar bagi mereka.
- e. Kerajaan Negeri Johor komited dalam memastikan peluang pendidikan yang lebih adil dan saksama kepada semua pelajar, terutamanya mereka yang berasal daripada keluarga B40.
- f. Dengan bantuan computer rib aini, kami berharap agar para pelajar akan dapat mengakses pelbagai sumber pendidikan dan mengikuti pembelajaran tanpa sekatan, sekaligus meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN B88

Penyediaan kemudahan sukan dan rekreasi penting bagi penglibatan generasi muda aktif dalam aktiviti sukan dan riadah, berapakah jumlah terkini gelanggang futsal yang terdapat di negeri Johor? Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan dan peruntukan bagi kos penyelenggaraan gelanggang futsal ini?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman, jumlah gelanggang futsal di Negeri Johor yang telah dibina di bawah peruntukan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah sebanyak 248 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 41 buah gelanggang telah diserahkan kepada pemilik tanah melalui proses lupus serah yang telah dilaksanakan pada tahun 2024.

Untuk rekod, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah memanjangkan sebanyak 31 permohonan untuk tujuan baik pulih dan naik taraf gelanggang futsal di negeri Johor kepada pihak KBS untuk pertimbangan lanjut.

Sebarang permohonan berkaitan baik pulih / naik taraf gelanggang dan fasiliti sukan boleh dimajukan kepada KBS untuk semakan dan pertimbangan berdasarkan peruntukan semasa dan peraturan yang berkuat kuasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN B89

Bengkel Sampul Surat di Batu Pahat contoh terbaik bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Adakah kerajaan negeri mempunyai cadangan untuk memperbanyakkan program yang sama seperti ini?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Bengkel Sampul Surat merupakan sebuah bengkel terlindung yang bernaung di bawah Majlis Pusat Kebajikan Semalaysia (MPKSM). Ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi memberi peluang dan ruang kepada OKU untuk menceburi bidang pekerjaan. Bengkel Sampul Surat merupakan sebuah bengkel yang menghasilkan sampul surat untuk dibekalkan kepada jabatan-jabatan Kerajaan. Kontrak Kerajaan untuk membekalkan sampul surat kepada agensi Kerajaan telah diperolehi dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Usaha ini akan membantu dalam mempertimbangkan peluang pekerjaan untuk golongan OKU. Seramai 71 orang OKU sedang bekerja di bengkel ini. Golongan ini telah diberikan pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap ketidakupayaan mereka. Antara bidang tugas yang disediakan kepada golongan OKU di bengkel ini adalah seperti mencetak dan melipat sampul surat pelbagai saiz yang meliputi sampul *expandable*, sampul *Tyvek*, sampul *x-tray*, sampul *mamografi* dan sampul *ultrasound*.

Selain Bengkel Sampul Surat di Batu Pahat, terdapat sebuah organisasi yang memperkasakan Kemahiran golongan OKU iaitu Johor Area Rehabilitation Organisation atau dikenali sebagai JARO. JARO ialah sebuah organisasi pemulihan dan bengkel untuk mereka yang mengalami ketidakupayaan fizikal, mental dan visual dalam Kemahiran kraf tangan. Misinya adalah untuk memulihkan OKU dengan melatih mereka bekerja bagi mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan Kemahiran yang diperolehi. Antara Kemahiran kraftangan yang dijalankan di JARO adalah membuat bakul daripada rotan, *book binding* dan bidang jahitan.

Kerajaan Negeri Johor telah memberikan peruntukan di bawah program khas untuk menggalakkan OKU bekerja seperti pelaksanaan kerjasama strategik bersama pihak PERKESO, penganjuran Kursus Asas Job Coach dan pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan (BKK) Negeri kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk Bengkel Sampul Surat.

Ini dizahirkan melalui Pembentangan Belanjawan Johor 2025 yang bertemakan "Maju Johor, Rakyat Sejahtera". Dibawah Inisiatif Kedua Puluh Satu, Teras Ketiga: Jaringan Keselamatan Sosial, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM110 ribu bagi pelaksanaan Kursus Disability Equality Training (DET) dan Kursus Asas Job Coach. Tujuan Kursus Asas Job Coach dilaksanakan adalah untuk menyediakan kursus asas sokongan pekerjaan profesional kepada OKU dan Majikan melalui

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

program mentor-mentee supaya OKU dapat masuk dan kekal di pasaran pekerjaan yang diceburi. Pihak JKM menasaskan seramai 100 orang peserta melalui 2 siri kursus yang terdiri daripada Petugas PKPDK, agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Dengan adanya program seperti ini, ianya memberi ruang kepada golongan OKU yang mempunyai minat untuk bekerja mendapatkan sokongan emosi serta mengenalpasti potensi diri OKU itu sendiri bagi menceburi bidang pekerjaan yang sesuai dengan keupayaan dan minat mereka.

Bagi membantu golongan OKU mendapatkan pekerjaan, pihak JKMN Johor telah mengadakan perbincangan strategik bersama pihak PERKESO bagi membantu golongan OKU mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan ketidakupayaan mereka. Objektif kerjasama strategik ini adalah merupakan satu usaha untuk merealisasikan dengan mempromosikan perkhidmatan pekerjaan seperti karnival kerjaya bagi golongan sasaran khas OKU. Antara program yang telah dilaksanakan adalah *job matching* dan program MYFutureJobs bersama dengan pihak majikan melalui program-program yang dilaksanakan diperingkat negeri dan daerah. Pihak JKM juga melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah telah menyampaikan maklumat berkaitan program ini kepada penerima bantuan bulanan dan anak penerima bantuan bulanan termasuk golongan OKU.

Kerajaan negeri Johor sentiasa peka dan memberikan perhatian untuk memperkasakan keupayaan golongan OKU agar dapat bersaing dalam pasaran pekerjaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan meneliti dan akan menjalankan kajian lanjut bagi keperluan memperbanyakkan program yang sama seperti di Bengkel Sampul Surat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN B90

Mohon penjelasan, kenapa Bakul Kasih yang peruntukannya diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini untuk diagihkan kepada 56 DUN tetapi untuk DUN pengimbang kerajaan, Bakul Kasih tersebut diuruskan oleh penyelaras dan bukan Wakil Rakyat Kawasan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Bakul Kasih yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini adalah untuk manfaat rakyat di semua 56 kawasan Dewan Undangan Negeri.

Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa pelaksanaan program ini di kawasan pembangkang diuruskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Khas DUN (JPKD) yang dilantik secara rasmi. Pelantikan ini sebagai mekanisme pentadbiran bagi memastikan penyampaian bantuan kerajaan sampai kepada rakyat tanpa gangguan.

Peranan Pengerusi JPKD adalah jelas dimana mereka ditugaskan untuk melaksanakan inisiatif Kerajaan Negeri secara menyeluruh dan tersusun, agar matlamat program seperti Bakul Kasih dapat dicapai dengan penuh akauntabiliti.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN B91

Kenapa tahun 2024, peruntukan Semarak Subuh diuruskan oleh Wakil Rakyat kawasan manakala tahun 2025 diuruskan oleh penyelarar DUN. Mohon justifikasi dan penjelasan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Bagi tahun 2025, pelaksanaan program Semarak Subuh di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Endau telah diselaraskan sepenuhnya di bawah tanggungjawab Pengerusi Jawatankuasa Penyelarar Khas DUN (JPKD) yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor.

Pelantikan ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan pelaksanaan program-program berimpak tinggi seperti Semarak Subuh dapat dijayakan dengan lebih teratur, efektif dan menyeluruh di peringkat akar umbi. Justeru itu, Pengerusi JPKD bertanggungjawab secara langsung dalam merancang, menyelarar serta melaksanakan segala inisiatif yang digariskan di bawah program ini. Peranan utama Pengerusi JPKD adalah sebagai pelaksana dasar dan penyelarar program kerajaan negeri di peringkat DUN, sekaligus memastikan setiap objektif dan hasrat murni program Semarak Subuh dapat diterjemahkan kepada tindakan yang memberi kesan positif kepada masyarakat. Ini termasuk memperkukuhkan institusi masjid, memupuk budaya solat berjemaah serta mempererat hubungan antara kepimpinan setempat dan komuniti.

Kerajaan Negeri percaya bahawa melalui pelaksanaan yang diselaraskan oleh JPKD, program ini akan dapat mencapai impak yang lebih besar dan menjangkau lebih ramai lapisan masyarakat, selaras dengan aspirasi Johor sebagai negeri yang maju, sejahtera dan diberkati.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN B92

Bilakah Terminal Bas Endau boleh mula beroperasi?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Terminal Bas Endau, Mersing dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada bulan September 2025 berikutan pihak Majlis Daerah Mersing (MDM) sedang menaiktaraf kerja-kerja laluan masuk ke Terminal Bas dan Pasar FAMA Endau. Pada masa yang sama, pihak MDM juga sedang dalam proses pengiklanan bagi penawaran penyewaan lot-lot kedai yang ada di terminal tersebut.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN B93

Berapa lamakah masa yang diambil oleh pihak JKM untuk meluluskan atau menolak satu-satu permohonan bantuan oleh orang awam?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa berusaha menyantuni rakyat yang memerlukan dengan melihat kepada taraf ekonomi individu dan keluarga serta keperluan mendesak. Kajian turut dilaksanakan bagi memastikan syarat kelayakan serta pemberian kadar bantuan bulanan yang diberikan memenuhi keperluan masyarakat mengikut situasi ekonomi semasa.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa mengambil berat terhadap setiap permohonan bantuan yang telah dikemukakan agar semua prosedur dan proses dilaksanakan mengikut garis panduan dan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Bagi pengurusan permohonan bantuan kewangan bulanan kepada kumpulan sasar jabatan, pegawai dan kakitangan JKM adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan (Bulanan) Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2025.

Merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan (Bulanan) JKM Tahun 2025, setiap permohonan bantuan bulanan hendaklah diproses lengkap dengan siasatan dan pemakluman keputusan permohonan perlu dimaklumkan dalam **masa 25 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima**. Dalam hal ini, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) akan membuat pertimbangan untuk kelulusan atau membuat penolakan berdasarkan hasil siasatan dan justifikasi oleh Pegawai Kes yang bertanggungjawab bagi kes tersebut.

Namun demikian, sekiranya terdapat permohonan bantuan dengan dokumen yang tidak lengkap atau pemohon gagal memberikan kerjasama sewajarnya ketika proses siasatan dijalankan, proses permohonan tersebut akan mengambil masa yang agak lama sebelum keputusan dapat dimaklumkan kepada pemohon. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha memastikan semua permohonan diproses secara telus, adil dan mengikut tatacara yang ditetapkan dari masa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN B94

Bolehkah kerajaan kongsiikan apakah sebenarnya berlaku di kawasan Air Merah Mersing tempoh hari yang mana penduduk mengadu bau yang kurang menyenangkan hampir setiap hari dan apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

ADUAN PENCEMARAN BAU KG. AIR MERAH, MERSING

Pada jam 11.30 malam, 16/02/2025 telah berlaku kejadian bau seperti racun serangga yang berterusan sehingga mengakibatkan ketidakselesaan penduduk kampung di Kampung Air Merah, Mersing. Makluman dari pihak hospital Mersing, terdapat satu kes yang mempunyai gejala sakit tekak, batuk dan sakit mata telah mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar.

Aduan pencemaran bau tersebut telah diadukan kepada Balai Bomba Mersing. Satu mesyuarat bersama IPD Mersing, wakil KRT dan Jabatan Bomba Mersing telah diadakan dan seterusnya mereka mengadakan lawatan ke tempat yang disyaki menjadi punca pencemaran bau iaitu di Estet Kuala Mayang. Hasil lawatan telah menemui kebocoran salur paip pada sebuah lori tangki bahan kimia yang terbiar.

Pada tarikh 17/02/2025 @ 12/30 pm pasukan HAZMAT Bomba Johor Bahru dan Jabatan Alam Sekitar cawangan Kluang telah menjalankan aktiviti persampelan alam sekitar di kawasan estet berkenaan. Sampel tersebut telah dihantar ke Jabatan Alam Sekitar cawangan Kluang untuk diproses.

Namun demikian, hasil pemeriksaan dari pasukan hazmat sejauh 800m radius daripada lokasi punca pencemaran bau mendapati bacaan udara di kawasan tersebut berada pada tahap yang selamat.

Walaupun bagaimanapun, laporan akhir hasil siasatan sampel alam sekitar dari Jabatan Alam sekitar cawangan Kluang masih belum diterima sehingga kini. Semua fasiliti kesihatan awam dan swasta telah diberi makluman awal dan perlu melaporkan sebarang gejala yang berkaitan dengan pencemaran bau.

Informasi pendidikan kesihatan berkenaan pencemaran bau telah dikongsikan menerusi laman Facebook PKD Mersing dan group whatsapp Penduduk Kg. Air Merah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)

SOALAN B95

Bilakah PPR Masai yang terbengkalai akan siap dibina?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Permas, sehingga kini, pihak PKPJ telah menguruskan 15 Program Perumahan rakyat (PPR) dan 7 Rumah Sewa Kerajaan (RSK) yang terdiri daripada 15,631 unit rumah untuk disewakan kepada golongan B40. Kadar sewa yang dikenakan kepada penyewa adalah antara RM70.00 sehingga RM250.00. Berdasarkan rekod, 96% daripada PPR tersebut telah dibuat pengisian manakala bakinya di dalam proses baik pulih dan juga rizab bagi tujuan kecemasan serta bencana.

PPR Masai melibatkan pembinaan sebanyak 330 unit rumah pangsa berbilang tingkat. Projek ini dimulakan pada tahun 2018 dengan peruntukkan sebanyak RM 60 juta dan dijangka siap pada Jun 2023. Namun begitu, projek ini mengalami kelewatan berikutan beberapa isu pelaksanaan. Sehubungan itu, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melantik kontraktor penyelamat untuk meneruskan dan menyiapkan pembinaan.

Sebagai makluman tambahan YB, tarikh milik tapak projek bagi kontraktor penyelamat adalah pada 4 Julai 2024 dan sehingga kini kemajuan fizikal projek adalah sebanyak 29.92% berbanding jadual asal iaitu 41.75%. Projek ini mencatatkan kelewatan sebanyak 11.83% atau bersamaan 44 hari. Antara punca kelewatan adalah daripada perubahan reka bentuk asal susulan status projek sebagai projek sambungan yang memerlukan penyesuaian teknikal serta pelarasan dalam pelaksanaan di tapak. Projek ini masih dalam fasa pelaksanaan, dan tarikh jangkaan siap terkini adalah dijadualkan pada **1 Januari 2026**.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**SOALAN B96**

Bilakah pelebaran Lebuhraya Pasir Gudang di kawasan Pasir Gudang yang sedang dijalankan akan siap?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman YB, kerja-kerja menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang (FT17) sedang berjalan ditapak dibawah tajuk projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang FT17 Johor – Fasa 2B: Dari Persimpangan Bandar Seri Alam / Taman Rinting Ke Pasir Gudang. Berikut adalah maklumat berkaitan projek ini:-

- Kontraktor : Tiya Bina Sdn. Bhd
- Harga Kontrak : RM 78,000,000.00
- Tarikh Milik Tapak : 25hb Oktober 2022
- Tarikh Siap : 24hb Februari 2026

Kerja-kerja menaiktaraf projek ini bermula dari persimpangan Bandar Seri Alam/ Taman Rinting (Lebuhraya Pasir Gudang - FT17) hingga ke persimpangan Pasir Gudang yang dicadangkan untuk dinaiktaraf daripada 4 lorong 2 hala kepada kepada 6 lorong 2 hala dengan panjang keseluruhan jalan adalah 5.5 Km.

Dengan siapnya pembinaan projek ini dijangka dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di kawasan ini dan sekitarnya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**SOALAN B97**

Johor telah mencatat pelaburan tertinggi dalam sejarah negeri iaitu sebanyak RM27.4 bilion pada suku pertama 2025, apakah manfaat yang akan diterima oleh rakyat Johor daripada hasil pelaburan ini?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Bagi suku pertama tahun 2025, Negeri Johor telah mencatat sejarah baharu apabila merekodkan pelaburan diluluskan berjumlah **RM27.4 bilion** — tertinggi dalam sejarah pelaburan negeri bagi tempoh tiga bulan pertama tahun. Ini adalah petunjuk jelas bahawa Johor terus menjadi destinasi pilihan pelabur berdasarkan kedudukan strategik, kestabilan pentadbiran, dan infrastruktur yang menyokong pertumbuhan industri masa hadapan.

Namun yang lebih penting daripada angka adalah manfaat langsung kepada rakyat Johor. Antara impak utama yang akan dirasakan termasuk:

(i) Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi

- Pelaburan-pelaburan ini dijangka mewujudkan ribuan peluang pekerjaan baharu, terutamanya dalam sektor berteknologi tinggi seperti elektrik & elektronik, pusat data, logistik pintar, tenaga boleh baharu dan bioindustri.
- Pekerjaan yang diwujudkan bukan sahaja banyak, tetapi juga lebih bernilai tambah, berkemahiran tinggi dan menawarkan gaji lebih kompetitif — selari dengan agenda Johor untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat.

(ii) Pemerkasaan Usahawan Tempatan dan PKS

- Kerajaan Negeri melalui Invest Johor giat memastikan pelaburan baharu memberi limpahan ekonomi kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, khususnya melalui penglibatan dalam rantai bekalan, logistik, penyelenggaraan dan perkhidmatan sokongan.
- Ini membuka peluang kepada kontraktor, pembekal dan perniagaan tempatan untuk berkembang seiring dengan kemasukan pelabur asing dan tempatan yang baharu.

(iii) Peningkatan Infrastruktur dan Ekosistem Daerah

- Sebahagian besar pelaburan ini disalurkan ke daerah-daerah luar bandar, yang akan membawa bersama pembangunan infrastruktur asas seperti jalan perindustrian, utiliti, serta akses digital.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- Kawasan seperti Kota Tinggi, Muar, Batu Pahat, dan Pontian akan terus melihat pembangunan taman perindustrian dan pengukuhan ekosistem ekonomi masing-masing.

(iv) Latihan dan Peningkatan Kemahiran Rakyat Johor

- Kerajaan Negeri bekerjasama dengan institusi TVET dan IPT tempatan bagi memastikan anak Johor dilatih dengan kemahiran yang diperlukan industri, termasuk bidang mekatronik, kejuruteraan data, automasi, dan tenaga boleh baharu.
- Ini akan memastikan rakyat Johor tidak hanya menjadi penonton, tetapi peserta aktif dalam arus pembangunan ekonomi negeri.

Kerajaan Negeri melalui Invest Johor akan terus menekankan pelaburan yang **berkualiti, berimpak tinggi dan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat**. Kita tidak mengejar jumlah semata-mata, tetapi melihat bagaimana setiap ringgit pelaburan boleh diterjemah kepada kehidupan yang lebih baik bagi rakyat Johor — dari peluang pekerjaan hingga kepada pembangunan wilayah yang lebih seimbang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN B98

Apakah status terkini untuk RKK Segamat 2030?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pembaharuan Semula Bandar Segamat telah di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil 01/2025 pada 20 Februari 2025. Seterusnya, kertas ini telah diangkat ke persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMKN) melalui Ringkasan Mesyuarat Bil. 1073/2025 pada 23 April 2025. PLANMalaysia Johor seterusnya dalam tindakan untukewartakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) berkenaan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**SOALAN B99**

Adakah kerajaan negeri akan melaksanakan penguatkuasaan bahawa semua bangunan komersial dalam negeri Johor diwajibkan membina infrastruktur atau aksesibiliti yang lebih sesuai untuk warga Orang Kurang Upaya? Jika ada, macam manakah dan dalam berapa lamakah tempoh untuk pelaksanaan tersebut?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Johor mensyaratkan penyediaan infrastruktur atau aksesibiliti untuk warga Orang Kurang Upaya (OKU) kepada semua pemajuan di dalam kawasan pentadbiran PBT selaras dengan peruntukan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) yang disediakan oleh PLANMalaysia.

Penyediaan keperluan OKU di dalam pembangunan komersial seperti klinik swasta, hotel bajet, bengkel dan sebagainya, dikawal pada fasa rekabentuk dan kelulusan pelan di peringkat PBT berdasarkan UUK 34A, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan *MS 1184:2014 Universal Design and Accessibility in Built Environment*. PBT akan mempertimbangkan sokongan bagi penyediaan *ramp* dan sebagainya berdasarkan permohonan pihak peniaga dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu, dalam proses lawatan interim berdasarkan OKU 3.0, keperluan OKU ini akan dipantau supaya ianya dibina sebagaimana pelan yang telah diluluskan. Perakuan Sijil perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) akan dikeluarkan sekiranya semua keperluan OKU telah siap dibina serta mencapai piawaian yang ditetapkan sepertimana didalam kelulusan pelan bangunan. Jika terdapat syarat yang tidak dipatuhi, pihak MBPG akan mengeluarkan arahan untuk mematuhi segala piawaian yang ditetapkan sebelum Perakuan Sijil perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh pihak pemaju.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**SOALAN B100**

Apakah kaedah atau rancangan kerajaan negeri bagi memperkembangkan sektor pelancongan dari segi infra sedangkan rungutan dari pemain industri adalah sistem pengangkutan yang tidak berketersambungan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperkembangkan sektor pelancongan melalui pendekatan yang menyeluruh, termasuk memperkukuh aspek infrastruktur dan kemudahan sokongan seperti sistem pengangkutan awam. Kerajaan Negeri mengambil maklum berkenaan rungutan pemain industri pelancongan terhadap cabaran kesalinghubungan pengangkutan yang dihadapi oleh pelancong dan pengguna domestik.

Isu ketidakkesalinghubungan antara mod pengangkutan ini berlaku antara lain disebabkan oleh pembangunan sistem pengangkutan awam yang berlaku secara berfasa dan tidak serentak antara satu mod dengan yang lain, seperti rel, bas dan terminal pelancongan. Di samping itu, perubahan corak mobiliti penduduk dan pelancong, termasuk peningkatan penggunaan kenderaan persendirian, turut menyumbang kepada kebergantungan yang tinggi terhadap mod pengangkutan jalan yang tidak dirancang secara integratif pada peringkat awal.

Sebagai langkah penambahbaikan, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) telah mengambil tindakan meningkatkan kesalinghubungan di antara sistem rel dan pengangkutan jalan, terutamanya di lokasi-lokasi tumpuan seperti stesen KTMB. Ketika ini, beberapa stesen KTMB telah pun dihubungkan dengan perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) bagi memenuhi keperluan mobiliti penduduk setempat dan pelancong.

PAJ juga sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi merangka penambahbaikan jaringan laluan BMJ supaya lebih efektif, efisien dan mesra pelancong. Ini termasuk menyemak semula laluan dan kekerapan sedia ada, khususnya apabila perkhidmatan ETS mula beroperasi di negeri Johor kelak. Laluan BMJ akan disesuaikan bagi menyokong pergerakan penumpang dari stesen ETS ke kawasan tumpuan pelancongan dan perbandaran sekitarnya secara lebih lancar dan bersepadu.

Sebagai sokongan kepada sistem pengangkutan awam yang lebih efisien dan menyeluruh, Kerajaan Negeri turut menitikberatkan keperluan penyambungan perjalanan pada peringkat awal dan akhir (*first mile–last mile*) agar pengguna dapat mengakses pengangkutan awam utama dengan lebih mudah. Perancangan ini merangkumi penyediaan laluan-laluan BMJ ke kawasan perumahan, institusi dan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

tempat tumpuan awam dan pelancongan, di samping penyediaan kemudahan *Park and Ride* di lokasi strategik seperti berhampiran terminal bas dan stesen KTM. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas, malah memperkukuh capaian rakyat terhadap pengangkutan awam yang lebih cekap dan bersepadu.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**SOALAN B101**

Bagaimanakah kerajaan negeri membantu golongan pelajar yang tidak mampu membayar yuran pelajaran untuk menyambung pelajaran tertiar?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam membantu murid-murid, terutamanya lepasan SPM dan STPM, dalam membuat keputusan yang tepat berkaitan hala tuju kerjaya dan pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara bentuk bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2025 adalah seperti berikut:

- **Insentif Mahasiswa Anak Johor (IMAJ)**

IMAJ merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor melalui YPJ yang menyediakan bantuan tunai secara one-off sebanyak RM200 kepada mahasiswa anak Johor yang sedang melanjutkan pengajian di institusi dalam negara. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan pelajar dan menyokong kelangsungan pengajian mereka.

- **Skim Bantuan Pendaftaran (SBP) YPJ**

Skim Bantuan Pendaftaran (SBP) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor melalui YPJ yang menyediakan bantuan kewangan sekali bayar (one-off) kepada pelajar anak Johor yang pertama kali mendaftar pengajian di institusi dalam negara. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan pelajar semasa pendaftaran pengajian. Jumlah bantuan adalah sebanyak RM500 untuk pelajar peringkat Sijil dan Diploma manakala RM1,000 untuk pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda. Bantuan akan disalurkan terus ke eWallet Touch 'n Go pemohon, yang diintegrasikan bersama Kad Siswa Johor (Kad Visa). Ini memudahkan transaksi tanpa tunai dan memberikan akses kepada pelbagai kemudahan tambahan.

- **Pinjaman Pelajaran Dalam Negara YPJ**

Pinjaman ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor melalui YPJ untuk membantu pelajar anak Johor melanjutkan pengajian tinggi di institusi dalam negara tanpa dibebani masalah kewangan. Pinjaman ini ditawarkan tanpa faedah dan bertujuan untuk menampung yuran pengajian serta kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian. Jumlah pinjaman adalah sebanyak RM20,000 bagi peringkat Sijil dan Diploma manakala RM30,000 untuk peringkat Ijazah Sarjana Muda.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- **Biasiswa Orang Muda Johor (BOMJ)**

Biasiswa Orang Muda Johor (BOMJ) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) yang bertujuan untuk menyokong pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti-universiti terkemuka dunia.

Kesemua inisiatif ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memastikan tiada anak Johor yang tercicir dalam pelajaran hanya kerana kekangan kewangan. Usaha ini juga seiring dengan hasrat menjadikan pendidikan sebagai pemangkin utama kepada mobiliti sosial dan pembangunan negeri Johor secara menyeluruh.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor, melalui ejen Guru Bimbingan dan Kaunseling, sentiasa cakna terhadap inisiatif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Johor. Sebagai langkah proaktif, maklumat berkaitan bantuan dan peluang pendidikan tersebut sentiasa disebarluaskan dari semasa ke semasa melalui saluran rasmi informasi seperti Telegram kepada semua Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam membantu murid-murid, terutamanya lepasan SPM dan STPM, dalam membuat keputusan yang tepat berkaitan hala tuju kerjaya dan pendidikan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**SOALAN B102**

Bagaimanakah kerajaan negeri membantu mempromosikan perniagaan tradisi seperti peniaga batik atau gasing?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Kerajaan negeri menyedari akan pentingnya perniagaan tradisi seperti peniaga batik dan gasing sebagai warisan budaya dan juga sumber ekonomi. Beberapa langkah telah dan akan terus diambil untuk mempromosikan perniagaan ini:

1. **Sokongan Promosi dan Pemasaran:** Kerajaan negeri akan membantu dalam mempromosikan produk batik dan gasing melalui pelbagai platform seperti pameran kraf di peringkat negeri, kebangsaan, dan antarabangsa. Kita juga akan memanfaatkan platform digital dan media sosial untuk menjangkau audiens yang lebih luas.
2. **Bantuan Latihan dan Peningkatan Kemahiran:** Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk menyediakan latihan dan bengkel kepada peniaga batik dan gasing dalam aspek reka bentuk, teknik pembuatan yang inovatif, serta pengurusan perniagaan dan pemasaran. Ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti produk dan daya saing mereka.
3. **Penyediaan Ruang Niaga:** Kerajaan negeri akan mengusahakan penyediaan ruang niaga yang strategik seperti di pusat-pusat pelancongan atau kawasan tumpuan awam dengan kadar sewa yang berpatutan bagi peniaga tradisi ini.
4. **Galakan Pelancongan Budaya:** Kerajaan negeri akan mengintegrasikan perniagaan tradisi ini dalam pakej pelancongan budaya, menarik pelancong untuk melihat proses pembuatan dan membeli produk-produk ini secara langsung.
5. **Sokongan Kewangan dan Pembiayaan:** Kerajaan negeri akan meneroka peluang untuk menyediakan bantuan kewangan atau akses kepada pembiayaan mikro yang sesuai bagi membantu peniaga tradisi mengembangkan perniagaan mereka.
6. **Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan:** Kerajaan negeri akan terus bekerjasama dengan persatuan-persatuan pengusaha batik dan gasing, serta pihak swasta dan badan bukan kerajaan untuk merangka dan melaksanakan program promosi yang lebih berkesan.

Kerajaan negeri percaya bahawa dengan usaha bersepadu ini, perniagaan tradisi seperti batik dan gasing dapat terus berkembang maju, sekaligus memelihara warisan budaya kita untuk generasi akan datang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN B103

Apakah langkah untuk menambahbaik dan mempercepatkan proses perbicaraan harta pusaka yang mengambil masa agak lama untuk dibicarakan selepas permohonan dibuat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kerajaan Negeri sedar bahawa kelewatan ini bukan sahaja menjejaskan kejelasan pemilikan harta, malah memberi kesan langsung kepada hubungan kekeluargaan, kelangsungan ekonomi waris dan kelancaran pembangunan tanah. Justeru itu, pelbagai langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan agensi berkaitan bagi menambah baik serta mempercepatkan proses ini.

Antara langkah utama yang sedang dilaksanakan ialah penambahan tenaga kerja secara kontrak di Pejabat Pembahagian Pusaka di seluruh Semenanjung Malaysia. Sejak tahun 2023, lebih 90 pegawai tambahan telah ditempatkan khusus bagi membantu mempercepatkan perbicaraan kes-kes tertunggak. Di Negeri Johor sendiri, beberapa pegawai kontrak dan petugas khas telah ditugaskan secara khusus untuk membantu melancarkan proses pembahagian pusaka kecil yang masih belum selesai.

Selain itu, usaha ini turut diperkukuhkan dengan pelancaran sistem digital baharu yang dikenali sebagai **MyLand**. Bermula Julai 2024, sistem ini membolehkan **permohonan dan penghantaran dokumen dibuat sepenuhnya secara dalam talian**, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada proses fizikal yang memakan masa. Antara ciri baharu yang diperkenalkan termasuk penggunaan kaedah '**summary distribution**' bagi kes mudah, penilaian harta oleh penilai bertauliah, dan pengurusan dokumen yang lebih cekap dan tersusun.

Gabungan antara **penambahan pegawai, penggerakan pasukan khas dan digitalisasi sistem** ini telah menunjukkan kesan yang sangat positif dalam mempercepatkan proses perbicaraan dan mengurangkan lambakan permohonan yang tertangguh.

Kerajaan juga sedang meneliti cadangan-cadangan penambahbaikan secara berterusan, termasuk aspek penyelarasan antara agensi dan kesedaran rakyat tentang keperluan membuat permohonan harta pusaka awal, agar proses tidak tertangguh hingga menjadi rumit di kemudian hari.

Kesimpulannya, pengurusan harta pusaka bukan sekadar isu pentadbiran, tetapi melibatkan keadilan, keharmonian keluarga dan keberkesanan sistem undang-undang negara. Kerajaan komited untuk memastikan setiap waris mendapat hak mereka secara cepat, sah, dan teratur tanpa beban birokrasi yang berpanjangan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**SOALAN B104**

Berapakah keluasan terkini Tanah Rizab Melayu di negeri Johor dan apakah langkah jangka panjang bagi menambah jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Johor yang masih wujud dan diiktiraf setakat ini ialah melebihi 561,000 hektar, meliputi tanah-tanah milikan individu dan juga tanah kerajaan yang telah diisytiharkan sebagai Rizab Melayu.

Kerajaan Negeri secara konsisten melaksanakan dasar yang menetapkan bahawa setiap pemberian tanah milik kepada pemohon Melayu diwajibkan diberi syarat Tanah Rizab Melayu. Langkah ini melibatkan:

- Pemilikan individu oleh orang Melayu;
- Pemberimilikan kepada agensi seperti FELDA, FELCRA, JCorp, KPRJ dan SSI;
- Tapak kuarters dan bangunan kerajaan.

Semua pemberimilikan ini disyaratkan sebagai tanah Rizab Melayu melalui pewartaan rasmi di bawah Enakmen Rizab Melayu Johor 1936 (ERMJ). Sebelum proses pewartaan dimuktamadkan, kaveat pendaftar akan diletakkan bagi menghalang sebarang urus niaga tidak sah.

Untuk memastikan tiada sebarang tanah tertinggal daripada pewartaan atau terdedah kepada pelanggaran, Pentadbiran Tanah Johor kini menggunakan sistem pemetaan GIS (Geographic Information System) sebagai alat pemantauan yang lebih tepat dan efisien. Kerajaan Negeri juga menegaskan bahawa:

- Sebarang bentuk pemindahan atau pajakan kepada bukan Melayu adalah dilarang, dan sebarang perjanjian seumpamanya adalah tidak sah dan terbatal mengikut Seksyen 9 dan Seksyen 17 ERMJ.
- Aktiviti pencerobohan atau penerokaan haram di atas tanah kerajaan dalam kawasan Rizab Melayu akan dikenakan tindakan tegas di bawah peruntukan Seksyen 425 dan 426A Kanun Tanah Negara.

Melalui tindakan penguatkuasaan ini, sebarang struktur yang dibina tanpa kelulusan boleh diroboh, harta boleh disita, dan individu terlibat boleh didakwa di mahkamah. Jika disabit kesalahan, hukuman termasuk denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya sekali.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN B105

Apakah terdapat sebarang ketetapan untuk mewajibkan agar masjid diiktiraf sebagai majikan kepada pegawai masjid bagi membolehkan caruman atau sumbangan kwsp kepada mereka dilaksanakan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 telah menetapkan Pegawai Masjid ertinya Imam, Bilal dan Noja atau apa-apa nama, stail atau gelaran tertentu sebagaimana yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor berhubung dengan pengurusan sesuatu masjid dan diberikan Tauliah, ertinya Tauliah Pegawai Masjid yang dinyatakan pada Seksyen 101(1) Enakmen dan Peraturan 5 atau mana-mana Peraturan lain bagi menjelaskan tentang tugas- tugas dan kuasa-kuasa Pegawai Masjid atau apa-apa tujuan lain yang dibenarkan oleh Enakmen.

Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Penyaluran Peruntukan Dan Pembayaran Imbuhan Bulanan Imam Masjid Kariah Di Seluruh Malaysia (Oktober 2024 / ICUJPM.400-4/2/3) dan Pembayaran Imbuhan Bulanan Bilal dan Noja (Masjid) serta Imam dan Bilal (Surau) Kerajaan Negeri **Tidak Membenarkan** membuat sebarang potongan bayaran bulanan.

Komitmen Kerajaan Negeri adalah sedang meneliti dan berbincang dengan PERKESO peluang serta ruang boleh ditawarkan kepada Pegawai Masjid dan Surau ini mendapat manfaat dan perlindungan yang sewajarnya.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**SOALAN B106**

Apakah langkah penyelesaian termasuk melucut hak milik lebih 40 buah Rumah Awam Kos Rendah Labis yang terbiar kosong dan rosak sejak sekian lama bagi membuka peluang kepada generasi kedua yang layak untuk membeli unit-unit rumah tersebut?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Tenang, Perumahan Awam Labis merupakan produk di bawah skim *End Financing*, di mana peserta memohon pembiayaan daripada institusi kewangan untuk membeli unit tersebut. Daripada 367 unit RAKR sebanyak 309 unit telah ditawarkan secara jual beli kepada peserta. Manakala baki 58 unit rumah telah dikurniakan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) yang turut telah ditawarkan kepada peserta di bawah skim *End Financing*.

Setelah PKPJ mengambil alih pengurusan RAKR Labis, pentadbiran ini telah melaksanakan *profiling* ke atas unit-unit yang pemiliknya telah membuat pembayaran keseluruhan harga rumah dan terdapat 15 unit yang telah jelas bayar namun proses pindah milik daripada SSI kepada pembeli masih belum disempurnakan. Hasil daripada *profiling* juga mendapati masalah pertindihan hakmilik berlaku kerana penawaran kepada peserta kedua dibuat tanpa membatalkan penawaran pertama. Isu ini telah lama berlaku dan melibatkan beberapa siri perbincangan bagi menyelesaikan isu pertindihan yang melibatkan pelbagai agensi iaitu Pejabat Tanah dan Galian Johor, Pejabat Tanah Daerah Kecil Labis serta SUK Perumahan pada ketika itu.

PKPJ juga telah mengambil inisiatif melantik panel peguam iaitu Tetuan Ikbal Salam & Associates bagi penyelesaian hakmilik bertindih sebanyak 7 hakmilik. Sehingga kini, PKPJ telah berjaya menyelesaikan 3 hakmilik bersilang dan telah membuat serahan hakmilik kepada peserta yang berkepentingan. Bagi unit-unit yang mempunyai permasalahan, PKPJ telah mengesyorkan kaedah penyelesaian melucut hak atau perampasan hakmilik yang terlibat. Pihak PKPJ telah membuat permohonan melucut hak sebanyak **12** hakmilik ke Pejabat Tanah Daerah Kecil Labis dan status terkini adalah masih di peringkat akhir ulasan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor. Butiran berkaitan hakmilik yang terlibat adalah sebagaimana berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH UNIT	HAKMILIK
1	UNIT KOSONG DARIPADA KEGAGALAN PESERTA ASAL MENJELASKAN BAYARAN HARGA RUMAH	9	INDIVIDU
2	UNIT TELAH DIDIAMI SERTA PESERTA KEDUA YANG MENJELASKAN BAYARAN HARGA RUMAH	3	INDIVIDU
	JUMLAH	12	

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN B107

Apakah usaha yang telah diambil oleh pihak berwajib untuk membantu lebih 50 pemilik Rumah Awam Kos Rendah Labis yang telah melunaskan bayaran pinjaman sejak 15 tahun lalu untuk mendapatkan geran hak milik rumah mereka?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Tenang, Perumahan Awam Labis merupakan produk di bawah skim *End Financing*, di mana peserta memohon pembiayaan daripada institusi kewangan untuk membeli unit tersebut. Daripada 367 unit RAKR sebanyak 309 unit telah ditawarkan secara jual beli kepada peserta. Manakala baki 58 unit rumah telah dikurniakan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) yang turut telah ditawarkan kepada peserta di bawah skim *End Financing*.

Setelah PKPJ mengambil alih pengurusan RAKR Labis, pentadbiran ini telah melaksanakan *profiling* ke atas unit-unit yang pemiliknya telah membuat pembayaran keseluruhan harga rumah dan terdapat 15 unit yang telah jelas bayar namun proses pindah milik daripada SSI kepada pembeli masih belum disempurnakan. Hasil daripada *profiling* juga mendapati masalah pertindihan hakmilik berlaku kerana penawaran kepada peserta kedua dibuat tanpa membatalkan penawaran pertama. Isu ini telah lama berlaku dan melibatkan beberapa siri perbincangan bagi menyelesaikan isu pertindihan yang melibatkan pelbagai agensi iaitu Pejabat Tanah dan Galian Johor, Pejabat Tanah Daerah Kecil Labis serta SUK Perumahan pada ketika itu.

PKPJ juga telah mengambil inisiatif melantik panel peguam iaitu Tetuan Ikbal Salam & Associates bagi penyelesaian hakmilik bertindih sebanyak 7 hakmilik. Sehingga kini, PKPJ telah berjaya menyelesaikan 3 hakmilik bersilang dan telah membuat serahan hakmilik kepada peserta yang berkepentingan. Bagi unit-unit yang mempunyai permasalahan, PKPJ telah mengesyorkan kaedah penyelesaian melucut hak atau perampasan hakmilik yang terlibat. Pihak PKPJ telah membuat permohonan melucut hak sebanyak **12** hakmilik ke Pejabat Tanah Daerah Kecil Labis dan status terkini adalah masih di peringkat akhir ulasan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor. Butiran berkaitan hakmilik yang terlibat adalah sebagaimana berikut :

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

BIL	PERKARA	JUMLAH UNIT	HAKMILIK
1	UNIT KOSONG DARIPADA KEGAGALAN PESERTA ASAL MENJELASKAN BAYARAN HARGA RUMAH	9	INDIVIDU
2	UNIT TELAH DIDIAMI SERTA PESERTA KEDUA YANG MENJELASKAN BAYARAN HARGA RUMAH	3	INDIVIDU
	JUMLAH	12	

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN B108

DUN Mengkibol mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, Adakah terdapat tapak perkuburan bukan Islam baru yang boleh dikurniakan bagi mengatasi masalah kekurangan tapak perkuburan bukan Islam?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID / YB TUAN LING TIAN SOON

Pejabat Jurutulis Dewan Negeri masih belum menerima maklum balas daripada pejabat YB EXCO yang berkaitan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**SOALAN B109**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mencadang agar kerajaan negeri membahaskan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di Sidang DUN. Adakah ini akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, sebagai manifestasi komitmen terhadap ketelusan dan akauntabiliti, Kerajaan Negeri Johor telah sedia ada membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri setiap kali laporan tersebut diterbitkan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia.

Kerajaan Negeri Johor melalui Pejabat Perbendaharaan Negeri menyediakan dan mengedarkan satu salinan fizikal Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bersama Memorandum LKAN tersebut kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri Johor sebagai rujukan rasmi dan tindakan susulan.

Bagi perbahasan LKAN ini, perlu dibawa rundingan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri mengikut Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor yang telah ditetapkan.

LKAN merupakan dokumen rasmi yang disediakan dan dibentangkan oleh Ketua Audit Negara Malaysia, yang mengandungi hasil pengauditan terhadap pengurusan kewangan, perbelanjaan, program, dan aktiviti agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957 (Akta 62), laporan ini dikoordinasikan dibawah Jabatan Audit Negara melalui sistem Paparan Susulan Audit atau Auditor General's Dashboard (AG' Dashboard). Berdasarkan kemaskini, Laporan Ketua Audit yang dikeluarkan adalah sehingga Siri 3 tahun 2024.

Selaras dengan Seksyen 9(2) Akta Audit 1957, dalam hal laporan yang berhubungan dengan penyata yang kena dihantar oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri, Ketua Audit Negara hendaklah, sebelum mengemukakan laporan itu kepada Yang di-Pertuan Agong, mengemukakan satu salinan laporan itu kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan Dewan Undangan dalam mesyuarat yang berikutnya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN B110

Terdapat pemilik tanah yang memohon untuk memperbaharui pajakan tanah mereka namun ditolak. Apakah polisi kerajaan negeri berhubungan perkara ini dan apakah prosedur yang perlu dilalui untuk memperbaharui pajakan tanah ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited untuk menguruskan tanah sebagai aset strategik negeri dan amanah rakyat. Setiap permohonan lanjutan atau pembaharuan pajakan tanah akan dinilai secara teliti dan berasaskan undang-undang, dengan mempertimbangkan tiga perkara utama:

1. Kepatuhan kepada syarat tanah yang ditetapkan dalam hak milik sedia ada;
2. Kesesuaian penggunaan tanah dengan perancangan guna tanah dan kepentingan awam;
3. Justifikasi rasional yang dikemukakan oleh pemohon, lengkap dengan dokumen sokongan.

Permohonan yang tidak menepati syarat asas atau bercanggah dengan kepentingan negeri termasuk potensi pembangunan awam boleh ditolak. Namun, setiap keputusan dibuat berdasarkan penilaian menyeluruh dan tidak sewenang-wenangnya.

Terdapat beberapa kaedah yang diguna pakai, bergantung pada status tanah dan tempoh pajakan:

- Jika pajakan hampir tamat, pemilik tanah boleh memohon pembaharuan melalui proses yang ditetapkan di bawah Seksyen 197 dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN).
- Jika pajakan masih berkuat kuasa, pemohon boleh memohon lanjutan tempoh pajakan tanpa perlu menyerahkan semula tanah kepada kerajaan, melalui Seksyen 90A KTN, hasil pindaan pada tahun 2016.

Permohonan ini perlu dibuat di Pejabat Tanah Daerah, dengan permohonan minimum lanjutan 5 tahun dan maksimum tidak melebihi 99 tahun, tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Pentadbiran Tanah Daerah akan merujuk kepada Pekeliling PTG Johor Bil. 3 Tahun 2017, serta garis panduan dalaman dan mesyuarat kerajaan negeri yang berkaitan,

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

termasuk pertimbangan kadar premium yang dikenakan hanya untuk tahun tambahan yang dimohon.

Kadar premium ini telah ditetapkan dalam dasar kewangan negeri dan walaupun wujud fleksibiliti berdasarkan faktor kes, keputusan akan dibuat secara telus dan berdasarkan penilaian semasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN B111

Apakah perancangan terkini kerajaan negeri bagi menangani konflik gajah-manusia di Kota Tinggi?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Buat masa ini, Jabatan PERHILITAN negeri Johor dengan Kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang merancang dan membangunkan halangan fizikal sepanjang 16 KM, yang merangkumi Kampung-kampung yang bersempadan dengan Hutan Simpan Panti seperti Kg. Temenin, Kg Lukut dan lain-lain.

Selain itu Jabatan PERHILITAN turun berkerjasama dengan Kerajaan negeri dalam menggalakkan pihak ladang di negeri Johor untuk bersama-sama membina Food Bank Gajah di jajaran koridor Gajah. Sebanyak 21 kawasan cadangan Food Bank Gajah telah dikenalpasti dan proses libat urus dengan pihak ladang sedang giat dilaksanakan. Program tersebut dilaksanakan secara CSR oleh pihak ladang, khususnya ladang-ladang yang bersempadan dengan koridor Gajah.

Operasi translokasi Gajah juga diteruskan pada tahun ini, sebanyak 5 ekor Gajah telah berjaya dipindahkan ke habitat yang bersesuaian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN B112

Apakah inisiatif kerajaan bagi memperkasa ekonomi luar bandar?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Berdasarkan Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2030, *mampan ekonomi* merujuk kepada pembangunan ekonomi yang dinamik, berterusan, lestari dan menyeluruh, merangkumi setiap wilayah, daerah, bandar dan desa di seluruh negeri. Pendekatan ini menekankan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan inklusif, agar manfaat pembangunan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira lokasi.

Dalam konteks pembangunan luar bandar, kerajaan negeri memberi tumpuan kepada pembangunan yang komprehensif, dengan menitikberatkan dua strategi utama:

1. Penyediaan prasarana asas yang lengkap – termasuk kemudahan jalan raya, bekalan air dan elektrik, capaian internet, kesihatan dan pendidikan – bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar.
2. Pemerikasaan ekonomi desa yang berdaya saing – melalui pembangunan sektor-sektor seperti pertanian moden, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta agropelancongan, dengan sokongan teknologi dan inovasi.

Usaha-usaha ini bertujuan untuk mengurangkan kadar migrasi penduduk luar bandar ke bandar, dengan menjadikan kawasan desa sebagai tempat yang lebih menarik untuk didiami dan menjalankan aktiviti ekonomi. Pendekatan ini turut menyumbang kepada keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar, sejajar dengan matlamat pembangunan mampan negeri Johor.

Bagi memperkukuhkan ekonomi luar bandar, kerajaan melalui pelbagai agensi berkaitan memainkan peranan penting dalam menggembelng pelbagai pelaksanaan inisiatif, terutamanya dalam aspek pemerikasaan aktiviti keusahawanan. Pendekatan ini dilihat mampu meningkatkan pendapatan penduduk, mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan secara mampan.

Pemerikasaan ekonomi luar bandar turut dirancarkan menerusi agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW) melalui latihan dan bimbingan keusahawanan seperti Rural Business Challenge (RBC), pembiayaan dan geran seperti Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB), pemerikasaan infrastruktur sokongan – melalui pembinaan dan penambahbaikan pusat inkubator dan ruang niaga termasuk gerai desa dan kemudahan perniagaan mikro.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Sebenarnya, banyak jabatan/agensi kerajaan sama ada kerajaan persekutuan atau negeri yang menawarkan pelbagai inisiatif yang boleh dimanfaatkan oleh para usahawan luar bandar bagi memperkasakan lagi aktiviti ekonomi mereka.

Misalnya, menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), terdapat pelbagai kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti skim pembiayaan perniagaan, sewaan premis perniagaan serta skim kemudahan latihan dan geran pembangunan keusahawanan kepada para usahawan Bumiputera.

Setakat bulan April 2025, MARA Negeri Johor telah meluluskan permohonan usahawan sebanyak RM10,787,000.00 kepada 102 penerima dalam kalangan usahawan Bumiputera iaitu sekitar 35% daripada jumlah diperuntukkan RM31,372,000.00 pada tahun ini. Manakala pada tahun 2024, MARA telah meluluskan pembiayaan perniagaan berjumlah RM30,541,440.00 melibatkan seramai 304 penerima kemudahan di Negeri Johor. Melalui suntikan modal pembiayaan perniagaan, usahawan-usahawan yang menerima kemudahan dapat meningkatkan jualan sehingga 30%.

Selain daripada bantuan tanam semula getah, RISDA turut memberi bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) kepada pekebun kecil RISDA iaitu Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) yang berminat untuk memulakan perusahaan dan juga yang berminat untuk mengembangkan perusahaan sedia ada dengan memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh pihak RISDA.

Antara bantuan yang diberikan ialah Skim Insentif Start-Up Individu (RM10,000/orang), Skim Insentif Start-Up Integrator (RM20,000/orang) dan Skim Insentif Nano (RM20,000/orang). Pihak RISDA juga menyediakan bantuan kepada usahawan pekebun kecil RISDA yang perusahaannya terjejas oleh bencana dengan menyediakan Skim Insentif Restart (RM3,000/orang). Di samping itu, pihak RISDA juga turut memberi bantuan kepada usahawan pekebun kecil RISDA yang ingin mengembangkan perusahaan mereka dengan memberi bantuan dari aspek Pembungkusan dan Pelabelan (RM10,000/usahawan), Pensijilan Halal (RM20,000/syarikat) dan Groom Big (RM50,000/Keluarga Pekebun Kecil).

Kerajaan menerusi JAKOA juga menyediakan peruntukan sebanyak RM120,000.00 untuk tahun 2025 bagi membiayai bantuan peralatan kepada empat belas (14) orang usahawan masyarakat orang asli Negeri Johor. Selain daripada bantuan tersebut, JAKOA juga menyediakan platform pemasaran bagi membantu usahawan-usahawan ini memasarkan produk mereka ke pasaran yang lebih luas. Antaranya menerusi Karnival Usahawan Orang Asli (KUOA).

Selain itu, Pejabat Pembangunan Negeri Johor juga menerusi Program Sejahtera Komuniti atau singkatannya dikenali sebagai (SejaTi MADANI) bertujuan untuk

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

memperkasa aktiviti ekonomi komuniti dengan membuka peluang pekerjaan baharu serta peluang peningkatan pendapatan setempat, dan seterusnya dapat mengangkat martabat ekonomi komuniti. Sehingga 30 April 2025, sebanyak 819 permohonan projek ekonomi telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM76.9 juta.

Antara program yang sedang dilaksanakan ialah penghasilan produk hiliran berasaskan pisang oleh JPKK Kampung Parit Sonto, Daerah Batu Pahat yang mensasarkan pasaran di sekitar Daerah Batu Pahat. Begitu juga terdapat perusahaan telur masin yang dihasilkan oleh JPKK Kampung Parit Marjunit, Daerah Pontian yang memasarkan produk di sekitar Daerah Pontian, Kluang dan Kulai.

Selain itu, menerusi Program Memperkasa Pembangunan Industri Asas Tani di bawah Jabatan Pertanian Negeri Johor, Kerajaan telah memperuntukkan RM1.5 juta pada tahun 2025 bagi memperkasa lebih 100 usahawan-usahawan IAT yang mana sebahagiannya besarnya dalam kalangan penduduk luar bandar. Ia merangkumi bantuan dari segi naik taraf bengkel pemprosesan makanan, peralatan/mesin pemprosesan, pembungkusan dan promosi produk.

Pihak KEJORA juga berperanan dalam membangunkan ekonomi luar bandar menerusi sokongan dan galakan kepada usahawan tempatan untuk mengembangkan perusahaannya. Pada tahun 2025, sebanyak RM5.25 juta telah diperuntukkan oleh KKDW kepada KEJORA bagi melaksanakan projek-projek pembangunan premis usahawan IKS.

Selain itu, Kerajaan kini memberi tumpuan kepada TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) yang mana turut memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasa ekonomi luar bandar. Ia bukan sekadar menyediakan kemahiran, malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi tempatan melalui peningkatan daya saing tenaga kerja dan pembangunan industri desa. Contoh TVET yang sesuai untuk penduduk luar bandar adalah seperti pertanian moden dan agro-teknologi, pemprosesan makanan dan industri asas tani, pembinaan, kimpalan dan mekanikal, ICT dan keusahawanan digital.

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan, sama ada di peringkat negeri mahupun Persekutuan yang menyediakan pelbagai inisiatif, bantuan geran dan sokongan keusahawanan bagi memperkasa ekonomi luar bandar. Usaha bersepadu ini penting dalam memastikan penduduk luar bandar turut menikmati hasil pembangunan, seterusnya menyumbang kepada kemajuan negeri secara inklusif dan mampan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN B113

Apakah status terkini bangunan Majlis Perbandaran Muar yang lama di tepi Sungai Muar? Sekiranya tidak diganti dengan perancangan lain, adakah bangunan tersebut akan disewakan kepada umum atau badan kerajaan yang lain?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Majlis Perbandaran Muar (MPM) telah mengambil langkah strategik bagi memastikan bangunan pejabat lama yang telah dikosongkan terus memberi manfaat kepada masyarakat dan tidak terbiar. Perancangan yang telah dan sedang dilaksanakan melibatkan beberapa aspek utama:

1. **Penilaian dan Penyelenggaraan Asas:** MPM telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan asas untuk memastikan bangunan berada dalam keadaan baik dan selesa untuk digunakan. Langkah ini merangkumi pembaikan kebocoran bumbung serta kerosakan pendingin hawa yang telah dikenalpasti sebelum ini.
2. **Cadangan Guna Semula (*Repurposing*):** MPM sedang mempertimbangkan beberapa cadangan guna semula bagi bangunan tersebut, antaranya :
 - 2.1 Menjadikannya sebagai pejabat cawangan MPM.
 - 2.2 Menyewakan bangunan kepada pihak luar atau jabatan lain.
3. **Kerjasama Strategik:** Bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi bangunan ini, MPM terbuka untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan sektor swasta atau agensi kerajaan lain.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, MPM berharap agar bangunan pejabat lama terus memberi manfaat kepada masyarakat dan tidak terbiar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN B114

Berdasarkan Belanjawan Negeri Johor 2025, terdapat peruntukan sebanyak RM4.4 juta kepada industri kecil dan sederhana. Apakah inisiatif khas bagi membantu usahawan IKS ini menjana ekonomi di dalam negeri Johor dan meningkatkan hasil pendapatan mereka terutamanya di Maharani?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Sejumlah RM4.4 juta digunakan bagi bayaran subsidi kadar faedah menerusi Pembiayaan BR Johor Niaga, sejak ia mula dilancarkan pada 22 Mac 2023 sehingga 31 Mac 2025, sejumlah RM49,406,300 juta telah diluluskan melibatkan 689 penerima.

Sehingga 31 Mac 2025 sejumlah RM842,707.48 telah dibelanjakan bagi pembiayaan subsidi kadar faedah tersebut.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN B115

Trek balapan dan padang di dalam Stadium Muar yang lama sudah terlalu uzur. Adakah perancangan baik pulih padang dan trek balapan tersebut bagi kemudahan sekolah-sekolah untuk acara sukan?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Sebagaimana maklum, sebanyak RM2,000,000 juta telah dipohon pihak MPM untuk bajet tahun 2026 bagi membaik pulih semula trek balapan tersebut. Bagi padang dalaman stadium tersebut telah dibaik pulih oleh pihak kontraktor TMIYC sebelum ini.

Walau bagaimanapun, keadaan padang tersebut masih belum sesuai untuk digunakan bagi sebarang aktiviti.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**SOALAN B116**

Bagaimana tindakan kerajaan negeri terhadap bangunan Perpustakaan Muar yang telah dirobohkan dan adakah perancangan untuk membina semula perpustakaan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Cawangan Muar ditutup pada Disember 2018 disebabkan keadaan bangunan yang usang dan dimakan anai-anai.

Bangunan asal telah dirobohkan dan kini dibangunkan Tunku Mahkota Ismail Youth Center (TMIYC).

Pada tahun 2019 Perpustakaan Cawangan Muar kembali beroperasi dengan menyewa di GB, Eco Avenu, No.1, Lot 3352, Jalan Abdul Rahman, 84000 Muar, Johor Darul Ta'zim.

Untuk setakat ini, perancangannya Perpustakaan Muar akan beroperasi di tempat menyewa yang sedia ada.



**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN B117

Peluang pekerjaan bagi belia lepasan ijazah sarjana muda di Muar yang kebanyakan terdedah kepada sektor swasta dan e-Hailing. Bagaimana tindakan kerajaan negeri mengatasi masalah ini supaya had kelayakan pendidikan anak muda ini setanding dengan taraf pekerjaan mereka?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Johor Talent Development Council (JTDC) adalah sebagai penyedia tenaga mahir bagi keperluan Johor Singapore- Special Economic Zone (JS-SEZ). JTDC akan bekerjasama dengan Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMF-CJ) dalam menilai keperluan pelabur yang akan masuk ke Johor dan peluang pekerjaan yang akan dihasilkan.

Apabila peluang pekerjaan telah dikenalpasti, JTDC akan menjadi jambatan dalam menghubungkan dan menilai Institut-institut Pendidikan Tinggi yang telah dilaksanakan dan akan menawarkan kursus-kursus yang bertepatan dengan keperluan pelabur. Oleh hal yang demikian, JTDC bekerjasama dengan IPT bagi memperkenalkan kursus-kursus dan program baharu untuk memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan.

MENGHUBUNGKAN PELABUR & SYARIKAT SECARA TERUS

- a. Dalam memenuhi keperluan 10,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang 2025-2026, JTDC dengan kerjasama 6 Universiti dan 15 Kolej/ Pusat TVET di Negeri Johor telah dipilih dengan mensasarkan graduan akademik dan TVET sebagai produk dalam memenuhi peluang pekerjaan melalui program-program Karnival Kerjaya Premium atau "MyFuture Jobs Premium".
- b. JTDC juga dengan kerjasama 7 Institusi Pendidikan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Johor sedang bekerjasama dalam menaiktaraf infrastruktur pusat pendidikan, mengukuhkan tenaga pengajar yang mahir dan memantapkan silibus-silibus serta kursus-kursus mengikut keperluan industri terkini. Antara rakan strategik yang menyokong ekosistem JTDC diperingkat institusi pendidikan adalah seperti berikut:
 - i. Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ)
 - ii. Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ)
 - iii. Johor Skill Development Centre
 - iv. Kolej Kemahiran Johor (KKJ)
 - v. Skill Johor Kampus Kota Tinggi
 - vi. Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- vii. Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB)
- c. JTDC juga menawarkan "Direct Intervention" di pasaran kerja melalui dana latihan dan inisiatif penempatan kerja. Geran latihan dan subsidi akan diberi bagi meningkatkan kompetensi dalam melahirkan tenaga kerja yang lebih mahir serta berkualiti.
- d. Antara program-program yang dijalankan oleh JTDC pada tahun 2025 adalah seperti yang berikut:
- i. Skill4Johor – RM 20 Juta
 - ii. Pro-Mahir – RM 3 Juta
 - iii. K-Youth – RM 5 Juta
 - iv. MyMahir – RM 800 Ribu

JTDC SEBAGAI PUSAT KERJASAMA INDUSTRI DAN IPT

- a. JTDC merupakan pusat rujukan keperluan tenaga kerja mahir bagi pelabur dan pemain industri. Bagi merealisasikan hasrat ini, beberapa mekanisme akan diperkenalkan antaranya ialah:
- i. Talent Matchmaker**
JTDC akan menarik minat pelabur dan syarikat untuk bekerjasama dengan IPT dan menyelaraskan rundingan susulan.
 - ii. Bank Data**
JTDC akan menjadi pusat pengumpulan data tenaga kerja dan menyediakan pelan tindakan bagi memenuhi keperluan industri.
 - iii. Koordinasi dan Penyelarasan IPT**
JTDC akan memastikan tiada pertindihan dan akan mengukuhkan pelaksanaan inisiatif pembangunan bakat termasuk menyalurkan geran peralatan dan teknologi, karnival kerjaya dan sesi libat urus.

Pada suku tahun 2025 ini sahaja JTDC telah mengadakan 3 Siri Karnival Kerjaya Premium dengan 1,900 pekerjaan ditawarkan melibatkan 100 syarikat dan 5,000 jumlah permohonan kerja. JTDC juga telah mengadakan 12 sesi program bersama industri melibatkan 232 syarikat dan 9 IPT.

Pada ketika ini, JTDC di dalam fasa pelaksanaan merealisasikan kerjasama antara IPT dan pelabur. JTDC juga akan memastikan pelabur-pelabur mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui antaranya ialah berkenaan gaji premium, insentif dan kebajikan pekerja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

PROMOSI JTDC

Dalam usaha memperkukuh pembangunan bakat dan menyokong agenda pemerkasaan modal insan di Negeri Johor, pihak JTDC telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang menyeluruh merentasi seluruh zon di negeri ini. JTDC turut bergiat aktif dalam menyertai program Jelajah Orang Johor (JOJ) sebagai medium utama untuk mendekati masyarakat setempat dan menyampaikan maklumat berkaitan program serta inisiatif yang ditawarkan.

Selain itu, JTDC sedang giat meneroka dan menggunakan pelbagai medium serta platform pengiklanan alternatif bagi memastikan maklumat inisiatif sampai kepada segenap lapisan masyarakat di seluruh Johor. Antaranya termasuklah penggunaan LED *billboard* di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Papan digital, pengiklanan di bas pengangkutan awam, serta slot promosi di stesen radio tempatan. Pendekatan pelbagai saluran ini diyakini mampu meningkatkan keterlihatan program JTDC dan menggalakkan penglibatan lebih ramai rakyat Johor.

Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Johor-Singapore Special Economic Zone (JSSEZ) untuk mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi atau bergaji premium yang mampu menarik minat bakat-bakat berkemahiran tinggi, termasuk dari luar negeri Johor, untuk menyumbang tenaga dan kepakaran mereka ke arah kemajuan negeri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**SOALAN B118**

Meminta kerajaan negeri memperincikan jumlah kemalangan yang direkodkan di Jalan Sultan Ismail sejak tiga tahun lalu, serta apakah pendekatan jangka pendek dan jangka panjang yang dirancang untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya di kawasan berkenaan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, penambahbaikan beberapa perabot jalan telah dilaksanakan seperti

1. Pertambahan bilangan transver bars – 5 set
2. Pertambahan bilangan speed breaker – 5 set
3. Papan tanda kemalangan – 2 nos
4. Amber - 11 nos
5. Penyelenggaraan jalan rm 1juta dikawasan aduan

Walau bagaimanapun, satu (1) ak bagi regulate permukaan jalan bersama permohonan lokasi perangkap had laju agar dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya telah dibuat dan masih dalam semakan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**SOALAN B119**

Apakah perancangan kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk meningkatkan jumlah perumahan awam di kawasan bandar, khususnya dalam menangani masalah kemiskinan bandar?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman YB Perling, Kerajaan Negeri sentiasa komited dan akan terus mengambil berat terhadap keperluan perumahan khususnya dalam menangani masalah kemiskinan bandar. Selain peningkatan pembinaan rumah mampu milik, Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa inisiatif tujuan penyelesaian tersebut:

Sebanyak 308 unit Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) telah berjaya disediakan oleh Kerajaan Negeri melibatkan RTBJ Taman Kempas Utama (92 unit), RTBJ Bandar Putra Kulai (216 unit). Manakala 288 unit lagi masih dalam pembinaan melibatkan RTBJ Taman Laman Indah (100 unit), RTBJ Iskandar Puteri (100 unit), RTBJ Mutiara Rini di Johor Bahru (38 unit) dan RTBJ Bandar Dato' Onn (50 Unit).

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**SOALAN B120**

Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk mempromosikan pendidikan dan latihan dalam bidang kecerdasan buatan (AI) bagi memastikan penduduk tempatan, terutamanya belia, dapat memanfaatkan peluang pekerjaan dalam industri berkaitan AI yang berkembang pesat?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha secara berterusan dalam mempromosikan pendidikan dan latihan dalam bidang kecerdasan buatan (AI) bagi memastikan murid dan belia tempatan bersedia menghadapi keperluan Revolusi Industri Keempat (IR4.0) serta mampu memanfaatkan peluang pekerjaan dalam industri yang berkaitan dengan teknologi masa hadapan.

Sebagai kesinambungan kepada Dasar Pendidikan Digital Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pelantar pembelajaran digital DELIMa telah diperluas fungsinya dengan menyediakan pelbagai aplikasi dan pautan kepada perkhidmatan termasuk *AI tools* sejak November 2023. JPN Johor menyasarkan seramai **23,000 orang guru menggunakan AI tools dalam pelantar DELIMa** untuk tahun 2025 (19,393 tahun 2024) bagi mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP). AI tools ini digunakan untuk membantu guru memperkayakan bahan PdP digital, mempercepat proses penciptaan kandungan pengajaran serta menyesuaikan pendekatan pengajaran mengikut tahap keupayaan murid.

Program MADANI Rakyat (PMR) 2024 Zon Selatan yang telah berlangsung di Dataran UTM, UTM Johor Bahru pada Ogos 2024 telah menerima lebih 200,000 pengunjung termasuk belia Johor. Pelbagai program dan aktiviti termasuk bidang STEM/AI melibatkan pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan negeri yang mengetengahkan inovasi dan kejuruteraan di samping berkongsi pengetahuan bersama pengunjung terutamanya belia dan pelajar sekolah menerusi Sesi Pocket Talk dan Classroom.

JPN Johor turut giat menjalankan program pembangunan profesionalisme berterusan seperti bengkel dan kursus AI dalam PdP dengan kerjasama strategik bersama rakan DELIMa dan agensi teknologi termasuk Microsoft Malaysia, Google Malaysia dan Apple Education Malaysia. Hal ini bertujuan membina kompetensi guru yang seimbang dari segi pedagogi, teknologi dan etika digital.

Inisiatif ini bukan sahaja memperkasa guru dan murid dalam kemahiran AI, malah membuka ruang kepada belia Johor untuk berdaya saing dalam pasaran kerja masa hadapan yang semakin menuntut literasi teknologi tinggi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**SOALAN B121**

Apakah usaha Kerajaan Negeri Johor untuk memelihara kawasan hijau di DUN Perling, dan berapakah peruntukan bagi tahun 2025 untuk projek-projek berkaitan kelestarian alam sekitar di kawasan ini?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kerajaan Negeri Johor melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) komited dalam usaha mengekalkan kawasan hijau serta memelihara dan memulihara alam sekitar melalui pelbagai inisiatif. Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mengambil beberapa usaha proaktif, termasuklah:

1. Program Penanaman Pokok - Kerajaan Negeri Johor melaksanakan program penanaman pokok secara besar-besaran dengan sasaran sebanyak 800,000 pokok dalam setahun. Sehingga Disember 2024, sebanyak 265,510 pokok telah berjaya ditanam dengan penglibatan pelbagai pihak, termasuk MBIP sendiri, badan korporat, pemaju, sekolah serta individu. Program ini bertujuan untuk mengekalkan kawasan hijau, memelihara dan memulihara alam sekitar serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mencintai alam semula jadi.
2. Penyelenggaraan Taman Awam - MBIP turut komited dalam usaha menyelenggara taman-taman rekreasi, taman awam dan taman permainan bagi memastikan kemudahan yang disediakan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan oleh masyarakat. Antaranya adalah kerja-kerja membaikpulih kerosakan peralatan taman serta penyelenggaraan pokok-pokok di kawasan taman rekreasi, taman awam dan taman permainan seperti di Taman Sutera, Taman Nusa Jaya Mas, Taman Timor, Taman Perling, Taman Baiduri dan Taman Nusa Duta.
3. Inisiatif Tindakan Iklim - Beberapa projek utama di bawah platform Iskandar Puteri Rendah Karbon (IPRK) telah dilaksanakan, termasuklah Geran Komuniti Rendah Karbon 5.0, Pertandingan Kalendar Rendah Karbon dan Karnival Iskandar Puteri Rendah Karbon.
4. Program Pengindahan Kawasan Hijau - Suatu program penanaman dan sulaman pokok di kawasan MBIP untuk tahun 2025. Program ini memfokuskan usaha pengindahan landskap melalui penanaman pokok di kawasan riadah serta jalan-jalan utama di sekitar MBIP.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, Kerajaan Negeri Johor berharap dapat memperkukuhkan ekosistem hijau serta meningkatkan kesedaran masyarakat dalam menjaga kelestarian alam sekitar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**SOALAN B122**

Adakah prosedur operasi standard (SOP) sedia ada dalam pengurusan bencana banjir akan dikaji semula bagi meningkatkan keberkesanan tindak balas bencana?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, garis panduan atau arahan NADMA 01 dan Dasar Pengurangan Risiko Bencana (DRR) mula digunakan pada Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 di mana kedua-dua prosedur ini menggantikan arahan sedia ada iaitu arahan MKN 20 bagi memastikan kelancaran di dalam pengurusan bencana setiap Negeri di dalam Malaysia mengunapakai panduan dan arahan yang sama di dalam Pengurusan Bencana.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri Johor komited untuk mengadakan bengkel yang akan diadakan pada penghujung bulan Mei 2025 untuk membangunkan beberapa mekanisme dan menambaikbaik proses pengurusan bencana untuk Negeri Johor bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan bantuan ketika bencana yang meliputi perkara-perkara berikut;

1. Pembahagian kawasan kepada agensi penyelamat mengikut kekuatan logistik, keanggotaan dan lokasi pejabat/ balai/ bilik gerakan agensi terdekat melibatkan PDRM, JPBM, ATM, APM dan RELA. Pembahagian kawasan ini dapat mempercepatkan tindakbalas agensi penyelamat dan keselamatan agar usaha-usaha penyelamatan dilakukan dengan pantas dan teratur;
2. Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (Penguatkuasa) untuk mana-mana bangunan milik PBT yang dijadikan sebagai PPS. Kesemua PBT yang berada di bawah Kerajaan Negeri Johor akan bertindak sebagai agensi pertama di dalam pembukaan, pengendalian, dan pendaftaran mangsa banjir sebelum kehadiran petugas JKM untuk menguruskan sepenuhnya PPS yang dibuka.
3. Penyediaan barangan bantuan seperti kit makanan dan khemah kubikal (*cubical tent*) oleh pihak PBT di mana-mana bangunan milik PBT yang dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara. Perkara ini dapat menampung jika berlaku ketidakcukupan barangan bantuan kepada mangsa bencana agar mangsa-mangsa yang berpindah menerima bantuan secepat mungkin.
4. Mewujudkan Silibus Keselamatan dan Kesiapsiagaan Awam Berkaitan Bencana yang akan dimasukkan di dalam silibus pengajaran kepada semua lapisan murid sekolah di Negeri Johor. Pembangunan silibus ini akan diperluaskan di semua sekolah yang berada di dalam Negeri Johor agar warga pendidik dan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

pelajar mempunyai pengetahuan mengenai tindakbalas, jika kebarangkalian bencana itu berlaku dan cakna jika berlakunya kecemasan. Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Jabatan Perpaduan, Jabatan Agama Islam Johor, Kemas akan dilibatkan di dalam pembangunan modul ini.

5. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Depoh Penyimpanan Barangan Bantuan Bencana JKM di Kulai bagi memastikan gerakan bantuan kepada mangsa lebih cepat dan teratur. Depoh Penyimpanan Barangan Bantuan Bencana JKM akan bertindak untuk menampung keperluan di daerah-daerah Selatan Johor manakala Depoh Penyimpanan Barangan Bantuan Bencana JKM Daerah Muar akan bertindak untuk menampung keperluan di daerah-daerah Utara Johor.

Insya-Allah, dengan pendekatan baharu ini, pengurusan bencana negeri Johor akan lebih mantap, cepat dan menyeluruh.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B123

Sebahagian kawasan yang berlaku banjir akibat masalah perparitan tidak dapat diselesaikan oleh kerana status tanah persendirian. Namun, kesan banjir akan menjejaskan sebahagian besar kampung dan masyarakat setempat. Apakah solusi dan cadangan dari pihak Kerajaan Negeri dalam menangani masalah berikut?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Johor Lama, Kerajaan Negeri Johor memandang serius isu banjir yang berlaku akibat sistem perparitan yang terletak di atas tanah persendirian, khususnya apabila impaknya melibatkan kemudaratan kepada masyarakat setempat dan kawasan kampung secara keseluruhan.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab, pendekatan utama yang sedang digerakkan adalah melalui libat urus bersama pemilik tanah, dengan hasrat untuk mendapatkan persetujuan dan kerjasama mereka dalam membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dan naiktaraf sistem saliran dapat dilaksanakan demi kepentingan awam.

Saya juga telah meminta agensi-agensi teknikal dan pihak berkuasa tempatan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang berisiko tinggi iaitu hotspot banjir, dan menyediakan cadangan pelan tindakan beserta keperluan peruntukan yang sesuai.

Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk mencari penyelesaian terbaik secara menyeluruh, melalui kerjasama erat antara jabatan teknikal, masyarakat setempat dan pemilik tanah. Fokus utama kita ialah memastikan kesejahteraan rakyat Johor sentiasa terpelihara.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B124

Sejumlah peneroka di Gugusan Felda Lok Heng masih tidak menerima geran tanah mereka. Sedangkan sebahagian yang lain sudah pun selesai. Apakah masalah yang berlaku sehingga mengambil masa yang lama untuk penyerahan geran? Mohon pihak Kerajaan Negeri menyegerakan isu ini.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Terdapat permohonan berkelompok sebanyak 40 plot tanah di kawasan FELDA Lok Heng Timur, Daerah Kota Tinggi dan 4 plot daripadanya terlibat dengan pertindihan di dalam Seksyen 6 Akta GSA 1960.

Dimaklumkan juga terdapat perbincangan dengan Pengurus FELDA Rancangan tersebut pada 7.11.2024 dan pihaknya bercadang untuk membatalkan sebahagian daripada warta Seksyen 6 atas pertindihan plot tersebut dan kawasan yang terlibat akan diwartakan di dalam warta Seksyen 5 Akta GSA 1960.

Seterusnya dimaklumkan bahawa di atas tanah telah terdapat tanaman yang berusia lebih kurang 10 tahun serta telah membuahkan hasil. Semakan juga tiada tapak ganti bagi pertindihan 4 plot tersebut. Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi juga telah mengemukakan surat kepada Ibu Pejabat FELDA pada 24.12.2024 bagi memohon pandangan dan ulasan berkaitan cadangan pembatalan warta tersebut.

Berdasarkan semakan terhadap pihak FELDA Ibu Pejabat, Jabatan Pengurusan Tanah FELDA telah melantik syarikat Perunding untuk kerja ukur hak milik pada 31 Disember 2024. Upah ukur dijangka dapat dijelaskan untuk deposit kepada Lembaga Jurukur Tanah (LJT) pada bulan Jun 2025.

Selanjutnya, urusan dengan pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk penyediaan Pelan Akui untuk dokumen Hak Milik Kekal dijangka dapat disiapkan selewat-lewatnya pada anggaran bulan September 2025.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B125

Apakah perancangan Kerajaan Negeri melalui pihak JKR dalam membasmi masalah pokok-pokok besar di sepanjang Jalan Kota Tinggi-Desaru yang berisiko tumbang pada waktu hujan ribut agar tidak berlakunya kemalangan yang meragut nyawa rakyat.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, jalan yang dimaksudkan adalah laluan FT92 Kota Tinggi – Sg Rengit iaitu jalan persekutuan melibatkan panjang jalan sejumlah 69.75 KM. Laluan ini menjadi laluan perhubungan utama antara bandar Kota Tinggi ke Pengerang.

Kerajaan Negeri akan mengarahkan JKR Johor dan JKR Daerah Kota Tinggi untuk sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam memastikan penyelenggaraan jalan di laluan ini sentiasa dalam tahap perkhidmatan yang memuaskan.

Selaras dengan peranan agensi JKR sebagai pelaksana penyelenggaraan Jalan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak agensi JKR untuk mengambil langkah – langkah mitigasi bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan terutama di kawasan berisiko pokok tumbang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B126

Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor bagi menangani isu kemudahan dan infrastruktur sekolah di kawasan luar bandar? Mohon senaraikan jumlah peruntukan yang telah atau akan disalurkan di sekolah-sekolah di dalam kawasan DUN Johor Lama?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan penyelenggaraan sekolah dilaksanakan dengan cekap dan teratur, pada setiap akhir tahun, KPM telah mengarahkan pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN) mengemukakan permohonan peruntukan penyelenggaraan yang diperlukan oleh sekolah-sekolah pada tahun berikutnya untuk pertimbangan dan kelulusan KPM. Permohonan peruntukan penyelenggaraan ini adalah berdasarkan susunan keutamaan yang telah disyorkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan JPN setelah melalui semakan teknikal.

KPM seterusnya akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan ke sekolah-sekolah melalui JPN berdasarkan peruntukan penyelenggaraan yang telah diluluskan dalam Belanjawan Tahunan. Kerja-kerja penyelenggaraan sekolah yang diluluskan juga akan dipantau melalui Mesyuarat Pemantauan Prestasi Kerja dan Perbelanjaan Peruntukan Penyelenggaraan Institusi KPM di bawah Peruntukan Pembangunan setiap 2 bulan sekali bersama-sama agensi pelaksana projek. Ini adalah memastikan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang dirancang dan peruntukan yang disalurkan dibelanjakan mengikut perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Dun Johor Lama, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada Sekolah Kebangsaan (Felda) Lok Heng Selatan sebanyak RM50,000 bagi pada tahun 2025. Peruntukan penyelenggaraan akan disalurkan berdasarkan peruntukan penyelenggaraan institusi pendidikan bawah KPM yang akan diluluskan dalam Belanjawan Tahun 2025. KPM akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah dengan adil dan sewajarnya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B127

Apakah status perumahan yang terbengkalai di Taman Pasak Indah? Apakah usaha yang telah dijalankan untuk pembinaan semula perumahan tersebut? Perumahan ini dapat membantu masalah penempatan anak-anak generasi kedua FELDA di kawasan sekitar.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kemajuan pembangunan Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) FELDA Pasak adalah berada di bawah 70% pembinaan. Kerajaan Negeri Johor dimaklumkan bahawa Pihak FELDA tidak lagi diberikan peruntukan untuk menyiapkan mana-mana projek perumahan yang terbengkalai.

Sehubungan itu, FELDA melalui surat kepada Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor telah mengemukakan hasrat kepada Kerajaan Negeri Johor bagi cadangan serahan projek PGBF Pasak ini untuk disiapkan. Perkara ini sedang dalam perhatian dan penelitian Kerajaan Negeri dan pihak FELDA bagi cadangan pelaksanaan penyiapan projek terbengkalai ini.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**SOALAN B128**

Sila nyatakan bilangan permohonan dan kelulusan lesen perniagaan kecil dan sederhana (PKS) mengikut Pihak Berkuasa Tempatan dari Januari 2023 hingga Mei 2025.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Bagi data bilangan permohonan dan kelulusan lesen perniagaan kecil dan sederhana (PKS) mengikut setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari Januari 2023 hingga Mei 2025 adalah seperti jadual berikut :

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	2023	2024	2025 (hingga Mei)	Jumlah	Catatan
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)				6,009	Peniaga aktif dan berlesen sehingga 7 Mei 2025 (Tiada pecahan tahunan)
2	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)	-	-	-	534	Penjaja sementara (325), Buah bermusim (62), Pasar malam (110), Pasar pagi (37)
3	Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)	98	176	69	343	Tiada pecahan jenis lesen
4	Majlis Perbandaran Muar (MPM)	1	2	0	3	Tiada pecahan jenis lesen

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

5	Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)	3	7	5	15	Tiada pecahan jenis lesen
6	Majlis Perbandaran Kluang (MPK)	2	5	0	7	Semua permohonan diluluskan dan Tiada pecahan jenis lesen
7	Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)	-	-	-	1,697	Penjaja Statik: 323, Bergerak: 44, Pasar malam/pagi : 1,330 dan Tiada Pecahan Tahunan
8	Majlis Perbandaran Segamat (MPS)	-	-	-	478	Penjaja Statik: 288, Bergerak: 135, Pasar Malam/Pagi: 55 dan Tiada Pecahan Tahunan
9	Majlis Perbandaran Pengerang (MPP)	-	-	-	289	Tiada Pecahan Tahunan
10	Majlis Perbandaran Pontian (MPPN)	-	-	-	4,034	Tiada pecahan tahuna dan termasuk jenis lesen berisiko, tidak berisiko & bazar
11	Majlis Daerah Tangkak (MDT)	65	57	50	172	Tiada pecahan jenis lesen

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

12	Majlis Daerah Yong Peng (MDYP)	-	-	-	246	Tiada Pecahan Tahunan
13	Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR)	155	125	53	333	Tiada pecahan jenis lesen
14	Majlis Daerah Labis (MDL)	86	84	7	177	Tiada pecahan jenis lesen
15	Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT)	69	150	34	253	Tiada pecahan jenis lesen
16	Majlis Daerah Mersing (MDM)	192	160	31	383	Tiada pecahan jenis lesen

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**SOALAN B129**

Sila senaraikan jumlah sekolah daif di negeri Johor mengikut daerah serta jumlah peruntukan baik puluh yang telah diluluskan dan digunakan sejak tahun 2023 hingga Mei 2025.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sekolah daif di negeri Johor, walaubagaimanapun sejumlah 15 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah mengikut skop dan piawai yang ditetapkan telah diluluskan bagi tahun 2023 sehingga 2025 dengan kos projek berjumlah RM177.6 juta. Status kemajuan projek adalah seperti yang berikut:

DAERAH TAHUN	BATU PAHAT	JOHOR BAHRU	PONTIAN	MUAR	KLUANG	KOTA TINGGI	KULAI	JUMLAH
2023		1	1	1	2		1	6
2024	2		1			1		4
2025	1	2	1	1				5
JUMLAH KESELURUHAN								15

Selain itu, data sekolah yang mempunyai bangunan daif adalah bersifat dinamik dan akan berubah berdasarkan kondisi bangunan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor sentiasa berusaha secara berterusan dalam menyediakan kemudahan yang lengkap kepada pihak sekolah. Oleh itu, setiap kemudahan yang disediakan di sekolah dengan bangunan daif yang telah dinaik taraf atau pembangunan semula adalah berdasarkan kepada keperluan bagi menyokong pelaksanaan kurikulum dan kondisi bangunan sedia ada. Antara kemudahan yang disediakan ialah menaik taraf atau pembinaan blok bilik darjah, blok pentadbiran, blok bengkel, makmal dan kantin.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**SOALAN B130**

Berapakah jumlah unit Rumah Mampu Milik Johor yang telah siap dan yang masih dalam pembinaan mengikut daerah dari 2020 hingga kini? Sila nyatakan projek yang terlibat dan statusnya.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Sebagai makluman YB Tangkak, Kerajaan Negeri komited bagi memenuhi permintaan pembangunan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di semua kawasan DUN di setiap daerah dalam negeri Johor. Jadual Pembangunan RMMJ Daerah Tangkak melibatkan data dari tahun 2022 hingga kini adalah sebagaimana berikut :

BIL	PEMAJU	NAMA TAMAN	KATEGORI RMMJ				JUMLAH UNIT	STATUS
			A	B	C	D		
1	KSL DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN CEMERLANG	0	14	12	0	26	SASARAN SIAP BINA 2026
2	MEGAMAS DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN MEGAH RIA 2	0	28	17	0	45	SASARAN SIAP BINA 2026

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**SOALAN B131**

Sila nyatakan jumlah penerima bantuan keusahawanan belia mengikut daerah dari tahun 2023 hingga 2025 serta sektor perniagaan utama yang disokong.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Penerima bantuan keusahawanan belia mengikut daerah bagi tahun 2023-2025 mengikut rekod PUJB merangkumi Program Bantuan mesin dan peralatan, Mentor-mentee, penyertaan ekspo dan karnival, kursus dan latihan dan Jelajah Usahawan Johor :-

Bil	Sektor	Daerah	Penerima/tahun			Jumlah
			2023	2024	2025 *30 April 2025	
1	Pembuatan	Batu Pahat	225	300	45	570
	Perkhidmatan		234	444	91	769
2	Pembuatan	Johor Bahru	544	698	122	1364
	Perkhidmatan		877	1021	211	2109
3	Pembuatan	Kluang	122	323	34	479
	Perkhidmatan		233	433	67	733
4	Pembuatan	Kota Tinggi	211	245	18	474
	Perkhidmatan		312	344	34	690
5	Pembuatan	Kulai	212	122	14	348
	Perkhidmatan		288	199	31	518
6	Pembuatan	Mersing	66	78	9	153
	Perkhidmatan		87	66	12	165
7	Pembuatan	Muar	211	132	23	366
	Perkhidmatan		133	166	25	324
8	Pembuatan	Pontian	109	155	29	293
	Perkhidmatan		79	88	12	179
9	Pembuatan	Segamat	122	173	31	326
	Perkhidmatan		113	198	21	332
10	Pembuatan	Tangkak	78	88	9	175
	Perkhidmatan		66	122	34	222
Jumlah keseluruhan			4322	5395	872	10589

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**SOALAN B132**

Sila nyatakan bilangan aduan gangguan bekalan air yang diterima di setiap daerah di Johor bagi tempoh Januari hingga Mei 2025, termasuk tempoh purata gangguan dan tindakan penyelesaian.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Pusat Panggilan Aduan Pelanggan atau Pusat Informasi Pelanggan (Customer Information Center) Ranhill SAJ berfungsi menguruskan panggilan telefon aduan rasmi pelanggan. Dua lagi saluran aduan adalah menerusi MySAJ 2.0 & platform E-Aduan (eg : emel, SMS, laman web rasmi Ranhill SAJ).

Operasi pengurusan aduan Ranhill SAJ turut dipantau rapi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang menetapkan sasaran pengukur prestasi utama (KPI) selain turut dikawalselia oleh audit dalaman secara berkala oleh Jabatan Jaminan Kualiti Ranhill SAJ bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan sentiasa berada pada tahap yang optimum dan mengamalkan amalan terbaik.

Jumlah aduan yang diterima berkaitan gangguan bekalan air daripada Januari – April 2025 adalah sebanyak 21,324. Berikut adalah pecahannya mengikut daerah :

- a. Johor Bahru : 10,893
- b. Batu Pahat : 1,887
- c. Muar : 1,939
- d. Segamat : 1,187
- e. Kota Tinggi : 1,267
- f. Pontian : 612
- g. Mersing : 204
- h. Kulai : 2,000
- i. Kluang : 1,335

Peratusan aduan dapat diselesaikan 100 %.

Gangguan bekalan air akibat paip pecah mengakibatkan gangguan bekalan air tidak dirancang dan kejadian luar jangka ini tentunya amat merumitkan dan tidak boleh dipandang ringan.

Pihak Ranhill SAJ telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan bekalan air secara berterusan dapat dibekalkan kepada para pengguna.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Ini termasuk menambah penggendali sistem aduan, penjadualan tugas 24 jam 365 hari setahun, sistem aduan lebih baik yang turut merangkumi sistem panggilan terabai (dengan izin - unanswered calls)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN B133

Adakah kerajaan berhasrat untuk menaiktaraf Sekolah Kebangsaan dalam kawasan perkampungan seperti SK Sekijang Tebing Runtuh dan SK Ladang Pendas bagi memenuhi keperluan dan permintaan ibu bapa yang tunggal dan bertugas di Iskandar Puteri serta Gelang Patah.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi bagi keperluan masyarakat setempat. Perkara ini penting bagi memastikan murid-murid berpeluang belajar dengan selesa, kondusif dan dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan data JPN Johor, Sekolah Kebangsaan Sekijang mempunyai 7 bilik darjah dan beroperasi secara satu sesi dengan 6 kelas. Sehingga April 2025, enrolmen murid di sekolah tersebut adalah seramai 155 orang. Manakala Sekolah Kebangsaan Ladang Pendas mempunyai 6 bilik darjah, beroperasi secara satu sesi dengan 6 kelas. Enrolmen murid pula seramai 106 orang.

JPN Johor telah mempunyai perancangan untuk membantu menaiktaraf kedua-dua sekolah bagi memenuhi keperluan dan permintaan ibu bapa yang tinggal dan bertugas di Iskandar Puteri serta Gelang Patah. Antaranya adalah dengan mengemukakan permohonan pembinaan bilik darjah tambahan di sekolah tersebut dalam *Rolling Plan* 1 Rancangan Malaysia Ke-13 Tahun 2026. Walau bagaimanapun, perancangan yang telah dikemukakan adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat, keutamaan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**SOALAN B134**

Apakah kerajaan ada hasrat untuk membina sebuah pasar awam bagi menampung kehendak masyarakat dan juga para menyusun atur penjaja yang berselerakan di dalam kawasan Gelang Patah.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mendapat status tanah rezab pasar awam di Taman Nusantara Gelang Patah dan sedang dalam proses untuk memulakan kebolehlaksanaan projek serta pelantikan perunding. Pelaksanaan projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2027.

Jabatan Pelesenan telah mengadakan penempatan Penjaja Berpusat bagi mengurangkan penjaja berselerakan di kawasan Gelang Patah. Terdapat 4 Kawasan Penempatan Penjaja Berpusat, iaitu di Jalan Nusaria 3, Taman Nusantara (Penempatan *MyKiosk*), Penempatan Penjaja Jalan Suria 4, Penempatan Penjaja Jalan Medan Nusa Perintis 6, dan di Jalan Nusaria 4/7.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**SOALAN B135**

Apakah perancangan kerajaan untuk memastikan kampung-kampung tradisional dalam DUN Kota Iskandar tidak berlaku ketidakseimbangan sosio ekonomi, peminggiran budaya serta penyediaan infra struktur yang setaraf kesan dari pembangunan pesat JS-SEZ.

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Selari dengan kerancakan pelaksanaan Johor & Singapore - Special Economic Zone, perancangan Yayasan Warisan Johor dalam memartabatkan lagi warisan seni budaya pelbagai bangsa terutamanya di DUN Kota Iskandar adalah dengan penganjuran program sebagaimana berikut: -

1) Festival Zapin Rakyat Johor (FZRJ) 2025

Festival Zapin Rakyat Johor (FZRJ) akan dilaksanakan di Educity Sports Complex, Iskandar Puteri pada **7 – 9 November 2025**. Pelaksanaan ini akan berkolaborasi erat bersama Tourism Johor dan Jabatan Perpaduan Negara Negeri Johor dengan menggabungkan elemen yang berteraskan identiti Bangsa Johor. Konsep yang menjadi tunjang festival ialah **perkongsian ilmu dan pertandingan**. Pertandingan tarian sebagai fokus utama penganjuran festival, namun elemen perkongsian ilmu diutamakan melalui **penganjuran bengkel, *hands on activity* dan bual bicara** berkaitan tarian, busana dan alatan muzik tradisional negeri Johor.

Berikut merupakan elemen yang akan dilaksanakan sepanjang FZRJ 2025 ini berlangsung:

- a. **Elemen 1: Sebanyak 9 jenis bengkel, *hands on activity* bakal perkongsian ilmu meliputi aspek tari, muzik, sajian dan budaya Bangsa Johor.**
 - i. Bengkel Jahitan Tulang Belut
 - ii. Bengkel Paper Quilling
 - iii. Bengkel Mari Kenali Zapin
 - iv. Bengkel Penulisan Sajak Kebudayaan
 - v. Bengkel Penataan Sanggul
 - vi. Bengkel Pembuatan Sanggul DIY
 - vii. Bengkel Pemakaian Samping
 - viii. Bengkel Sajian Warisan Johor
 - ix. Bengkel Demonstrasi Kraftangan
- b. **Elemen 2: Pertandingan Zapin - Tiga fasa pertandingan iaitu peringkat daerah, saringan atas talian dan peringkat akhir.**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- i. Kategori Pertandingan Peringkat Daerah dan Akhir:
 1. Pra Sekolah
 2. Sekolah Rendah
 3. Sekolah Menengah
 4. Badan Kerajaan
 5. Pelbagai Etnik
- ii. Kategori Pertandingan Saringan Atas Talian dan Akhir:
 1. Institut Pengajian Tinggi
 2. Terbuka A (muzik live)
 3. Terbuka B (muzik playback)
 4. Video Pendek Zapin Johor
 5. *Tiktok Challenge*

3. Elemen Khas: *Malaysia Book of Records* – Sebagai usaha memasyarakatkan budaya zapin, dijangka akan dilaksanakan Malaysia Book of Record (MBOR) bersempena pelaksanaan Festival Zapin Rakyat Johor (FZRJ) 2025 di Educity Sports Complex, Iskandar Puteri. Beberapa kategori rekod yang didalam perancangan adalah seperti berikut:

- Penyertaan Teramai Dalam Pertandingan Zapin Melalui Aplikasi TikTok;
- Bilangan Video Zapin Dimuat Naik
- Penyertaan Teramai Memakai Pakaian Tradisional Dalam Acara Larian

Dijangka seramai 30,000 penonton akan menghadiri festival ini, 65 buah sekolah akan menyertai pertandingan dan 1,300 orang akan terlibat sebagai peserta.

Secara konklusinya, pelaksanaan Festival Zapin Rakyat Johor yang berlangsung di Dun Kota Iskandar dilihat dapat memberi peluang kepada masyarakat setempat tidak terkecuali merasai kemeriahan, limpahan kebaikan menerusi penganjuran bengkel, bual bicara dan pertandingan yang dianjurkan dan secara tidak langsung membuka ruang interaksi bagi menimba pengalaman dan pembelajaran seni budaya negeri Johor yang merangkumi busana dan sajian juga. Melalui bengkel dan perkongsian ilmu yang diberikan, dijangka ini akan memberi peluang untuk peningkatan kemahiran yang akan mampu digunakan untuk menjana pendapatan masyarakat setempat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN B136

Isu pindaan Undang-undang Kecil Pasar malam/sehari (MBIP) 2018 mengambil masa lebih 10 tahun untuk kelulusan pindaan kerajaan negeri. Adakah kerajaan berhasrat memberi kuasa penuh kepada PBT untuk membuat kelulusan tersebut supaya dapat dilaksanakan segera dengan keperluan semasa.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Berdasarkan peruntukan Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai kuasa untuk membuat, meminda atau membatalkan undang-undang kecil (UUK) dari semasa ke semasa berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan, keselamatan, kesentosaan penduduk serta bagi tujuan pengurusan dan pengelolaan yang baik di kawasan pentadbiran mereka.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Seksyen 103, Akta 171, setiap undang-undang kecil yang digubal oleh PBT tidak mempunyai kuat kuasa melainkan setelah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan disiarkan dalam Warta. Sehubungan itu, isu berkaitan tempoh masa kelulusan, seperti dalam kes pindaan Undang-undang Kecil Pasar Malam/Sehari (MBIP) 2018, yang mengambil masa lebih 10 tahun untuk diluluskan, adalah tertakluk kepada proses dan penelitian di peringkat Pihak Berkuasa Negeri.

Kerajaan Negeri pada masa ini sentiasa meneliti kaedah terbaik untuk mempercepatkan proses ini tanpa mengabaikan aspek perundangan dan semakan sewajarnya, namun sebarang cadangan untuk memberi kuasa penuh kelulusan kepada PBT masih tertakluk kepada pertimbangan dasar dan pindaan kepada Akta 171 yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**SOALAN B137**

Adakah kerajaan berhasrat untuk membina lebih rumah transit dan rumah sewa kerajaan dalam kawasan JS-SEZ khususnya dalam DUN Kota Iskandar bagi memenuhi keperluan mereka yang akan berhijrah ke kawasan ini untuk bekerja dan menyusun atur semula kawasan-kawasan setinggan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Sebagai makluman YB Kota Iskandar, Kerajaan Negeri komited dalam memastikan keperluan perumahan rakyat dipenuhi dengan menyediakan perumahan transit di kawasan *Johor-Singapore Special Economic Zone* (JS-SEZ) melalui inisiatif seperti Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) dengan sasaran sebanyak 1,000 unit menjelang tahun 2026. Inisiatif ini bertujuan memberikan tempat tinggal sementara yang selesa dan mampu milik kepada golongan muda, pasangan baru berkahwin serta golongan yang sedang mencari rumah tetap di mana program ini berbentuk menyewa sambil menyimpan dengan kadar sewaan 30% lebih rendah dari pasaran. Sebanyak 308 unit RTBJ telah berjaya ditawarkan oleh Kerajaan Negeri melibatkan RTBJ Taman Kempas Utama (92 unit) dan RTBJ Bandar Putra Kulai (216 unit) dengan peruntukan berjumlah RM14.08 juta. Manakala 301 unit lagi masih dalam pembinaan melibatkan RTBJ Taman Laman Indah (100 unit), RTBJ Taman Mutiara Rini (38 unit), RTBJ Taman Nusa Sentral (71 unit) dan RTBJ Taman Tasik Indah (92 unit).

Selain itu, terdapat 2 lagi projek RTBJ dalam peringkat perancangan iaitu RTBJ Bandar Penawar (60 unit) dan RTBJ Bandar Dato' Onn (50 unit). Jadual berikut ialah ringkasan jumlah unit RTBJ di negeri Johor:

BIL	PROJEK	JUMLAH UNIT
1	RTBJ TAMAN KEMPAS UTAMA, JOHOR BAHRU	92
2	RTBJ BANDAR PUTRA, KULAI	216
3	RTBJ TAMAN LAMAN INDAH, JOHOR BAHRU	100
4	RTBJ TAMAN TASIK INDAH, KLUANG	92
5	RTBJ MUTIARA RINI, JOHOR BAHRU	38
6	RTBJ TAMAN NUSA SENTRAL, JOHOR BAHRU	71
7	RTBJ BANDAR PENAWAR, KOTA TINGGI	60
8	RTBJ BANDAR DATO' ONN, JOHOR BAHRU	50

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**SOALAN B138**

JTDC telah ditubuhkan bagi melahirkan bakat tenaga kerja berkemahiran dan berpengetahuan tinggi di Johor. Apakah impak kepada belanjawan negeri melalui hasil pelaksanaan gaji premium kepada matlamat penubuhan JTDC ini?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Johor Talent Development Council (JTDC) adalah sebagai penyedia tenaga mahir bagi keperluan Johor Singapore- Special Economic Zone (JS-SEZ). JTDC akan bekerjasama dengan Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMF-CJ) dalam menilai keperluan pelabur yang akan masuk ke Johor dan peluang pekerjaan yang akan dihasilkan.

Apabila peluang pekerjaan telah dikenalpasti, JTDC akan menjadi jambatan dalam menghubungkan dan menilai Institut-institut Pendidikan Tinggi yang telah dilaksanakan dan akan menawarkan kursus-kursus yang bertepatan dengan keperluan pelabur. Oleh hal yang demikian, JTDC bekerjasama dengan IPT bagi memperkenalkan kursus-kursus dan program baharu untuk memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan.

MENGHUBUNGKAN PELABUR & SYARIKAT SECARA TERUS

- a. Dalam memenuhi keperluan 10,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang 2025-2026, JTDC dengan kerjasama 6 Universiti dan 15 Kolej/ Pusat TVET di Negeri Johor telah dipilih dengan mensasarkan graduan akademik dan TVET sebagai produk dalam memenuhi peluang pekerjaan melalui program-program Karnival Kerjaya Premium atau "MyFuture Jobs Premium".
- b. JTDC juga dengan kerjasama 7 Institusi Pendidikan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Johor sedang bekerjasama dalam menaiktaraf infrastruktur pusat pendidikan, mengukuhkan tenaga pengajar yang mahir dan memantapkan silibus-silibus serta kursus-kursus mengikut keperluan industri terkini. Antara rakan strategik yang menyokong ekosistem JTDC diperingkat institusi pendidikan adalah seperti berikut:
 - i. Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ)
 - ii. Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ)
 - iii. Johor Skill Development Centre
 - iv. Kolej Kemahiran Johor (KKJ)
 - v. Skill Johor Kampus Kota Tinggi
 - vi. Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI)
 - vii. Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- c. JTDC juga menawarkan "Direct Intervention" di pasaran kerja melalui dana latihan dan inisiatif penempatan kerja. Geran latihan dan subsidi akan diberi bagi meningkatkan kompetensi dalam melahirkan tenaga kerja yang lebih mahir serta berkualiti.
- d. Antara program-program yang dijalankan oleh JTDC pada tahun 2025 adalah seperti yang berikut:
 - i. Skill4Johor – RM 20 Juta
 - ii. Pro-Mahir – RM 3 Juta
 - iii. K-Youth – RM 5 Juta
 - iv. MyMahir – RM 800 Ribu

JTDC SEBAGAI PUSAT KERJASAMA INDUSTRI DAN IPT

- a. JTDC merupakan pusat rujukan keperluan tenaga kerja mahir bagi pelabur dan pemain industri. Bagi merealisasikan hasrat ini, beberapa mekanisme akan diperkenalkan antaranya ialah:
 - i. **Talent Matchmaker**
JTDC akan menarik minat pelabur dan syarikat untuk bekerjasama dengan IPT dan menyelaras rundingan susulan.
 - ii. **Bank Data**
JTDC akan menjadi pusat pengumpulan data tenaga kerja dan menyediakan pelan tindakan bagi memenuhi keperluan industri.
 - iii. **Koordinasi dan Penyelarasan IPT**
JTDC akan memastikan tiada pertindihan dan akan mengukuhkan pelaksanaan inisiatif pembangunan bakat termasuk menyalurkan geran peralatan dan teknologi, karnival kerjaya dan sesi libat urus.

Pada suku tahun 2025 ini sahaja JTDC telah mengadakan 3 Siri Karnival Kerjaya Premium dengan 1,900 pekerjaan ditawarkan melibatkan 100 syarikat dan 5,000 jumlah permohonan kerja. JTDC juga telah mengadakan 12 sesi program bersama industri melibatkan 232 syarikat dan 9 IPT.

Pada ketika ini, JTDC di dalam fasa pelaksanaan merealisasikan kerjasama antara IPT dan pelabur. JTDC juga akan memastikan pelabur-pelabur mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui antaranya ialah berkenaan gaji premium, insentif dan kebajikan pekerja.

PROMOSI JTDC

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Dalam usaha memperkukuh pembangunan bakat dan menyokong agenda pemerkasaan modal insan di Negeri Johor, pihak JTDC telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang menyeluruh merentasi seluruh zon di negeri ini. JTDC turut bergiat aktif dalam menyertai program Jelajah Orang Johor (JOJ) sebagai medium utama untuk mendekati masyarakat setempat dan menyampaikan maklumat berkaitan program serta inisiatif yang ditawarkan.

Selain itu, JTDC sedang giat meneroka dan menggunakan pelbagai medium serta platform pengiklanan alternatif bagi memastikan maklumat inisiatif sampai kepada segenap lapisan masyarakat di seluruh Johor. Antaranya termasuklah penggunaan LED *billboard* di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Papan digital, pengiklanan di bas pengangkutan awam, serta slot promosi di stesen radio tempatan. Pendekatan pelbagai saluran ini diyakini mampu meningkatkan keterlihatan program JTDC dan menggalakkan penglibatan lebih ramai rakyat Johor.

Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Johor-Singapore Special Economic Zone (JSSEZ) untuk mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi atau bergaji premium yang mampu menarik minat bakat-bakat berkemahiran tinggi, termasuk dari luar negeri Johor, untuk menyumbang tenaga dan kepakaran mereka ke arah kemajuan negeri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN B139

Apakah perancangan pembangunan bagi DUN Sungai Balang dalam sektor ekonomi dan agro pelancongan sebagai nilai tambah kepada matlamat Johor Maju 2030?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Sungai Balang sememangnya mempunyai tarikan pelancongan yang berpotensi untuk menarik kedatangan pelancong ke kawasan tersebut khususnya tarikan pelancongan berasaskan agro pelancongan seperti Sawah Sungai Balang dan Homestay Santai D'Sawah, Homestay Kg Sarang Buaya dan D'Impian Agro.

Antara cadangan perancangan bagi memajukan sektor ekonomi khususnya sektor pelancongan di DUN Sungai Balang adalah sebagaimana berikut :-

1. Memperkukuhkan pengurusan pelancongan daerah Muar.
2. Mempelbagaikan produk dan aktiviti pelancongan DUN Sungai Balang khususnya agro pelancongan.
3. Membangunkan pakej pelancongan DUN Sungai Balang.
4. Memperhebatkan kempen promosi pelancongan DUN Sungai Balang secara berterusan.
5. Menggalakkan penganjuran acara-acara pelancongan bagi menarik pelancong untuk datang, bermalam dan berbelanja di DUN Sungai Balang.
6. Menambahbaik kemudahan pelancongan di DUN Sungai Balang.
7. Melaksanakan program pembangunan modal insan bagi meningkat mutu perkhidmatan industri pelancongan di DUN Sungai Balang.

Cadangan-cadangan ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak terutama agensi-agensi dan penggerak-penggerak industri pelancongan seperti Pejabat Daerah Muar, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pertanian dan sebagainya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**SOALAN B140**

Apakah persediaan kerajaan kepada ekonomi negeri dalam menghadapi situasi perang tarif kuasa besar dunia yang sedang berlangsung kini supaya kekal bertahan dan tidak merencatkan pertumbuhan KDNK Negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Dalam menghadapi situasi perang tarif antara kuasa besar dunia yang sedang berlangsung, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil langkah strategik dan komprehensif bagi memastikan ekonomi negeri kekal bertahan dan tidak mengalami kemerosotan dalam pertumbuhan KDNK. Pendekatan ini merangkumi pengukuhan infrastruktur, diversifikasi pasaran, sokongan kepada industri tempatan serta penyelarasan dasar dengan Kerajaan Persekutuan.

Pertama: Johor akan terus memperkukuh infrastruktur perdagangan dan logistik melalui inisiatif Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) serta Zon Kewangan Khas, yang bertujuan meningkatkan integrasi serantau dan memudahkan pergerakan barangan serta modal. Pelaburan dalam sistem logistik pintar dan pembangunan pengangkutan moden seperti kereta api elektrik berkembar akan memastikan kelancaran aliran perdagangan dan mengurangkan kos operasi bagi sektor eksport.

Kedua: bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Amerika Syarikat, Johor menggalakkan pengusaha tempatan untuk meneroka pasaran baharu seperti ASEAN, Timur Tengah, Kesatuan Eropah dan Asia Tengah. Langkah ini disertai dengan peningkatan nilai tambah produk melalui pemodenan proses pengeluaran dan penerapan teknologi digital, yang akan memastikan daya saing industri tempatan kekal berimpak tinggi dalam pasaran global.

Ketiga: Kerajaan Negeri Johor turut menjalinkan kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan dan agensi berkaitan seperti MITI, MIDA dan lain-lain bagi memastikan penyelarasan dasar yang responsif terhadap perubahan landskap perdagangan global. Sokongan kewangan serta program latihan intensif sedang dipertimbangkan khususnya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk membantu pemain industri dalam menyesuaikan diri dengan kos tambahan yang timbul akibat perang tarif ini.

Keempat: Johor terus mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan dan pelaburan bagi merancakkan aktiviti ekonomi domestik. *Invest Malaysia Facilitation Centre Johor* (IMFC-J) akan diperkukuhkan dan ditambah baik bagi menyediakan perkhidmatan kepada pelabur dan memastikan kelulusan projek dapat direalisasikan dengan lebih pantas. Selain itu, pemantapan prosedur perolehan kerajaan akan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

dilaksanakan bagi mempercepatkan projek pembangunan yang memberi impak langsung kepada ekonomi negeri.

Kelima: dalam memastikan daya tahan ekonomi jangka panjang, Johor turut menyokong agenda pembaharuan Ekonomi MADANI yang memberi tumpuan kepada pemodenan industri, pemeriksaan tenaga boleh baharu, serta penerimgunaan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dan *blockchain* dalam sektor awam. Langkah ini bukan sahaja akan meningkatkan daya saing negeri tetapi juga memastikan Johor kekal sebagai hab ekonomi utama di Malaysia.

Secara keseluruhan, strategi holistik yang menggabungkan peningkatan infrastruktur, inovasi teknologi, diversifikasi pasaran serta penyelarasan dasar dengan Kerajaan Persekutuan akan memastikan Johor kekal bertahan dalam menghadapi perang tarif global. Dengan pendekatan yang bersepadu dan responsif, Kerajaan Negeri optimis dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta memastikan kestabilan pasaran dalam menghadapi cabaran perdagangan dunia yang semakin kompleks.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**SOALAN B141**

Mohon dinyatakan berapakah luas tanah rizab Melayu di Johor sehingga kini dan apakah terdapat pihak yang mencerooboh kawasan rizab tersebut dan apa tindakan yang diambil oleh kerajaan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Johor yang masih wujud dan diiktiraf setakat ini ialah melebihi 561,000 hektar, meliputi tanah-tanah milikan individu dan juga tanah kerajaan yang telah diisytiharkan sebagai Rizab Melayu.

Kerajaan Negeri secara konsisten melaksanakan dasar yang menetapkan bahawa setiap pemberian tanah milik kepada pemohon Melayu diwajibkan diberi syarat Tanah Rizab Melayu. Langkah ini melibatkan:

- Pemilikan individu oleh orang Melayu;
- Pemberimilikan kepada agensi seperti FELDA, FELCRA, JCorp, KPRJ dan SSI;
- Tapak kuarters dan bangunan kerajaan.

Semua pemberimilikan ini disyaratkan sebagai tanah Rizab Melayu melalui pewartaan rasmi di bawah Enakmen Rizab Melayu Johor 1936 (ERMJ). Sebelum proses pewartaan dimuktamadkan, kaveat pendaftar akan diletakkan bagi menghalang sebarang urus niaga tidak sah.

Untuk memastikan tiada sebarang tanah tertinggal daripada pewartaan atau terdedah kepada pelanggaran, Pentadbiran Tanah Johor kini menggunakan sistem pemetaan GIS (Geographic Information System) sebagai alat pemantauan yang lebih tepat dan efisien. Kerajaan Negeri juga menegaskan bahawa:

- Sebarang bentuk pemindahan atau pajakan kepada bukan Melayu adalah dilarang, dan sebarang perjanjian seumpamanya adalah tidak sah dan terbatal mengikut Seksyen 9 dan Seksyen 17 ERMJ.
- Aktiviti pencerobohan atau penerokaan haram di atas tanah kerajaan dalam kawasan Rizab Melayu akan dikenakan tindakan tegas di bawah peruntukan Seksyen 425 dan 426A Kanun Tanah Negara.

Melalui tindakan penguatkuasaan ini, sebarang struktur yang dibina tanpa kelulusan boleh diroboh, harta boleh disita, dan individu terlibat boleh didakwa di mahkamah. Jika disabit kesalahan, hukuman termasuk denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya sekali.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN B142

Apakah kerajaan bercadang untuk mengembalikan Kuota Menegakkan Kerajaan (KMK) yang telah dihapuskan sebelum ini bagi memberi peluang rakyat memiliki rumah idaman mereka?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Sebagai makluman YB Sungai Balang, Kuota Menegak Kerajaan (KMK) telah dimansuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 12 Jun 2018. Setelah itu, Kerajaan Negeri telah menggantikan KMK kepada kaedah penawaran yang lebih telus iaitu melalui Undian Terbuka. Melalui sistem ini rakyat dapat melihat secara langsung rumah mampu milik ditawarkan kepada pemohon yang menepati kriteria yang telah ditetapkan. Untuk makluman juga, bermula tahun 2023, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif *J-Home One Stop Centre* (J-Home OSC) bagi membantu pemohon-pemohon yang telah berjaya mendapatkan tawaran rumah mampu milik bagi mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. J-Home OSC ini ialah platform yang menghimpunkan pemaju, institusi kewangan, firma guaman serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk penerima tawaran rumah mampu milik berurusan bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan permohonan pembiayaan dan proses pembelian rumah. Dengan wujudnya inisiatif ini, maka ianya telah melengkapkan aliran pemilikan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ).

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**SOALAN B143**

Berdasarkan peringkat usia, kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas, berapakah kes orang hilang yang dilaporkan pada tahun 2023 & 2024, serta status kes-kes tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Orang Hilang (OH) kategori dewasa dan warga emas pada tahun 2024 adalah sebanyak 166 orang berbanding tahun 2023 sebanyak 132 orang sahaja. Berlaku peningkatan sebanyak 34 kes bagi tahun 2024.

Berikut adalah statistik kes Orang Hilang (OH) kontinjen Johor bagi 2023 dan 2024 mengikut kategori dan status bagi setiap kes tersebut:

Jadual 1

JUMLAH OH / TAHUN	2023	2024
KESELURUHAN OH DEWASA DAN WARGA EMAS	132	166
OH DIJUMPAI SEMULA	126	157
OH MASIH HILANG	6	9
PERATUSAN OH DIJUMPAI SEMULA (%)	95.45%	94.58%

Jadual 2

JUMLAH OH / TAHUN	2023	2024
UMUR	18 TAHUN – 59 TAHUN	
OH DIJUMPAI SEMULA	109	138
OH MASIH HILANG	5	6
JUMLAH OH	114	144

Jadual 3

JUMLAH OH	2023	2024
UMUR	60 TAHUN KE ATAS	
OH DIJUMPAI SEMULA	17	19
OH MASIH HILANG	1	3
JUMLAH OH	18	22

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**SOALAN B144**

Berdasarkan peringkat usia, kanak-kanak, remaja dan dewasa, berapakah kes tangkapan melibatkan penyalahgunaan dadah mengikut setiap daerah?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Bilangan Penyalah Guna & Penagih Dadah di Negeri Johor sehingga Disember 2024 adalah seramai **21,366** orang.

Pecahan Statistik Penyalah Guna dan Penagih Dadah serta Bahan mengikut setiap daerah di Negeri Johor adalah seperti di Lampiran 1(Januari sehingga Disember 2024) dan statistik Tangkapan Seksyen 15(1)(a) ADB1952 (Januari sehingga Disember 2024) sepertimana di Lampiran 2.

Statistik bilangan tangkapan operasi AADK Johor mengikut umur dan jantina sepanjang tahun 2024 dan Januari sehingga April 2025 merujuk sumber sistem MyAADK sepertimana di lampiran 3, 3.1 dan 3.2.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**SOALAN B145**

Berapakah jumlah vaksin influenza yang diterima oleh negeri Johor mengikut setiap daerah dan bilakah sasaran kerajaan untuk pemberian vaksin ini diterima seluruh warga emas di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Untuk seluruh negeri Johor, 20,000 warga emas akan mendapat manfaat suntikan vaksinasi influenza di kalangan warga emas ini, pada tahun 2025. Pembahagian mengikut daerah adalah seperti berikut: Batu Pahat (2600), Johor Bahru (8500), Kluang (1500), Kota Tinggi (1000), Mersing (300), Muar (1500), Pontian (800), Segamat (1000), kula (1900) dan Tangkak (900).

Sehingga kini 9938 org WE telah disuntik seluruh negeri Johor. Bagi Daerah Batu Pahat sahaja, 977 org WE telahpun disuntik. Suntikan ini boleh diambil di klinik-klinik kesihatan yang berdekatan sepanjang tahun ini. Pesakit juga boleh menempah slot temujanji melalui MySejahtera bagi memudahkan mendapat tarikh suntikan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**SOALAN B146**

Berapa banyak kes denggi yang direkodkan pada tahun 2024 dan berapa banyak pemeriksaan telah dijalankan di tapak-tapak pembinaan, kilang, serta tempat awam?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Pada tahun 2024, kumulatif kes denggi yang dilaporkan ialah 13,190 kes dan mencatatkan peningkatan 22.2% kes berbanding tempoh yang sama tahun 2023 iaitu 10,794 kes.

Dalam 12,668 aktiviti pemeriksaan yang di negeri Johor, 590,105 premis telah diperiksa dan 31,495 (5.3%) premis ditemui positif.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 170 tapak-tapak pembinaan diperiksa dengan 134 kompaun dikeluarkan, 245 buah kilang pula telah diperiksa dengan 202 kompaun dikeluarkan manakala di tempat awam, 162 premis telah diperiksa.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN B147**

Berapakah permohonan dan peruntukan di bawah Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) telah diluluskan di Johor setakat ini? Minta senaraikan mengikut pecahan 5 sektor tumpuan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, sehingga 30 April 2025, sebanyak 819 permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM76.9 juta. Manakala, pecahan kelulusan permohonan mengikut sektor dan daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	SEKTOR					JUMLAH
	PERTANIAN DAN MAKANAN	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA	JAHITAN DAN KRAFTANGAN	HERBA DAN KESIHATAN	
JOHOR BAHRU	34	14	10	1	2	61
MUAR	76	13	1	6	-	96
BATU PAHAT	159	24	2	2	-	187
SEGAMAT	47	9	4	2	-	62
KLUANG	38	17	-	-	3	58
MERSING	16	13	2	3	3	37
KOTA TINGGI	42	39	3	2	4	90
PONTIAN	53	38	2	2	1	96
TANGKAK	70	22	3	-	1	96
KULAI	20	10	2	3	1	36
JUMLAH	555	199	29	21	15	819

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN B148**

Jalan Lebuhraya Putra Utama-Jalan Jumbo telah menjadi laluan utama dan aliran trafik semakin padat. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan cadangan penubuhan jawatankuasa khas untuk membincangkan kerja-kerja pengambilan tanah supaya rancangan pelebaran jalan di situ dapat dilaksanakan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, Jawatankuasa Taskforce Khas Pengurusan Lalu Lintas Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah ditubuhkan sejak tahun 2022 bagi menangani isu-isu berkaitan aliran trafik dan keselamatan jalan raya di kawasan pentadbiran MPKu.

Berkaitan isu yang dibangkitkan, dimaklumkan bahawa Pejabat Daerah Kulai sedang melaksanakan proses Surat Balasan Kepada Siasatan (SBKS) ke atas lot tanah yang terlibat. Perakuan mengenai pengambilan tanah tersebut juga telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Johor untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Untuk makluman lanjut, status semasa tanah tersebut masih merupakan tanah berhak milik Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), iaitu Lot PTD 8797, HS(D) 23569.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN B149**

Aduan tentang waktu menunggu yang lama di Pusat Kecemasan & Trauma Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim Kulai telah diviralkan dalam media sosial pada 23 April yang lalu. Apakah hasil siasatan dan tindakan penambahbaikan yang diambil terhadap aduan ini?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Siasatan mendapati pesakit telah berjumpa dengan paramedic 2 minit selepas didaftarkan untuk diambil 'vital sign'. Pesakit tersebut telah dilihat oleh Pegawai Perubatan 3 jam selepas itu. Masa yang diambil agak panjang untuk dipanggil disebabkan terdapat beberapa kes trauma sebelum itu yang memerlukan masa yang lama untuk dirawat. Pesakit tersebut telah diarahkan untuk menjalani ujian darah, pengambilan x-ray dan ECG yang menyebabkan masa untuk selesai menerima rawatan semakin panjang.

Langkah penambahbaikan yang diambil adalah dengan menambah bilangan Pegawai Perubatan di Zon Hijau sekiranya didapati bilangan kes pada masa itu meningkat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN B150**

Masalah kesesakan lalu lintas di J105 Seelong khasnya di jambatan berhadapan Mersing Concrete Sdn Bhd kerana situasi cerutan jalan (bottleneck). Minta penjelasan tentang permohonan pelebaran jalan yang telah dikemukakan oleh JKR Daerah Kulai tetapi masih belum diberi keutamaan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap permohonan projek yang diterima akan diangkat untuk kelulusan kepada kerajaan negeri. Namun begitu, pihak kerajaan negeri mempunyai bajet kewangan yang terhad disebabkan masih banyak projek dalam pembinaan masih belum disiapkan dan dalam pelaksanaan selain memberikan keutamaan kepada projek-projek yang lebih mendesak.

Oleh itu, bagi projek yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat pihak JKR akan membuat penilaian bagi keperluan melaksanakan projek ini. Projek ini juga akan dipohon dalam RJ5T yang akan datang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN B151**

Projek Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru hampir siap. Adakah sistem penjualan dan pembelian tiket atas talian disediakan dan berapakah harga bagi setiap stesen di Johor?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjualan dan pembelian tiket perkhidmatan tren ETS sektor Selatan akan disediakan secara atas talian menerusi aplikasi KTMB Mobile (KITS) dan laman web rasmi KTMB. Selain itu, tiket turut boleh diperoleh melalui kiosk dan kaunter tiket di stesen - stesen KTMB.

Buat masa ini, perkhidmatan tren ETS telah dipanjangkan sehingga ke stesen Segamat bermula pada 15 Mac 2025 dengan menyediakan 2 perkhidmatan bagi laluan Segamat – Padang Besar – Segamat dan 2 perkhidmatan bagi laluan Segamat – Butterworth – Segamat setiap hari. Contoh tambang perkhidmatan tren ETS yang dikenakan bagi laluan KL Sentral ke Segamat adalah bermula dari RM38.00 bagi perjalanan sehalu.

Manakala, bagi lain – lain destinasi sehingga stesen Johor Bahru, tambang fleksi perkhidmatan tren ETS sedang dimuktamadkan dan akan diumumkan 30 hari sebelum perkhidmatan tren ETS beroperasi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**SOALAN B152**

Berapa banyak kes yang dilaporkan pihak TNB kepada PDRM berkaitan kecurian elektrik yang dikenalpasti menjalankan operasi bitcoin dan mengapa pihak TNB meletakkan kerugian daripada kes-kes ini kepada pemilik premis?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman YB, Berikut adalah rekod bilangan Kes Usikan Pemasangan Meter (KUPM) yang melibatkan premis yang menjalankan aktiviti Bitcoin bagi seluruh Negeri Johor dari tahun 2022 sehingga 2024.

Tahun	Bilangan Kes
2022	16
2023	16
2024	42

Namun, bagi 2025 setakat April telah mencatatkan KUPM sebanyak 13 premis yang menjalankan aktiviti Bitcoin di seluruh Johor.

Bagi tuntutan kerugian hasil berkurangan caj pula, pihak TNB akan menuntut kepada pengguna yang berdaftar dengan TNB selaras dengan maklumat di dalam Akta Bekalan Elektrik 1994 yang memperuntukan kebenaran TNB membuat tuntutan kepada pengguna yang berdaftar dengan TNB. Pengguna yang berdaftar dengan TNB boleh terdiri daripada pemilik premis atau penyewa premis tersebut.

Walaupun, dalam kes-kes tertentu, Pihak TNB boleh membuat tuntutan kepada Pemilik Premis, sekiranya tiada pengguna berdaftar di sesuatu premis tersebut.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B153

Jelaskan status pembinaan roundabout di sepanjang Jalan Persiaran Seri Alam termasuk perkembangan kerja pembinaan dan kos terlibat serta rancangan lanjutan bagi menyelesaikan kesesakan lalu-lintas di kawasan Bandar Seri Alam.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, lokasi aduan diluar kawasan penyelenggaraan jalan JKR.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B154

Jelaskan tindakan kerajaan negeri terhadap isu banjir kilat di Lebuhraya Pasir Gudang terutamanya di Persimpangan Jambatan ke Seri Alam dan Taman Rinting.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Laporan maklumbalas aduan

9

Tarikh :

29/4/2025

Negeri/daerah :

Johor/johor bahru

NAMA JALAN :

Lebuhraya Pasir Gudang FT17

Persimpangan Bertingkat Taman Rinting

SEKSYEN :

23.7

MAKLUMAT ADUAN :

Lokasi aduan banjir kilat.

CATATAN

1. Limpahan air hujan akibat banjir kilat dilokasi aduan.

2. Semakan mendapati aduan air banjir kilat berpunca dari limpahan air dari kawasan projek perumahan (Rujuk Lampiran 1)

TINDAKAN

1. Pemakluman berkaitan telah dimajukan kepada agensi berkenaan untuk tindakan lanjut bagi kerja-kerja pembersihan discharge point bersama pembaikan riser structure supaya kejadian tidak berulang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**



Lampiran 1



**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**



**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**SOALAN B155**

Senaraikan bilangan PDK dan bilangan pelatih di setiap PDK bagi tahun 2022,2023,2024 dan 2025 di negeri Johor.

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Berikut merupakan statistik jumlah PKPDK dan bilangan pelatih di PKPDK mengikut tahun:

Tahun	Bilangan PKPDK	Bilangan Pelatih PKPDK
2022	73	2496
2023	73	2496
2024	72	2421
2025	73	2496

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**SOALAN B156**

Jelaskan Pelan Pengangkutan Awam yang dijangka siap menjelang kelengkapan Projek RTS yang akan datang demi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Johor Bahru.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan Negeri Johor sedar bahawa projek RTS (*Rapid Transit System*) yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura bakal menarik lebih ramai pengguna, terutamanya para pekerja dan pengunjung dari kedua-dua negara. Projek ini dijangka membawa beberapa impak positif kepada bandaraya Johor Bahru, terutamanya dalam aspek ekonomi, sosial, dan infrastruktur.

RTS akan membantu mengurangkan jumlah kenderaan di Tambak Johor yang kini sering mengalami kesesakan teruk. Dengan adanya laluan pengangkutan yang lebih cepat, pengguna yang sebelum ini menggunakan kenderaan persendirian mungkin akan beralih kepada RTS.

Kerajaan juga telah merancang beberapa pelan penyuraian trafik di kawasan bandar Johor Bahru bagi mengurangkan kesesakan trafik dan menyokong penggunaan RTS. Jika langkah penyuraian trafik tidak dilaksanakan dengan baik seiring dengan projek RTS di Johor Bahru, beberapa kesan negatif berpotensi berlaku, yang boleh menjejaskan keberkesanan projek dan juga kualiti hidup penduduk setempat.

Kerajaan Negeri akan mengkaji semula kapasiti jalan raya dan menambah baik sistem pengurusan trafik di sekitar pusat bandar. Ini termasuk pelebaran jalan, pembinaan jalan pintas baharu, serta penyelenggaraan berkala bagi memastikan aliran trafik lebih lancar. Infrastruktur jalan raya sedia ada mungkin tidak mencukupi untuk menampung peningkatan trafik akibat pertumbuhan ekonomi dan pembangunan pesat.

Satu pelan tindakan penyuraian trafik untuk seluruh bandaraya Johor Bahru perlu dibuat kerana Johor Bahru sering mengalami kesesakan lalu lintas, terutamanya di kawasan pusat bandar dan di pintu masuk ke Singapura. Tanpa pelan penyuraian trafik, keadaan ini boleh bertambah buruk dengan peningkatan jumlah pengguna RTS, menyebabkan aliran trafik tidak lancar.

Selain RTS, kerajaan negeri juga merancang untuk memperkasa pengangkutan awam lain, seperti bas, bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian. Ini bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sekitar bandaraya dan kawasan berhampiran.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Kerajaan Negeri melalui PAJ juga akan bekerjasama dengan APAD bagi meningkatkan lagi kekerapan bas di kawasan bandaraya Johor Bahru melalui program Mybas dan Bas Muafakat Johor bagi memudahkan pergerakan pengguna selain mengurangkan jumlah kenderaan di pusat bandar. Pembangunan RTS ini perlu disokong dengan peningkatan laluan pengangkutan awam yang menghubungkan kawasan sekitar bandar Johor Bahru.

Selain itu, Kerajaan juga berhasrat untuk menyediakan lebih banyak kemudahan *Park-and-Ride* di sekitar stesen RTS dan di beberapa kawasan strategik lain. Ini membolehkan penduduk dari kawasan luar bandar untuk meletakkan kenderaan mereka dan menggunakan pengangkutan awam ke pusat bandar.

Kemudahan *Park-and-Ride* di luar pusat bandar adalah satu pendekatan berkesan untuk mengurangkan kesesakan trafik di kawasan pusat bandar. Dalam konteks Johor Bahru dan projek RTS Link ke Singapura, kemudahan P&R boleh menjadi solusi yang efisien untuk memudahkan penduduk tempatan dan pelawat mengakses sistem pengangkutan awam tanpa perlu membawa kenderaan mereka ke pusat bandar.

Dalam usaha untuk meningkatkan kelancaran trafik, sistem kawalan trafik pintar sedang dipertimbangkan terutamanya untuk pihak berkuasa tempatan dalam kawasan Greater JB. Ini termasuk penggunaan sensor dan kamera untuk mengesan kesesakan trafik dan mengoptimumkan isyarat trafik, yang akan membantu menguruskan kesesakan dengan lebih cekap.

Projek *Rapid Transit System* (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura dijangka membawa manfaat besar kepada penduduk, pekerja, dan pengunjung yang melintas antara kedua-dua negara. Walaupun manfaatnya jelas, isu kesesakan trafik kekal sebagai satu kebimbangan utama, terutamanya di bandaraya Johor Bahru dan kawasan sekitar *Greater JB*. Kerajaan negeri Johor telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan bahawa projek RTS ini akan berjalan lancar tanpa membebankan trafik di kawasan tersebut.

Kesimpulannya, kerajaan negeri Johor memberi jaminan akan terus memantau dan mempertingkatkan kesalinghubungan trafik di sekitar RTS dan *Greater JB*. Dengan langkah-langkah proaktif ini, kerajaan negeri berusaha memastikan bahawa pelaksanaan projek RTS dapat dimanfaatkan sepenuhnya tanpa menambah beban trafik yang ketara kepada penduduk setempat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**SOALAN B157**

Nyatakan usaha membantu usahawan wanita menjalankan atau memulakan bisnes kecil.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Antara usaha membantu usahawan wanita menjalankan atau memulakan bisnes kecil iaitu melalui Inisiatif Kerajaan Negeri Johor melalui Perbadanan Usahawan Johor iaitu membantu usahawan tempatan mempromosikan produk di dalam dan luar negara. Memberikan pendedahan dan nilai tambah yang tinggi kepada pengusaha dan mempertingkatkan kualiti yang ditetapkan dalam pengeluaran produk halal dari segi teknologi, pembungkusan dan perlabelan.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor menerusi Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) telah mewujudkan Pusat Data Usahawan Johor (PADU) yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi ekosistem dalam bidang keusahawanan.

Usahawan Johor memerlukan sebuah platform yang mudah diakses bagi rujukan informasi-Informasi terkini berkaitan peluang perniagaan dan skim - skim bantuan daripada kerajaan atau agensi yang memerlukan satu sistem pengurusan yang komprehensif dan cekap.

Bagi memastikan sumber maklumat dapat diakses, dianalisa dan dijadikan sumber untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kepada usahawan dan rakyat umumnya, maka pengwujudan satu portal yang bersepadu menerusi PADU tepat pada masanya yang berfungsi :-

- a) Untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk latihan, bantuan, kepakaran dan lain - lain yang berkaitan dalam bidang keusahawanan.
- b) Menjadi rujukan agensi bagi maklumat bantuan yang telah diterima oleh usahawan di Johor.
- c) Memudahkan permohonan penyewaan premis perniagaan

Menerusi rekod Sistem PADU seramai 32,005 usahawan Wanita atau bersamaan 50% telah berdaftar dari jumlah keseluruhan sebanyak 63,000 usahawan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN B158

Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengkaji dan menyelidik semula sesetengah kompaun yang terlalu tinggi hanya dengan kesalahan kecil memasang (awning) tingkap di tepi kedai atau premis perniagaan yang lain?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pemasangan awning tanpa kelulusan merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 70(11), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan oleh PBT melalui peruntukan undang-undang yang telah diwartakan. Kadar maksimum kompaun yang dibenarkan oleh undang-undang adalah RM2,000 bagi kesalahan di bawah Akta 133 dan RM1,000 bagi kesalahan di bawah UUK.

Buat masa ini, kadar kompaun yang dikenakan oleh PBT adalah mengikut UUK masing-masing bagi kesalahan memasang *awning*. Kadar ini disyorkan untuk diselaraskan dan diseragamkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri, bagi memastikan keseragaman dalam pelaksanaan tindakan penguatkuasaan. Ia juga dijangka dapat mengurangkan tunggakan bayaran kompaun dan meningkatkan keberkesanan pemantauan oleh pihak PBT. Secara keseluruhan, pihak PBT tetap menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara tegas bagi mendidik pemilik premis mematuhi peraturan serta mengelakkan kesalahan berulang. Walau bagaimanapun, kadar kompaun ini akan terus dikaji dari semasa ke semasa agar adil dan munasabah tanpa menjejaskan prinsip pematuhan undang-undang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**SOALAN B159**

Antara muzium di bawah pengurusan Yayasan Warisan Johor, berapa banyak yang telah dibaik pulih atau masih fasa penambahbaikan dalam persediaan menerima pelancong-pelancong bagi Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Yayasan Warisan Johor (YWJ) menguruskan 3 muzium dan 3 galeri iaitu Muzium Tokoh Johor, Muzium Kota Tinggi, Muzium Mersing, Galeri Tenun Johor, Galeri Seni Johor dan Galeri Dato Onn Batu Pahat. Pewujudan galeri dan muzium di bawah kelolaan Yayasan Warisan Johor adalah merupakan usaha untuk mempromosi bahan-bahan berkaitan sejarah, seni, warisan, budaya serta hasil kraftangan negeri Johor.

Justeru itu, bagi persediaan menerima pelancong sempena Tahun Melawat Johor 2026 Yayasan Warisan Johor telah merancang beberapa fasa penambahbaikan serta pengisian muzium dan galeri. Pada tahun 2024 muzium dan galeri di bawah selenggaraan Yayasan Warisan Johor telah menerima pengunjung sebanyak 23,355 orang bagi Muzium Mersing, 10,598 orang bagi Muzium Kota Tinggi, 37,589 orang bagi Galeri Seni Johor, 21,110 orang bagi Galeri Tenun Johor dan 2,555 bagi Galeri Dato Onn. Jumlah keseluruhan pengunjung bagi tahun 2024 adalah sebanyak 95,207 orang untuk muzium dan galeri di daerah iaitu Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Mersing.

Berdasarkan dengan jumlah pengunjung tersebut Yayasan Warisan Johor melihat potensi yang positif dalam menarik lebih ramai lagi pengunjung ke tempat-tempat bersejarah yang ada di negeri ini bersempena Tahun Melawat Johor 2026. Pelbagai pengisian dan aktiviti telah dirancang bagi tahun tersebut agar dapat mempromosikan muzium dan galeri dengan lebih efisien seperti pameran, pertandingan, aktiviti kelas dan bengkel serta pakej bermalam di muzium yang paling unik sebagai tarikan utama. Oleh itu, ia adalah penting bagi memastikan segala fasiliti dan keperluan di muzium dan galeri menjadi keutamaan dalam memberikan keselesaan kepada pengunjung sempena Tahun Melawat Johor 2026 ianya perlu dipelihara dan dipulihara dengan baik.

Muzium Tokoh Johor

Sebanyak RM 7 juta telah diperuntukkan melalui Belanjawan Negeri Johor 2025 yang menekankan terhadap kepentingan memelihara sejarah negeri Johor bagi menambahbaik bangunan terutamanya dari sudut konservasi dan restorasi Muzium Tokoh Johor. Manakala, pengisian pameran yang menekankan tokoh-tokoh terbilang negeri Johor meliputi Kesultanan Johor Moden, Tokoh-Tokoh Pentadbiran dan Pembangunan Negeri serta tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang seperti sejarah,

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

budaya, sukan, sastera, agama, ekonomi, pendidikan, perubatan, tokoh masyarakat berbilang kaum dan ramai lagi.

Pengunjung akan menikmati pengalaman yang menarik di Muzium Tokoh Johor dengan keunikan rekaan bangunan itu sendiri serta maklumat pendidikan melalui teknologi pendigitalan sejajar dengan nilai kenaan masuk muzium di Johor Bahru akan datang. Muzium Tokoh Johor akan dibuka kepada orang awam serta pelancong dalam dan luar negara pada tahun 2026 sempena Tahun Melawat Johor dan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan, di mana negeri Johor dilantik sebagai tuan rumah penganjuran majlis tersebut.

Galeri Tenun Johor

Galeri Tenun Johor merupakan galeri yang dirasmikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Ibrahim, yang mempamer serta menghasilkan produk Kain Benang Johor selain penjualan produk kraf siap serta tempahan.

Pada tahun 2023 Yayasan Warisan Johor telah menyelaraskan permohonan bangunan yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 bagi tujuan pemuliharaan dan konservasi. Jabatan Warisan Negara melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah meluluskan satu bangunan iaitu Galeri Tenun Johor dengan peruntukan sebanyak RM250,000.00 bagi tujuan baik pulih fasad bangunan dan konservasi yang telah dilaksanakan pada tahun 2024.

Selain itu penambahbaikan dari sudut pengisian pameran juga akan dilaksanakan bagi persediaan Tahun Melawat Johor 2026 dengan melaksanakan kolaborasi bersama agensi seperti Yayasan JCorp, Politeknik Ibrahim Sultan dan beberapa agensi lain bagi bahan pameran secara digital dan interaktif.

Galeri Seni Johor

Galeri Seni Johor (GSJ) merupakan satu-satunya galeri yang mempromosi dan memperkenalkan seniman-seniman kreatif dalam bidang seni visual, seni khaligrafi, seni ukiran serta kemahiran kreatif yang lain. Sehingga kini lebih 60 orang seniman kreatif ini telah mengadakan pameran, demonstrasi mahupun bengkel mengikut bidang seni yang diceburi bagi memperlihatkan kemahiran dan keupayaan rakyat negeri Johor dalam menghasilkan produk kraf yang akhirnya dapat dipromosikan sempena Tahun Melawat Johor 2025.

Bagi penambahbaikan Galeri Seni Johor beberapa strategi telah dilaksanakan untuk menarik pengunjung ke galeri seperti baik pulih dan penyelenggaraan bangunan serta menyediakan ruang aktiviti seni kepada pengunjung bagi penghasilan produk seni atau ruang bengkel seni. Selain itu juga GSJ juga menganjurkan kelas hujung minggu atau Perintis Seni kepada yang berminat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Galeri Dato Onn Batu Pahat

Galeri Dato Onn (GDO) merupakan bangunan kuarters kediaman pegawai kerajaan yang telah dibina pada tahun 1938 dengan berkeluasan 4487.50 kaki persegi. Bangunan ini pernah menjadi kediaman rasmi Allahyarham Dato' Onn Jaafar ketika beliau memegang jawatan sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat suatu ketika dahulu dan kini bangunan tersebut berperanan mempromosikan ketokohan dan perjuangan Dato Onn dalam menyatupadukan masyarakat negeri Johor.

Galeri Dato Onn merupakan salah satu galeri yang mendapat pengiktirafan Kategori Emas (*Gold*) bagi *Malaysia Tourism Quality Assurance* (MyTQA) sebagai lokasi pelancongan yang mempunyai kemudahan dan fasiliti yang baik. Bagi penambahbaikan GDO berkaitan pengisian pameran serta menyediakan aktiviti yang dapat memberikan pengalaman yang menarik kepada pengunjung.

Selain itu, YWJ juga sedang berusaha untuk memohon peruntukan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) bagi pencahayaan luar bangunan, baik pulih kebocoran di bangunan serta kemudahan laluan OKU bagi memberi keselesaan kepada pengunjung.

Muzium Mersing

Muzium Mersing yang telah mula di buka kepada awam sejak tahun 15 Mei 2016 dan segmen utama di Muzium Mersing adalah Pameran ***Battle Of Endau*** yang berlaku pada 26 – 27 Januari 1942. Satu pertempuran di antara Empayar Jepun dan Tentera Berikat telah berlaku di perairan Endau di mana pasukan Tentera Laut Diraja British menghantar dua kapal terbang pembina ke Endau untuk menyerang dan memusnahkan kapal-kapal kargo tentera Jepun yang berlabuh di pantai Endau.

Muzium Mersing salah satu lokasi yang mendapat pengiktirafan Kategori Emas (*Gold*) bagi *Malaysia Tourism Quality Assurance* (MyTQA) sebagai lokasi pelancongan yang mempunyai kemudahan dan fasiliti yang sempurna. Namun, bagi persediaan menerima pelancong yang lebih ramai di Mersing serta tarikan pusat tumpuan pelancong luar negara Yayasan Warisan Johor telah merancang penambahbaikan pengisian bersifat interaktif dan imersif selain menambah baik susun atur pameran sedia ada. Namun penambahbaikan dari sudut fizikal dan fasiliti Yayasan Warisan Johor telah mendapat peruntukan dari Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) bagi baikpulihan bumbung sebanyak RM450,000.00.

Muzium Kota Tinggi

Muzium Kota Tinggi (MKT) mula dibuka kepada orang ramai pada 30 Ogos 2002 dan dirasmikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Ibrahim

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

(pada masa tersebut adalah sebagai Tunku Mahkota Johor) pada 29 Februari 2004 bersamaan 8 Muharam 1425H. Muzium Kota Tinggi memaparkan beberapa peristiwa-peristiwa yang berlaku bermula daripada kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 yang telah membawa kepada pembukaan Kerajaan Melayu di sepanjang Sungai Johor sehingga Kesultanan Era Bendahara.

Yayasan Warisan Johor sedang berusaha menambahbaik pengisian pameran dengan pengisian digital dan interaktif bagi menarik minat pengunjung untuk datang selain menambah baik pengalaman pengunjung dengan aktiviti-aktiviti kolaborasi bersama agensi di Kota Tinggi dengan pakej-pakej tapak sejarah dan produk kraf di daerah tersebut. Selain itu penambahkan dari sudut fizikal dan kemudahan fasiliti kepada pengunjung Yayasan Warisan Johor telah membuat permohonan peruntukan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) bagi tujuan penambahbaikan bangunan dan fasiliti.

Muzium merupakan sebuah bangunan yang penuh dengan artifak pegun, ianya hanya akan dihargai oleh masyarakat yang meminati dan ingin mendalami sejarah dan budayanya. Namun peranan utama muzium adalah memberikan pendidikan secara tidak formal dalam menghayati dan memberi impak jatidiri yang tinggi terhadap bangsa dan negerinya bagi yang meminatinya.

Angka atau kuantiti bukanlah sasaran utama kerajaan negeri dalam memberi maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat namun walaupun begitu, pelbagai usaha akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor agar pembukaan muzium pada 2026 nanti akan menjadi '*Must Visit Place In Johor*' terutamanya kepada pelancong-pelancong antarabangsa yang ingin mengenali negeri Johor dengan lebih mendalam.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN B160

Apakah kerajaan negeri mempunyai cadangan untuk memantau setiap video atau gambar yang dimuat naik di media sosial seperti (Tik Tok) ditapis dengan lebih terperinci? Ini kerana pemakaian sesetengah pemilik akaun kurang sopan dan berlebihan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa komited dalam memastikan persekitaran dalam talian yang selamat dan selesa untuk semua pengguna internet. Melalui tindakan pemantauan yang proaktif serta aduan yang diterima daripada orang awam, MCMC tegas melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap kandungan dalam talian yang dikenal pasti telah melanggar peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], terutama sekiranya kandungan tersebut bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik melampau. Aktiviti penguatkuasaan juga dilaksanakan melalui kerjasama MCMC dengan agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan jabatan agama negeri.

Dari 1 Januari 2022 sehingga 1 Mei 2025, tindakan sekatan laman sesawang telah dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan berikutan daripada permohonan oleh MCMC ke atas 3,870 laman sesawang bersifat lucah. Selain daripada tindakan sekatan laman sesawang, MCMC turut mengambil langkah proaktif dalam pelaksanaan tindakan penurunan kandungan oleh platform media sosial seperti Tumblr, X, Telegram, Facebook, Instagram, WhatsApp, TikTok dan lain-lain. Dalam tempoh yang sama, 2,247 kandungan berunsur lucah telah diturunkan oleh penyedia platform berdasarkan permohonan yang telah dilakukan.

Untuk makluman, setiap penyedia platform media sosial juga mempunyai panduan komuniti (*community guideline*) mereka sendiri bagi kandungan-kandungan yang dimuatnaik di platform mereka. Sebarang tapisan kandungan adalah dilakukan oleh penyedia platform media sosial dengan mekanisme penyederhanaan kandungan (*content moderation*) berdasarkan panduan komuniti tersebut.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, MCMC juga mendokong prinsip kawal selia sendiri industri di bawah Akta 588 melalui Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF), yang berperanan untuk membangunkan, menerbitkan dan melaksanakan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia. Kod ini berfungsi sebagai rujukan utama bagi amalan terbaik dan piawaian etika untuk kandungan elektronik di Malaysia dan merupakan rujukan utama bagi pemain industri termasuklah para penyiar, pencipta kandungan, pengiklan, pengengaruh media sosial ataupun

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

influencer, dan juga pengguna Internet, agar ekosistem kandungan di Malaysia bertanggungjawab, selamat dan selaras dengan nilai masyarakat.

Di bawah pindaan kepada seksyen 233 Akta 588, tafsiran-tafsiran bagi elemen-elemen kesalahan lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik melampau telah diperincikan. Pengguna juga harus ingat bahawa sebarang perkara yang menyalahi undang-undang di luar talian adalah juga menyalahi undang-undang dalam talian. Dengan izin, *anything illegal offline is illegal online*.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN B161

Bagaimanakah cara atau tindakan awal yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal perniagaan dalam talian seperti di (Tik Tok)? Memandangkan ianya terlalu meluas serta menjejaskan peniaga-peniaga kecil yang terpaksa menanggung kos sewa kedai.

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Pejabat Jurutulis Dewan Negeri masih belum menerima maklum balas daripada pejabat YB EXCO yang berkaitan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**SOALAN B162**

Apakah perancangan Yayasan Warisan Johor dalam memartabatkan lagi seni budaya pelbagai bangsa dan kaum? Adakah usaha lain seperti program di setiap DUN telah dirancang bersempena Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Perancangan Yayasan Warisan Johor dalam memartabatkan lagi seni budaya pelbagai bangsa dan kaum adalah sebagaimana berikut:-

Program Lestari Seni Budaya Johor

Yayasan Warisan Johor (YWJ) sentiasa komited dalam usaha memelihara, memulihara dan memartabatkan seni budaya pelbagai bangsa dan kaum di negeri Johor menerusi pelaksanaan pelbagai program strategik di bawah inisiatif utama Program Lestari Seni Budaya Johor. Program ini dilaksanakan setiap tahun dan merangkumi beberapa komponen utama seperti berikut:

1. Program Pelatihan (Pengajaran dan Pembelajaran)

- i. Kelas Asas Tari Tradisional Melayu
 - Peringkat umur peserta: 6 hingga 12 tahun.
 - Jumlah pelajar terkini: 160 orang kanak-kanak.
 - Skop pembelajaran: Asas tari zapin, joget dan inang.
- ii. Kelas Asas Muzik Tradisional Melayu.
 - Peringkat umur peserta: 7 hingga 16 tahun.
 - Jumlah pelajar terkini: 40 orang kanak-kanak dan remaja.
 - Skop pembelajaran: Alat muzik kompang dan marwas.
- iii. Kelas Asas Seni Lakon
 - Peringkat umur peserta: 7 hingga 16 tahun.
 - Jumlah pelajar terkini: 40 orang kanak-kanak dan remaja.
 - Skop pembelajaran: Olah tubuh, asas vokal, asas lakon, improvisasi/ teater *game*.
- iv. Malam Gala Graduasi 2025 - Mempersembahkan hasil pembelajaran pelajar melalui pementasan dan penyampaian sijil tamat latihan. Tujuan: Menghargai usaha peserta dan menyemai minat terhadap seni tari tradisional.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

2. Program Pemantapan Kejurulatihan

- i. Bengkel Asas Koreografi Tari Tradisional Melayu - Program lanjutan untuk melahirkan pelapis jurulatih tari zapin di Johor, melibatkan 20 pembantu jurulatih daerah. Fokus kepada perkongsian ilmu modul kejurulatihan dan pendidikan praktikal.
- ii. Bengkel Zapin Johor - Platform pembelajaran masyarakat bagi persediaan pertandingan peringkat daerah dan Festival Zapin Rakyat Johor 2025. Dijalankan 10 kali dari April hingga November di setiap daerah, melibatkan 40 peserta dan 20 fasilitator setiap sesi.

Festival Zapin Rakyat Johor 2025**1. Elemen 1: Perkongsian Ilmu - meliputi aspek tari, muzik, sajian dan budaya Bangsa Johor:**

- i. Bengkel Jahitan Tulang Belut
- ii. Bengkel Paper Quilling
- iii. Bengkel Mari Kenali Zapin
- iv. Bengkel Penulisan Sajak Kebudayaan
- v. Bengkel Penataan Sanggul
- vi. Bengkel Pembuatan Sanggul DIY
- vii. Bengkel Pemakaian Samping
- viii. Bengkel Sajian Warisan Johor
- ix. Bengkel Demonstrasi Kraftangan
- x. Jelajah Lestari Zapin (LesZ) - Dilaksanakan bersama Tourism Malaysia di bawah program Majestic Johor. Bertujuan memberi pendedahan kepada jurulatih dan kumpulan kebudayaan berkenaan tarian zapin.

2. Elemen 2: Pertandingan Zapin - Tiga fasa pertandingan iaitu peringkat daerah, saringan atas talian dan peringkat akhir.

- i. Kategori Pertandingan Peringkat Daerah dan Akhir:
 - Pra Sekolah
 - Sekolah Rendah
 - Sekolah Menengah
 - Badan Kerajaan
 - Pelbagai Etnik
- ii. Kategori Pertandingan Saringan Atas Talian dan Akhir:
 - Institut Pengajian Tinggi

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- Terbuka A (muzik live)
- Terbuka B (muzik playback)
- Video Pendek Zapin Johor
- *Tiktok Challenge*

3. Elemen Khas: *Malaysia Book of Records* – Sebagai usaha memasyarakatkan budaya zapin dan mempromosikan Festival Zapin Rakyat Johor 2025, pada 18 April 2025, pihak Yayasan Warisan Johor (YWJ) menerima maklum balas positif daripada pihak Malaysia Book of Record (MBOR) mengenai kertas kerja pencalonan Festival Zapin Rakyat Johor (FZRJ) 2025. Sehubungan dengan itu, YWJ telah menyediakan dan menyerahkan surat permohonan rasmi bagi membolehkan permohonan diteruskan di peringkat lebih lanjut. Menerusi maklum balas itu, pihak MBOR telah menyemak kertas cadangan FZRJ 2025 mencadangkan beberapa kategori rekod yang sesuai seperti berikut:

- Penyertaan Teramai Dalam Pertandingan Zapin Melalui Aplikasi TikTok;
- Bilangan Video Zapin Dimuat Naik
- Penyertaan Teramai Memakai Pakaian Tradisional Dalam Acara Larian

Program Penyelidikan & Akademik: PINTAR 2025 - PINTAR (*Platform for Intellectual and Transformative Academic Research*) ialah program akademik dan penyelidikan yang bertujuan menghasilkan penulisan dan program pelestarian seni budaya Johor.

1. Komponen Program PINTAR

- i. *Roundtable Discussion* – Perbincangan kritis bersama agensi berkaitan untuk dapatan data sebagai asas penyelidikan.
- ii. Persidangan Budaya 2025 – Tema: Warisan Tidak Ketara Tiang Seri Diplomasi Budaya.
- iii. Pembentangan Kertas Kerja Antarabangsa – Dokumentasi akademik inisiatif pelestarian budaya Johor.
- iv. Program ini dijadualkan pada bulan April, Jun dan Ogos 2025, dan melibatkan sesi selama 2 jam bagi setiap topik.

Merakytakan Seni Budaya Johor di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar

Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar akan menjadi pentas utama yang akan memaparkan serta mempersembahkan keunikan dan keindahan budaya bangsa Johor pada setiap hujung minggu mulai tahun 2026. Cadangan set persembahan Bangsa Johor adalah sebagaimana berikut:-

- a) **Overture : Persembahan Gendang Bangsa Johor**
Pengunjung akan disajikan dengan persembahan pembukaan yang menggabungkan artis budaya **Yayasan Warisan Johor** bersama **Persatuan**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Kebudayaan India dan Cina, menampilkan persembahan seperti **Jidur, Gendang 24 Musim, Gendang Urumi**, dan lain-lain.

- b) Set Tarian Johor 1 : Tarian Tangkah
Persembahan pertama akan dimulakan dengan salah satu tarian tradisional asal Johor yang mempunyai gerak Langkah yang agresif, bakal dipersembahkan oleh artis budaya lelaki dari Yayasan Warisan Johor.
- c) Set Tarian Johor 2 : Tarian Ceracap Inai
Persembahan diteruskan dengan Tarian Ceracap Inai yang akan dipersembahkan oleh artis budaya wanita Yayasan Warisan Johor.
- d) Set Tarian 3 : Tarian Orang Asli
Persembahan ketiga yang dibawakan khas untuk dipertontonkan kepada pengunjung merupakan Tarian Orang Asli.
- e) Set Tarian 4 : Persembahan Tarian Kaum India
Tarian kaum India diperkenalkan sebagai elemen baharu dalam persembahan hujung minggu, menampilkan tarian tradisional seperti Bharatanatyam, Kuchipudi, Kolattam, dan lain-lain. Persembahan ini akan dipersembahkan oleh kumpulan tarian India.
- f) Set Tarian 5 : Persembahan Kaum Cina
Persembahan tarian kaum Cina menjadi salah satu daya tarikan budaya Bangsa Johor. Kumpulan Tarian Cina akan mempersembahkan tarian tradisional seperti Tarian Kipas, Tarian Bunga Teratai, Tarian Sapu Tangan, Tarian Payung, dan lain-lain.
- g) Set Tarian 6 : Persembahan Tarian Zapin Johor
Sebelum tirai persembahan selama 45 minit dilabuhkan, para pengunjung akan disajikan dengan keindahan Tarian Zapin Johor yang dipersembahkan oleh artis budaya dari Yayasan Warisan Johor. Sebagai kemuncak, persembahan akan diakhiri dengan Joget Lambak @ Zapin Rewang.

Merakytakan Seni Budaya Johor di daerah.

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor dan Majlis Kebudayaan Negeri Johor bertanggungjawab untuk melaksanakan program ini melalui peruntukan yang disalurkan oleh Pejabat Menteri Besar Johor dan Pusat Tanggungjawab Jabatan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan).

Majlis Kebudayaan Negeri Johor menyediakan garis panduan bagi pelaksanaan program yang mana telah dirancang untuk sepuluh (10) Majlis Kebudayaan Daerah

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

seluruh negeri Johor serta sebelas (11) Badan Gabungan yang berdaftar sebagaimana berikut:-

- a) Majlis Kebudayaan Daerah Muar
- b) Majlis Kebudayaan Daerah Kota Tinggi
- c) Majlis Kebudayaan Daerah Johor Bahru
- d) Majlis Kebudayaan Daerah Pontian
- e) Persatuan Kebudayaan Daerah Kulaijaya
- f) Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian Daerah Batu Pahat
- g) Majlis Kebudayaan Daerah Kluang
- h) Majlis Kebudayaan Daerah Mersing
- i) Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian Daerah Segamat
- j) Majlis Kebudayaan Daerah Tangkak
- k) Persatuan Penulis-penulis Johor
- l) Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Johor
- m) Majlis Teater Negeri Johor Darul Ta'zim
- n) Persatuan Seni Khat Johor
- o) Persatuan Artis Tamil Kesenian Negeri Johor
- p) Persatuan Ghazal Negeri Johor
- q) Persatuan Pelayang Johor
- r) Persatuan Gasing Negeri Johor Darul Ta'zim
- s) Persatuan Seni Rupa Dan Reka Cipta Johor
- t) Persekutuan Pencak Silat Negeri Johor
- u) Persatuan Sokka Gakkai Malaysia

Berikut adalah elemen program dan aktiviti yang perlu dilaksanakan disetiap daerah.

- a) Kelas asas seni warisan dan budaya: Ini adalah ruang untuk generasi akar umbi untuk mempelajari dan melestarikan seni dan budaya setiap daerah.
- b) Bengkel : Majlis Kebudayaan Daerah hendaklah mengadakan bengkel khusus bagi tujuan pendedahan, pemantapan ilmu dan kemahiran untuk penggiat seni sedia ada dalam pelbagai bidang seni dan budaya.
- c) Pertandingan : Beberapa siri pertandingan seni, warisan dan budaya mendapatkan pelapis baru.
- d) Persembahan Hujung Minggu: Setiap daerah dikehendaki melaksanakan aktiviti persembahan hujung minggu dalam apa jua bidang seni, warisan dan budaya sekurang-kurangnya 2 kali sebulan.
- e) Karnival: Perlaksanaan program ini adalah bagi menyediakan sebuah pentas persembahan kesenian dan kebudayaan, selain itu beberapa booth dibuka bagi

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

memperkenalkan produk tempatan sama ada dalam bentuk kraf atau sajian warisan tradisional daerah masing-masing.

Inisiatif program ini turut dipanjangkan kepada Majlis Perbandaran Pengerang dengan kerjasama agensi seperti Desaru Coast diberikan tanggungjawab untuk memperkasa kesenian dan kebudayaan bangsa Johor. Ini adalah untuk mempromosi kesenian dan kebudayaan terutamanya kepada pelancong yang berkunjung disekitar Desaru dan Pengerang, Kota Tinggi, dimana ia dapat memberikan impak ekonomi seni dan budaya.

Sebagai usaha menyokong Tahun Melawat Johor 2026 yang diterajui oleh Tourism Johor melalui program utama (*signature programme*) daerah-daerah telah dikenalpasti. Produk pelancongan serta kearifan tempatan dalam warisan, seni, budaya dan sejarah daerah akan menjadi elemen utama untuk diketengahkan usaha promosi sempena Tahun Melawat Johor.

Yayasan Warisan Johor telah merangka inisiatif serta usahasama dalam program Jelajah Lestari Zapin (LesZ) yang bakal dilaksanakan di seluruh daerah negeri Johor bermula Mei hingga Disember 2025. Antara pelaksanaannya adalah seperti berikut:

Jelajah Lestari Zapin (LesZ)

- a) Jelajah ini disasarkan untuk mendapat **kerjasama** pelaksanaan bersama **Tourism Johor menerusi Majestic Johor dan Jabatan Perpaduan Negara Negeri Johor.**
- b) Jelajah ini bertujuan untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan memberi pendedahan kepada kumpulan / jurulatih / koreografer kumpulan kebudayaan dan masyarakat secara amnya mengenai tarian zapin untuk di kembangkan, dan dipraktikan agar ia tidak dilupakan oleh generasi akan datang.
- c) Jelajah ini dijangka dilakukan diseluruh daerah di negeri Johor bermula pada Mei sehingga Disember 2025.
- d) Sesi perkongsian ilmu dan pengalaman daripada jurulatih tari Yayasan Warisan Johor melalui Sesi Bual Bicara dilakukan agar dapat memberi pengalaman yang baru kepada masyarakat untuk lebih mendalami kebudayaan zapin ini melalui sisi yang berbeza.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- e) Jelajah ini turut dijadikan sebagai satu strategi bagi menghebahkan berkenaan pertandingan Festival Zapin Rakyat Johor 2025 dan seterusnya merakytakan budaya berzapin dikalangan masyarakat.
- f) Gerak kerja ini juga akan melibatkan penglibatan Jabatan Warisan Negara (JWN) bagi proses mencalonkan Zapin Johor ke UNESCO.

Usaha ini dijangka akan memperluas capaian warisan seni zapin serta memupuk semangat perpaduan menerusi kesenian tradisional di peringkat akar umbi menjelang Tahun Melawat Johor 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**SOALAN B163**

Adakah pihak MBBJ atau mana-mana agensi berkaitan telah menjalankan kajian ke atas struktur tanah khususnya di kawasan perumahan dalam DUN Kempas bagi mengenalpasti risiko hakisan tanah seperti yang berlaku di kawasan Bukit Kempas 1/4, dan Jalan Alif Harmoni 2/1?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melaksanakan kerja-kerja pemantauan dan rondaan di kawasan yang sering terlibat dengan hakisan cerun atau runtuh tebing, terutamanya berhampiran kawasan aliran air di samping melaksanakan kerja-kerja pencegahan atau kawalan sementara sebelum kerja-kerja pembaikan dilaksanakan.

Isu kejadian runtuh di kawasan Bukit Kempas 1/4 dan di Jalan Alif Harmoni 2/1 adalah disebabkan aliran air dari kawasan tanah persendirian dan kawasan tanah perkuburan yang lebih tinggi, seterusnya menghakis cerun sedia ada. Tindakan pemasangan kanvas telah dilaksanakan di kawasan tersebut, sebagai langkah awal sebelum kerja pembaikan kekal akan dilaksanakan kelak.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**SOALAN B164**

Adakah pihak PBT menjalankan pemantaun berkala terhadap kerosakan jalan raya terutama dalam DUN Kempas yang mempunyai kepadatan penduduk seperti Jalan Persiaran Kempas Baru, Jalan Kempas Baru, Jalan Persiaran Tanjung, Jalan Persiaran Bukit Kempas, Jalan Kempas Lama dan Jalan Tampoi?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kerja-kerja pemantauan dan pembaikan jalan dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) untuk rizab jalan MBJB, adalah terbahagi kepada tiga pelaksana, iaitu Unit Tindakan Cepat (UTC) MBJB, kontraktor penyelenggaraan kerosakan jalan lantikan MBJB dan juga syarikat konsesi Safwa Global Ventures (M) Sdn Bhd yang dilantik oleh kerajaan negeri.

Untuk UTC, pemantauan dan tindakan pembaikan kerosakan jalan raya adalah berdasarkan aduan dari semasa ke semasa serta rondaan di laluan-laluan utama bagi sesebuah kawasan/taman perumahan. Kaedah pembaikan adalah sama ada secara sementara (*coldmix patching*) atau kekal berskala kecil/sederhana menggunakan mesin '*master patcher*'.

Bagi kontraktor penyelenggaraan kerosakan jalan lantikan MBJB, rondaan dibuat bagi setiap taman dengan kadar tiga bulan sekali dan tindakan pembaikan secara sementara (*coldmix patching*) atau kekal berskala kecil/sederhana adalah berdasarkan arahan MBJB. Fokus utama kontraktor penyelenggaraan kerosakan jalan ini adalah bagi jalan-jalan rizab MBJB yang tiada ID MARRIS.

Untuk syarikat konsesi Safwa Global Ventures (M) Sdn Bhd, garis panduan yang telah disediakan menyatakan bahawa jalan berlubang yang ditemui perlu ditampal secara sementara (menggunakan *coldmix*) dalam tempoh 18 jam dari tempoh kerosakan atau aduan diterima. Manakala, pembaikan secara kekal dilaksanakan dalam tempoh 3 hari dari tempoh kerosakan atau aduan diterima. Di samping itu, rondaan dan pemantauan setiap jalan akan dilakukan sebulan sekali oleh '*Patrolling Inspector*' bagi setiap jalan-jalan rizab MBJB yang mempunyai ID MARRIS.

Jalan Persiaran Bukit Kempas, Jalan Persiaran Kempas Baru & Jalan Persiaran Tanjung adalah di bawah tanggungjawab MBJB. Jalan Kempas Baru pula adalah di bawah tanggungjawab pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), manakala Jalan Kempas Lama dan Jalan Tampoi adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR).

Bagi Jalan Persiaran Tanjung, MBJB telah melaksanakan kerja-kerja menaikkan aras jalan bertujuan mengurangkan kejadian banjir kilat di jalan tersebut pada tahun 2023

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

dengan kos sebanyak RM 839,842.00. Di samping itu, MBBB juga telah melaksanakan penambahbaikan fasiliti keselamatan jalan bagi mengurangkan kadar kemalangan di Jalan Persiaran Tanjung berhadapan dengan Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**SOALAN B165**

Adakah pihak PBT membuat pemantauan dan operasi pembersihan secara berkala terhadap sistem perparitan di kawasan yang sering berlaku banjir kilat seperti di Jalan Tampoi, Jalan Persiaran Tanjong, Jalan Kempas Lama Taman Sri Putra, Jalan Putra Utama dan Jalan Putra 1?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Kempas, Kerajaan Negeri Johor kini sedang melaksanakan satu pendekatan bersepadu melalui penubuhan **Taskforce Pembersihan Longkang**, selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan persekitaran bandar yang bersih, selamat dan bebas banjir kilat.

Taskforce ini melibatkan penyertaan aktif semua **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** di dalam kawasan Greater JB iaitu **Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)**, **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)**, **Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)** dan **Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)**. Turut serta dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah agensi-agensi teknikal seperti **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)**, **Jabatan Kerja Raya (JKR)** dan **SWCorp**.

Bagi memperkukuh pelaksanaan di lapangan, semua konsesi peringkat Persekutuan dan Negeri juga terlibat secara langsung dalam kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sistem saliran.

Taskforce ini ditubuhkan untuk memfokuskan bagi kerja-kerja pembersihan sistem saliran di seluruh kawasan Greater JB dalam memastikan agenda Johor Bersih dapat tercapai. Di samping itu, taskforce ini juga berperanan dalam mengurangkan risiko banjir kilat terutamanya yang melibatkan jalan raya dengan memastikan semua saliran jalan di bersih dan dibaik pulih. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan, pemantauan secara berkala dijadualkan setiap dua minggu. Ini penting untuk memastikan segala tindakan yang dirancang benar-benar memberi kesan langsung kepada rakyat.

Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan pendekatan kolaboratif, sistematik dan berfokus ini, matlamat menjadikan Johor sebagai negeri yang bersih, selamat dan sejahtera dapat dicapai dengan jayanya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**SOALAN B166**

Apakah pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kesesakan trafik di laluan utama seperti kawasan Persiaran Taman Putri Kulai dan kawasan Pekan Bukit Batu yang mengalami tekanan trafik tinggi pada waktu puncak?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kawasan Persiaran Taman Putri Kulai dan Pekan Bukit Batu merupakan laluan utama yang menghubungkan kawasan perbandaran, perindustrian dan perumahan di daerah Kulai. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, peningkatan jumlah kenderaan terutama pada waktu puncak telah menyebabkan tekanan trafik yang serius di kedua-dua kawasan ini. Keadaan ini menimbulkan masalah kelewatan perjalanan, kesukaran akses kecemasan, serta ketidakselesaian pengguna jalan raya.

Kepadatan Trafik Tinggi: Kedua-dua lokasi terlibat merupakan laluan tumpuan harian bagi penduduk tempatan, pekerja sektor industri dan pelajar, terutamanya semasa waktu puncak pagi dan petang.

- Keselamatan Jalan Raya: Kesesakan yang tidak terkawal berpotensi menyebabkan kemalangan, terutama di kawasan simpang dan selekoh.
- Kesan Ekonomi dan Sosial: Kelewatan perjalanan memberi kesan terhadap produktiviti pekerja dan operasi logistik perniagaan tempatan.
- Ketiadaan Laluan Alternatif: Kurangnya laluan alternatif menyebabkan pengguna bergantung sepenuhnya kepada laluan utama sedia ada.

Pelan Tindakan Jangka Pendek**1. Pelarasan Lampu Isyarat Pintar**

Penilaian semula masa operasi lampu isyarat berdasarkan aliran trafik waktu puncak bagi meningkatkan kelancaran pergerakan kenderaan.

2. Pembukaan Laluan Alternatif & U-Turn Terkawal

Cadangan kepada pihak JKR untuk menyediakan lorong u-turn atau selekoh tambahan di lokasi strategik untuk mengurangkan konflik simpang.

3. Kawalan Trafik Manual

Penugasan anggota penguat kuasa (PBT atau polis trafik) semasa waktu puncak untuk membantu kawalan trafik secara langsung.

4. Pemasangan Papan Tanda Makluman Awal

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Menyediakan papan tanda arah dan notis perubahan trafik bagi membiasakan pengguna terhadap pengubahsuaian laluan.

Pelan Tindakan Jangka Panjang

- 1. Naik Taraf dan Pelebaran Jalan Utama (FT001)**
Menaik taraf jalan dua hala kepada empat lorong untuk menampung aliran trafik yang meningkat.
- 2. Pembinaan Persimpangan Bertingkat (Flyover)**
Cadangan pembinaan flyover di lokasi strategik seperti simpang utama jalan FT001 untuk mengurangkan kesesakan lintasan permukaan.
- 3. Penyelarasan dengan Pelan Pembangunan Pemaju**
Mensyaratkan pemaju menyediakan infrastruktur jalan yang ditambah baik seperti laluan alternatif, simpang baharu, atau pelebaran jalan sebagai sebahagian daripada proses kelulusan pembangunan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**SOALAN B167**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluas perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti atau van komuniti di kawasan suburban Bukit Batu bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian serta membantu mobiliti warga emas dan pelajar?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan Negeri amat memahami keperluan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih meluas di kawasan pinggir bandar seperti Bukit Batu, khususnya bagi membantu mobiliti golongan rentan seperti warga emas, pelajar dan komuniti berpendapatan rendah. Kebergantungan tinggi terhadap kenderaan persendirian di kawasan luar bandar berpunca daripada liputan pengangkutan awam yang terhad serta kekangan operasi bagi kawasan berpenduduk rendah.

Untuk menangani isu ini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) sedang merancang untuk memperkenalkan konsep *Demand-Responsive Transit* (DRT) sebagai satu solusi pengangkutan awam yang lebih fleksibel dan sesuai untuk kawasan luar bandar.

DRT adalah sistem pengangkutan awam yang beroperasi berdasarkan permintaan pengguna, di mana perkhidmatan akan disediakan mengikut tempahan yang dibuat oleh pengguna melalui aplikasi atau saluran tempahan yang disediakan. Ini membolehkan kenderaan bergerak secara dinamik dan efisien, mengikut keperluan penduduk di kawasan tersebut, tanpa perlu mengikuti laluan tetap seperti bas biasa.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi sebelum pelaksanaan DRT dapat direalisasikan sepenuhnya, antaranya:

- i. Peruntukan kewangan:
Pelaksanaan DRT memerlukan perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan yang tinggi termasuk kos penyediaan van, pembangunan aplikasi tempahan dan bayaran kepada pemandu.
- ii. Ketersediaan infrastruktur digital:
Sistem DRT memerlukan capaian internet yang stabil dan sistem tempahan masa nyata (real-time), terutamanya di kawasan luar bandar.
- iii. Kapasiti operasi dan penguatkuasaan:
DRT perlu dipantau dari segi jadual, fleksibiliti laluan dan standard perkhidmatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

i. Tahap permintaan pengguna:

Kajian perlu dilakukan untuk menilai kebolehlaksanaan di setiap koridor yang dicadangkan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**SOALAN B168**

Berapakah jumlah ibu tunggal berdaftar di Johor dan apakah program bantuan ekonomi atau pemerkasaan yang telah disalurkan kepada mereka secara bersasar mengikut daerah, termasuk di Kulai dan Bukit Batu?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor melalui Portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor amat mengambil berat berkaitan kesejahteraan golongan Wanita Negeri Johor termasuk golongan Ibu Tunggal.

Sehingga April 2025, seramai 9,364 orang ibu tunggal aktif telah berdaftar di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT). Manakala jumlah Ibu Tunggal aktif di Daerah Kulai adalah seramai 390 orang.

Bagi tahun 2025, YPKDT telah melaksanakan Program Pemerkasaan Sokongan Ekonomi Wanita dan Golongan Sasar yang dirangka khas untuk memperkukuh keupayaan ekonomi wanita di Negeri Johor. Program ini memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan wanita, khususnya melalui tiga (3) subprogram utama, iaitu:

1. Kursus Kemahiran Asas

Subprogram ini menawarkan pelbagai latihan kemahiran dan pemindahan ilmu, bertujuan membekalkan pengetahuan asas serta kemahiran praktikal kepada para wanita agar mereka dapat menjana pendapatan sendiri. Antara modul yang ditawarkan termasuk kursus jahitan, masakan, kraftangan dan lain-lain lagi. Sasaran Kursus Kemahiran Asas adalah seramai 840 penerima manfaat melibatkan pelaksanaan di setiap DUN.

2. Bantuan Peralatan Asas Perniagaan

YPKDT menyediakan pelbagai bantuan peralatan bagi menyokong peserta memulakan perniagaan. Antara peralatan yang dibekalkan termasuk mesin jahit, peti sejuk beku (freezer), ketuhar industri dan sebagainya, bergantung kepada keperluan jenis perniagaan yang dijalankan. Sasaran bagi penerima manfaat Bantuan Peralatan Asas Perniagaan adalah seramai 392 orang dengan mensasarkan tujuh (7) orang bagi setiap DUN.

3. Kursus Intensif Perniagaan

Kursus ini merupakan inisiatif latihan komprehensif yang bertujuan memastikan usahawan mempunyai keupayaan dalam aspek pengurusan perniagaan dan kewangan. Ia memberi penekanan kepada elemen-elemen penting seperti perancangan kewangan, pengurusan aliran tunai, strategi pemasaran dan lain-lain. Sasaran bagi keseluruhan kursus ini adalah seramai 500 melibatkan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

DUN/Daerah yang dilaksanakan mengikut Zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Tengah.

Bagi sasaran penerima manfaat di setiap daerah bagi Program Pemerdayaan Ekonomi Wanita dan Golongan Sasar adalah seramai 112 orang untuk Daerah Kulai. YPKDT yakin bahawa penglibatan golongan sasaran secara menyeluruh melibatkan peringkat DUN dapat memberikan impak yang berkesan daripada gabungan ilmu, kemahiran, serta bimbingan berterusan sehingga mampu melahirkan lebih ramai usahawan wanita yang berdaya saing dan seterusnya menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi komuniti serta Negeri Johor secara menyeluruh.

Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor (PPWNJ) menjalankan fungsi untuk memperkasakan wanita tanpa mengira pangkat, latar belakang, agama dan budaya telah melaksanakan pelbagai program kemahiran sepanjang tahun dengan menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya mampu untuk menjana pendapatan.

Tumpuan diberi kepada inisiatif berlandaskan kerangka program wanita (Ekonomi, Selamat, Sejahtera dan Kepimpinan) dalam usaha memperkasakan wanita di negara ini. Inisiatif ini menyediakan peluang kemahiran, pengukuhan kewangan, mengangkat kepentingan aspek keseimbangan serta mencapai usaha mencapai kesaksamaan dan kepimpinan sendiri. Selain itu, sokongan berbentuk Kursus Kemahiran juga memberi peluang untuk wanita menjana pendapatan.

Di bawah Domain Wanita dan Ekonomi, telah dilaksanakan Program Pembangunan Kapasiti yang merangkumi program-program Advokasi Penjana Pendapatan, Ekonomi dan Kemahiran serta Literasi Kewangan bagi membantu golongan wanita termasuk ibu tunggal. Selain itu, Program Advokasi Menggalakkan Penglibatan Wanita dalam STEM & IT juga turut disediakan. Program ini dilaksanakan dalam kumpulan yang kecil dan berbentuk kursus / bengkel seperti kursus-kursus kemahiran, pengurusan kewangan, kursus-kursus digital yang bersesuaian dengan kehendak kumpulan sasaran setempat melalui penubuhan Laman Wanita (LaWa) yang terletak di Muar sejak tahun 2012 dan Pusat Aktiviti Wanita di Kompleks Penyayang Kempas.

Selain itu, Program Ekonomi Pembangunan Mampan (OMEGA), Program Penjana Pendapatan Wanita (WEJANA) dan WeBridge juga merupakan platform bimbingan kepada wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan dan ingin memantapkan pengetahuan untuk menjalankan perniagaan selain membantu menghubungkan usahawan wanita kepada lebih banyak platform peluasan perniagaan.

Secara umum, sebanyak 33 program dengan pelbagai topik dan pengisian berkaitan telah dilaksanakan di Negeri Johor pada tahun 2024 dengan penyertaan peserta seramai 2,138 orang peserta program secara bersemuka atau dalam talian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**SOALAN B169**

Apakah pendekatan holistik kerajaan negeri Johor dalam menangani kemiskinan bandar khususnya di taman perumahan lama dan kawasan flat kos rendah di Kulai dan Bukit Batu, termasuk program bantuan makanan dan latihan pekerjaan kepada ketua isi rumah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan tiada rakyat yang tercicir daripada arus kemajuan. Hasil usaha bersama pelbagai agensi seperti Pejabat Daerah, JKM, MAINJ, ICU JPM dan NGO tempatan, Johor berjaya menyifarkan miskin tegar fasa 2 pada April 2025, berdasarkan data yang dikunci pada Jun 2024.

Pendekatan Kerajaan Negeri bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi menyeluruh dan bersifat jangka panjang. Antara yang telah dilaksanakan:-

- Program Dapur Kasih Johor yang menyediakan bantuan makanan asas secara bersasar kepada lebih 3,200 Ketua Isi Rumah (KIR) pada tahun 2025.
- Bantuan kewangan bulanan kepada KIR yang tidak produktif melalui agensi seperti MAINJ, JKM dan FELCRA.
- Profiling keluarga angkat serta padanan pekerjaan dan bantuan latihan melalui PUJB, Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT).
- Program keusahawanan dan peralatan asas perniagaan untuk mereka yang berpotensi membina pendapatan sendiri.

Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada kualiti persekitaran hidup golongan miskin bandar, khususnya di flat kos rendah. Sebanyak:

- RM1.47 juta dibelanjakan pada 2024, dan
- RM1 juta lagi pada 2025

telah digunakan bagi kerja baik pulih bumbung, paip, sistem elektrik, dan kebersihan kawasan flat di Kulai supaya rakyat yang terhimpit tidak terus tinggal dalam keadaan yang menekan dan tidak selamat.

Selain itu, Kementerian Ekonomi melalui IRDA juga telah melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sebagai salah satu usaha untuk membantu menangani kemiskinan bandar dan dalam masa yang sama berusaha menyelesaikan masalah ekonomi harian menerusi inisiatif yang dibangunkan mengikut kategori. Inisiatif IPR

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

terdiri daripada Pembasmian Miskin Tegar (BMT), Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Untuk makluman, program BMT Fasa 1 telah dijalankan dari tahun 2022 di mana Ketua Isi Rumah (KIR) diberikan bantuan mengikut pelaksanaan profiling dan cadangan daripada pihak tertentu mengikut kekuatan dan kemampuan Ketua Isi Rumah (KIR) dalam meningkatkan pendapatan isi rumah. Bagi program BMT Fasa 1 juga, secara keseluruhannya hampir kesemua peserta telah terkeluar daripada kategori Miskin Tegar.

Selain itu, di bawah kategori IPR INSAN pula, pihak kerajaan mengambil inisiatif dengan menawarkan kepada peserta untuk mengusahakan perniagaan berbentuk makanan di mesin layan diri (*vending machine*) yang disediakan oleh pihak Kementerian Ekonomi dan dilaksanakan oleh pihak IRDA.

Peserta bagi kategori IPR INSAN tidak hanya terhad kepada golongan Miskin Tegar, malah ianya turut diperluaskan kepada golongan Miskin dan B40 supaya mereka dapat sama-sama meningkatkan pendapatan isi rumah. Sehingga Mei 2025, secara keseluruhan, terdapat 35 mesin layan diri telah diletakkan di beberapa premis (kerajaan dan swasta) di Negeri Johor.

Daripada 35 mesin layan diri ini, 21 buah daripadanya telah beroperasi dengan penglibatan 16 orang peserta di mana mereka telah memperoleh pendapatan sampingan melebihi RM2000.00 sebulan.

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) juga memainkan peranan penting dalam menangani isu kemiskinan bandar melalui pelbagai inisiatif berasaskan agihan zakat. Antara pendekatan yang diambil oleh MAINJ adalah seperti berikut:

1. Bantuan Kewangan Berkala
 - Menyalurkan bantuan kewangan bulanan kepada asnaf fakir dan miskin, termasuk yang menetap di kawasan perumahan kos rendah di Kulai dan Bukit Batu.
2. Bantuan Makanan Asas
 - Penyediaan bantuan bakul makanan kepada keluarga asnaf yang memerlukan, terutamanya bagi kes kecemasan dan kesihatan yang terjejas.
3. Bantuan Sewa dan Baik Pulih Rumah
 - Menyediakan bantuan pembayaran sewa rumah dan pembaikan rumah bagi keluarga asnaf yang tinggal dalam perumahan usang atau rosak.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

4. Program Pemberdayaan Ekonomi Asnaf
 - MAINJ turut melaksanakan program latihan kemahiran dan keusahawanan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) asnaf.
 - Bantuan modal permulaan perniagaan turut disediakan kepada mereka yang berpotensi untuk menjana pendapatan sendiri.
 -
5. Ziarah Asnaf dan Pemantauan Berkala
 - MAINJ melalui amil kariah melaksanakan lawatan berkala ke rumah-rumah asnaf untuk menilai keadaan semasa dan keperluan terkini mereka.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**SOALAN B170**

Apakah langkah-langkah penguatkuasaan dan pemantauan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama agensi persekutuan dalam menangani peningkatan jumlah warga asing tanpa dokumen sah, terutamanya di tapak pembinaan dan kawasan perindustrian sekitar Kulai dan Bukit Batu?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Majlis Perbandaran kulai ada melaksanakan operasi penjaja tanpa lesen (warga asing) di sekitar kulai dan bukit batu. Sitaan serta tawaran kompaun telah dikeluarkan kepada warga asing yang menjaja tanpa lesen.

Pemantauan penguatkuasaan berkala secara konsisten dan mengenalpasti lokasi "hotspot" serta kerjasama dengan jabatan imigresen akan dilaksanakan bagi menyemak status pendatang asing. Dicapai juga untuk memasukkan syarat kepada pengusaha atau pemaju dalam setiap pembinaan kilang supaya semua pekerja di tapak pembinaan mempunyai permit yang sah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN B171

Banyak aduan berkaitan operasi Pejabat Tabung Haji Cawangan Parit Raja tidak dibuka pada waktu pejabat. Penduduk sekitar Senggarang, Rengit, Yong Peng, Ayer Hitam, Simpang Renggam dan Parit Raja amat berharap pejabat TH Cawangan Parit Raja beroperasi semula seperti biasa.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

TH sentiasa memberi tumpuan dan berusaha untuk meluaskan capaian bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. Seperti mana amalan institusi perbankan yang lain, prestasi sesebuah Cawangan **TH** diukur melalui bilangan transaksi yang mana ianya menggambarkan keperluan dan sambutan pendeposit setempat di kawasan Cawangan **TH** tersebut beroperasi.

TH Parit Raja merekodkan bilangan transaksi harian yang agak rendah. Ini menunjukkan bilangan pendeposit yang datang berurusan di **TH** Parit Raja adalah rendah dan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Bilangan transaksi yang rendah ini didorong oleh lebih ramai pendeposit telah memilih untuk melakukan transaksi **TH** secara atas talian (*online*) melalui platform **THiJARI** dan perkhidmatan perbankan internet. Untuk makluman, lebih 80 peratus daripada jumlah keseluruhan transaksi kewangan TH adalah melalui platform atas talian dan elektronik.

Berikutan itu, **TH** Parit Raja telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan inisiatif turun padang dengan membuka kaunter bergerak di luar pejabat cawangan sebanyak 3 hari seminggu. Melalui langkah ini, **TH** tidak hanya menunggu pendeposit di pejabat cawangan sebaliknya proaktif untuk memberi perkhidmatan di tempat-tempat terpilih yang dijangka lebih ramai dan mudah bagi pendeposit seperti masjid, sekolah, dewan orang ramai dan sebagainya. Dalam pada itu, seperti mana yang telah dimaklumkan semasa perjumpaan di antara **TH** dengan YB ADUN Parit Raja dan YB ADUN Yaani pada 10 April lalu, pihak **TH** juga bersedia untuk membuka kaunter bergerak di program anjuran ADUN atau mana-mana lokasi bersesuaian yang dicadangkan.

Sejak 07 April sehingga 30 April 2025, kaunter bergerak **TH** Parit Raja telah beroperasi di sekitar kawasan tersebut seperti berikut:

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

BIL	LOKASI <i>TH</i> GERAK SEHINGGA APRIL 2025	KEKERAPAN
1.	Parit Raja	7
2.	Senggarang	2
3.	Yong Peng	1
4.	Ayer Hitam	1
5.	Rengit	3
6.	Simpang Renggam	5

Bagi memudahkan makluman kepada pendeposit dan masyarakat setempat, hebahan mengenai jadual operasi kaunter bergerak meliputi lokasi, tarikh serta masa telah disediakan dan dipamer di Cawangan *TH* Parit Raja serta hebahan melalui *whatapps* kepada ketua-ketua kampung yang berkaitan sekurang-kurangnya 2 minggu dari tarikh pelaksanaan selain makluman di laman web dan media sosial *TH*.

Sepanjang pelaksanaan *TH* Gerak di sekitar Parit Raja, sambutan daripada para pendeposit dan penduduk setempat amat memberangsangkan. Maklum balas yang diterima juga sangat positif, disertai sokongan daripada orang ramai yang menggalakkan *TH* untuk meneruskan inisiatif ini.

TH terus komited memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pendeposit. *TH* percaya inisiatif yang dijalankan ini akan memberi manfaat dan memudahkan masyarakat setempat berurusan dengan *TH*.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN B172

Negeri Johor menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi negara. Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan persekutuan bagi membantu mengatasi masalah banjir termenung, banjir kilat dan banjir monsun di negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Raja, Kerajaan Negeri amat menyedari bahawa sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara, Negeri Johor perlu mempunyai sistem pengurusan bencana yang mantap dan berdaya tahan. Justeru, pelbagai usaha sedang dan telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam membantu menangani cabaran banjir di negeri ini, termasuk banjir termenung, banjir kilat dan banjir monsun.

Antara usaha utama yang telah dikenal pasti ialah:

a. Pertama : Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pelbagai projek RTB di daerah-daerah berisiko tinggi seperti Segamat, Batu Pahat, Johor Bahru, dan Kota Tinggi.

b. Kedua : Penyelenggaraan Infrastruktur Saliran

Pelaksanaan kerja penyelenggaraan saliran, parit dan sungai, menaik taraf sistem saliran serta pembelian pam mudah alih khususnya di kawasan hotspot banjir termenung telah diprogramkan secara berkala. Peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan saliran pada dasarnya adalah tidak mencukupi sekiranya melibatkan penyelesaian masalah banjir secara kekal. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari masa ke semasa akan sentiasa mengambilkira keperluan sebenar dalam menyalurkan peruntukan, bergantung kepada kemampuan kewangan semasa. Usaha untuk mengurangkan masalah banjir akan terus dipergiatkan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan secara proaktif dalam menangani isu banjir ini melalui JPS telah melaksanakan konsep saliran mesra alam dalam pembangunan di Malaysia melalui pemakaian Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) sejak tahun 2001. Ia melibatkan perancangan infrastruktur saliran bandar melalui konsep kawalan kuantiti dan kualiti di peringkat punca (control at source). Kaedah ini diperkenalkan untuk mencegah bencana banjir kilat, banjir lumpur dan pencemaran sungai.

Selain itu, Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyediakan pam bergerak di lapang (8) daerah yang terkesan dengan banjir yang berlaku baru-baru ini

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

dengan sejumlah 62 unit pam bergerak telah ditempatkan di Segamat, Tangkak, Muar, Batu Pahat, Pontian, Mersing, Kota Tinggi dan Johor Bahru. Di daerah Batu Pahat sahaja telah dipasang sejumlah 26 unit pam bergerak bagi mempercepatkan penurunan aras banjir termenung.

a. Ketiga : Kajian dan Pelan Induk Tebatan Banjir Negeri Johor

Kajian pelan induk tebatan banjir yang komprehensif, yang merangkumi analisis risiko dan pelan jangka panjang untuk menyesuaikan sistem saliran dengan impak perubahan iklim dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan kawasan.

b. Keempat : Sistem Ramalan dan Amaran Awal Banjir

Kerajaan Persekutuan turut membantu dari aspek penyediaan data dan teknologi seperti sistem ramalan banjir (PRABN), stesen cerapan hujan dan aras air untuk tujuan amaran awal dan aturgerak pasukan penyelamat.

Kerajaan Negeri amat menghargai sokongan Kerajaan Persekutuan dalam usaha ini dan akan terus berkolaborasi rapat dengan agensi pusat bagi memastikan setiap projek dilaksanakan secara berkesan dan memberi impak langsung kepada rakyat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN B173

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk cadangan pelan pembangunan di kawasan pekan Sri Gading, Batu Pahat.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

RT Daerah Batu Pahat 2030 (Penggantian) merupakan satu dokumen yang disediakan di bawah Seksyen 12 hingga Seksyen 15, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] yang telah diwartakan dengan No. Warta J.P.U 3 Jilid 64 No.1 bertarikh 2 Januari 2020.

Di dalam dokumen tersebut dinyatakan Sri Gading terletak di dalam dua (2) koridor utama pembangunan iaitu :

- i. Koridor Penggaram – Sri Gading – Parit Raja – Ayer Hitam sebagai Koridor Primer. Selaras dengan Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor (PIPAJ) 2045 dan MyHSR, koridor ini akan menerima rangsangan sistem infrastruktur nasional iaitu Stesen Keretapi Berkelajuan Tinggi (High Speed Rail, HSR), di Pura Kencana dengan bertemakan Bandar Tekstil. Cadangan ini dilihat sebagai 'impetus development' kepada pembangunan Daerah Batu Pahat pada masa akan datang.
- ii. Koridor Sri Gading – Parit Yaani – Yong Peng sebagai Koridor Sekunder. Koridor ini akan menerima limpahan pembangunan dari Bandar Sri Gading melalui pertumbuhan Bandar-bandar Dormitori / Satelit di sepanjang koridor ini.

Berdasarkan kajian PIPAJ 2045, turut dinyatakan cadangan Rel KTM berintegrasi dengan Stesen HSR Sri Gading (2031-2045) meliputi cadangan Stesen Rel Senggarang, Stesen Rel Parit Raja, Stesen Rel Ayer Hitam dan Stesen Rel Sri Lalang.

Selain itu, Sri Gading juga dimasukkan sebagai Zon Tumpuan Pembangunan bagi kawasan pembangunan baru, kawasan perindustrian yang clean-tech dan high-tech serta pusat perniagaan dan perkhidmatan dengan bertemakan Bandar Tekstil.

Kluster Taman Perindustrian Sri Gading 1, Sri Gading 2 dan Taman Pura Kencana sebagai zon industri terancang bagi menghasilkan produk yang berkualiti dan boleh mendapat pulangan yang lumayan dengan menggunakan mesin-mesin yang lebih berteknologi seperti laser cutting fabric, digital fabric printing dan sebagainya. Selain itu, Mukim Sri Gading merangkumi Kampung Parit Sagil, Kg. Sri Paya, Kg. Parit Daun dan Pekan Ayer Hitam juga dibangunkan dengan produk-produk IKS seperti kraf, perusahaan makanan dan pelancongan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Kawasan Pusat Penggaram adalah merupakan pusat pentadbiran bagi Daerah Batu Pahat. Kawasan Sri Gading pula adalah merupakan kawasan yang telah dicadangkan oleh kerajaan dengan pembangunan Stesen Keretapi Laju. Kedua-dua kawasan ini juga telah dikenalpasti sebagai Zon Promosi Pembangunan di dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3). Oleh yang sedemikian, kedua-dua kawasan ini amat berpotensi dalam menjana pembangunan fizikal khususnya dalam sektor perumahan.

Pembangunan berorientasi transit (TOD) adalah pembangunan bersepadu dalam lingkungan tadahan berjalan kaki dari terminal/hab pengangkutan transit. Konsep pembangunan TOD ini perlu diterapkan bagi menyokong sistem pengangkutan awam yang dicadangkan. Bagi Daerah Batu Pahat dicadangkan terminal transit (T3) Bandar Penggaram dan terminal transit (T1) Sri Gading menjadi lokasi pembangunan TOD dimana terdapatnya perkhidmatan pengangkutan transit berkapasiti tinggi dicadangkan.

Penambahan keperluan kemudahan masyarakat adalah berdasarkan kemudahan sedia ada dan unjuran penduduk sehingga Tahun 2030 di mana Sri Gading akan mendapat pertambahan beberapa kemudahan masyarakat seperti tambahan hospital, menaik taraf Balai Polis Parit Raja, dewan serbaguna, membina klinik kesihatan baru dan menaiktaraf klinik desa sedia ada (Klinik Kesihatan Parit Raja), membina sekolah baru (SK Taman Prisma Jaya, SK Taman Universiti) dan lain-lain lagi.

Terdapat dua (2) projek utama bagi Taman Bandaran iaitu cadangan baru kompleks sukan Daerah Sri Gading dan menaiktaraf Taman Rekreasi Yong Peng. Mengadakan kemudahan rekreasi aktif bernilai tinggi iaitu stadium, gelanggang sukan, kolam renang, gimnasium, dataran senaman dan gelanggang sukan lasak yang berkeluasan 93.8 hektar dengan kos anggaran adalah RM2.4 Juta.

Cadangan pengindahan landskap di laluan utama Jalan Ayer Hitam – Parit Raja – Sri Gading – Bandar Penggaram juga diambil kira dalam perancangan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**SOALAN B174**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan terhadap usaha penggantian paip lama kepada paip baharu bagi mengatasi masalah tekanan air rendah di kawasan Parit Raja secara terperinci.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum Ranhill SAJ Sdn Bhd telah menyiapkan kerja-kerja penggantian paip di Parit Raja pada tahun 2012 melalui peruntukan Pengurusan Aset Air Berhad yang melibatkan penggantian paip sepanjang 0.5 km.

Pada tahun 2022 PAAB telah meluluskan sebahagian daripada kos pembangunan sebanyak RM27 juta bagi melaksanakan kerja-kerja kajian dan rekabentuk cadangan Kajian dan Pembinaan Loji Rawatan Air Baharu Serta Mempertingkatkan Sistem Bekalan Air Di Daerah Batu Pahat. Tujuan permohonan projek tersebut adalah untuk:

- a. Memastikan rezab margin di Batu Pahat melebihi 20%.
- b. Mencapai “Zero Disruption Program” dan “interconnectivity of WTP” sepertimana KPI yang ditetapkan oleh SPAN.
- c. Memastikan bekalan air tidak terputus dan mengurangkan aduan terutamanya semasa hari perayaan.
- d. Menambahbaik sistem bekalan air di Batu Pahat.

Di antara skop yang dicadangkan adalah:

- a. Pembinaan Muka Sauk baharu di Empangan Bekok
- b. Pembinaan Loji Rawatan Air Baharu Yong Peng 4 – 28 MLD dan sistem pengurusan residu
- c. Pembinaan Tangki Imbangan baharu Seri Wangi
- d. Pembinaan Tangki Perkhidmatan baharu Parit Raja 5, Parit Raja 6 dan Bukit Batu
- e. Pemasangan paip air mentah dan air terawat.

Di antara skop kerja terlibat bagi tujuan menambahbaik sistem bekalan air di kawasan Parit Raja adalah pemasangan paip air terawat baharu dari Loji Rawatan Air Parit Raja ke tangki air baharu sepanjang lebih kurang 8.5km di sepanjang Jalan Parit Sempadan Laut, Jalan Kluang, Jalan Parit Jambul, Jalan Kampung Parit Baring-Parit Daun, Lorong Haji Kardi, Jalan Parit Sumarto, Jalan Parit Tengah Laut, Jalan Parit Haji Ali Tengah, Jalan Parit Lapis Nipah, Jalan Parit Botak. Kawasan perumahan yang terlibat adalah Taman Pintas Jaya, Taman Maju, and Taman Budiman. Kawasan-kawasan lain yang terlibat di antaranya adalah Kolej Kediaman Luar Kampus UTHM, Masjid Jamek Riyadhus Solehin dan SK Pintas Puding dan SK Parit Raja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

Setakat April 2025, perunding kejuruteraan telahpun menyediakan laporan dan kajian awalan dan telahpun dibincangkan semasa bengkel pengurusan nilai pada 15 – 17 April 2025. Projek bagi pemasangan paip air baharu di kawasan Parit Raja dijangka tender pada Jun 2026.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**SOALAN B175**

Minta dinyatakan sekolah-sekolah yang mendapat peruntukan baik pulih atau naik taraf di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam kawasan DUN Parit Raja.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan yang lengkap dan selesa kepada semua sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah Kerajaan di bawah Dun Parit Raja seperti berikut:

Bil.	NAMA SEKOLAH	PERUNTUKAN LULUS
1.	Sekolah Kebangsaan Seri Gading	RM60,000.00
2.	Sekolah Kebangsaan Tg Semberong	RM20,000.00
3.	Sekolah Kebangsaan Pintas Puding	RM20,000.00
4.	Sekolah Kebangsaan Pintas Raya	RM20,000.00
5.	Sekolah Kebangsaan Seri Aman	RM20,000.00
6.	Sekolah Kebangsaan Jelotong	RM100,000.00
7.	Sekolah Kebangsaan Seri Pandan	RM20,000.00
8.	Sekolah Kebangsaan Seri Puleh	RM20,000.00
9.	Sekolah Kebangsaan Seri Timbul	RM20,000.00
10.	Sekolah Kebangsaan Parit Raja	RM20,000.00
11.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Aminah	RM20,000.00
12.	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gading	RM20,000.00
13.	Sekolah Menengah Kebangsaan Munsyi Sulaiman	RM20,000.00
14.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail	RM20,000.00

KPM akan mempertimbangkan sebarang permohonan peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan jika terdapat keperluan dari semasa ke semasa demi memastikan fasiliti pendidikan berada dalam keadaan yang selesa dan selamat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN B176

Adakah kerajaan negeri Johor merancang untuk meningkatkan program sokongan sosial kepada masyarakat Orang Asli, terutamanya bagi menangani isu kemiskinan dan pengangguran dalam kalangan mereka?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

JAKOA Johor telah merancang dan melaksanakan pelbagai program sokongan sosial untuk membantu masyarakat Orang Asli, khususnya dalam menangani isu kemiskinan dan pengangguran. Melalui inisiatif-inisiatif ini, JAKOA Johor berusaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat orang asli, mengurangkan kadar kemiskinan dan pengangguran, serta memperkasakan mereka dalam pelbagai aspek kehidupan. Antaranya meliputi:

1. Program Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET)
Setiap Tahun JAKOA Johor bekerjasama dengan beberapa institusi seperti Giatmara Dan Kolej Komuniti untuk menyediakan kursus kemahiran seperti gunting rambut, jahitan, masakan, dan elektrik bertujuan meningkatkan kemahiran dan peluang pekerjaan dalam kalangan belia Orang Asli.
2. Modenisasi Pertanian Dan Keusahawanan
Program ini menyasarkan untuk memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli dengan menyediakan bantuan ekonomi dan usahawan.
3. Pembangunan Infrastruktur Dan Kebajikan
JAKOA memperuntukkan RM 6.1 juta (2025) bagi pembangunan masyarakat Orang Asli, termasuk pelaksanaan pelbagai program ekonomi, keusahawanan, bantuan perumahan, pembangunan infrastruktur, naik taraf jalan perhubungan, projek bekalan air terawat, dan pembangunan modal insan.
4. Program Pembangunan Usahawan Dan Koperasi
JAKOA menyediakan Geran Bantuan Bimbingan Usahawan, Hands Holding, Bantuan Peralatan Dan Mesin Ringan, Bantuan Geran Koperasi.
5. Program Jalinan Kasih
Program ini melibatkan kerjasama dengan pelbagai agensi seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, PERKESO, Insitut Pengajian Tinggi Awam dan agensi swasta untuk menyediakan perkhidmatan seperti pendaftaran kelahiran, pemeriksaan kesihatan, pekerjaan dan pendidikan masyarakat Orang Asli.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN B177

Bagaimana kerajaan negeri memastikan kesiapsiagaan dan respons yang efektif terhadap bencana banjir di masa hadapan dan apakah jenis bantuan segera yang disediakan untuk mangsa banjir?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan menyeluruh dalam memastikan kesiapsiagaan dan respons yang efektif terhadap bencana banjir melalui beberapa inisiatif utama serta penyediaan bantuan segera kepada mangsa. Berikut adalah penjelasan terperinci:

Langkah Kesiapsiagaan dan Respons terhadap Banjir

1. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri

Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap Daerah dan Negeri bersidang sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi membincangkan perkara seperti di berikut:

- a. Strategi Menangani Isu Banjir:
 - Menilai punca utama kejadian banjir dan mengenal pasti kawasan berisiko tinggi.
 - Merancang pendekatan pencegahan jangka pendek dan panjang termasuk pembangunan infrastruktur tebatan banjir.
- b. Persiapan Menghadapi Musim Tengkujuh:
 - Semakan keupayaan logistik seperti bot penyelamat, makanan kering, PPS, dan pasukan petugas.
 - Penyelarasan peranan agensi-agensi terlibat serta latihan simulasi.
- c. Penambahbaikan Berdasarkan Pengalaman Lalu:
 - Analisis terhadap kelemahan atau kekangan operasi semasa banjir terdahulu.
 - Pelaksanaan cadangan pembaikan melibatkan komunikasi, sistem amaran awal, pengurusan mangsa dan pemulihan pasca-banjir serta bantuan kepada mangsa yang terjejas.

2. Sistem Amaran Awal

- a. Ramalan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia;

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

- b. Menggunakan teknologi seperti siren amaran awal banjir dan pemantauan aras sungai melalui kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS);
- c. Maklumat amaran disebarkan melalui siren, mesej SMS, media sosial, dan aplikasi mudah alih.

3. Pengurusan Infrastruktur

- a. Kerajaan Negeri bersama agensi persekutuan menaik taraf sistem saliran, mendalamkan sungai, membina tebatan banjir bagi daerah-daerah berisiko banjir;
- b. Kerajaan Negeri menekankan kawalan pembangunan yang ketat di kawasan berisiko banjir bagi memastikan pembangunan yang dijalankan tidak meningkatkan kerentanan kawasan tersebut terhadap bencana.

4. Latihan dan Simulasi

- a. Melaksanakan latihan simulasi banjir secara berkala bersama agensi seperti APM, BOMBA, dan NGO untuk menguji kesiapsiagaan operasi dan komunikasi;
- b. Pada penghujung bulan Mei 2025, satu bengkel sebagai inisiatif tambahan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri yang mana melibatkan pembangunan SOP dan Modul Pengurusan Bencana di Peringkat Negeri Johor yang diharapkan akan digunakan untuk Monsun Timur Laut yang akan datang sebagai suatu langkah penambahbaikan di dalam proses pengurusan bencana Johor.

5. Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

- a. PPS dikenal pasti lebih awal dan dilengkapi dengan kemudahan asas, makanan, tempat tidur (cubical tent), air bersih, serta keperluan kesihatan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses penginapan di PPS oleh mangsa;
- b. Sistem pendaftaran QR Code dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mempercepatkan urusan pendaftaran dapat dilaksanakan.

Jenis Bantuan Segera untuk Mangsa Banjir

1. Bantuan Keperluan Asas

- Makanan, pakaian, tuala wanita, lampin bayi, kit kebersihan, dan air minuman dibekalkan segera di PPS.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

2. Bantuan Kewangan

- Bantuan wang tunai secara one-off melalui agensi seperti NADMA, atau kerajaan negeri bagi membantu mangsa memulakan semula kehidupan. Untuk rekod bantuan one-off sebanyak RM3000 telah diberikan kepada setiap ketua isi rumah (kir) yang terlibat di dalam MTL2024/2025 yang lalu melibatkan peruntukan melalui dana Nadma, Tabung Bencana Negeri, Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor serta anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Johor.

3. Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan dan Psikososial

- Klinik kesihatan bergerak, pemeriksaan kesihatan percuma, serta sokongan kaunseling disediakan di PPS.

4. Bantuan Logistik

- Pengangkutan dan bot disediakan untuk pemindahan mangsa serta pengedaran bantuan ke kawasan terjejas.

5. Pembersihan Pasca Banjir

- Operasi gotong-royong melibatkan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, sukarelawan, dan NGO untuk membersihkan kediaman, sekolah, serta tempat awam. Peranan sukarelawan Southern Volunteers di dalam kerja-kerja pasca bencana bagi tahun 2024/25 telah dilaksanakan bagi memulihkan kawasan-kawasan yang terjejas.
- Kerajaan Negeri juga aktif berkolaborasi dengan NGO dan sektor swasta dalam mengukuhkan kesiapsiagaan komuniti, memperkasakan pendidikan bencana dan mempercepat pemulihan pasca-banjir.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN B178

Berapakah senarai projek jalan, longkang dan landskap yang dijalankan oleh MPBP (Zon 21 dan 22) di Kawasan Senggarang Pada Tahun 2024?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Bilangan projek landskap bagi Tahun 2024 yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) meliputi kerja-kerja penyelenggaraan pokok teduhan dan juga pokok renek/pagaran. Selain itu, projek pengindahan landskap Pekan Senggarang juga telah dilaksanakan, melibatkan penanaman pokok pagaran di pinggiran jalan utama dengan penglibatan bersama pihak pemaju dan MPBP. Projek pengindahan landskap akan dilaksanakan secara berperingkat selaras Pelan Induk Landskap MPBP (2023-2033) dengan mengambil kira keupayaan peruntukan semasa.

Di samping itu, bilangan projek jalan dan longkang yang dijalankan oleh MPBP bagi Zon 21 dan Zon 22 adalah sebanyak 8 projek. Butiran projek adalah seperti berikut :

1. Kerja-kerja Penyelenggaraan Longkang Bagi Tahun 2024 Di Kawasan Senggarang, Rengit Dan Sekitarnya.
2. Kerja-kerja Membekal Dan Mengecat Semula Garisan Jalan Di Kawasan Batu Pahat Serta Kerja-kerja Berkaitan.
3. Kerja-kerja Membekal Dan Memasang Papan Tanda Jalan Di Kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat Serta Kerja-kerja Berkaitan.
4. Kerja-kerja Membina Bonggol Jalan (*Hump*) Di Sekitar Kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat Serta Kerja-kerja Berkaitan.
5. Kerja-kerja Membaikpulih Longkang Di Taman Banang Jaya Dan Taman Evergreen Height Serta Kerja-kerja Berkaitan (Zon 21).
6. Kerja-kerja Membaikpulih Longkang Di Taman Bestari, Taman Sri Senggarang, Taman Senggarang Damai Dan Pekan Senggarang Serta Kerja-kerja Berkaitan (Zon 22).
7. Kerja-kerja Membaikpulih Longkang Di Lorong Belakang Jalan Gemilang 3/1 Dan Lorong Belakang Jalan Bukit Flora 2/3 Serta Kerja-kerja Berkaitan.
8. Kerja-kerja Membaikpulih Pondok Bas Di Sekitar Kawasan Batu Pahat Serta Kerja-kerja Berkaitan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN B179

Senaraikan kerja-kerja penurapan jalan bagi jalan JKR Negeri dan Jalan Raya Persekutuan di bawah seliaan JKR di kawasan Senggarang bagi tahun 2024 berserta kos penyelenggaraan tersebut.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sebagaimana Ahli Dewan sedia maklum, Terdapat (2) dua laluan utama di bawah seliaan JKR iaitu Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan. Laluan bagi Jalan Persekutuan di bawah ADUN Senggarang melibatkan Jalan FT005 Jalan Johor Bahru – Melaka bermula dari Seksyen 100.00-118.00. Berikut adalah senarai kerja-kerja turapan jalan bagi tahun 2024 di bawah kawasan ADUN Senggarang:-

BIL	NO. LALUAN	SEKSYEN	PANJANG (LANE .KM)	PERIHAL KERJA	KOS TERMASUK SST (RM)
1	FT005	99.50-102.90	4.3	Reconstruction, Overlay 50 Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan	RM 1,940,861.75
2	FT005	103.10-107.40	5.5	Reconstruction, Overlay 50 Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan	RM 2,769,677.00
3	FT005	108.10-111.80	3.0	Mill & Pave 50, Reconstruction Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan	RM 1,753,327.34
4	FT005	114.30-114.40	0.4	Reconstruction Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan	RM 239,343.50
5	FT005	114.60-115.10	1.2	Overlay 50 Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan	RM 176,246.88
Jumlah Keseluruhan					RM 6,879,456.46

Manakala laluan bagi Jalan Negeri bawah ADUN Senggarang melibatkan Jalan Minyak Beku (J17), Jalan Bukit Batu (J127) dan Jalan Pt Hamid/ Pt Botak (J9). Berikut adalah senarai kerja-kerja turapan yang telah siap sepenuhnya bagi tahun 2024 di bawah kawasan ADUN Senggarang:-

SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025

BIL	TAJUK KERJA	KOS
1	Kerja-Kerja 'Mill & Pave SFM' & kerja Berkaitan Dari Seksyen 0.00 Hingga 8.71 (secara berpilih) Di Jalan Minyak Beku (J17), Daerah Batu Pahat Tahun 2024	2,000,000.00
2	Kerja-Kerja 'Regulated & Resurface' Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Seksyen 1.50 - 2.32 Di Jalan Bukit Batu (J127), Daerah Batu Pahat Tahun 2024	300,000.00
3	Kerja-Kerja 'Resurface' Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Seksyen 2.90– 3.20 Di Jalan Minyak Beku (J17), Daerah Batu Pahat Tahun 2024	100,000.00
4	Kerja-Kerja 'Reconstruction Resurface' & Kerja-Kerja Berkaitan Di Seksyen 12.50 - 12.80 Dan Seksyen 19.70 - 20.00, Jalan Pt.Hamid / Pt.Botak (J9), Daerah Batu Pahat Tahun	500,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		2,900,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**SOALAN B180**

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menangani hakisan pantai di kawasan Senggarang? Kerana pada ketika ini sedang berlaku hakisan yang ketara terhadap hakisan pantai di Pantai Parit Hylam, Parit Botak dan Sri Pantai?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Senggarang, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan langkah proaktif bagi menangani isu hakisan pantai yang semakin kritikal di kawasan Senggarang, khususnya di Pantai Parit Hylam, Parit Botak dan Sri Pantai.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan Projek Pembinaan dan Pembaikan Ban Pantai melibatkan lima lokasi utama melibatkan Pantai Skim Tampok, Pantai Skim Rengit, Pantai Skim Minyak Beku, Pantai Skim Peserai dan Pantai Skim Senggarang di Daerah Batu Pahat, Johor. Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada suku ke empat tahun 2027.

Selain daripada pelaksanaan projek pembinaan dan pembaikan ban pantai yang telah pun dimulakan di kawasan Senggarang, Kerajaan Negeri turut melaksanakan beberapa inisiatif sokongan jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani isu hakisan pantai secara holistik.

a. Pemuliharaan Zon Penampan Bakau

Usaha penanaman semula pokok bakau di kawasan terhakis sedang digiatkan melalui kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan komuniti setempat. Pokok bakau berperanan sebagai benteng semula jadi yang menyerap tenaga gelombang ombak, mengurangkan hakisan pantai serta membantu menstabilkan struktur tanah di zon pesisir.

b. Pemantauan dan Pemetaan Kawasan Risiko Hakisan

JPS dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) sedang melaksanakan pemetaan kawasan pesisir berisiko tinggi, termasuk Senggarang, untuk mengemas kini keutamaan tindakan. Kajian ini akan menyumbang kepada pembangunan Pelan Pengurusan Pesisir Negeri Johor yang lebih tersusun. Untuk makluman juga, JPS menerusi Bahagian Pengurusan Zon Pantai JPS Malaysia sedang dalam pelaksanaan kerja ukur tanah pada kawasan persisir pantai dan pulau-pulau di sepanjang persisir pantai barat di Johor termasuk daerah Batu Pahat. Maklumat ukur ini diperlukan bagi penyediaan kajian ISMP Johor - Pantai Barat (kajian semula) yang akan dilaksanakan kelak.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
MULAI PADA HARI JUMAAT, 16 MEI 2025 HINGGA 26 MEI 2025**

c. Libat Urus Komuniti & Kesedaran Awam

Penduduk tempatan dan komuniti pesisir dilibatkan dalam aktiviti gotong-royong, pemantauan hakisan pantai, serta program kesedaran hakisan pantai melalui kerjasama agensi seperti Pejabat Daerah, PBT dan NGO.

d. Penguatkuasaan & Garis Panduan Guna Tanah Pantai

Pihak berkuasa tempatan dan Pejabat Tanah sedang memperketat garis panduan pembangunan berhampiran pantai bagi mengelakkan gangguan kepada struktur semula jadi dan mempercepatkan hakisan. Terdapat beberapa garis panduan guna tanah pantai diantaranya adalah Garis Panduan JPS 1/97 Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai, Garis panduan penyediaan kajian hidraulik kejuruteraan panta dan penilaian impak serta Kajian Hakisan Pantai Negara (NCES) 2015. Melalui garis panduan ini, penggerak bagi sesuatu projek perlu melaksanakan kajian hidraulik bagi memastikan pembangunan projek tidak mengancam keseimbangan proses semulajadi di kawasan pantai yang boleh menyebabkan hakisan pantai, pemendapan muara sungai, kerosakan ekologi laut /sistem akuakultur dan pencemaran air. Selain dari itu, garis panduan ini juga mengenalpasti bahawa had anjakan pembangunan – 400 meter bagi pantai berlumpur yang terdapat paya bakau diukur dari pinggir laut ‘seaward edge’ paya/hutan bakau. Manakala had anjakan pembangunan di kawasan pantai berpasir:

- i. 60 meter dari garisan air pasang perbani (Mean High Water Spring, MHWS) untuk pantai yang mengalami hakisan kategori 1 (kritikal);
- ii. 30 meter dari garisan air pasang perbani (Mean High Water Spring, MHWS) untuk pantai yang mengalami hakisan kategori 2 (signifikan);
- iii. 20 meter dari garisan air pasang perbani (Mean High Water Spring, MHWS) untuk pantai yang mengalami hakisan kategori 3 (belum serius).

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri memandang serius isu hakisan pantai bukan hanya sebagai cabaran fizikal semata-mata, tetapi sebagai ancaman terhadap keselamatan rakyat, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan ekonomi komuniti pesisir. Justeru itu, pendekatan yang dilaksanakan adalah bersifat menyeluruh dan berfasa, merangkumi tindakan teknikal, pemulihan ekologi, pengukuhan dasar serta libat urus komuniti, selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk melindungi kepentingan rakyat Johor secara berterusan.